

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan
Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan
Baitulmal Di Malaysia Fasa 3, 2018
(Zon 3)

Disediakan Untuk

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

31 Januari 2019

Volum 1, 2019

[ISBN 978-967-0601-12-0]

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN.....	i
SENARAI JADUAL.....	vii
SENARAI KERANGKA KERJA	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI RINGKASAN.....	x
RINGKASAN EKSEKUTIF	xii
PENGHARGAAN	xviii
Hak Cipta Terpelihara.....	xx
Penafian	xx
BAB SATU	1
Pengenalan.....	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Objektif Kajian.....	2
1.2 Struktur Laporan	3
BAB DUA.....	5
LATAR BELAKANG INSTITUSI	5
2.0 PENGENALAN.....	5
2.1 TADBIR URUS INSTITUSI WZB	5
2.2 RINGKASAN OPERASI PERAKAUNAN INSTITUSI WZB	7
2.3 RUMUSAN.....	10
BAB TIGA.....	11
SOROTAN KARYA	11
3.0 PENGENALAN.....	11
3.1 ISLAM DAN AKAUNTABILITI	11
3.2 KONSEP DAN DEFINISI HASIL, BELANJA DAN LIABILITI DARI PERSPEKTIF KONVENSIONAL DAN ISLAM	15
3.2.1 Definisi Hasil	15
3.2.2 Definisi dan Konsep Belanja.....	19
3.2.3 Definisi dan Konsep Liabiliti	22
3.3 PENGIKTIRAFAN DAN PENGUKURAN	23

3.3.1 Pengiktirafan dan Pengukuran bagi Hasil.....	23
3.3.2 Pengiktirafan dan Pengukuran bagi Belanja.....	26
3.3.3 Pengiktirafan dan Pengukuran bagi Liabiliti.....	27
3.4 PENDEDAHAN DAN PELAPORAN	28
3.4.1 Ciri-ciri Kualitatif Asas (Fundamental Qualitative Characteristic)	28
3.4.2 Ciri-ciri Kualitatif Penambahbaikan (Enhancing Qualitative Characteristic).....	28
3.4.3 Pendedahan dan Pelaporan Menurut Maqasid Syariah.....	30
BAB EMPAT.....	32
KAEDAH PENYELIDIKAN	32
4.0 Pengenalan	32
4.1 Objektif dan Persoalan Kajian	32
4.2 Metodologi Kajian	34
4.2.1 Objektif Kajian Pertama.....	34
4.2.2 Objektif Kajian Kedua	36
4.2.3 Objektif Kajian Ketiga.....	37
4.2.4 Objektif Kajian Keempat	39
4.3 RUMUSAN.....	39
BAB LIMA	40
AMALAN SEMASA PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN – PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN DAN PENDEDAHAN HASIL, BELANJA DAN LIABILITI INSTITUSI WZB DI MALAYSIA	40
5.0 PENDAHULUAN	40
5.1 MPSAS 23: HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN (cUKAI DAN PINDAHAN)	41
5.1.1 Jenis-jenis Hasil	41
5.1.2 Pengiktirafan dan Pengukuran	44
5.1.3 Pendedahan dan Pelaporan.....	48
5.2 MPSAS 9: HASIL DARIPADA URUSNIAGA PERTUKARAN.....	50
5.2.1 Jenis-Jenis Hasil.....	51
5.2.2 Pengiktirafan dan Pengukuran	53
5.2.3 Pendedahan dan Pelaporan.....	54
5.3 MPSAS 4: KESAN PERTUKARAN KADAR PERTUKARAN ASING	56
5.3.1 Transaksi Matawang Asing.....	56
5.3.2 Pengiktirafan.....	57
5.3.3 Pengukuran	57
5.3.4 Pendedahan dan Pembentangan	58
5.4 MPSAS 5: KOS PINJAMAN	59
5.5 MPSAS 11: KOS PEMBINAAN.....	61

5.6 MPSAS 19: PERUNTUKAN, LIABILITI LUAR JANGKA DAN ASET LUAR JANGKA ...	61
5.6.1 Liabiliti/aset Luar Jangka.....	61
5.6.2 Pengukuran dan Pengiktirafan	61
5.6.3 Pendedahan dan Pelaporan.....	61
5.7 MPSAS 25: MANFAAT PEKERJA.....	62
5.7.1 Transaksi manfaat pekerja	62
5.7.2 Pengiktirafan.....	63
5.7.3 Pengukuran	64
5.7.4 Pendedahan dan Pelaporan.....	64
5.8 MPSAS 28, 29 & 30: INSTRUMEN KEWANGAN.....	67
5.8.1 Kewujudan aktiviti berkaitan instrumen kewangan.....	67
5.8.2 Pengiktirafan.....	67
5.8.3 Pengukuran	68
BAB ENAM.....	71
KEPERLUAN SYARIAH DAN PENGUKUHAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL BAGI PELAPORAN KEWANGAN – PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN DAN PENDEDAHAN HASIL, BELANJA DAN LIABILITI INSTITUSI WZB DI MALAYSIA	71
6.0 PENGENALAN.....	71
6.1 KONSEP HASIL DALAM ISLAM	71
6.1.1 Ciri-ciri Hasil/Keuntungan.....	72
6.2 KONSEP BELANJA DALAM ISLAM	74
6.2.1 Pandangan Islam Tentang Cara Membelanjakan atau Memanfaatkan Harta.....	75
6.3 KONSEP LIABILITI DALAM ISLAM.....	76
6.4 PERAKAUNAN WAKAF DAN HUKUM FIQAH.....	77
6.4.1 Rangka Umum: Tautan Antara Fiqah dan Perakaunan.....	77
6.4.2 Asas-asas Perakaunan Atas Penggunaan dan Penggantian Harta Wakaf Mengikut Hukum- hukum Fiqah	87
6.4.3 Kesimpulan Tentang Perakaunan Wakaf dan Hukum Fiqah	90
6.5 KESAN PERUBAHAN MATAWANG ASING.....	92
6.6 KOS PINJAMAN	93
6.6.1 Larangan Riba.....	94
6.6.2 Fatwa Pengharaman Riba.....	95
6.7 HASIL DARI URUSNIAGA PERTUKARAN.....	96
6.8 HASIL DARI URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN.....	96
6.8.1 Wakaf Tunai.....	96
6.8.2 <i>Istibdal</i>	98
6.9 KONTRAK PEMBINAAN	99
6.10.1 Harta Zakat.....	99

6.10.2 Harta Wakaf.....	100
6.11 MANFAAT PEKERJAAN.....	101
6.11.1 Hak ‘Amil berkaitan Harta Zakat.....	101
6.12 CADANGAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL.....	102
6.12.1 MAIN Sebagai Pemegang Amanah Tunggal.....	103
6.13 RUMUSAN.....	104
BAB TUJUH.....	106
BATASAN PERUNDANGAN - PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN DAN PENDEDAHAN HASIL, BELANJA DAN LIABILITI INSTITUSI WZB DI MALAYSIA	106
7.0 PENGENALAN.....	106
7.1 AKTA-AKTA/ ENAKMEN BERKAITAN DENGAN PENTADBIRAN HARTANAH WZB	106
7.1.1 Pemerhatian Awal: Pertembungan Bidang Kuasa dan Kerahsiaan Maklumat	107
7.1.2 Kewujudan dan Keluwesan Ruang Peruntukan	111
7.1.3 Cerapan ringkas: Kekangan dan kewujudan ruang.....	113
7.2 IMPLIKASI TERHADAP PERAKAUNAN.....	113
7.2.1 Penggunaan Wakaf Tunai Untuk Mendirikan Struktur.....	114
7.2.2 Pematuhan Kepada Amalan Terbaik Dalam Pengagihan Zakat	117
7.2.3 Sifat Janji/Kontrak <i>wa’ad</i> untuk Pengagihan Zakat.....	124
7.3 RUMUSAN.....	125
BAB LAPAN.....	126
CADANGAN PEMBANGUNAN PIAWAIAN PERAKAUNAN - PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN DAN PENDEDAHAN HASIL, BELANJA DAN LIABILITI INSTITUSI WZB DI MALAYSIA	126
8.0 PENDAHULUAN	126
8.1 PERAKAUNAN DANA (FUND ACCOUNTING).....	127
8.2 KONSEP BAITULMAL	128
8.3 LAYANAN PERAKAUNAN WAKAF: AKTIVITI UTAMA.....	129
8.3.1 Pengiktirafan Aset Wakaf	129
8.3.2 Pengukuran Perakaunan Wakaf	129
8.3.3 Pelaporan dan Pendedahan dalam Wakaf	131
8.4 ASAS-ASAS PERAKAUNAN ATAS HARTA WAKAF DALAM MENJAGA KESINAMBUNGAN	131
8.4.1 Asas-asas Perakaunan bagi Harta Wakaf yang digunakan Manfaatnya dan Bukan Hasilnya	132
8.5 ASAS-ASAS PENYEDIAAN PERUNTUKAN PENGGANTIAN HARTA WAKAF	132
8.5.1 Asas Perakaunan Atas Inflasi Harta Wakaf	133
8.6 CADANGAN KHUSUS BERKAITAN PEMULIHAN DAN PENYELENGGARAAN .	133
8.6.1 Asas-asas Perakaunan Kos Pemulihan dan Penyelenggaraan Harta Wakaf	133

8.6.2	Kaedah Perakaunan Kos Pemulihan dan Penyelenggaraan Harta Wakaf.....	134
8.7	CADANGAN PENYEDIAAN PERUNTUKAN SUSUT NILAI ASET WAKAF.....	135
8.7.1	Asas-asas Perakaunan Bagi Pembentukan Peruntukan Aset Wakaf.....	135
8.7.2	Kaedah Perakaunan Kos Susut Nilai Aset Wakaf.....	135
8.7.3	Penyediaan Peruntukan bagi Mengganti Aset Wakaf.....	136
8.7.4	Pendedahan tentang Susut Nilai Harta Wakaf dalam Laporan Kewangan	137
8.8	KESIMPULAN PADA CADANGAN UMUM	137
8.9	MPSAS 23 & MPSAS 9: HASIL DARI URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN DAN PERTUKARAN.....	138
8.9.1	Pengenalan	138
8.9.2	Hasil dari Urusniaga Bukan Pertukaran.....	139
8.9.3	Hasil dari Urusniaga Pertukaran	144
8.10	MPSAS 4: KESAN PERUBAHAN MATAWANG ASING	147
8.10.1	Pengiktirafan dan Pengukuran	148
8.10.2	Pengiktirafan perbezaan terjemahan	149
8.10.3	Pertukaran “Functional Currency”	149
8.10.4	Terjemahan Operasi Luar Negara	149
8.10.5	Pelupusan operasi luar negara.....	150
8.10.6	Pendedahan dan Pelaporan.....	150
8.10.7	Pengiktirafan dan Pengukuran yang tidak merujuk secara langsung kepada MPSAS 4..	151
8.11	MPSAS 5: KOS PINJAMAN	155
8.11.1	Pengiktirafan dan Pengukuran	156
8.11.2	Pendedahan Dan Pelaporan.....	156
8.12	MPSAS 11: KOS PEMBINAAN.....	156
8.13	MPSAS 19: PERUNTUKAN, LIABILITI LUAR JANGKA & ASET LUAR JANGKA.....	156
8.13.1	Pengiktirafan dan Pengukuran	157
8.13.2	Pendedahan dan Pelaporan.....	158
8.14	MPSAS 25: MANFAAT PEKERJA.....	158
8.14.1	Pengiktirafan dan Pengukuran	158
8.14.2	Pendedahan dan Pelaporan.....	158
8.15	MPSAS 27 & 28: INSTRUMEN KEWANGAN	159
8.15.1	Pengiktirafan dan Pengukuran	159
BAB SEMBILAN.....		160
RUMUSAN, LIMITASI DAN HALATUJU PENYELIDIKAN		160
9.0	Pengenalan	160
9.1	Rumusan	160
9.2	Limitasi	163
9.3	Halatuju Penyelidikan.....	165

9.5	Isu berbangkit.....	166
9.5.1	Zakat	166
9.5.2	Wakaf.....	167
9.5.3	Baitulmal.....	167
RUJUKAN.....		169

3 SENARAI JADUAL

Jadual	Item	Mukasurat
Jadual 2.1	Ringkasan Tadbir Urus Institusi <i>WZB</i>	6
Jadual 2.2	Ringkasan Pentadbiran dan Perakaunan Institusi <i>WZB</i>	8
Jadual 2.3	Ringkasan Tadbir Urus Kumpulan Wang Zon 3	9
Jadual 4.1	Objektif Kajian dan Persoalan Kajian	33
Jadual 4.2	Tarikh dan Pegawai yang Ditemu bual	35
Jadual 5.1	Senarai Hasil bagi Urusniaga Bukan Pertukaran di MAIN	42
Jadual 5.2	Ringkasan Pendedahan dan Pelaporan Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran di MAIN	48
Jadual 5.3	Senarai Hasil bagi Urusniaga Pertukaran di MAIN	51
Jadual 5.4	Ringkasan Pendedahan dan Pelaporan Hasil Urusniaga Pertukaran di MAIN	54
Jadual 5.5	Ringkasan Kewujudan Transaksi, Pengiktirafan dan Pengukuran, dan Pendedahan dan Pelaporan Kesan Perubahan Kadar Tukaran Matawang	59
Jadual 5.6	Ringkasan Kewujudan Transaksi, Pengiktirafan dan Pengukuran, dan Pendedahan dan Pelaporan Manfaat Pekerja	66
Jadual 5.7	Ringkasan Kewujudan Transaksi, Pengiktirafan dan Pengukuran, dan Pendedahan dan Pelaporan Instrumen Kewangan	70

SENARAI KERANGKA KERJA

Kerangka Kerja	Item	Mukasurat
6.9	Cadangan Kerangka Kerja Konseptual	104

SENARAI RAJAH

Rajah	Item	Mukasurat
6.1	Fungsi dan Peranan MAIN Terhadap Harta WZB	104
7.1	Agihan Produktif dan Konsumtif	121
8.1	Baitulmal Sebagai Institusi	128
8.2	Baitulmal Sebagai Kumpulan Wang	128

SENARAI RINGKASAN

RINGKASAN	KETERANGAN
AAOIFI	Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions
AGD	Jabatan Akauntan Negara
ANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
APT	Akta Pengambilan Tanah
FV	Nilai Saksama
HP	Hartanah Pelaburan
IA	Aset Tidak Ketara
IAS	International Accounting Standards/ Piawaian Perakaunan Antarabangsa
IASB	International Accounting Standards Board/ Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa
IDB	Islamic Development Bank
IFA	Islamic Fiqh Academy
IFRS	International Financial Reporting Standards
IP	Hartanah Pelaburan
IPSAS	International Public Sector Accounting Standards Board
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWHAR	Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KTN	Kanun Tanah Negara
KW	Kumpulan Wang
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MASB	Malaysian Accounting Standards Board / Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MFRS	Malaysian Financial Reporting Standards

MUIP	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
MPERS	Malaysian Private Entities Reporting Standard
MPSAS	Malaysia Public Sector Accounting Standard/ Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
OIC	Organisation of Islamic Cooperation
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PKZ	Pusat Kutipan Zakat
PPE	Hartanah, Loji dan Peralatan
PPZ	Pusat Pungutan Zakat
PTN	Pegawai Tadbir Negeri
UIA / IIUM	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
WZB	Wakaf, Zakat dan Baitulmal

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengantar

Tumpuan terhadap isu berkaitan dengan institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal sebagai institusi alternatif dalam penjanaaan harta umat Islam dilihat semakin meluas. Ianya bukan sahaja terhad kepada bidang kajian akademik. Malah ianya mencakupi penglibatan pihak kerajaan, badan-badan kerajaan, badan korporat dan juga masyarakat umum. Di Malaysia institusi-institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal (selepas ini dinyatakan sebagai Institusi WZB) adalah dibawah pentadbiran badan berkanun negeri iaitu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaras dengan peruntukan undang-undang Malaysia. Secara strukturnya, Institusi WZB dilihat seolah-olah seperti sektor awam. Namu, jika diamati dengan lebih teliti, terdapat perbezaan unik pada ciri-ciri pengurusannya yang menggesa kita untuk melabelkan institusi ini sebagai kategori berbeza dari institusi awam. Bertitik tolak dari penelitian tersebut, satu perakaunan yang berbeza yang berlandaskan Islam perlu dibangunkan. Dengan usaha ini, bukan sahaja setiap kegiatan dan khidmat yang dilakukan di institusi tersebut dikira patuh Syariah, amalan perakaunan juga dikira perlu untuk menepati ciri-ciri keIslamannya.

Amalan dan kaedah perakaunan yang sedikit berbeza antara satu institusi WZB dengan institusi yang sama di negeri berbeza menuntut kita untuk mencapai satu titik temu agar perbezaan pelaporan dan perakaunan tidak terlalu ketara. Kita perlu jelaskan bahawa memang terdapat perbezaan yang berpunca dari beberapa sebab seperti kelainan transaksi, perbezaan keputusan majlis fatwa negeri dan juga amalan tradisi yang telah diwarisi sejak sekian lama. Perbezaan ini perlu diraikan kerana kemungkinan terdapat kekangan tertentu yang tidak boleh atau agak sukar untuk dilaksanakan secara serta merta. Menyedari perkara ini, terdapat keperluan untuk menyeimbangi antara keperluan penyeragaman dan meraikan perbezaan. Oleh itu usaha untuk membangunkan garis panduan yang boleh menjadi rujukan buat institusi WZB menjadi satu keperluan. Kajian ini dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui Institut Perakaunan Negara (IPN) bersama tiga buah universiti awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Ianya dijadualkan berlangsung dalam 4 fasa. Fasa 1 (2016) memberi tumpuan pada isu pendedahan secara umum manakala Fasa 2 (2017) memfokuskan pada item-item spesifik berkaitan aset. Pada Fasa 3 ini (2018) item

spesifik berkaitan liabiliti dan hasil pula menjadi tumpuan kajian. Fasa 3 ini meliputi 10 MPSAS berkaitan Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing; Kos Pinjaman; Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran; Kontrak Pembinaan; Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka; Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan); Manfaat Pekerja dan Instrumen Kewangan (Persembahan, Pengiktirafan dan Pengukuran, Pendedahan). Akhir sekali Fasa 4 (2019) menumpukan kepada isu pendedahan dan pelaporan bagi institusi WZB – “the big picture” (Penyata Kewangan Berasingan; Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan; Pendedahan Pihak Berkaitan; Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Kerajaan; Persembahan Maklumat Belanjawan Dalam Penyata Kewangan; Penyata Kewangan Disatukan; Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama; Pengaturan Bersama dan Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain.

Objektif Kajian

Objektif Kajian Fasa 3 ini adalah ditetapkan sebagai kesinambungan kepada Fasa 1 dan Fasa 2. Empat objektif kajian telah dibentuk berdasarkan kepada perbincangan dengan pihak yang berkaitan. Objektif pertama adalah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan WZB oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri. Bagi mencapai kajian ini rujukan umum ke atas Piawaian Perakaunan Sektor Awam (*Malaysian Public Sector Accounting Standards [MPERS]*) telah dibuat dan seterusnya digunakan untuk menganalisa penyata tahunan MAIN yang terlibat. Maklumat ini juga akan digunakan sebagai input dalam membuat cadangan kepada Jabatan Akauntan Negara untuk tujuan pembangunan Piawaian Perakaunan Islam untuk institusi WZB. Objektif kedua adalah untuk mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB. Kajian awal pembangunan Kerangka Kerja Konseptual telah dijalankan dalam Fasa 1 dan dicadangkan agar dijadikan sebagai panduan atau kerangka dalam pembangunan Piawaian Perakaunan Islam yang dimaksudkan. Fasa 3 ini meneruskan pencarian maklumat atau penjelasan yang lebih terperinci mengenai elemen-elemen penting kerangka berkenaan.

Objektif ketiga pula adalah bertujuan untuk mengenalpasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijmak Ulama dan Qias) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi WZB. Kajian Fasa 3 ini lebih menjurus kepada sebarang keperluan Syariah berkaitan dengan hasil, perbelanjaan dan liabiliti serta menganalisa batasan-batasan undang-undang sivil yang berkemungkinan

akan memberi kekangan keatas perakaunan Islam. Manakala objektif kajian keempat adalah bertujuan untuk mencadangkan maklumat yang relevan sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi WZB yang memenuhi keperluan Syariah dan perundangan sivil

Memandangkan pada masa ini terdapat limitasi dari segi Piawaian Perakaunan Islam yang boleh digunapakai di dunia amnya dan di Malaysia khususnya, maka amatlah penting keempat objektif kajian ini dicapai. Sebagai kajian perintis, hasil kajian ini dapat mengorak langkah kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB.

Metodologi Kajian

Sepertimana kajian Fasa 1 dan Fasa 2, Fasa 3 juga mengguna pakai kaedah triangulasi di mana pengumpulan data dijalankan melalui temu bual dan perbincangan kumpulan fokus dan semakan dokumen. Kombinasi data yang diperolehi melalui temu bual dan perbincangan kumpulan focus (contohnya data primer) dan semakan dokumen (contohnya data sekunder) digunakan untuk mengukuhkan kerangka kerja konseptual dan pembangunan perakaunan Islam WZB. Bagi data sekunder pula, kajian Fasa 3 ini telah membuat semakan ke atas Penyata Kewangan MAIN bagi tahun 2016, Al- Quran, Hadis, Ijmak, Qias, perundangan Syariah Negeri serta perundangan sivil yang berkaitan, buku serta artikel ilmiah. Pendekatan yang sama juga telah dijalankan ke atas entiti yang diberi kuasa oleh MAIN, yang telah dijadikan sumber data.

Sampel kajian untuk Zon 3 terdiri daripada 4 MAIN; iaitu Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu dan Pahang serta entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN berkenaan dalam mentadbirkan WZB. Untuk mendapatkan hasil yang konstruktif khususnya dalam pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam, kajian telah mengguna pakai dua kaedah pengumpulan data; iaitu metodologi yang bersandarkan kepada pandangan Imam As- Syatibi (Maqasid al-Syariah), sementara dari segi teknikal berdasarkan pandangan Imam As- Sayuti (Ashbahwa an-Nazair) dan kaedah pengumpulan data berpandukan kepada '*generic inquiry method*'. Berdasarkan kedua-dua kaedah ini, pengumpulan data secara temuduga menjadi keutamaan bagi mendapatkan kesahihan lakaran Kerangka kerja Konseptual yang dicadangkan, yang melibatkan pakar-pakar muamalat, Syariah dan ekonomi/kewangan Islam. Kajian juga melibatkan wakil-wakil Institusi WZB serta pakar-pakar kewangan dan perakaunan Islam bagi mendapatkan pandangan mereka dalam

mengenalpasti dan mengesahkan perakaunan dan pelaporan hasil, perbelanjaan dan liabiliti yang patuh Syariah.

Hasil Kajian

Perbincangan mengenai hasil kajian ini memberi penumpuan kepada hasil, perbelanjaan dan liabiliti WZB. Walaubagaimanapun adalah penting untuk diambil perhatian bahawa MAIN telah menggunakan perakaunan dana atau kumpulan Wang (*fund accounting*) yang membolehkan perakaunan berasingan bagi setiap KW, iaitu KW Wakaf KW Zakat dan KW baitulmal atau Sumber Am.

Secara umumnya, tidak banyak perbezaan yang perlu dilakukan berbanding MPSAS sedia ada. Sebagai contoh isu berkaitan Kesan Perubahan matawang asing; Hasil urusniaga pertukaran; Peruntukan, Liabiliti luar jangka; Manfaat pekerja tidak mempunyai perbezaan ketara dengan piawaian perakaunan MPSAS. Ini mungkin disebabkan MPSAS itu sendiri tidak dibangunkan berasaskan keuntungan. Terdapat juga MPSAS yang tidak relevan seperti Kos Pinjaman dan Kontrak Pembinaan kerana MAIN secara amnya tidak digalakkan atau tidak dibenarkan untuk meminjam. Manakala Kontrak pembinaan tidak terpakai dalam konteks MAIN kerana MAIN tidak terlibat sebagai kontraktor pembinaan secara terus. Bagi instrumen kewangan pula, MPSAS yang dirujuk dikira terlalu kehadapan dan MAIN Cuma mempunyai instrumen kewangan yang mudah dan umum (*primary instrument*). Bagi instrument yang dilihat sulit, para ilmuwan fiqah masih lagi belum bersetuju sepenuhnya. Disebabkan ketiadaan penggunaan instrument tersebut di MAIN dan kepelbagaian pendapat dalam *secondary instrument*, kerelevanan MPSAS tersebut dilihat kurang memberi impak. Namun bagi isu hasil dari urusniaga bukan pertukaran, ianya dilihat sebagai isu yang perlu diberikan lebih tumpuan kerana ia mencakupi item penting zakat dan wakaf.

Bagi zakat, isu utama adalah dalam mengakaunkan agihan; sama ada agihan konsumtif atau produktif. Bagi agihan produktif pula, ianya boleh di bahagikan kepada agihan produktif langsung dan agihan produktif *pseudo*. Bagi agihan konsumtif, ianya boleh dikira sebagai item belanja didalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan (*expense-off*). Manakala, bagi agihan produktif *pseudo*, ianya dilihat sesuai untuk dipermodalkan dibawah KW wakaf didalam Penyata Kedudukan Kewangan (*capitalised*). Bagi agihan produktif langsung, bergantung kepada ambang yang ditetapkan, ianya mungkin boleh dilayan sepertimana *musharakah mutanaqisah* – pelepasan pemilikan kepada asnaf secara beransur.

Bagi isu wakaf pula, adalah penting agar wakaf di anggap sebagai item ekuiti dalam memenuhi ciri berkekalan/berkesinambungan wakaf. Bagi wakaf tunai yang mana tujuannya telah dikhaskan untuk pembinaan infrastruktur sejak awal lagi, maka ianya boleh dilayan sebagai item liabiliti (ketika pengumpulan dana). Bagi menangani isu susut nilai harta wakaf, sebahagian ulama' membenarkan susut nilai kerana peruntukan susut nilai itu bersesuaian dengan konsep kesinambungan. Konsep susut nilai dibuat mengambilkira penyusutan nilai disebabkan penggunaan kehauslusuhan. Ia juga dibuat bertujuan agar peruntukan yang disediakan (yakni, tolakan dari hasil) dapat digunakan untuk menanggung modal (*concept of capital maintenance*). Oleh itu peruntukan tersebut disimpan/ditolak bagi tujuan membeli baru (mengganti aset lama). Ini bertepatan dengan konsep berkekalan/berkesinambungan (*perpetuity*) dalam wakaf.

Hasil baitulmal merupakan hasil yang diterima oleh MAIN disebabkan oleh faraid, pemberian dari Pihak Berkuasa Negeri atau perolehan oleh MAIN sendiri. Tiada dapatan yang spesifik mengenai hasil baitulmal. Namun ianya boleh berkait dengan hasil zakat apabila melibatkan pindahan antara kumpulan wang (*interfund transfer*). Jika MAIN kurang selesa menggunakan hasil zakat dalam agihan produktif (sama ada langsung atau *pseudo*), MAIN boleh mengagihkan bantuan dibawah KW Baitulmal (dan bukannya KW Zakat). Jika ini berlaku, agihan tersebut bukan lagi dikira agihan zakat, cuma bantuan baitulmal. Implikasinya, KW Baitulmal dikira berhutang dengan KW Zakat kerana hakikinya duit tersebut datang dari dana zakat. Ianya hanya dipinjamkan kepada dana baitulmal bagi tujuan agihan produktif. Namun pada asasnya, kami mengesyorkan agar MAIN menggunakan dana zakat secara langsung (berbanding membuat pinjaman kepada dana baitulmal dan kemudiannya mengagihkan kepada asnaf)

Dalam mencadangkan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi WZB, penyelidik membuat ketetapan seperti berikut (berdasarkan kepada MPSAS berkaitan hasil dan liabiliti):

1. Item di dalam MPSAS berkaitan yang tidak bercanggah dengan keperluan Syariah akan **dikekalkan** dan dibuat pindaan di mana perlu mengikut ciri-ciri dan aktiviti Institusi WZB.
2. Keperluan Syariah yang tidak terdapat dalam MPSAS berkaitan akan **ditambah**.

3. Item di dalam MPSAS berkaitan yang bercanggah/tidak selari dengan keperluan Syariah akan **dipinda** atau **dikeluarkan**.
4. Item di dalam MPSAS berkaitan yang tidak relevan dengan aktiviti Institusi WZB akan **dikeluarkan**.

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinNya maka projek dan laporan penyelidikan ini telah dapat disiapkan. Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.Bhg Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia, Y Brs. Dr Yacob bin Mustafa, Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Timbalan Akauntan Negara (Korporat), YBhg. Dato' Zamimi bin Awang dan pengurusan atasan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) serta tidak ketinggalan Y.Bhg. Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin, Mantan Akauntan Negara Malaysia yang telah memberi kepercayaan penuh kepada pihak kami untuk menjalankan projek penyelidikan ini dengan pembiayaan sepenuhnya oleh pihak jabatan. Ucapan terima kasih juga kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan JANM, Encik Jafril bin Junit; Pengarah Institut Perakaunan Negara JANM, Encik Abd Hassan Mohamad dan seluruh sekretariat penyelidikan JANM yang telah memimpin dan mengurus projek penyelidikan ini dengan cemerlang, bermula daripada pembangunan rekabentuk kertas cadangan penyelidikan sehinggalah kepada penyediaan laporan penyelidikan ini.

Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua responden daripada 6 entiti yang terdiri daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Pusat Pungutan Zakat WP (PPZ WP) dan Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ Pahang), Bendahari-Bendahari Negeri, Pejabat JANM di Negeri- Negeri berkaitan serta pakar-pakar syariah dan perakaunan yang telah memberikan kerjasama penuh ketika kerja lapangan projek penyelidikan ini dilakukan.

Adalah menjadi harapan kami, maklumat yang terkandung dalam laporan ini dapat membantu JANM membuat keputusan berkaitan dengan pembangunan polisi dan piawaian perakaunan patuh syariah untuk memartabatkan institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia.

Ikhlas Daripada

Pengarah Projek Penyelidikan
Bahagian Pembangunan Perakaunan
dan Pengurusan JANM

Pengurus Projek Penyelidikan
Institut Perakaunan Negara JANM



Kumpulan Penyelidikan



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يُونَيْتِي إِسْلَامُ، إِنْتَارَا إِخْسَا مِلْدِسِيَا

Dr Ahmad Zamri Osman & Husin (Ketua Penyelidik)

Dr Siti Alawiah binti Siraj

Dr Hafiz Majdi bin Abd Rashid

Dr Marhanum binti Che Mohd Saleh

Prof Dr Maliah binti Sulaiman

Dr Nori Yani binti Abu Talib

Hak Cipta Terpelihara

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan universiti-universiti yang terlibat dengan projek penyelidikan ini terlebih dahulu.

Penafian

Penyelidik bertanggungjawab terhadap ketepatan semua pandangan, komen, laporan fakta, data, angka, ilustrasi dan lakaran grafik di dalam laporan ini, dan untuk memeriksa sama ada bahan yang dihantar adalah tertakluk kepada hak cipta atau hak milik. Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti bagi ketepatan apa-apa komen, laporan, maklumat teknikal dan fakta serta tuntutan terhadap hak cipta atau hak milik.

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Kajian-kajian terdahulu mengenai amalan perakaunan dan pelaporan di institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal (WZB) menunjukkan bahawa tahap maklumat yang dikemukakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia adalah kurang memuaskan. Ini menunjukkan tahap akauntabiliti yang diberikan oleh MAIN berada di tahap "kurang daripada mencukupi". Kajian tersebut telah menunjukkan bahawa MAIN perlu untuk mempunyai sistem perakaunan yang sewajarnya, pendedahan maklumat yang lebih baik dan lebih efisien serta pengurusan organisasi yang lebih berkesan dan efisien. Apa yang lebih penting ialah preskripsi spesifik mengenai perakaunan WZB dan jenis maklumat yang harus didedahkan. Untuk tujuan ini, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa dalam menjalankan kajian untuk membangunkan kerangka kerja perakaunan kewangan dan pelaporan serta piawaian perakaunan untuk WZB dan boleh digunapakai oleh semua MAIN sebagai rujukan utama perakaunan dan pelaporan.

Kajian ini bermula sejak tahun 2016, merangkumi 4 fasa untuk tempoh 4 tahun. Fasa 1 memfokuskan kepada aspek pendedahan perakaunan dengan 4 objektif utama. Objektif pertama ialah untuk memeriksa sama ada terdapat jurang di antara amalan perakaunan MAIN (dalam konteks amalan pendedahan) dan peruntukan di dalam MPSAS 1 (Pembentangan Penyata Kewangan), MPSAS 2 (Penyata Aliran Tunai), MPSAS 3 (Dasar Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan) dan MPSAS 6 (Penyatuan dan Penyata Kewangan Berasingan). Objektif kedua ialah untuk membangunkan kerangka kerja konseptual yang diperlukan untuk memaklumkan piawaian perakaunan untuk WZB bagi hal-hal yang berkaitan dengan 4 piawaian ini. Dari rangka kerja konseptual yang baru dibangunkan, objektif ketiga difokuskan untuk memperoleh senarai item yang dianggap penting, relevan dan mematuhi Syariah untuk WZB. Dalam membangunkan senarai tersebut, batasan peruntukan dalam undang-undang sivil, jika ada, telah diambil kira dengan sewajarnya. Akhirnya, piawaian khusus yang berkaitan dengan MPSAS 1, 2, 3 dan 6 yang akan digunakan untuk MAIN dalam perakaunan untuk WZB telah dibangunkan. Pada masa penulisan ini, piawaian tersebut masih di dalam peringkat penggubalan. Fasa 2 pula lebih

menumpukan kepada perakaunan dan pelaporan aset, hartanah dan loji, hartanah pelaburan, harta tidak nyata, inventori, pajakan serta rosotnilai. Manakala Fasa 3 ini memfokuskan kepada perakaunan hasil, perbelanjaan dan liabiliti sepertimana yang diterangkan dengan lebih lanjut di para selepas ini.

1.1 OBJEKTIF KAJIAN

Fasa 3 ini adalah merupakan kesinambungan dari Fasa 2. Kajian di fasa 3 ini secara khususnya akan memberi penumpuan ke atas kriteria-kriteria pengiktirafan dan pengukuran hasil, perbelanjaan dan liabiliti serta maklumat untuk tujuan pendedahan bagi WZB. Secara umumnya Fasa 3 kajian ini akan membuat penelitian atas 10 MPSAS seperti berikut:

- i. MPSAS 4 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing
- ii. MPSAS 5 – Kos Pinjaman
- iii. MPSAS 9 – Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran
- iv. MPSAS 11 – Kontrak Pembinaan
- v. MPSAS 19 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- vi. MPSAS 23 – Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
- vii. MPSAS 25 – Manfaat Pekerja
- viii. MPSAS 28 – Instrumen Kewangan: Persembahan
- ix. MPSAS 29 – Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- x. MPSAS 30 – Instrumen Kewangan: Pendedahan

Sepertimana di Fasa 1 dan Fasa 2, Fasa 3 akan juga mengenalpasti jurang diantara amalan dan peruntukan yang relevan di dalam MPSAS. Fasa 1 tertumpu terutamanya pada aspek persembahan dan pendedahan perakaunan dan fasa 2 menekankan kepada isu berkaitan pengiktirafan dan pengukuran. Fasa 3 pula tidak jauh berbeza dengan Fasa 2, yang mana Fasa 3 ini meneruskan kajian yang disambung daripada Fasa 1 dan 2, namun meliputi 10 MPSAS yang dinyatakan di atas. Oleh itu, kajian Fasa 3 ini mengkaji isu-isu mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan untuk WZB dengan keperluan MPSAS berkaitan, perundangan Syariah dan juga perundangan sivil yang berkuatkuasa pada masa kini. Hasil kajian ini juga akan dibawa ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk tujuan pembangunan piawaian kewangan akauntansi Islam yang berkaitan dengan 10 MPSAS berkenaan yang akan digunapakai oleh semua MAIN di Malaysia bagi tujuan perakaunan WZB.

Empat objektif yang perlu dilaksanakan dalam kajian kali ini ialah seperti berikut:

- i. Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan WZB oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)
- ii. Mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB
- iii. Mengenalpasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijmak Ulama dan Qias) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi WZB
- iv. Mencadangkan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi WZB yang memenuhi keperluan Syariah dan perundangan sivil

1.2 STRUKTUR LAPORAN

Laporan ini akan distrukturkan seperti berikut:

- Bab 1 menggariskan latar belakang kajian, motivasi untuk kajian dan objektif penyelidikan.
- Bab 2 membincangkan latar belakang institusi yang di dalam kajian pembangunan piawaian pelaporan dan pelaporan kewangan Islam WZB.
- Bab 3 memberi tumpuan kepada sorotan literatur termasuklah perbincangan mengenai jentera pentadbiran hal ehwal agama di Malaysia, konsep kebertanggungjawaban perakaunan dan pelaporan kewangan WZB serta kajian terdahulu mengenai perakaunan WZB.
- Bab 4 menerangkan metodologi kajian yang meliputi sorotan literature, semakan dokumen berkaitan dan temubual focus dengan pegawai-pegawai yang berkaitan.

- Bab 5 membincangkan amalan semasa perakaunan dan pelaporan WZB bagi MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP.
- Bab 6 membincangkan Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan yang akan digunakan sebagai asas kepada pembangunan perakaunan dan pelaporan Islam WZB. Perbincangan akan memberi penumpuan kepada hasil, perbelanjaan dan liabiliti yang akan mengukuhkan Kerangka Kerja Konseptual yang telah dibangunkan di Fasa 1.
- Bab 7 membincangkan tentang batasan perundangan sivil yang berkaitan untuk tujuan pembangunan perakaunan dan pelaporan Islam WZB
- Bab 8 mengemukakan cadangan-cadangan berdasarkan amalan semasa perakaunan dan pelaporan, keperluan Syariah dan batasan-batasan undang-undang sivil untuk pembangunan perakaunan dan pelaporan Islam WZB
- Bab 9 membincangkan kesimpulan, batasan dan arah tuju penyelidikan masa hadapan berkaitan dengan WZB.

BAB DUA

LATAR BELAKANG INSTITUSI

2.0 PENGENALAN

Bab kedua ini membincangkan latar belakang institusi-institusi di dalam skop kajian Zon 3 yang terdiri dari negeri Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu dan Pahang. MAIN yang terlibat di dalam kajian ini ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Penerangan ini meliputi tadbir urus institusi WZB dibawah pentadbiran setiap MAIN di negeri masing-masing di dalam Zon 3.

2.1 TADBIR URUS INSTITUSI WZB

Kesemua MAIN di dalam Zon 3 ini iaitu MAIK, MAIDAM dan MUIP kecuali MAIWP adalah entiti yang ditubuhkan oleh enakmen kerajaan negeri masing-masing iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang selari dengan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa sepenuhnya kepada negeri dalam hal ehwal berkaitan dengan Islam. MAIWP, walaubagaimanapun, telah ditubuhkan dibawah Akta 505 Perlembagaan Persekutuan dan ini telah meletakkan MAIWP di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Undang-undang tubuh yang berbeza ini tersebut telah memberi impak ke atas elemen-elemen tadbir urus MAIN berkaitan. MAIWP yang ditubuhkan dibawah Akta 505 Perlembagaan Persekutuan meletakkannya secara langsung di bawah Kerajaan Persekutuan dan lebih spesifik dibawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri (JPM). Seorang menteri khusus telah di tugaskan untuk memantau pentadbiran Islam di Wilayah Persekutuan dan khususnya MAIWP. Manakala MAIK, MAIDAM dan MUIP adalah dibawah pentadbiran negeri masing-masing iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ringkasan mengenai enakmen-enakmen berkaitan dengan MAIN di Zon 3 ini di nyatakan di Jadual 2.1.

Selaras dengan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 3.4.1, Artikel 3(1) meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara, dan dengan itu menjadikan Sultan di setiap negeri bersekutu dan bukan bersekutu sebagai ketua agama Islam termasuklah negeri-negeri

Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kedudukan Sultan sebagai ketua agama Islam secara langsung telah meletakkannya sebagai kuasa tertinggi agama bagi setiap MAIN. Ini adalah kerana MAIN merupakan badan tertinggi agama yang bertanggungjawab menasihati Sultan dalam semua urusan pentadbiran dan pembangunan hal ehwal agama Islam di negeri-negeri berkenaan. Seksyen 5 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991 sebagai contoh, telah menggariskan secara jelas fungsi MUIP untuk menasihati Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan adat resam Melayu kecuali yang berkaitan dengan pentadbiran keadilan.

Jadual 2.1 Ringkasan Tadbir Urus Institusi WZB

ZON 3	KATEGORI INSTITUSI	ENTITI	KUASA TERTINGGI AGAMA	KUASA TERTINGGI PENGURUSAN	UNDANG-UNDANG TUBUH
WILAYAH PERSEKUTUAN	WAKAF	MAIWP	Yang DiPertuan Agong	Ketua Pegawai Eksekutif	Akta 505 – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993
	ZAKAT	PPZ & MAIWP	Yang DiPertuan Agong	Ketua Pegawai Eksekutif	
	BAITULMAL	MAIWP	Yang DiPertuan Agong	Ketua Pegawai Eksekutif	
KELANTAN	WAKAF	MAIK	Sultan	Yang DiPertua*	Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
	ZAKAT	MAIK	Sultan	Yang DiPertua*	
	BAITULMAL	MAIK	Sultan	Yang DiPertua*	
TERENGGANU	WAKAF	MAIDAM	Sultan	Yang DiPertua	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001
	ZAKAT	MAIDAM	Sultan	Yang DiPertua	
	BAITULMAL	MAIDAM	Sultan	Yang DiPertua	
PAHANG	WAKAF	MUIP	Sultan	Yang DiPertua*	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991
	ZAKAT	PKZ	Sultan	Yang DiPertua*	
	BAITULMAL	MUIP	Sultan	Yang DiPertua*	

*Nota: Yang DiPertua adalah merupakan Tengku Mahkota dan keputusan operasi harian organisasi diturunkan kuasa ke atas Timbalan Yang DiPertua

Manakala bagi Wilayah Persekutuan (WP), kuasa tertinggi agama Islam adalah di bawah kuasa Yang DiPertuan Agong berdasarkan kepada undang-undang tubuh WP iaitu Perlembagaan Persekutuan. Dengan yang demikian, kuasa tertinggi agama Islam bagi MAIWP adalah Yang DiPertuan Agong (Seksyen 8 Akta 505) sepertimana Kerajaan Persekutuan. Kuasa tertinggi bagi setiap entiti di bawah pentadbiran MAIN adalah sama sepertimana kuasa tertinggi yang dirujuk oleh MAIN masing-masing.

Bagi tujuan pentadbiran operasi MAIN pula, kuasa tertinggi adalah tidak selaras kerana setiap MAIN merujuk kepada akta atau enakmen pentadbiran (Undang-undang tubuh) negeri masing-masing sepertimana di Jadual 2.1. Kuasa tertinggi pentadbiran di MAIWP yang merangkumi kuasa operasi harian MAIWP telah diberikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP. Manakala di MAIK dan MUIP, Yang DiPertua Sultan yang mempunyai kuasa tertinggi pentadbiran. Sultan boleh melantik pemangku Sultan untuk mengambil tugas sebagai Yang DiPertua. Semasa kajian Fasa 3 dijalankan, jawatan Yang DiPertua MAIK dan MUIP diserahkan kepada Tengku Mahkota (TM) masing-masing. Walaubagaimanapun, kuasa mentadbir operasi harian organisasi telah diturunkan kepada Timbalan Yang DiPertua yang merupakan Pegawai Tadbir Negeri (PTN). Di MAIDAM pula, kuasa mentadbir operasi harian organisasi telah diturunkan kepada Yang DiPertua yang merupakan Pegawai Tadbir Negeri (PTN). Secara umumnya, entiti di bawah MAIN berkaitan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus WZB seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) dan Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ) adalah juga tertakluk kepada struktur tadbir urus MAIN berkaitan sepertimana yang disenaraikan di Jadual 2.1 diatas.

Dalam pentadbiran zakat pula contohnya, sesetengah MAIN telah menjalankan beberapa perubahan dalam corak pentadbiran zakat. Antara yang utama adalah dasar penswastan dan pengkorporatan sebahagian atau keseluruhan sistem pentadbiran zakatnya. Ianya bermula pada tahun 1991 apabila Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menubuhkan sebuah Institusi Pengutip Zakat (IPZ) yang pada hari ini dikenali sebagai Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ WP) dimana ianya dipertanggungjawabkan untuk mengutip zakat bagi pihak MAIWP (Mat Rani et al. 2010). Perkembangan ini telah diikuti oleh beberapa MAIN lain bagi tujuan mengukuhkan pentadbiran zakat di negeri-negeri berkaitan seperti Melaka, Pahang, Selangor dan beberapa MAIN yang lain.

2.2 RINGKASAN OPERASI PERAKAUNAN INSTITUSI WZB

Berdasarkan kepada Jadual 2.2 di bawah, keempat-empat MAIN telah menyediakan Penyata Kewangan Disatukan bagi tahun 2016 iaitu penyatuan kumpulan wang (KW) yang dikendalikan seperti KW Wakaf, KW Zakat, KW Baitulmal dan KW lain-lain yang ditubuhkan berdasarkan akta/enakmen masing-masing. Kewujudan KW ini memberi maklumat bahawa MAIN telah mengamalkan Perakaunan KW (*Fund Accounting*) dalam mengendalikan operasi perakaunan masing-masing. Jadual tersebut juga telah menyenaraikan piawaian yang dirujuk oleh setiap MAIN dalam penyediaan Penyata Kewangan masing-

masing. Kesemua MAIN kecuali MUIP telah membuat rujukan keatas Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) dalam penyediaan Penyata Kewangan bagi tahun 2016 sepertimana yang diarahkan oleh Jabatan Akauntan Negara. Walaubagaimanapun MUIP telah mendapat pengecualian dari penggunaan MPERS atas sebab kekangan infrastruktur perakaunan yang belum bersedia untuk penggunaan MPERS. Tambahan pula, bermula tahun Januari 2018, MUIP telah mendapatkan kelulusan bagi pemakaian awal Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi tujuan penyediaan penyata kewangan tahun 2017 sehingga Piawaian Perakaunan Islam yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020. Keputusan pemakaian awal MPSAS dibuat bagi memenuhi keperluan untuk menyeragamkan amalan perakaunan MUIP dengan anak syarikatnya yang dipegangnya.

Jadual 2.2: Ringkasan Pentadbiran dan Perakaunan Institusi WZB

ZON 3	KATEGORI INSTITUSI	ENTITI	PENYATA KEWANGAN	PEGAWAI PERAKAUNAN	PIAWAIAN PERAKAUNAN*
WILAYAH PERSEKUTUAN	WAKAF	MAIWP	Disatukan	Akauntan	MPERS
	ZAKAT	PPZ & MAIWP	Disatukan	Akauntan	
	BAITULMAL	MAIWP	Disatukan	Akauntan	
KELANTAN	WAKAF	MAIK	Disatukan	Akauntan	MPERS
	ZAKAT	MAIK	Disatukan	Akauntan	
	BAITULMAL	MAIK	Disatukan	Akauntan	
TERENGGANU	WAKAF	MAIDAM	Disatukan	Akauntan	MPERS
	ZAKAT	MAIDAM	Disatukan	Akauntan	
	BAITULMAL	MAIDAM	Disatukan	Akauntan	
PAHANG	WAKAF	MUIP	Disatukan	Akauntan	PERS & MPSAS (2018)
	ZAKAT	PKZ	Disatukan	Akauntan	
	BAITULMAL	MUIP	Disatukan	Akauntan	

*Nota: Penyata Tahunan 2016 digunakan sebagai rujukan dalam Kajian Fasa 3

Disamping itu, pegawai perakaunan yang bertanggungjawab dalam penyediaan Penyata Kewangan di keempat-empat MAIN adalah berjawatan Akauntan dan menyandang grad di antara W44 ke W48 dan juga merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Ini membuktikan bahawa Penyata Kewangan MAIN berkaitan telah disediakan oleh pegawai perakaunan yang bertauliah dan berpengalaman. Sehubungan dengan itu Penyata Kewangan berkenaan adalah boleh dijangka mencapai tahap pemahaman (*understandability*) dan pematuhan yang wajar keatas piawaian yang dinyatakan.

Seterusnya, Jadual 2.3 berikut pula merupakan ringkasan Tadbir Urus Kumpulan Wang yang ditadbir oleh MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP (Zon 3). MAIWP menguruskan lima kumpulan wang yang terdiri dari Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat, Kumpulan Wang Sumber Am, Kumpulan Wang Khas dan Kumpulan Wang Geran. Kumpulan Wang Zakat merupakan kumpulan wang utama di MAIWP dan ia juga merupakan operasi MAIWP secara keseluruhannya. Dalam kata lainnya, MAIWP itu sendiri ialah representasi operasi KW Zakat di Wilayah Persekutuan. Tiada pelaporan berasingan bagi setiap kumpulan wang di MAIWP di dalam Penyata Kewangan dan sebaliknya semua KW dilaporkan secara agregat di dalam “Kumpulan Wand Disatukan”. Di MAIK pula terdapat tujuh kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Wakaf, Zakat, Baitulmal, Tabung Yayasan Pengajian Tinggi Sultan Ismail Petra (TYPTSIP), Takmir, Penyelarasan Pentadbiran Masjid Jajahan (PPMJ) dan Imbuan Imam Mukim. MAIK melaporkan secara berasingan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi setiap KW sebagai sebahagian dari penyata utama kepada Penyata Kewangan Tahunan. Seterusnya, MAIDAM mentadbir 5 KW iaitu KW Pentadbiran, KW Zakat, KW Ar Rahn, KW Wakaf dan KW Amanah. KW Pentadbiran di MAIDAM merupakan KW umum yang boleh di samakan dengan baitulmal. Pelaporan Pnyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan telah dibuat sebahagian dari Nota Akaun. Bagi MUIP pula, terdapat 5 KW yang terdiri daripada KW Zakat, KW Baitulmal, KW Wakaf, KW Amanah dan KW Baitulmal Am. Pelaporan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi setiap KW tersebut telah dilaporkan sebagai sebahagian dari Nota Akaun.

Jadual 2.3 Ringkasan Tadbir Urus Kumpulan Wang Zon 3

MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
1.KW Wakaf 2.KW Zakat 3.KW Sumber Am 4.KW Khas 5.KW Geran	1.KW Wakaf 2.KW Zakat 3.KW Baitulmal 4.KW TYTPSIP 5.KW Takmir 6.KW PPMJ 7.KW Imbuan Imam Mukim	1.KW Pentadbiran 2.KW Zakat 3.KW Ar Rahn 4.KW Wakaf 5.KW Wang Amanah 6.KW Pendahuluan Diri	1.KW Wang Zakat 2.KW Baitulmal 3.KW Wakaf 4.KW Amanah 5.KW Baitulmal Am
Tiada Pelaporan berasingan bagi KW i.e. KW Zakat (MAIWP) dan lain2 KW dilaporkan secara agregat di dalam “Kumpulan”	-Pelaporan Penyata dan Perbelanjaan bagi setiap KW sebagai sebahagian dari Penyata Kewangan	Pelaporan Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan sebagai sebahagian Nota Akaun	Pelaporan Penyata Pendapatan & Perbelanjaan sebagai sebahagian Nota Akaun

2.3 RUMUSAN

Secara kesimpulannya struktur tadbir urus institusi WZB adalah merujuk kepada undang-undang tubuh masing-masing. Manakala pelaporan Penyata Kewangan di setiap MAIN adalah berdasarkan kepada piawaian terkini yang disarankan iaitu MPERS dan disediakan oleh pegawai perakaunan bertauliah (Akauntan). Sehubungan dengan itu, amalan semasa perakaunan dan pelaporan di MAIN adalah wajar. Walaubagaimanapun, ianya masih perlu penambahbaikan bagi meningkatkan ketelusan maklumat dan akauntabiliti MAIN kepada pemegang taruh berkaitan.

BAB TIGA

SOROTAN KARYA

3.0 PENGENALAN

Bab Ketiga ini membincangkan mengenai perakaunan hasil, perbelanjaan dan liabiliti serta konsep akauntabiliti yang berkaitan dengan perakaunan Islam WZB sepertimana yang telah dibincangkan di dalam laporan kajian Fasa Kedua. Fasa ketiga ini membuat rumusan ringkas berkaitan pengurusan perakaunan hasil, perbelanjaan dan liabiliti bagi WZB dan akauntabiliti dalam Islam yang menjadi tumpuan asas kepada pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi institusi WZB.

3.1 ISLAM DAN AKAUNTABILITI

Perakaunan adalah bahasa perniagaan tetapi bahasa ini tidak berguna sekiranya maklumat disediakan dengan perakaunan tidak relevan, tidak boleh dipercayai dan tidak konsisten. Untuk mendapatkan maklumat yang berguna akauntabiliti perakaunan diperlukan. Perakaunan akan memastikan akauntabiliti hanya apabila semua pemegang kepentingan berkaitan dengannya perakaunan melaksanakan tanggungjawab dan peranan masing-masing. Hari demi hari, profesional perakaunan telah menjadi dinamik kerana berubah persekitaran perniagaan dan keperluan pengguna perakaunan. Perakaunan akan hilang akauntabiliti jika ada krisis yang terdapat pada maklumat perakaunan dipercayai dan relevan. Sejak dahulu banyak skandal perakaunan telah diperhatikan, adalah perlu untuk memastikan akauntabiliti pemegang kepentingan perakaunan untuk mendapatkan kepercayaan dan maklumat perakaunan yang relevan kerana hanya piawaian perakaunan sahaja tidak akan dapat membawa hasil yang diinginkan dalam perakaunan (Md. Azim dan Jesmin, 2005). Takrif akauntabiliti diberikan oleh Keasey dan Wright (1993) yang melihat akauntabiliti seperti yang melibatkan "pemantauan, penilaian dan kawalan ejen organisasi untuk memastikan bahawa mereka bersikap demi kepentingan para pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain" (Keasey dan Wright, 1993). Rika et al., (2008) berkata untuk meningkatkan piawaian perakaunan dan akauntabiliti, ia perlu untuk menyemak semula prosedur perakaunan, mengautomatiskan sistem perakaunan, menaik taraf kemahiran perakaunan dan mendesentralisasi fungsi perakaunan. Barata dan Thurston (1999) berkata, pemangku kepentingan dalam proses akauntabiliti tidak boleh dengan berkesan melaksanakan kewajipan

akuntabiliti mereka terus bertanggungjawab melainkan bukti mereka tindakan dibuat melalui teratur, selamat, namun mudah diakses. Untuk mencapai ini, boleh dipercayai keterangan dokumentari dalam bentuk rekod mestilah disediakan secara konsisten. Rekod adalah sangat penting asas proses akuntabiliti. Tanpa bukti dokumentari yang boleh dipercayai dan sah menyokong semua proses akuntabiliti penting, kerajaan, masyarakat sivil dan sektor swasta tidak boleh memastikan ketelusan, jaminan akuntabiliti atau elaun untuk menjalankan tadbir urus yang baik.

Akuntabiliti dalam sesebuah institusi termasuk institusi-institusi Islam memainkan peranan yang penting bagi menzahirkan sesebuah institusi yang mempunyai perakaunan dan pelaporan yang telus (Connolly & Hyndman, 2013). Dalam Islam, akuntabiliti sangatlah dititikberatkan dalam pelaksanaan sesuatu tanggungjawab yang diamanah. Sepertimana yang disarankan oleh beberapa sarjana Islam yang terdahulu mengenai keperluan akuntabiliti yang bersifat holistik (Shahul Hameed, 2000; Osman, 2010). Dalam Islam, akuntabiliti dilihat dari dua perspektif yang berbeza: akuntabiliti manusia kepada Allah S.W.T dan akuntabiliti manusia kepada orang lain (iaitu masyarakat). Oleh itu, individu menyembah Tuhan dan melaksanakan semua tugas mereka sebagai khalifah. Ini adalah tanggungjawab utamanya. Manakala, akuntabiliti sekunder wujud melalui kontrak antara individu. Lebih penting lagi, hubungan individu dengan individu lain mencerminkan hubungan mereka dengan Tuhan. Dalam konsep dwi-akuntabiliti, kebertanggungjawaban kepada Allah SWT adalah akuntabiliti 'menegak' (vertical) dan kebertanggungjawaban kepada individu lain sebagai akuntabiliti 'mendatar' (horizontal). Pada asasnya, dalam kontrak agensi antara pemilik dan pengurus, kontrak antara majikan dan pekerja atau kontrak antara atasan dan orang bawahan akan menjadi akuntabiliti 'mendatar' (Shahul Hameed, 2000). Osman (2010) turut berpendapat bahawa kepentingan akuntabiliti yang bersifat holistik yang merangkumi konsep akuntabiliti diri. Akuntabiliti diri ini adalah hasil dari manifestasi akuntabiliti utama kepada Allah. Sebagai manusia, kita bertanggungjawab terutamanya kepada Allah untuk semua sumber yang diamanahkan dan kedua-duanya bertanggungjawab kepada sesama manusia berdasarkan hubungan kontrak kita. Sesungguhnya, konsep khilafah menganggap pemilikan sumber sebagai mandat yang diberikan kepada setiap manusia. Dalam konteks wakaf misalnya, apa yang dimaksudkan adalah sumber kewangan yang disediakan untuk wakaf yang dibuat dalam bentuk kepercayaan. Oleh itu, setiap MAIN diiktiraf sebagai pemegang amanah bagi dana yang diterima. Oleh itu, konsep akuntabiliti yang dianjurkan oleh Islam adalah terpakai oleh

MAIN dan boleh digunakan sebagai asas dalam mereka bentuk amalan perakaunan untuk harta wakaf, zakat dan baitulmal. Di samping itu, perakaunan dalam erti kata yang luas adalah penting kepada Islam, kerana akauntabiliti kepada Tuhan dan masyarakat untuk semua aktiviti adalah yang paling penting dan merupakan sebahagian daripada iman umat Islam. Berdasarkan syariah, undang-undang Islam, etika komprehensif boleh dinyatakan melalui bagaimana perdagangan harus dijalankan, bagaimana perniagaan perlu diatur dan ditadbir, dan bagaimana laporan kewangan harus dibuat (Lewis, 2006).

Ihsan (2007) mendapati *mutawalli* yang mempunyai akauntabiliti dan tanggungjawab memberi kesan kepada cara institusi menyampaikan dan menyebarkan maklumat perakaunan. Perakaunan dan pelaporan dipercayai meningkatkan kebertanggungjawaban dan ketelusan pemegang amanah dan boleh dianggap sebagai sebahagian daripada tadbir urus yang baik. Malahan dalam Islam, manusia mempunyai persetujuan dengan Tuhan (Ishaque, 1978). Perjanjian ini memerlukan individu untuk melaksanakan akauntabiliti mengikut kewajipan yang dinyatakan dalam Syariah. Ini adalah selari dengan kontrak yang sedia ada di antara prinsipal dan ejen yang disokong oleh Gray et al. (1987) dalam rangka akauntabiliti. Dalam rangka kerja itu, prinsipal memberi arahan kepada ejen tentang tindakan yang diinginkan. Biasanya, prinsipal meletakkan dua tanggungjawab utama kepada ejen; tanggungjawab untuk tindakan dan tanggungjawab untuk menjelaskan tindakan tersebut. Dalam Islam, umat Islam mempunyai kewajiban kepada Allah. Ia datang dari tugas utama individu kepada Tuhan. Hak dan kebebasannya termasuk dalam tugas ini. Oleh itu, manusia mengiktiraf hak-hak sesama manusia kerana ini adalah tugas Allah meletakkan kepada mereka (Ishaque, 1978).

Beberapa sarjana Islam telah memberi tumpuan yang penting kepada perakaunan dan pelaporan dari perspektif Islam yang penting untuk mencapai akauntabiliti yang lebih besar kerana ia memberikan impak yang lebih besar dalam kehidupan umat Islam (Nahar dan Yaacob, 2011). Tujuan perakaunan transaksi dan pelaporan maklumat adalah untuk memastikan kebertanggungjawaban kepada Allah SWT dan individu serta masyarakat dilaksanakan (Baydoun & Willet, 2000; Shahul Hameed, 2000). Selaras dengan konsep dwi-akauntabiliti tersebut, Haniffa dan Hudaib (2004) turut mendakwa bahawa, ruang lingkup pelaporan yang lebih luas haruslah disediakan oleh organisasi pelapor untuk memenuhi tanggungjawab atau akauntabiliti kepada pencipta (i.e. Allah) dan akauntabiliti kepada pemegang taruh atau secara amnya umat Islam. Organisasi yang menjadikan Islam sebagai

rujukan atau teras pentadbirannya hendaklah menyediakan laporan komprehensif yang tidak termasuk di dalam Laporan Kewangan. Apa yang penting ialah organisasi berkenaan diberi mandat untuk membuat pendedahan tambahan seperti maklumat bukan kewangan yang ketara. Maklumat lain yang tidak kurang pentingnya adalah pendedahan maklumat sosial seperti keterlibatan dalam aktiviti yang tidak memenuhi keperluan Syariah seperti riba dan *gharar* dalam pembiayaan dan pelaburan. Antara maklumat sosial yang dititikberatkan termasuklah maklumat tentang produk atau perkhidmatan yang dihasilkan daripada kegiatan haram atau tidak pasti, kebajikan pekerja serta maklumat tentang sumbangan keperluan masyarakat seperti *sadaqah*, zakat dan wakaf.

Perkara di atas telah disokong oleh Alpay dan Haneef (2015) di mana mereka mencadangkan supaya ketelusan dan akauntabiliti antara pembiayaan dan agensi pelaksana diberi perhatian untuk mencapai matlamat utama pengurangan kemiskinan. Misalnya, kerajaan harus memastikan penambahbaikan ketelusan dan akauntabiliti agensi yang berkaitan dan jabatan yang bekerja dalam aktiviti pengurangan kemiskinan seperti membangunkan terma dan syarat yang sesuai dalam penggunaan dana. Di samping itu, Hassan dan Shahid (2010) berhujah bahawa pengurusan perniagaan profesional akan membangunkan kualiti institusi, penyampaian perkhidmatan dan delegasi tanggungjawab yang berkesan untuk memastikan dan memudahkan akauntabiliti. Seterusnya Mohd Fairuz et al. (2016) menekankan keperluan untuk menyediakan garis panduan dengan mencadangkan senarai item, kedua-dua maklumat kewangan dan bukan kewangan untuk pendedahan dalam laporan kewangan WZB di Malaysia yang selari dengan Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias. Dalam Islam, peri pentingnya kebertanggungjawaban telah ditekankan di dalam dua ayat Al-Quran (Surah Al-Baqara, ayat 284 seperti berikut:

"Kepunyaan Allah apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Sama ada anda memperlihatkan apa yang ada di dalam diri anda atau menyembunyikannya, Allah akan memaklumkan anda. Kemudian Dia akan mengampunkan siapa yang dikehendaki-Nya dan menghukum siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu."[2:284]

Selain itu, ayat ini dapat disokong dengan ayat lain dalam Surah Al-Hadid ayat 5 seperti berikut:

“Dia lah sahaja yang menguasai dan memiliki langit dan bumi; dan kepada Allah jualah dikembalikan segala urusan. [57: 5].

Berdasarkan kepada kedua-dua ayat di atas, segala yang berkaitan dengan manusia di bumi ini adalah merupakan amanah semata-mata dari Allah SWT, dan manusia akan dipertanggungjawabkan untuk setiap perbuatan akan bertanggungjawab pada Hari Penghakiman (Akhirat). Mohd Fairuz et al. (2017) menekankan bahawa setiap perbuatan, sama ada positif atau negatif, dan kecil atau besar akan diambil kira untuk tujuan pengadilan. Ahmad Zamri et al. (2017) berhujah bahawa amalan kontemporari yang terdapat di MAIN dengan pelbagai sumber harta memerlukan pemeriksaan bagaimana sumber-sumber ini diambil kira dan dianggap lebih bertanggungjawab. Kewujudan sumber dan harta yang berbeza dengan tujuan yang berlainan, selain daripada kekangan dari penyumbang dan Syariah, memerlukan kebertanggungjawaban berasingan untuk dana berasingan. Dengan kata lain, MAIN harus menunjukkan bahawa mereka bertanggungjawab terhadap sumber-sumber masing-masing harta tersebut mengikut tujuan kewujudannya. Menurut Abdul Ghani, et al. (2017), institusi-institusi WZB perlu memastikan proses pengumpulan dan pengagihan serta pentadbiran dana atau harta atau "*mal*" yang telah diamanahkan oleh penyumbang dikendalikan dengan cekap demi kepentingan ekonomi dan kebajikan umat Islam. Gambaran yang jelas mengenai isu-isu yang melibatkan aspek pentadbiran dan pengurusan kewangan dan perakaunan bagi institusi WZB sangat diperlukan oleh pihak berkepentingan untuk memastikan isu-isu dapat ditangani dengan cara yang lebih tepat.

3.2 KONSEP DAN DEFINISI HASIL, BELANJA DAN LIABILITI DARI PERSPEKTIF KONVENSIONAL DAN ISLAM

3.2.1 Definisi Hasil

Pendapatan ditakrifkan sebagai aliran masuk kasar faedah ekonomi (tunai, penghutang, aset lain) yang timbul daripada aktiviti operasi biasa entiti (seperti jualan barang, jualan perkhidmatan, faedah, royalti, dan dividen). [IAS 18.7] Hasil ini merupakan aliran masuk yang menyebabkan berlakunya peningkatan dalam aset bersih atau ekuiti, selain peningkatan berkaitan dengan sumbangan daripada pemilik. Bagi Majlis agama di Malaysia, hasil bagi setiap majlis adalah terdiri daripada pelbagai sumber, termasuklah hasil zakat, wakaf dan baitulmal yang mempunyai pengertian yang tersendiri. Terdapat dua piawaian bagi hasil kerajaan iaitu MPSAS 9 untuk hasil dari transaksi pertukaran dan MPSAS 23 untuk hasil

daripada transaksi bukan pertukaran. Untuk hasil bagi transaksi pertukaran adalah hasil berbentuk jualan barang atau premis, jualan rampasan, barang kraftangan dan sebagainya, hasil sewaan, dividen dan royalti. Manakala dalam MPSAS 23 pula, maksud pendapatan merangkumi aliran masuk kasar faedah ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diterima dan boleh diterima oleh entiti pelaporan, yang merupakan peningkatan dalam aset bersih / ekuiti, yang lain daripada kenaikan yang berkaitan dengan sumbangan daripada pemilik. Amaun yang dikutip sebagai ejen kerajaan atau organisasi kerajaan lain atau pihak ketiga lain tidak akan menimbulkan peningkatan dalam aset bersih atau hasil ejen. Contohnya, sumbangan wakaf dari segi tunai atau aset, sumbangan zakat, cukai, dan sebagainya.

Dalam perspektif Syariah, wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya. Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekati diri pewakaf kepada Allah S.W.T. Pendapatan, perolehan atau manfaat daripada harta wakaf itu perlu dibelanjakan untuk kebaikan dan kebajikan sebagai pendampingan diri pewakaf kepada Allah S.W.T. Dengan sebab itu, harta tersebut tidak lagi menjadi milik pewakaf, tidak boleh diambil kembali dan tidak boleh dimiliki oleh sesiapa (Manual Pengurusan *Istibdal* Wakaf, JAWHAR). *Istibdal* wakaf juga bermaksud menjual apa yang kurang atau telah hilang hasil atau pendapatan daripada *mawquf* dan membeli apa yang lebih baik daripadanya serta menjadikannya sebagai ganti. Dalam Enakmen Wakaf Negeri Selangor (1999), Negeri Sembilan (2004) dan Negeri Melaka (2005) ada memperuntukkan: *Istibdal* bermaksud menggantikan sesuatu *mawquf* dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih nilainya sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut hukum Syarak (Seksyen 2).

Aset wakaf pada masa lalu tidak semestinya termasuk sebagai salah satu pendapatan Baitulmal. Secara amnya, aset wakaf berada di bawah institusi swasta. Sebagai contoh, jika pemerintah menyumbangkan kekayaannya sebagai wakaf, aset wakaf tersebut akan diuruskan secara persendirian, iaitu dipisahkan dari perbendaharaan kerajaan (Osman, 2012, ms 46). Hilal (1937, yang disebut dalam Hennigan, 2004, ms 75) menyatakan bahawa aset wakaf Saidina Umar telah ditinggalkan kepada anak perempuannya, Hafsa, untuk diuruskan, bukan Khalifah yang seterusnya. Bagi sesetengah ulama, ini menunjukkan bahawa

pengurusan wakaf harus dipisahkan dari sebarang campurtangan sektor kerajaan. Kahf (2007) menyatakan bahawa,

"Sejak dari permulaannya, penubuhan institusi wakaf adalah contoh yang jelas untuk mewujudkan sektor ketiga dan filantropi yang diasingkan dari kedua-dua tingkah laku individu yang bermotivasikan keuntungan, dan juga domain yang dikuasai oleh pihak pemerintah"

Petikan di atas menunjukkan bahawa pengurusan harta wakaf oleh badan kerajaan atau syarikat swasta yang berasaskan keuntungan, bukan merupakan bentuk pengurusan yang ideal. Sait & Lim (2006, ms 156) menjelaskan bahawa perundangan Islam lebih memilih wakaf untuk dilihat sebagai entiti bukan keuntungan,

"Wakaf itu bertujuan oleh perundangan Islam yang terdahulu untuk menjadi 'sektor ketiga' filantropi atau masyarakat madani, yang wujud secara bebas dari kedua-dua sektor kerajaan dan swasta yang berasaskan keuntungan".

Pandangan awal mengenai wakaf menegaskan bahawa ia seharusnya berada dalam lingkungan 'sektor ketiga'. Pandangan 'asal' Islam mengenai wakaf ini juga dikongsi oleh Bremer (2004, ms 5), ketika beliau menghubungkan institusi wakaf dengan penubuhan masyarakat madani dalam Islam,

"... institusi masyarakat sivil adalah setua Islam itu sendiri, dan selalunya menikmati tempat yang istimewa di dalam masyarakat ini. Institusi kemasyarakatan tertua iaitu wakaf atau endowmen Islam, menggabungkan ciri-ciri filantropi, sebuah agensi perkhidmatan sosial dan juga suara politik yang bersaing dengan penguasa, walaupun secara tidak langsung".

Manakala, zakat bermaksud tumbuh, berkembang, subur atau bertambah. Dalam Al-Quran dan hadis disebutkan, "Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah" (QS. Al Baqarah [2]: 276); "Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka" (QS. at-Taubah [9]: 103). Menurut istilah, dalam kitab al-Hâwî, al-Mawardi mendefinisikan zakat dengan nama pengambilan tertentu dari harta yang tertentu, menurut sifat-sifat tertentu, dan untuk diberikan kepada golongan tertentu. Di dalam pandangan al-Mawardi (1978: V: 113-119), zakat ditetapkan untuk bentuk

kekayaan yang mempunyai kemampuan untuk berkembang dari segi nilai (emas, perak) atau menghasilkan lebih banyak kekayaan, seperti ternakan, pertanian pengeluaran, dan barangan. Oleh itu, mempunyai potensi untuk berkembang. Menurut Jaelani (2016), sebagai aset, zakat harus dilaporkan kepada orang ramai melalui sistem perakaunan. Harahap (2004: 39-41) mengesahkan bahawa kandungan atau unsur-unsur kewangan penyata perakaunan termasuk: (1) harta (aset), (2) kewajipan atau hutang (liabiliti), (3) modal pemilik (ekuiti pemilik), (4) hasil (hasil), keuntungan (keuntungan), dan (5) kos (perbelanjaan), pendapatan (kerugian).

Sementara itu, pengurusan zakat telah berada di bawah bidang kuasa negara sejak permulaannya. Majoriti ulama berpendapat bahawa zakat mesti dikekalkan di bawah bidang kuasa negeri, termasuk perakaunan dan perekodan (lihat contoh, Abu Ubayd al-Qasim, 2005; Aghnides, 1916; Al-Mawardi, 2005; Qaradawi, 2001). Menurut beberapa pendapat klasik (Al-Bukhari, 1997; Qaradawi, 2001), terdapat beberapa peruntukan yang membolehkan pengurusan individu bagi harta zakat, sekiranya bentuk harta tersebut dianggap harta tidak jelas seperti tunai dan inventori yang dijualbeli. Harta ini secara amnya dianggap sebagai harta peribadi yang hanya diketahui oleh pemiliknya sahaja (de Zayas, 2003). Walau bagaimanapun, bagi bentuk harta yang tersebut, menurut majoriti mazhab, ia tidak menolak sepenuhnya kuasa negara untuk mengurus harta zakat (Qaradhawi). Oleh itu, pengurusan harta zakat biasanya berada di bawah bidang kuasa negara. Pengurusan rekod, iaitu, perakaunan dan perekodan mesti dipisahkan dari pendapatan jenis lain – sama ada ditukarkan atau tidak.

Sementara itu, bagi institusi zakat, wang zakat yang dikumpul merupakan hasil kutipan spesifik, yang diterima daripada umat Islam yang menerima pendapatan melebihi tahap minimum (nisab). Pengagihan harta zakat bukanlah tertakluk kepada budi bicara pihak berkuasa awam, kerana Al-Quran (at-Tawbah, 9:60) telah menyatakan dengan jelas, siapakah penerima manfaat dari wang zakat. Walaupun zakat mungkin mempunyai beberapa ciri yang sama dengan pendapatan awam, ia tidak menjadi sebahagian daripada kekayaan atau harta awam. Ini kerana konsep "awam" di dalam zakat lebih spesifik berbanding harta lain, seperti *fay'* atau *khums* (Suharto, 2005). Lebih penting lagi, jika "bahagian Tuhan" dinyatakan dalam Al-Quran, maka itu akan menunjukkan bahawa itu adalah bahagian orang ramai (Soeharto, 2005, nota kaki 13). Juga mengenai zakat, Suharto (2005) seterusnya berpendapat bahawa,

"... zakat dianggap sebagai institusi kewangan awam yang berbeza dari *fay'*. Memang benar bahawa zakat telah wujud pada masa Nabi (saw), tetapi zakat pada waktu tersebut tidak wujud sebagai satu institusi kewangan awam yang membawa pengertian 'awam' dalam pemahaman moden"

Oleh itu, harta zakat memerlukan susunan yang berbeza dan berasingan bagi dana tersebut (Qaradawi, 2001). Walaupun sebarang sumber pendapatan baru boleh disatukan di bawah satu tajuk, sebagai contoh, *fay'*, dana zakat tidak boleh dimasukkan bersama (Suharto, 2005). Telah dilaporkan bahawa ketika Nabi (saw) menemukan kurma di jalan, Baginda mengatakan bahawa sekiranya Baginda mengetahui kurma itu adalah harta zakat, Baginda tidak akan mengambilnya (Suharto, 1995 diambil daripada Kitab al zakat dari Sahih Muslim nombor 165). Ini jelas menandakan ciri khas zakat di mana Nabi (saw) sangat berhati-hati apabila berurusan dengan harta zakat sehingga Baginda tidak akan mengambil apa-apa kerana takut bahawa ia adalah sebahagian daripada dana zakat. Oleh itu, Abu Ubayd al-Qasim (1989) memisahkan perbincangan mengenai kaedah dan cara perbelanjaan untuk *fay* (*makharij al fay wa mawadhi'ih*) dan zakat (*makharij as sadaqah wa subulaha*).

Manakala, baitulmal pula merupakan institusi harta dan kewangan induk dalam negara Islam. Baitulmal menurut pandangan al-Mawardi ialah tempat merekodkan pembahagian dan pengumpulan harta. Lebih tepat lagi baitulmal dimaksudkan sebagai perbendaharaan negara yang menerima dari pelbagai sumber kewangan dan harta secara terkumpul oleh negara Islam seperti zakat, harta wakaf, cukai dan lain-lain (Tahir, 2007). Contoh hasil Baitulmal adalah *luqatah*, lebihan faraid dan lain-lain. Baitulmal-apa-apa pendapatan yang diperolehi daripada urus niaga pertukaran dan tiada pertukaran misalnya, urus niaga pertukaran melibatkan transaksi pihak atau pihak ketiga. Urus niaga bukan pertukaran melibatkan satu pihak.

3.2.2 Definisi dan Konsep Belanja

Kerangka Konseptual konvensional memberi pengertian terhadap belanja sebagai penurunan faedah ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dalam tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pengenaan liabiliti yang menyebabkan penurunan dalam nilai aset/ ekuiti bersih yang dapat diukur dengan pasti. Contohnya, hasil perbelanjaan bagi dana baitulmal termasuk belanja bagi harta zakat, harta untuk menanggulangi terjadinya kekurangan dan untuk melaksanakan kewajipan jihad, harta

sebagai suatu pengganti/kompensasi (*badal/ujrah*), seperti gaji pegawai negeri, harta untuk kemaslahatan secara umum yang merupakan keharusan, harta untuk kemaslahatan secara umum yang tidak merupakan keharusan, dan harta untuk menangani kondisi darurat, semisal bencana alam. Manakala, Said Hawwa menbahagikan perbelanjaan baitulmal kepada, gaji para pegawai, pembiayaan projek-projek umum serta subsidi untuk rakyat dalam memenuhi kebutuhan pokok mereka bila sumber-sumber kepemilikan belum mencukup.

Bagi dana zakat, perbelanjaannya adalah sangat khusus. Seperti yang dinyatakan dalam At-Tawbah (9:60), terdapat 8 kategori benefisiari (dalam urutan yang dinyatakan dalam ayat) - golongan miskin (*fuqara'*); yang memerlukan (*masakin*); pentadbir zakat (*amil*); orang-orang yang telah didamaikan (*mu'allafu qulubuhum*); mereka yang dalam perhambaan (*riqab*); mereka yang berhutang (*al gharimin*); mereka yang berjuang di jalan Allah (*fi sabilillah*) dan musafir (*ibnu sabil*). Walaupun kaedah pengagihan dan perbelanjaan dana zakat nampaknya tidak bergantung kepada budi bicara individu, kewujudan asnaf *amil* sebagai salah satu pihak penerima zakat menunjukkan bahawa mereka mempunyai kuasa tertentu dalam menguruskan dana. Qaradawi mendedikasikan satu bab dalam bukunya yang membuktikan tanggungjawab dan kuasa budi bicara negara dalam perkara zakat. Perbincangan mengenai budi bicaranya - dan implikasi perakaunan; adalah seperti berikut.

Salah satu isu perakaunan untuk zakat adalah cara untuk merekod pengagihan zakat. Ini mempunyai hubungan langsung dengan isu sama ada zakat perlu diagihkan dalam bentuk wang tunai atau / dan makanan / pakaian (iaitu barangan segera) atau dalam bentuk aset produktif yang lebih besar. Dari perspektif perakaunan, bentuk pengagihan pertama boleh dianggap sebagai perbelanjaan biasa - sama seperti perbelanjaan operasi (*opex*); manakala bentuk pengagihan kedua sama seperti perbelanjaan modal, iaitu *capex*. Dengan kata lain, perakaunan melihat isu ini sama ada sebagai perbelanjaan atau dipermodalkan. Untuk memudahkan perbincangan berikutnya, kajian ini merujuk kepada bentuk pengagihan pertama sebagai konsumtif; manakala yang kedua sebagai produktif.

Perbincangan mengenai sama ada pengagihan harus terhad kepada konsumtif sahaja atau diperluaskan ke pengagihan yang produktif, berpusat pada kebenaran zakat untuk digunakan sebagai instrumen pelaburan. Dengan kata lain, adakah dana zakat dibenarkan untuk dilaburkan. Secara teorinya, dari perspektif ekonomi, konsumtif dan produktif boleh dilihat sebagai aktiviti yang eksklusif. Kita mungkin perlu mengorbankan pelaburan sekiranya

konsumtif diutamakan. Sebaliknya, jika pelaburan dipilih, maka konsumtif mungkin perlu dikorbankan.

Pengagihan konsumtif membawa aspek kesegeraan, iaitu faedahnya boleh dinikmati dengan serta-merta. Walau bagaimanapun, maksud yang tersirat di dalam takrifan pelaburan adalah bahawa faedahnya tidak akan dinikmati dengan segera. Sebaliknya ia ditangguhkan ke masa hadapan. Merujuk pada hal ini, ahli fiqah mempunyai pendapat yang tegas. Secara amnya, mereka tidak membenarkan kelewatan tersebut kerana apabila kewajipan itu perlu dilaksanakan, asnaf yang sah mesti menerima zakat tersebut (al-Nawawi's Kitab al-Majmu', al-Mughni Ibn Qudama, yang disebutkan dalam Wan Ahmad, 2012). Ini seolah-olah menunjukkan bahawa hanya ada sedikit atau tiada ruang perbincangan mengenai keperluan untuk pelaburan untuk dana zakat. Walau bagaimanapun, Wan Ahmad (p.65, Wan Ahmad, 2012) menyatakan bahawa, konsep pelaburan mengenai harta zakat boleh diperoleh daripada tradisi Rasulullah saw. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Anas, dalam satu kejadian Rasulullah saw memberi susu kepada sekumpulan manusia, dari unta yang diterima sebagai pembayaran zakat (Jami 'al-Saheeh al-Bukhari, Kitab Zakat, Hadis no 1501). Walaupun ada yang berpendapat bahawa unta tersebut tidak benar-benar diberikan untuk tujuan pelaburan – kerana ia sedang menunggu pengagihan kepada asnaf yang sah; perbuatan Nabi dalam memanfaatkan hasilnya, iaitu susu, ketika mana harta zakat asal masih dijaga. Ini merupakan contoh yang menunjukkan kemungkinan penggunaan zakat sebagai pelaburan. Dalam hadith yang lain, Nabi bersabda bahawa hanya 3 kumpulan orang yang dibenarkan meminta zakat, yang selainnya adalah dilarang. Salah satu daripada mereka adalah "... seseorang yang memerlukan dan boleh diberi zakat sehingga dia menjadi kaya ...". Imam an-Nawawi¹ mengatakan bahawa hadis tersebut menunjukkan bahawa zakat dapat digunakan untuk keperluan konsumtif ("siapa yang memerlukan" - seperti hadith di atas) dan untuk keperluan pelaburan / produktif ("sehingga dia menjadi kaya ...") (Wan Ahmad, 2012, m.s. 66).

Sementara itu, dalam konteks kontemporari, ramai ulama melihat zakat bukan hanya setakat pemindahan dana dari golongan kaya kepada golongan miskin. Malah zakat juga turut dilihat sebagai salah satu dasar makroekonomi yang dapat diperkukuhkan untuk mengimbangi ketidakseimbangan sosial (Hamidullah, 1997). Beberapa ulama (Mannan, 1986, Muhammad, 1995; Pramanik, 1997; Qaradawi, 2001) menyokong idea bahawa dana zakat dapat

¹ Sharh al-imam Nawawi 'ala saheeh al-imam al-muslim, v. 4, 432-3

digunakan dengan lebih baik jika dilaburkan oleh entiti berkebolehan untuk mengurus dengan baik. Dari interpretasi hadith oleh an-Nawawi di atas, Qaradawi menegaskan bahawa zakat boleh digunakan sebagai pelaburan modal di mana pulangnya dapat digunakan untuk menampung keperluan asas mereka. Beliau berkata dana zakat boleh digunakan oleh pihak berkuasa untuk menubuhkan syarikat-syarikat pembuatan dan organisasi perniagaan yang boleh menjadi milikan sebahagian atau sepenuhnya oleh golongan miskin.

Walau bagaimanapun, di dalam konteks negara Malaysia, telah dimaktubkan di dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa zakat berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri iaitu, MAIN. Oleh itu perakaunan & perekodan dianggap dilaksanakan mengikut kebiasaan sebuah entiti. Dalam mengkaji semula MPSAS 23 (Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan) didapati berkongsi ciri-ciri yang serupa. Oleh itu, tinjauan literatur berikut membincangkan masalah wakaf dan zakat dengan mengambil kira MPSAS 23.

3.2.3 Definisi dan Konsep Liabiliti

Dalam rangka kerja IASB, liabiliti ditakrifkan sebagai kewajipan semasa entiti yang timbul dari peristiwa lalu, penyelesaian yang dijangka akan menghasilkan aliran keluar dari entiti sumber yang merangkumi manfaat ekonomi. Rangka kerja juga menyatakan bahawa liabiliti adalah diiktiraf dalam lembaran imbalan apabila kemungkinan aliran keluar sumber yang tersusun manfaat ekonomi akan terhasil daripada penyelesaian kewajipan semasa dan jumlah pada penyelesaian yang akan berlaku dapat diukur dengan pasti. Manakala, berpandukan MPSAS 1, liabiliti didefinisikan sebagai obligasi yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka menyebabkan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dari entiti. Liabiliti adalah tanggungan yang wujud daripada transaksi pembelian barangan secara kredit, mendapatkan perkhidmatan secara kredit dan lebihan penerimaan atau pembiayaan / pinjaman kewangan. Liabiliti boleh terdiri daripada orang perseorangan (pemiutang) atau institusi kewangan yang memberi kemudahan kredit atau pinjaman. Antara ciri-ciri liabiliti adalah mestilah wujud dalam keadaan semasa, melibatkan aliran keluar sumber, (tunai pada masa hadapan), dapat ditentukan kewujudannya dengan tepat, jumlah amaun yang dapat dipastikan serta mempunyai tempoh matang yang dapat dipastikan (Jabatan Akauntan Negara Malaysia). Liabiliti diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa dan bukan semasa. Liabiliti semasa adalah tanggungan yang perlu dijelaskan dalam tempoh jangka masa pendek (12 bulan), iaitu dalam kitaran operasi biasa atau dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Contohnya, Akaun Belum Bayar, Hasil terdahulu,

pinjaman jangka pendek, peruntukan, deposit wad, wang jaminan pelaksanaan dan sebagainya. Manakala, liabiliti bukan semasa pula adalah tanggungan yang dijangka dibayar lebih daripada satu tempoh perakaunan termasuklah pinjaman dalam dan luar negara, pajakan, bon, serta pelan pencen dan ganjaran.

Dalam perspektif Islam, Wahbah al-Zuhaili (2008) dalam kitabnya “*al-Fiqah al-Syafi’i al-Muyassar*” menjelaskan liabiliti atau tanggungan lebih dikenali sebagai “*dhaman*”. *Dhaman* dari segi bahasa bermaksud jaminan, persetujuan atau tanggungan. Dari sudut syarak, ia merupakan sesuatu sifat atau zat (kewujudan hakikat sesuatu) yang membolehkan sesuatu itu menerima komitmen bagi melayakkannya menanggung sesuatu. Menurut Ismail (2008) di dalam penulisannya, wang tidak boleh memberi keuntungan tanpa gabungan dengan tenaga atau kepakaran atau perkhidmatan atau sumber-sumber semulajadi dan sebagainya. Ini bermaksud keuntungan mestilah didasarkan kepada liabiliti. Ini berpandukan kepada kaedah fiqah iaitu (*al-ghunmu bi al-ghurmi*) (kerosakan mudarat-merupakan pulangan kepada keuntungan). Kaedah ini menjelaskan bahawa sesiapa yang memperolehi faedah atau keuntungan dari sesuatu perkara, maka dia juga akan menanggung kerosakan atau mudaratnya (Ali Haidar, t.t).

3.3 PENGIKTIRAFAN DAN PENGUKURAN

3.3.1 Pengiktirafan dan Pengukuran bagi Hasil

3.3.1.1 Pengiktirafan Hasil

Pengiktirafan, seperti yang ditakrifkan dalam Rangka Kerja IASB, bermaksud menggabungkan item yang memenuhi definisi pendapatan (di atas) dalam penyata pendapatan apabila ia memenuhi kriteria berikut: Pertama adalah berkemungkinan bahawa sebarang manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan item hasil akan mengalir ke entiti, dan jumlah pendapatan dapat diukur dengan keboleh percayaan. Pendapatan diiktiraf dalam penyata keuntungan dan kerugian dan pendapatan komprehensif lain, apabila peningkatan keuntungan ekonomi masa depan yang berkaitan dengan peningkatan dalam aset atau pengurangan dalam liabiliti yang telah timbul dapat diukur dengan pasti. MFRS 15 ke atas hasil daripada kontrak dengan pelanggan menubuhkan prinsip yang entiti harus digunakan untuk melaporkan maklumat yang berguna kepada pengguna penyata kewangan tentang sifat, amaun, masa dan ketidakpastian hasil dan aliran tunai yang timbul daripada

kontrak dengan pelanggan. Mengikut konsep asas perakaunan akruan, pengiktirafan hasil dibuat apabila hasil telah diperolehi, bukan hanya apabila tunai diterima.

Merujuk pula kepada rangka kerja konsep AAOIFI menggariskan bahawa hasil atau pendapatan adalah peningkatan kasar dalam aset atau penurunan dalam liabiliti atau gabungan kedua-duanya dalam tempoh yang diliputi oleh penyata pendapatan yang terhasil daripada pelaburan, perdagangan, perkhidmatan dan aktiviti berorientasikan keuntungan lain seperti pengurusan pelaburan item luar kunci kira-kira. Dalam Islam, konsep hasil bagi zakat mungkin timbul sekiranya terdapat asset zakat yang digunakan untuk menjana pendapatan atau hasil yang menyebabkan peningkatan aliran tunai seperti pelaburan tidak langsung yang diperolehi daripada hasil transaksi pertukaran.

Manakala, pengiktirafan bagi hasil wakaf mempunyai perbezaan pendapat (khilaf muktabar) yang terbuka kepada pintu ijtihad. Contohnya, Fuqaha Hanafi membenarkan wakaf tunai bagi tujuan pemberian *Qard* atau pelaburan. Disamping itu, Majlis Fatwa Negeri Selangor mensyaratkan bahawa hasil daripada wang skim saham wakaf Selangor hendaklah dibelanjakan bagi tujuan pembelian asset kekal. Menurut pandangan ulama Islam, wakaf tunai boleh diiktiraf sekiranya factor *maslahah* diambil kira. Parameter Syariah AAOIFI yang ke-33 menyatakan wakaf tunai adalah dibenarkan dan pemanfaatan tunai tersebut mestilah dalam tatacara yang tidak menghilangkan atau menyusutkan jumlahnya. Antara penggunaan yang dibenarkan adalah pemberian *Qard* (pinjaman) yang patuh Syariah dan melaburkan tunai itu dalam instrumen pelaburan yang berisiko rendah. Keuntungan (*gain*) adalah peningkatan bersih dalam aset bersih (aset wakaf atau baitulmal) yang terhasil daripada memegang aset tersebut menghargai nilai semasa tempoh yang diliputi oleh penyata pendapatan atau dari perhubungan timbal balik dan tidak timbal balik yang bersampingan, kecuali untuk tidak timbal balik pemindahan dengan pemilik ekuiti atau pemegang akaun pelaburan. Tidak semua keuntungan hasil dari sebab yang sama. Beberapa hasil keuntungan dari bursa antara IFI dan entiti lain, sebagai contoh, keuntungan dari penjualan aset tetap yang tidak diperolehi untuk jualan dalam perniagaan biasa. Hasil keuntungan lain contohnya dari pemindahan *non-reciprocal* (satu sisi transaksi), sebagai contoh, sumbangan diterima oleh IFI. Di samping itu, keuntungan lain mungkin juga disebabkan oleh memegang aset manakala perubahan nilai semasa tempoh yang diliputi oleh penyata pendapatan (AAOIFI, SFA 1).

3.3.1.2 Pengukuran Hasil

Pendapatan hendaklah diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau boleh diterima [IAS 18.9; MPSAS 9]. Pertukaran barangan atau perkhidmatan yang serupa dan nilai tidak dianggap sebagai urus niaga yang menghasilkan pendapatan. Walau bagaimanapun, pertukaran untuk item yang tidak serupa dianggap sebagai hasil yang menjana. [IAS 18.12] Sekiranya aliran masuk tunai atau kesetaraan tunai ditunda, nilai saksama bagi balasan belum terima adalah kurang daripada jumlah nominal tunai dan kesetaraan tunai yang diterima, ini bermakna diskaun adalah sesuai. Ini akan berlaku, contohnya, jika penjual menyediakan kredit tanpa faedah kepada pembeli atau mengenakan kadar faedah di bawah pasaran. Faedah mesti dibuat berdasarkan harga pasaran. [IAS 18.11] Pendapatan yang timbul daripada penjualan barang harus diakui apabila semua kriteria berikut telah dipenuhi: [IAS 18.14] Pertama, penjual telah memindahkan kepada pembeli, risiko dan ganjaran yang tinggi. Kedua, pemilikan penjual tidak mengekalkan penglibatan pengurusan berterusan ke tahap yang biasanya dikaitkan dengan pemilikan atau kawalan berkesan ke atas barang yang dijual. Ketiga, jumlah hasil dapat diukur dengan pasti dan kemungkinan manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada penjual. Keempat, kos yang ditanggung atau yang ditanggung berkenaan dengan transaksi boleh diukur dengan pasti. Bagi hasil yang timbul daripada perkhidmatan yang diberi, dengan syarat bahawa semua kriteria tertentu telah dipenuhi, pendapatan harus diiktiraf dengan merujuk kepada peringkat penyelesaian transaksi pada tarikh lembaran imbalan (kaedah peratusan penyelesaian): [IAS 18.20]. Kriteria tersebut adalah seperti berikut; Jumlah hasil boleh diukur dengan pasti; terdapat kemungkinan manfaat ekonomi akan mengalir kepada penjual; peringkat siap pada tarikh kunci kira-kira boleh diukur dengan pasti; dan kos yang ditanggung, atau yang ditanggung, berkenaan dengan transaksi boleh diukur dengan pasti. Apabila kriteria di atas tidak dipenuhi, pendapatan yang timbul daripada pemberian perkhidmatan harus diakui hanya setakat perbelanjaan yang diiktiraf yang boleh diperolehi semula "pendekatan pemulihan kos". [IAS 18.26]

Dalam rangka Konseptual Islam, penentuan keuntungan (hasil) adalah lebih penting daripada penentuan keuntungan dalam kerangka kapitalis. Sebabnya dalam perniagaan bersama-sama contohnya (musharaka) dalam ekonomi Islam, semua pihak yang mana rakan kongsi, pelabur, usahawan, dan kerajaan, tertarik dengan keuntungan sebenarnya. Dalam rangka kerja kapitalis, yang memberikan modal sebagai kredit tidak boleh mendapatkan gambaran

keuntungan sebenar. Dari perspektif Islam, apabila syarikat menggabungkan dengan modal-modal dengan hasilnya, jadi jika ada yang salah, manipulasi keadaan berlebihan boleh menyebabkan serius ketidakadilan awam (Jaelani, 2016). Menurut pandangan Muhammad Akram Khan (1994: 20), jika kita menggunakan kaedah tunai penarafan semasa yang setara dengan aset (*cash and cash equivalent*), penentuan lebih mudah dan objektifnya. Keuntungan atau kerugian bermakna pengurangan tambahan dalam saat ini atau setara tunai ke atas aset pada akhir tempoh perakaunan. Jika ya, maka ia mengelakkan sebarang subjektiviti dalam penilaian aset dan liabiliti dan mengelakkan kerumitan yang timbul daripada kos sepadan dengan pendapatan, yang pada masa-masa mungkin sewenang-wenangnya. Kaedah ini juga mengekalkan pembangkang dalam perakaunan konvensional dalam menentukan nilai aset bersih, iaitu: peningkatan ini harus diukur dari segi keupayaan produktif kewangan atau fizikal. Oleh itu, dalam rangka Islam, itu adalah angka modal modal yang perlu dikekalkan sebelum keuntungan dapat ditentukan. Bagi kos semasa, ia sangat bergantung kepada penilaian bebas, untuk mencerminkan nilai pasaran semasa aset pada masa tertentu. Ia sangat subjektif, melainkan dilakukan oleh penilai profesional yang disahkan (Yaacob et al, 2012) dengan harga yang tinggi. Kritikan utama bagi kos sejarah ialah perubahan nilai aset semasa pemilikan mesti diiktiraf dan direkodkan dengan sewajarnya dalam akaun terutamanya jika terdapat kesan yang ketara daripada inflasi. Isu mungkin timbul kerana aset tertentu adalah unik dan sukar untuk mencari penggantian aset tersebut di pasaran untuk menentukan nilai. Kesannya, kos jadi isu siapa yang akan menanggung kos penilaian juga akan timbul (Khan, 1994).

3.3.2 Pengiktirafan dan Pengukuran bagi Belanja

Rangka kerja konsep konvensional menyatakan perbelanjaan boleh diiktiraf jika ada yang diharapkan aliran keluar ekonomi dan boleh diukur benar. Penilaian perbelanjaan berkaitan dengan aset dan liabiliti di mana perbelanjaan dan pendapatan tersebut berkaitan dengan perubahan dalam aset dan liabiliti. Prinsip pengiktirafan perbelanjaan menyatakan bahawa perbelanjaan hendaklah diiktiraf dalam tempoh yang sama dengan pendapatan yang berkaitan dengannya. Sekiranya ini tidak berlaku, perbelanjaan mungkin akan diiktiraf seperti yang ditanggung, yang mungkin terdahulu atau mengikut tempoh di mana jumlah pendapatan yang berkaitan diiktiraf. Pengiktirafan belanja juga telah dibuat apabila belanja telah dikenakan, bukan hanya apabila tunai telah dibayar. Hasil perlu dipadankan dengan belanja dikenakan dalam tempoh perakaunan yang sama untuk mengira untung atau rugi. Berdasarkan MPSAS

5 bagi kos pinjaman, kos ini perlu diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dimana ia ditanggung.

Dalam rangka kerja konsep AAOIFI, prinsip dasar untuk pengiktirafan perbelanjaan berlaku sama ada kerana perbelanjaan berkaitan langsung dengan pendapatan yang telah direalisasikan dan diiktiraf atau kerana berkaitan dengan jangka waktu tertentu yang diliputi oleh penyata pendapatan. Pengiktirafan perbelanjaan yang berkaitan langsung dengan hasil pendapatan yang telah direalisasikan dan diiktiraf didasarkan pada konsep Islam yang memberikan tanggungjawab untuk kos kepada penerima faedah. Umumnya, pendapatan bagi wakaf paling kerap dibelanjakan di masjid. Ini termasuk gaji imam-imam, guru-guru pengajian Islam, dan penyelenggaraan masjid hartanah. Sejak permulaan Islam, pendidikan telah dibiayai oleh wakaf dan melalui sumbangan sukarela. Oleh itu, pendidikan secara umum adalah yang kedua terbesar penerima hasil wakaf. Pembiayaan pendidikan biasanya meliputi perpustakaan, buku, gaji guru dan kakitangan lain. Wakaf terbesar ketiga adalah orang miskin yang mempunyai pendapatan yang sangat rendah, anak yatim miskin, orang kurang upaya, warga tua dan sebagainya (Hasan & Shahid, 2010).

3.3.3 Pengiktirafan dan Pengukuran bagi Liabiliti

Liabiliti amatlah penting diiktiraf dan dilaporkan untuk mengetahui sebanyak mana tanggungan yang dipegang oleh sesebuah organisasi. Kos sejarah merupakan kos sebenar yang dibayar atau ditanggung sewaktu urusan tersebut berlaku. Nilai asal perolehan aset atau liabiliti sentiasa dinyatakan di dalam penyata kewangan tahun tahun berikutnya. Menurut konsep pelaporan berasaskan nilai saksama, nilai atau angka aset dan liabiliti perlu disemak semula bagi memastikan nilai di dalam buku perakaunan adalah nilai saksama (nilai pasaran). Ini supaya penyata kewangan memberi gambaran terkini tentang perniagaan dan para pelabur dapat membuat penilaian dengan lebih tepat.

Banyak sarjana Islam bersetuju bahawa perakaunan kos semasa adalah yang paling dekat dengan konsep keperluan Islam di mana aset perniagaan dinilai atau dinilai berdasarkan tunai atau kuasa beli yang boleh diperolehi dengan melupuskan atau menjual aset di bawah syarat-syarat pelarasan teratur (Sulaiman, 2003). Terdapat juga kajian yang mencadangkan penggunaan kos sejarah dan nilai semasa akan meningkatkan akses maklumat laporan kewangan. Bagaimanapun, kedudukan ini tidak mempunyai sebarang traksi di kalangan ahli hukum Islam. Malah sehingga kos sejarah yang dicadangkan itu mengelirukan dan oleh itu

dianggap tidak sesuai untuk organisasi atau amalan Islam (Shahul, 2000). Ini disokong oleh Akram (1994) dan Syafei (2004) bahwa harga pasaran digunakan bagi hartanah dan barangan dan kondisi yang sama kerana kos sejarah dikatakan tidak relevan untuk keputusan masa depan.

3.4 PENDEDAHAN DAN PELAPORAN

3.4.1 Ciri-ciri Kualitatif Asas (Fundamental Qualitative Characteristic)

Rangka kerja konsep telah dikeluarkan oleh IASB pada tahun 2010 dan yang diterima pakai oleh MASB pada bulan November 2011 telah menggariskan 6 ciri-ciri kualitatif yang menjadikan maklumat pelaporan itu bermanfaat. Ciri-ciri Kualitatif ini dikelaskan kepada dua bahagian iaitu ciri-ciri kualitatif asas (*fundamental*) dan penambahbaikan (*enhancing*). Di dalam ciri-ciri kualitatif asas ini terdapat dua ciri-ciri kualitatif yang diperbahaskan iaitu relevan dan persembahan yang tulus dan jujur (*faithful representation*). Maklumat yang relevan mampu mengubah keputusan yang dibuat oleh pengguna. Ciri-ciri yang relevan ini haruslah mempunyai nilai ramalan (*predictive value*) yang boleh digunakan untuk meramalkan hasil masa depan, mempunyai nilai pengesahan (*confirmatory value*) yang mampu menyediakan maklum balas mengenai penilaian sebelumnya serta bersifat material, iaitu maklumat yang dilaporkan perlulah mempunyai ciri asas seperti material sama ada dari segi jumlah dan sifat. Ciri material ini merujuk kepada sesuatu item yang akan dianggap material atau penting jika pengecualian atau penyimpangan maklumat memberi kesan kepada keputusan pengguna. Bagi persembahan yang tulus dan jujur (*faithful representation*) pula, maklumat atau informasi harus mewakili keadaan sebenar sesuatu perniagaan atau entiti diiringi dengan ciri yang lengkap (*complete*) termasuk semua maklumat yang diperlukan untuk pengguna memahami kedudukan perniagaan, ciri yang neutral iaitu maklumat tidak dicantas, ditimbang, ditekankan, disekat atau dimanipulasi serta bersifat bebas dari kesilapan (*free from error*) dimana tiada kesilapan dalam maklumat atau peninggalan maklumat dalam proses yang digunakan untuk menghasilkan maklumat.

3.4.2 Ciri-ciri Kualitatif Penambahbaikan (Enhancing Qualitative Characteristic)

Di samping ciri-ciri kualitatif asas, rangka kerja konsep juga menggariskan empat tambahan ciri-ciri kualitatif penambahbaikan. Ciri-ciri ini bertujuan untuk meningkatkan kegunaan maklumat kewangan sesebuah entiti. Maklumat kewangan akan menjadi lebih bermanfaat

dan berguna sekiranya maklumat bercirikan kebolehbandingan (*comparability*), boleh disahkan (*verifiable*), tepat masa (*timely*) dan kebolehfahaman (*understandable*). Merujuk kepada ciri kebolehbandingan (*comparability*) ini, maklumat kewangan yang disediakan membolehkan pengguna memahami persamaan dan perbezaan melalui perbandingan antara tempoh bagi syarikat, industri dan negara. Perbandingan ini boleh dicapai dengan penggunaan kaedah yang konsisten, format untuk pendedahan dan pelaporan yang sama, dan merujuk kepada piawaian perakauan yang seragam dalam menyediakan laporan kewangan. Maklumat yang berasaskan pengesahan (*verifiability*) atau mampu disahkan oleh pemerhati bebas yang berpengetahuan berbeza dapat mencapai kesepakatan, walaupun bukan kesepakatan lengkap. Ini bermakna pendedahan oleh syarikat berkenaan kaedah, anggaran dan andaian yang dibuat dalam menilai aset dan liabilitinya akan membolehkan pengguna berpengetahuan mencapai persetujuan bahawa nilai aset dan liabiliti syarikat berada dalam lingkungan nilai tertentu.

Manakala, maklumat yang dilaporkan mengikut masa yang tepat (*Timeliness*) oleh sesuatu organisasi juga perlu disediakan dalam masa untuk mempengaruhi keputusan. Maklumat yang telah lama atau lapuk, semakin kurang berguna. Maklumat kewangan juga perlu mempunyai ciri yang mudah difahami (*understandability*) untuk meningkatkan kegunaan atau menambahbaik laporan maklumat kewangan tersebut. Ciri-ciri maklumat yang berguna adalah maklumat yang bersifat mudah difahami dimana pelapornya mampu mengelaskan, mencirikan dan menyampaikan maklumat dengan jelas dan ringkas agar dapat difahami. Laporan yang bercirikan “*understandability*” ini haruslah mudah difahami oleh pemakainya yang terdiri daripada pelbagai pihak seperti pelabur, penguatkuasa korporat, pemegang saham, pemiutang dan sebagainya. Para pengguna maklumat kewangan dianggap sebagai pengguna berpengetahuan yang membolehkan mereka mengkaji semula dan menganalisa maklumat dengan baik. Tambahan pula, adalah perlu diambil perhatian, maklumat yang rumit juga perlu didedahkan dan dilaporkan walaupun maklumat tersebut mungkin lebih susah untuk difahami. Oleh itu, rangka kerja konsep turut menyatakan bahawa, ciri-ciri kualitatif ini perlu dimaksimumkan setakat mungkin dan mengambilkira usaha-usaha untuk menambahbaik dan meningkatkan keupayaan membuat perbandingan, pengesahan, masa yang tepat dan mampu difahami bagi maklumat kewangan yang disediakan.

3.4.3 Pendedahan dan Pelaporan Menurut Maqasid Syariah

Perakaunan dari perspektif Islam harus memberikan semua maklumat yang diperlukan dan diperlukan kepada pihak yang berminat atau pihak yang berkepentingan tidak seperti perakaunan konvensional yang memberi tumpuan lebih kepada penyedia sumber tertentu seperti pemegang saham, pelabur dan pemiutang. Dalam menyediakan pelaporan maklumat kewangan, pendekatan Syariah yang juga perlu digunapakai adalah berdasarkan konsep Maqasid Syariah. Maqasid Syariah ialah matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat Islam demi kepentingan umat manusia. Ibn Rusyd menyifatkan maqasid sebagai hikmah di sebalik pensyariatan sesuatu hukum. Pada pandangan al-Syatibi, Allah menetapkan syariat-Nya untuk memberikan kebaikan (*maslahah*) kepada manusia dan mengelakkan kerosakan (*mafsadah*) daripada menimpa. Ia merangkumi dalam tiga kategori berikut, kepentingan *dharuriyyat*, iaitu segala yang paling penting dalam kehidupan manusia dimana kehidupan manusia akan menjadi rosak sama ada di dunia atau di akhirat jika kepentingan asas ini tidak ada atau tidak dipenuhi. Keperluan *hajiyyat* iaitu keperluan hidup untuk memudahkan kehidupan di dunia dan akhirat yang mana manusia akan menghadapi kesempitan tanpa asas ini dipenuhi. Keperluan *tahsiniyyat* iaitu keperluan yang berbentuk keselesaan dan kecantikan. Menjaga dan memelihara harta adalah salah satu dari tujuan pensyariatan (*maqasid Syariah*). Ibn Nujaim dalam kitabnya yang terkenal turut membahaskan tentang ilmu maqasid iaitu *Al-Asybah Wal-Nazair*.

Oleh itu keperluan melaporkan dan mendedahkan maklumat kewangan berkenaan WZB boleh menggunakan pendekatan konsep maqasid Syariah. Pertimbangan yang menjadi kayu pengukur ini semestinya berlandaskan nilai-nilai al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi asas sebelum pendekatan teori *maslahah* digunakan. Ini untuk memastikan piawaian yang dilakukan masih di dalam kerangka syariat. Contohnya, maklumat kewangan yang bersifat *dharuriyyat* perlulah dipenuhi oleh setiap majlis agama contohnya maklumat kewangan yang mempunyai ciri-ciri kualitatif asas seharusnya menjadi kepentingan *dharuriyyat*, yang amat penting untuk dilaporkan contohnya ciri *faithful representation* yang mementingkan persembahan yang telus dan jujur serta mewakili keadaan sebenar. Jujur dan telus amat dituntut dalam kehidupan terutamanya ketika manusia berurusan sesama mereka dalam kegiatan ekonomi. Tanpa sifat ini, manusia akan hidup dalam keadaan permusuhan, dendam dan api kebencian.

Dari perspektif perakaunan, *haajiyat* ialah kepentingan maklumat kewangan yang diperlukan oleh manusia bagi memberi kemudahan kepada mereka dan menghapuskan kesempitan yang membawa kepada kesulitan dan kesukaran dengan ketiadaannya. Manakala ketiadaannya pula tidaklah sehingga membawa kepincangan dalam hidup manusia sebagaimana yang berlaku dalam teori *dharuriyyat* tetapi ia membawa kesukaran hidup mereka. Sebagai contoh, keperluan mendedahkan dan melaporkan maklumat berkenaan harta wakaf dilengkapi dengan butiran-butiran yang terperinci dapat memberikan kemudahan kepada pengguna maklumat menjauh kesulitan dan kesukaran untuk membuat keputusan. Para ulama perundangan Islam telah membuat ketetapan bahawa *masalah dharuriyyat* mestilah diutamakan dari *masalah hajiyyat* dengan alasan bahawa *masalah dharuriyyat*, jika tidak dilaksanakan akan membawa kecacatan hidup di dunia serta hilang nikmat di akhirat. Sedangkan membelakangi *masalah hajiyyat* tidak menyebabkan cacat sistem hidup. Ia cuma mengakibatkan kesusahan dan kesukaran sahaja, lantaran itulah *masalah dharuriyyat* diutamakan (Zainal Abidin, 2016).

Mustaffha dan Zainal (2016) berpendapat bahawa nampaknya pendedahan butiran wakaf tidak sesuai dengan objektif perakaunan Islam, sama ada untuk maklumat awam atau yang paling penting kepada waqif. Dalam Islam, pendedahan yang tepat diperlukan untuk mengelakkan keraguan dan akibatnya pertikaian di antara pihak yang terlibat dengan memastikan keadilan dan dengan pendedahan orang ramai dan waqif dapat mengetahui bahawa *mutawalli* telah mencatat dengan betul dengan tepat pemindahan dan pengagihan hak dan kekayaan harta yang seterusnya. Ini dapat meningkatkan ketelusan dan pendedahan aktiviti wakaf oleh mutawwali, dan mewujudkan persekitaran akauntabiliti untuk institusi Islam.

Pendedahan dan pelaporan yang berprinsipkan konsep maqasid Syariah ini perlu diberi perhatian bagi mencapai pendedahan dan pelaporan yang sesuai dengan objektif perakaunan Islam. Pendekatan maqasid Syariah dalam pendedahan dan pelaporan bagi institusi WZB ini akan dibincangkan secara lebih terperinci di dalam bab 6.

BAB EMPAT

KAEDAH PENYELIDIKAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini bertujuan untuk menghuraikan kaedah kajian, kaedah pengumpulan data serta analisis data untuk tujuan menjawab objektif kajian pertama hingga keempat. Berikut adalah penerangan struktur bab ini; bahagian pertama menyatakan objektif dan persoalan kajian, diikuti dengan penerangan kaedah penyelidikan yang digunakan di bahagian kedua, seterusnya kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis bagi tujuan menjawab persoalan kajian di bahagian terakhir.

4.1 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Penyelidikan ini merupakan inisiatif Jabatan Akauntan Negara dan dilaksanakan keatas Majlis Agama Islam (MAIN). Laporan Zon 3 akan hanya membuat penerangan serta menyampaikan dapatan kajian untuk empat MAIN iaitu MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP serta entiti berkaitan seperti Pusat Pungutan Zakat (Wilayah Persekutuan) dan Pusat Kutipan Zakat (Pahang). Fasa 3 penyelidikan perakaunan dan pelaporan Islam bagi institusi WZB ini adalah kesinambungan dari Fasa 1 dan 2 yang memfokuskan kepada pembangunan piawaian bagi pendedahan dan pelaporan. Fasa 2 pula memberikan perhatian kepada perakaunan aset dan yang berkaitan dengannya.

Sepertimana Fasa 1 dan Fasa 2, kajian Fasa 3 ini juga mempunyai empat objektif serta beberapa persoalan kajian berkaitan seperti yang disenaraikan di dalam Jadual 4.1 berikut.

Jadual 4.1: Objektif Kajian dan Persoalan Kajian

OBJEKTIF KAJIAN	PERSOALAN KAJIAN
<p><u>Objektif Kajian 1</u></p> <p>Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan dengan hasil, belanja dan liabiliti untuk institusi WZB oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)</p>	<p><u>Persoalan Kajian 1</u></p> <p>Apakah amalan perakaunan semasa berdasarkan piawaian perakaunan konvensional bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja dan liabiliti berkaitan WZB oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)</p>
<p><u>Objektif Kajian 2</u></p> <p>Mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB</p>	<p><u>Persoalan Kajian 1</u></p> <p>Apakah kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan yang perlu dalam kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi hasil, belanja dan liabiliti berkaitan WZB?</p> <p><u>Persoalan Kajian 2</u></p> <p>Apakah jenis dan kualiti maklumat yang perlu didedahkan di dalam pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB?</p>
<p><u>Objektif Kajian 3</u></p> <p>Mengenalpasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijmak Ulama dan Qias) dan batas-batas perundangan sivil berkaitan dengan hasil, belanja dan liabiliti dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi WZB</p>	<p><u>Persoalan Kajian 1</u></p> <p>Apakah keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijmak Ulama dan Qias) bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan berkaitan hasil, belanja dan liabiliti bagi institusi WZB oleh Majlis Agama Islam negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?</p> <p><u>Persoalan Kajian 2</u></p> <p>Apakah batas-batas perundangan sivil berbanding keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijmak Ulama dan Qias) bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja dan liabiliti berkaitan WZB oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)</p>
<p><u>Objektif Kajian 4</u></p> <p>Mencadangkan maklumat berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja dan liabiliti sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi WZB yang memenuhi keperluan Syariah dan perundangan sivil</p>	<p><u>Persoalan Kajian 1</u></p> <p>Apakah keperluan piawaian perakaunan bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan WZB</p>

Fasa 3 ini memberi penumpuan keatas perakaunan hasil, belanja dan laibiliti berikut:

- i. Hasil dari urusanniaga pertukaran (MPSAS 9)
- ii. Hasil dari urusanniaga bukan pertukaran (MPSAS 23)
- iii. Instrumen Kewangan (MPSAS 28, 29 & 30)
- iv. Peruntukan Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka (MPSAS 19)
- v. Manfaat Pekerjaan (MPSAS 25)

- vi. Kos Pinjaman (MPSAS 5)
- vii. Kontra Pembinaan (MPSAS 11)
- viii. Kesan Perubahan Mata Wang Asing (MPSAS 4)

4.2 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah lebih berbentuk deskriptif. Penggunaan kaedah *mixed method* yang menggabungkan teknik kualitatif dan kuantitatif yang mantap dengan cara yang kreatif untuk menjawab soalan penyelidikan yang ditimbulkan oleh reka bentuk penyelidikan kajian campuran bagi pengumpulan data digunakan dalam penyelidikan ini, bagi mencapai objektif serta menjawab persoalan-persoalan kajian, iaitu merangkumi *content analysis* dan temubual kumpulan fokus (*focus group discussion*). Kaedah persampelan utama yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah persampelan tertumpu (*purposive sampling*). Teknik pensampelan purposif juga telah dirujuk sebagai persampelan ketidakprobabiliti atau pensampelan *purposeful* atau "sampling kualitatif." Seperti yang dinyatakan di atas, pensampelan purposive ialah teknik melibatkan pemilihan unit atau kes tertentu berdasarkan 'tujuan tertentu dan bukannya secara rawak" (Tashakkori & Teddlie, 2003a, ms 713). Beberapa pengarang lain (contohnya, Kuzel, 1992; LeCompte & Preissle, 1993; Miles & Huberman, 1994; Patton, 2002) juga telah dibentangkan teknik pensampelan purposive. Memandangkan kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data dan analisis yang berbeza untuk setiap objektif kajian, maka penerangan mengenai kaedah penyelidikan dibuat berdasarkan kepada objektif penyelidikan.

4.2.1 Objektif Kajian Pertama

Objektif kajian pertama bagi penyelidikan ini adalah untuk "Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan WZB oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN)."

4.2.1.1 Pengumpulan Data

Bagi mencapai objektif kajian ini, iaitu memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan di MAIN, kumpulan penyelidik telah membangunkan instrumen penyelidikan untuk setiap kategori aset serta yang berkaitan sepertimana di Lampiran XXX. Bagi tujuan pembangunan instrumen penyelidikan, kumpulan penyelidik telah membuat rujukan keatas

piawaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara yang digunapakai oleh sektor awam iaitu Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standard [MPSAS]*) yang menggunakan kaedah “*Diagnostic tool*” (Murphy, 2015). MPSAS yang terlibat adalah MPSAS 9 bagi Hasil dari urusniaga pertukaran, Hasil dari urusniaga bukan pertukaran (MPSAS 23), Instrumen Kewangan (MPSAS 28, 29 & 30), Peruntukan Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka (MPSAS 19), Manfaat Pekerjaan (MPSAS 25), Kos Pinjaman (MPSAS 5), Kontrak Pembinaan (MPSAS 11) dan Kesan Perubahan Mata Wang Asing (MPSAS 4)

Dua peringkat pengumpulan data telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat amalan semasa perakaunan WZB seperti berikut:

Peringkat Pertama dan Kedua:

Pengumpulan data pada peringkat ini menggunakan Penyata Kewangan DiAudit Tahun 2016. Ia merupakan penyata kewangan terkini untuk tujuan *content analysis* amalan perakaunan semasa dengan menggunakan instrumen kajian. Peringkat ini dilaksanakan pada bulan April dan Mei 2017.

Peringkat Ketiga

Pada peringkat ini penyelidik menjalankan temubual kumpulan fokus dengan pengurusan tertinggi MAIN serta akauntan, pegawai wakaf, pegawai zakat, pegawai baitulmal dan pegawai undang-undang. Temubual ini adalah bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai dapatan peringkat pertama. Peringkat ini dijalankan pada bulan Julai dan September 2018. Berikut adalah temubual kumpulan fokus yang telah dijalankan:

Jadual 4. 1: Tarikh dan Pegawai yang Ditemubual

MAIN	TARIKH	PEGAWAI YANG DITEMUBUAL
MAIWP	<ul style="list-style-type: none"> 13 Julai 2018 	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Akauntan (3) Pegawai Wakaf Pegawai Zakat Pegawai Baitulmal Pegawai Undang-Undang
MAIK	<ul style="list-style-type: none"> 2-3 Mei 2018 	Timbalan Yang Di Pertua Akauntan Pegawai Wakaf Pegawai Zakat Pegawai Baitulmal Pegawai Undang-Undang
Jabatan Audit Negeri	<ul style="list-style-type: none"> 2 Mei 2018 	Pengarah Audit Negeri

Kelantan		Pegawai Audit Negeri
MAIDAM	<ul style="list-style-type: none"> 6-7 Mei 2018 	Akauntan (2) Pegawai Wakaf Pegawai Zakat Pegawai Baitulmal
MUIP	<ul style="list-style-type: none"> 9-10 Julai 2018 	Akauntan Pegawai Wakaf Pegawai Zakat Pegawai Undang-Undang
Jabatan Audit Negeri Pahang	<ul style="list-style-type: none"> 10 Julai 2018 	Pengarah Audit Negeri Timbalan Audit Negeri Pegawai Audit yang terlibat.
Pakar Syariah	<ul style="list-style-type: none"> 12 September 2018 	Ustaz Engku Ahmad Fadzil Engku Ali Penasihat Syariah, Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM).

4.2.1.2 Analisis Data

Analisa data dibuat berdasarkan kepada peringkat pengumpulan data seperti berikut:

Peringkat Pertama:

Peringkat ini menggunakan kaedah ringkas deskriptif sama ada amalan yang di nyatakan di dalam instrumen dilaksanakan atau sebaliknya dengan merujuk kepada Penyata Kewangan. Semakan keatas penyata kewangan tidak terhad kepada maklumat kewangan yang dilaporkan di dalam penyata-penyata kewangan tetapi juga di dalam laporan naratif.

Peringkat Kedua:

Temubual kumpulan fokus ditranskrip untuk mendapat maklumat lanjut mengenai amalan perakaunan semasa di MAIN berkaitan.

Pengumpulan data di kedua-dua peringkat untuk setiap MAIN adalah menggunakan instrumen sepertimana Lampiran 4A - 4H. Analisa dapatan dilaksanakan pada bulan Julai hingga September 2018. Ringkasan dapatan seperti di Lampiran ini seterusnya dihantar semula kepada pegawai di MAIN untuk semakan dan pengesahan dapatan dari setiap MAIN masing-masing. Maklumbalas dari MAIN telah diterima semula pada bulan Oktober-November 2018.

4.2.2 Objektif Kajian Kedua

Objektif kajian kedua bagi penyelidikan ini adalah untuk ‘Mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB.’

4.2.2.1 Pengumpulan Data

Objektif Kajian Kedua Fasa 3 ini adalah kesinambungan dari Objektif Kedua Fasa 2. Fasa 2 telah membuat pengumpulan data melalui bahan-bahan dokumentasi dan temubual kumpulan fokus (ahli Syariah – Syariah *experts/scholars*) yang mengesahkan bahan-bahan dokumentasi untuk Kerangka Kerja Konseptual perakaunan Islam. Kaedah tersebut adalah bersandarkan kepada pandangan Imam As- Syatibi (al- muwafaqat), sementara dari segi teknikal berdasarkan pandangan imam AS- Sayuti (Ashbah wa an-Nazair).

Kaedah pengumpulan data dengan merujuk kepada dokumen literatur dan temubual dengan ahli Syariah (*experts/scholars*) diteruskan untuk Fasa 3. Penyelidik telah mengadakan satu temubual bagi tujuan ini seperti berikut;

- i. 3 Ogos 2018 – Ustaz Engku Ahmad Fadzil Engku Ali sebagai Penasihat Syariah, Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM).
- ii. Pelbagai tarikh secara informal bersama rakan sekerja dari Fakulti Ekonomi yang terbabit secara terus didalam Ekonomi Islam antaranya Dr Mustafa Omar, Dr Ibrahim Nuhu Tahir, Dr Syed Musa al-Habshi, Prof. Aslam Haneef, Dr Noraini Ahmad

4.2.2.2 Analisis Data

Temubual ditranskrip dan digunakan bagi mengemaskini dan mengukuhkan kerangka konseptual perakaunan Islam dan mengenal pasti keperluan Syariah.

4.2.3 Objektif Kajian Ketiga

Objektif kajian kedua bagi penyelidikan ini adalah untuk ‘Mengetahui keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijmak Ulama dan Qias) dan batasan perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi WZB.’

4.2.3.1 Pengumpulan Data

Bagi mencapai objektif ketiga, pengumpulan data terbahagi kepada dua iaitu mengenalpasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijmak Ulama dan Qias) dan batasan perundangan Sivil dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam bagi wakaf zakat dan

baitulmal. Dalam mengenal pasti item-item pendedahan yang memenuhi keperluan Syariah, bermula dengan mengenal pasti item-item pendedahan berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan perakaunan Islam serta kajian yang mengkhusus kepada pelaporan bagi Institusi wakaf dan zakat; berdasarkan kepada Al-Quran, Hadith, Ijmak Ulama dan Qias yang berkaitan dengan objektif kajian dan berdasarkan juga kepada *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), AAOIFI Syariah Standards*.

Penyelidik juga membuat analisa keatas akta/enakmen yang berkaitan bagi mengenal pasti batasan perundangan sivil. Berikut adalah senarai akta/enakmen yang disemak dan dianalisa untuk tujuan objektif ketiga:

- i. Perlembagaan Persekutuan
- ii. Kanun Tanah Negara 1965
- iii. Akta Pengambilan Tanah 1960
- iv. Akta Pemilikan Strata 2013
- v. Akta Acara Kewangan 1957
- vi. Akta Badan Berkanun 1980
- vii. Akta Syarikat 1957
- viii. Akta 505 – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
- ix. Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
- x. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001
- xi. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang 1991

4.2.3.2 Analisis Data

Temubual telah ditranskrip dan digunakan untuk mengemaskini keperluan Syariah. Perbincangan terperinci mengenai dapatan ini dilaporkan di dalam Bab 6. Perbincangan dapatan yang lebih terperinci tentang semakan dan batas perundangan sivil dilaporkan di dalam Bab 7.

4.2.4 Objektif Kajian Keempat

Objektif kajian keempat bagi penyelidikan ini adalah untuk “Mencadangkan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi WZB yang memenuhi keperluan Syariah dan perundangan sivil.”

Bagi mencapai objektif kajian keempat, penyelidik merangkumkan kesemua dapatan untuk objektif kajian pertama sehingga ketiga iaitu meliputi dapatan amalan perakaunan semasa, temubual kumpulan fokus yang dijalankan ke atas pegawai-pegawai MAIN, temubual kumpulan fokus ke atas pakar Syariah, fiqah, ekonomi Islam dan perakaunan Islam, serta analisa ke atas akta/enakmen yang berkaitan. Disamping itu, penyelidik memberi cadangan maklumat berdasarkan kepada bahan-bahan rujukan muktabar dan literatur perakaunan aset yang relevan.

4.3 RUMUSAN

Bab ini telah membincangkan metodologi kajian yang digunakan bagi mencapai Objektif Kajian Pertama hingga Keempat. Kaedah pengumpulan data bagi mencapai setiap objektif kajian telah dibincangkan. Kaedah pengumpulan data tersebut meliputi kaedah tembual sama ada secara individu atau secara kumpulan fokus dengan pihak Institusi WZB serta temubual dengan pakar-pakar termasuk pakar fiqah muamalat, ekonomi Islam dan perakaunan Islam. Selain itu, kaedah analisis kandungan ke atas penyata kewangan Institusi WZB, akta/enakmen yang berkaitan keperluan Syariah dengan MPSAS juga telah diaplikasikan dalam pengumpulan data. Kaedah persampelan utama yang digunakan adalah kaedah persampelan tertumpu (*purposive sampling*). Seterusnya, data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dan kaedah pemetaan kognitif. Empat bab seterusnya akan melapor dan membincangkan dapatan kajian berdasarkan keempat-empat objektif kajian.

BAB LIMA

AMALAN SEMASA PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN – PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN DAN PENDEDAHAN HASIL, BELANJA DAN LIABILITI INSTITUSI WZB DI MALAYSIA

5.0 PENDAHULUAN

Penyelidikan dalam Fasa 3 ini secara khususnya akan memberi penumpuan ke atas kriteria-kriteria pengiktirafan dan pengukuran bagi hasil, perbelanjaan dan liabiliti serta maklumat untuk tujuan pendedahan bagi WZB. Sapertimana yang telah dinyatakan diatas, Fasa 3 ini akan membuat penelitian atas MPSAS 4 (Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing), MPSAS 5 (Kos Pinjaman), MPSAS 9 (Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran), MPSAS 11 (Kontrak Pembinaan), MPSAS 19 (Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka), MPSAS 23 (Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran - Cukai dan Pindahan), MPSAS 25 (Manfaat Pekerja), MPSAS 28 (Instrumen Kewangan: Persembahan), MPSAS 29 (Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran) dan MPSAS 30 (Instrumen Kewangan: Pendedahan).

Kumpulan penyelidikan kami mengkaji amalan terkini empat (4) MAIN iaitu Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Di samping itu, kami juga mengkaji kedua-dua institusi kutipan zakat MUIP dan MAIWP masing-masing iaitu Pusat Kutipan Zakat (PKZ) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ).

Kajian amalan perakaunan semasa akan membincangkan isu berkaitan pengiktirafan, pengukuran, dan pendedahan dan pelaporan. Sehubungan dengan isu-isu pengiktirafan, kajian ini akan mengkaji isu klasifikasi hasil, belanja dan liabiliti, kriteria pengiktirafan dan titik pengiktirafan. Berkenaan dengan isu pengukuran, kajian ini akan memberi tumpuan khusus kepada pengukuran pada tarikh titik permulaan pengiktirafan dan pengukuran berikutnya. Akhirnya, penyelidikan akan membincangkan isu berkaitan pembentangan dan pendedahan. Isu-isu ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian berikut.

Secara umum, semua akaun WZB telah disatukan dalam akaun akhir MAIN. Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2016, semua MAIN telah berpindah ke MPERS sebagai asas penyediaan penyata kewangan, kecuali MUIP.

5.1 MPSAS 23: HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN (CUKAI DAN PINDAHAN)

Seksyen ini akan membincangkan amalan semasa bagi hasil yang diterima daripada urusan niaga bukan pertukaran bagi MAIN berkaitan. MPSAS 23 mentakrifkan hasil daripada urusan niaga pertukaran sebagai aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diterima dan belum terima oleh entiti pelaporan (i.e. MAIN), yang menunjukkan peningkatan dalam aset/ekuiti bersih, selain peningkatan yang berkaitan dengan sumbangan daripada pemilik. Urusan niaga bukan pertukaran pula melibatkan penerimaan oleh sesuatu entiti sesuatu sumber tanpa memberikan apa-apa ganjaran atau menyediakan ganjaran nominal dengan segera sebagai balasan. Penerimaan zakat, aset wakaf, wakaf tunai, sadaqah, infaq dan faraid merupakan urusan niaga-urusan niaga bukan pertukaran yang terdapat di MAIN yang berkaitan dan ianya adalah aktiviti operasi utama bagi MAIN secara amnya. Sebarang kos berhubung dengan hasil yang diperoleh daripada urusan niaga bukan pertukaran, hasil itu ialah aliran masuk kasar manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan, dan apa-apa aliran keluar sumber diiktiraf sebagai kos urusan niaga.

5.1.1 Jenis-jenis Hasil

Berdasarkan kepada semakan keatas Penyata Kewangan MAIK, MAIDAM, MUIP dan MAIWP bagi tahun 2016 serta perbincangan kumpulan fokus bersama pegawai-pegawai yang terlibat dengan pentadbiran WZB, urusan niaga bukan pertukaran di MAIN berkaitan adalah terdiri dari terimaan berkaitan, WZB. Ianya merupakan urusan niaga utama di MAIN berdasarkan kepada fungsi MAIN sebagai pentadbir zakat dan baitulmal serta pemegang amanah tunggal wakaf. Terdapat juga terimaan *sadaqah*, sumbangan, fidyah, *luqatah* dan faraid tetapi nilainya adalah tidak signifikan. Jadual 5.1 berikut menyenaraikan jenis hasil yang diterima daripada urusan niaga bukan pertukaran di MAIN bagi setiap kumpulan wang.

Jadual 5.1: Senarai Hasil bagi Urusniaga Bukan Pertukaran di MAIN(2016)

JENIS HASIL	KUMPULAN WANG	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
		W	Z	SA	W	Z	BM	W	Z	BM	W	Z	BM
Zakat		TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√	TB
Bahagian 'amil zakat ¹		TB	√*	TB	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√
Wakaf tunai		√	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB
Istibdal wakaf		√	TB	TB	X	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB
Wakaf Khas		√	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	X	TB	TB
Derma/Sumbangan		TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√
Fidyah/Luqatah		TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√
Faraid (Tunai)		TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√
Geran daripada kerajaan		TB	TB	√	TB	TB	TB	TB	TB	√	TB	TB	√

Nota:

W – Wakaf; Z – Zakat; SA – Sumber Am; B – Baitulmal

¹Isu berkaitan bahagian amil zakat sama ada dipindahkan ke Kumpulan Wang BaitulMal atau pun tidak.

√ - Wujud transaksi pada tahun laporan 2016

X – Tidak wujud transaksi pada tahun laporan 2016

TB – Tidak berkaitan

Berdasarkan jadual di atas, setiap MAIN mempunyai urusniaga zakat yang merangkumi terimaan atau kutipan pelbagai jenis zakat termasuk zakat fitrah dan agihan zakat kepada asnaf. Kutipan zakat bagi MAIWP dan MUIP dilaksanakan oleh anak syarikat masing-masing iaitu Pusat Pungutn Zakat (PPZ) dan Pusat Kutipan Zakat (PKZ). Kedua-duanya bertindak sebagai agen kutipan zakat sahaja manakala pengagihan zakat kepada asnaf adalah dilaksanakan oleh MAIN. Bagi MAIK dan MAIDAM, kedua-dua fungsi kutipan dan pengagihan zakat dilaksanakan sendiri. Bagi kedua-dua model pentadbiran zakat, MAIN masih lagi menjalankan tugas sebagai amil dan berhak menerima imbuhan sebagai amil sepertimana yang dinyatakan di jadual di atas. Bahagian amil di MAIK, MAIDAM dan MUIP di pindahkan ke KW Baitulmal atau KW Pentadbiran. Walaubagaimanapun di MAIWP, tiada maklumat yang nyata bagi bahagian ini memandangkan operasi MAIWP adalah di dalam KW Zakat secara keseluruhannya.

Antara contoh agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAIWP ialah bantuan perubatan atau rawatan penyakit kronik, bantuan sewaan rumah, bantuan fakir dan miskin. MAIWP sebagai contoh memberikan bantuan rawatan haemodialysis kepada pesakit buah pinggang. MAIDAM pula membuat bantuan tetap kepada institusi yang mengendalikan dakwah keatas muallaf dan

rumah anak-anak yatim termasuklah Darul Akhyar serta madrasah-madrasah moden MAIDAM. Bantuan-bantuan tetap ini juga terdapat di MAIK dan MUIP. Agihan zakat kepada asnaf tersebut diatas adalah kaedah agihan secara langsung (*consumptive*) dan tidak-langsung (*productive*). Kaedah agihan zakat secara langsung kebanyakannya adalah secara tunai atau setara tunai manakala agihan zakat secara tidak-langsung dibuat melalui pemberian aset seperti bangunan rumah, kenderaan atau alatan. Sebahagian besar dari agihan langsung yang juga dikenali sebagai agihan tetap dimana asnaf akan menerima agihan zakat untuk tempoh jangka masa yang panjang atau dalam kata lain mempunyai elemen produktif.

Antara contoh-contoh lain agihan yang terdapat elemen produktif yang dibuat secara terus kepada asnaf berkaitan ialah penyediaan bangunan atau kemudahan-kemudahan beserta penyelenggaraan untuk sesuatu kumpulan asnaf oleh MAIN. Agihan secara terus kepada asnaf berkaitan dibuat melalui pemberian aset seperti bangunan rumah, kenderaan atau alatan. Antara agihan terus kepada asnaf dalam bentuk ini seperti di MAIDAM adalah dalam bentuk rumah kepada asnaf yang dibina diatas tanah milik asnaf, pembinaan perumahan asnaf seperti Daruzzakah di Kemaman untuk asnaf mualaf, pembinaan 40 buah rumah asnaf menggunakan agihan zakat BIMB serta pembelian enjin bot dan motosikal. Bagi pembelian enjin bot dan motosikal, keduanya boleh diambil semula oleh MAIDAM sekiranya asnaf tidak menggunakan enjin bot dan motosikal seperti yang sepatutnya. MAIK dan MUIP juga ada membuat agihan dalam bentuk rumah kepada asnaf yang dibina diatas tanah asnaf. Di MAIWP, agihan secara tidak-langsung adalah dalam bentuk bangunan atau kemudahan-kemudahan beserta penyelenggaraan untuk sesuatu kumpulan asnaf. Contohnya ialah pembinaan bangunan Daruzzakah bagi kegunaan asnaf mualaf dan sekolah untuk asnaf *fi sabilillah*. Apa yang menarik ialah bangunan ini adalah dikawal dan ditadbir oleh MAIWP sepenuhnya.

Urusniaga bukan pertukaran wakaf terdiri daripada wakaf tunai dan wang *istibdal* wakaf. Terdapat urusniaga wakaf tunai di keempat-empat MAIN manakala *istibdal* wakaf terdapat di MAIWP, MAIDAM dan MUIP sahaja. Wakaf tunai pula boleh dikategorikan sebagai wakaf am dan wakaf khas. Sekiranya tujuan wakaf tunai ini telah ditetapkan, maka wakaf tunai ini akan dikategorikan sebagai wakaf khas sepertimana wakaf tunai yang di wujudkan untuk tujuan pembaikan dan pengubahsuaian Masjid Muhammadi Kota Bharu. Di MAIWP juga terdapat

wakaf tunai khas yang diwujudkan untuk pembinaan sebuah masjid di Putrajaya. Di MAIDAM pula, terdapat *istibdal* wakaf Tok Pelam yang masih dalam proses mencari gantian untuk wakaf berkenaan. Bagi urusan hasil wakaf khas *dzurri* (keluarga) pula seperti wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy Kuala Lumpur, MAIWP menyelenggara maklumat dan akaun berkaitan dengannya secara berasingan. Begitu juga bagi wakaf khas Diraja Chenderong Concession yang ditadbir oleh MAIDAM. Di Kelantan terdapat wakaf khas Tengku Pahlawan yang di tadbir oleh MAIK dan maklumat berkaitan dengannya turut diselenggara secara berasingan.

Secara amnya terdapat dua jenis caruman atau geran yang diterima dari kerajaan pusat/negeri agensi-agensi kerajaan. Sebahagian besar dari caruman atau geran berkenaan adalah untuk tujuan pembiayaan operasi MAIN sepertimana geran yang diterima oleh MAIWP dan MAIDAM. Geran yang diterima dari agensi seperti JAKIM adalah khusus untuk tujuan elaun imam masjid atau guru KAFA dan pentadbiran masjid-masjid di negeri berkaitan sepertimana yang diterima oleh MAIDAM dan MAIK. MAIK juga turut menerima sumbangan ‘wang ihsan’ dari kerajaan persekutuan yang di rekod sebagai hasil KW Amanah.

Lain-lain hasil dari urusan bukan pertukaran di MAIN adalah terdiri dari derma/sumbangan, fidyah, *luqatah* dan faraid secara tunai. Derma atau sumbangan ini di terima dari badan-badan bukan kerajaan atau swasta. *Luqatah* pula ialah barangan atau tunai yang dijumpai dan tidak dapat dikenalpasti tuannya. Jumlah terimaan fidyah, *luqatah* dan faraid secara tunai adalah tidak signifikan di keempat-empat MAIN di Zon 3.

5.1.2 Pengiktirafan dan Pengukuran

Berdasarkan kepada penyata kewangan MAIN, kesemuanya telah melaksanakan perakaunan KW (*fund accounting*). Tiga kumpulan wang utama di setiap MAIN adalah KW Wakaf, KW Zakat dan KW Baitulmal. Walaubagaimanapun, di MAIDAM, KW Baitulmal di rujuk sebagai KW Pentadbiran. Operasi pentadbiran MAIWP pula adalah di bawah KW Zakat. Selain dari maklumat yang didedahkan di dalam penyata kewangan, amalan pengiktirafan dan pengurusan bagi urusan bukan pertukaran juga banyak diperolehi melalui perbincangan fokus yang

dijalankan bersama-sama dengan pegawai kewangan atau akauntan dan pegawai-pegawai yang berkaitan dengan urusan WZB di setiap MAIN.

Secara umumnya, hasil di setiap MAIN adalah diiktiraf menggunakan perakaunan asas akruan dan ini telah dinyatakan di nota akaun Penyata Kewangan 2016 berkaitan dengan polisi perakaunan iaitu setelah risiko dan ganjaran berkaitan telah dipindahkan kepada pembeli atau penerima. Walaubagaimanapun terdapat MAIN seperti MAIWP yang menyatakan pengecualian dari perakaunan asas akruan dengan nyata di nota akaun bagi pendapatan zakat.

Secara amnya hasil atau terimaan zakat diiktiraf oleh MAIN menggunakan perakaunan asas tunai. Ini adalah kerana jumlah kutipan zakat tidak dapat di anggarkan dengan pasti (*reliably*) bagi setiap tahun kewangan. Sebagai contoh, MAIDAM menerima zakat secara potongan gaji dari pegawai-pegawai kerajaan atau korporat seperti Petronas, namun jumlah kutipan bulanan sentiasa berubah dari sebulan ke sebulan.

Kutipan zakat boleh dilakukan melalui dua kaedah iaitu tunai dan secara atas-talian (online). Kutipan tunai boleh dibuat terus melalui kaunter-kaunter bayaran zakat samada di MAIN atau amil yang dilantik seperti PPZ, PKZ serta amil-amil individu. Pengiktirafan bagi kaedah ini adalah pada waktu terimaan zakat berkenaan yang berlandaskan dengan resit penerimaan. Bagi kutipan zakat secara atas-talian yang dibuat melalui bank-bank terpilih, pengiktirafan hasil wakaf adalah setelah ianya dikreditkan kedalam akaun bank MAIN bagi tujuan zakat. Pengiktirafan adalah dibuat pada nilai tunai yang diterima atau di kreditkan ke akaun bank.

Agihan zakat kepada asnaf samada melalui kaedah secara langsung atau tidak langsung adalah diiktiraf pada masa bayaran dibuat kecuali pada sesetengah urusanniaga. Sebagai contoh, perolehan bahan cetakan di MAIDAM yang menggunakan dana zakat diiktiraf pada titik penyerahan bahan cetakan tersebut dan bukan ketika bayaran perolehan berkenaan dibuat. Pengiktirafan adalah sama seperti perolehan biasa yang menggunakan dana selain dana zakat. Agihan zakat adalah diiktiraf sebagai belanja (*expenses*) KW Zakat menggunakan nilai tunai dibayar untuk kedua-dua agihan secara langsung dan tidak langsung. Sebagai contoh, pengagihan zakat secara tidak langsung dalam bentuk hartanah seperti pembangunan Daruzzakah di Kemaman untuk asnaf

muallaf atau peralatan (seperti enjin bot dan motosikal) juga diiktiraf hanya sebagai belanja dan bukan sebagai harta KW Zakat MAIDAM walaupun pengurusan dan hakmilik tertakluk keatas MAIDAM. Ada juga dinyatakan masalah pemilikan tanah disebut sebagai punca hartanah yang dibina menggunakan dana zakat sepertimana pembinaan Darul Akhirah diatas tanah wakaf yang tidak dapat di iktiraf sebagai aset KW Zakat. Situasi yang sama juga berlaku di MAIK dan MUIP. Keadaan yang berbeza berlaku di MAIWP. Hartanah yang diperolehi menggunakan dana zakat diiktiraf sebagai aset KW zakat. Melalui pemerhatian yang buat, ini adalah kerana operasi MAIWP itu sendiri di bawah KW Zakat. Oleh yang demikian, segala perolehan aset yang menggunakan dana zakat adalah dikategorikan sebagai aktiviti KW Zakat dan perlu di iktiraf sebagai aset KW Zakat.

Pengiktirafan wakaf tunai pula adalah bergantung kepada samada tujuan wakaf tunai berkenaan ditetapkan atau sebaliknya semasa pemujudan wakaf tunai. Sekiranya tujuan pewujudan wakaf tunai telah ditetapkan, wakaf tunai diiktiraf sebagai tanggungan semasa atau jangka panjang. Di MAIWP terdapat wakaf tunai yang diwujudkan untuk pembiayaan sebuah masjid di Putrajaya telah diiktiraf sebagai tanggungan/liabiliti semasa bagi KW Amanah. Di MAIK, wakaf tunai bagi tujuan pembaikan dan pengubahsuaian Masjid Muhammadi Kota Bharu telah diiktiraf sebagai tanggungan dan bukan hasil KW wakaf. Adalah menjadi polisi di MAIDAM, setiap wakaf tunai hendaklah diwujudkan untuk tujuan tertentu dan sehubungan dengan itu diiktiraf sebagai tanggungan semasa. Manakala wakaf tunai di MUIP adalah dikategorikan sebagai wakaf am dan diiktiraf sebagai hasil kepada KW Wakaf.

Bagi terimaan *istibdal* pula, ianya dengan jelas diiktiraf sebagai tanggungan semasa oleh setiap MAIN walaupun secara amalnya penggantian mengambil masa lebih dari setahun disebabkan isu-isu pentadbiran atau masalah kesesuaian gantian aset wakaf itu sendiri. Sebagai contoh *istibdal* bagi wakaf Tok Pelam di Terengganu mengambil masa lebih setahun kerana isu pentadbiran. Aset gantian telah tidak mendapat perkenan Tuanku Sultan dan dengan itu MAIDAM perlu mencari gantian aset lain yang sesuai. Walaubagaimana terdapat amalan yang agak berbeza seperti yang berlaku di MAIWP dimana sebahagian dari terimaan *istibdal* yang berjumlah RM1,041,578, telah digunakan untuk membaiki bangunan sekolah rendah agama dan perbelanjaan ini telah diiktiraf sebagai '*expenses*' atau belanja. Bangunan-bangunan sekolah

berkaitan adalah bukan milik MAIWP walaupun kebanyakan tanah-tanah yang diduduki oleh bangunan sekolah ini adalah milik MAIWP. Walaubagaimanapun, perkara berhubungkait dengan *istibdal* ini perlu di teliti bersama polisi pengiktirafan aset wakaf oleh MAIN berkaitan. Dari empat MAIN yang dikaji, hanya MAIK sahaja yang mengiktiraf aset wakaf manakala MAIDAM, MAIWP dan MUIP tidak mengiktiraf aset wakaf. MAIWP dan MUIP tiada membuat sebarang pendedahan mengenai aset wakaf tetapi MAIDAM ada melaporkan di dalam nota akaun berdasarkan nilai semasa aset wakaf. Walaubagaimanapun, pengiktirafan untuk tujuan pentadbiran dibuat oleh MAIWP, MAIDAM dan MUIP setelah pemilikan tanah digazetkan diatas nama MAIN berkenaan melalui undang-undang berkaitan seperti Kanun Tanah Negara (KTN). Hanya setelah pemindahmilikan disempurnakan, aset wakaf akan digunakan atau disewakan untuk tujuan penggunaan manfaat (*usufruct*).

Pengiktirafan geran (Caruman) Kerajaan pula yang diperolehi dari kerajaan negeri atau pusat adalah berdasarkan kepada sifat atau tujuan geran berkenaan. MAIDAM mengiktiraf geran yang diterima dari kerajaan negeri sebagai hasil KW Pentadbiran seperti pentadbiran masjid atau bayaran elaun imam dan guru KAFA. Ini sama seperti yang dilakukan di MAIDAM dimana caruman dan lain-lain agensi di dedahkan sebagai pendapatan kepada KW Pentadbiran. Di MAIDAM juga, geran dari kerajaan pusat untuk tujuan pentadbiran masjid dan surau dilaporkan sebagai pendapatan bagi KW Amanah. Sebaliknya di MUIP, geran diterima untuk tujuan pembinaan bangunan pejabat MUIP di Pekan telah di iktiraf sebagai tanggungan dan dilunaskan setiap tahun sebagai pendapatan di dalam Pemyata Pendapatan Komprehensif.

Pengukuran adalah berdasarkan model kos. Pengurusan MUIP enggan untuk menggunakan pengukuran berdasarkan nilai saksama yang lebih menjurus kepada nilai semasa kerana berpandangan bahawa tiada keperluan untuk MUIP mendedahkan nilai semasa aset MUIP (iaitu tiada keperluan untuk melaporkan kenaikan nilai MUIP). Sebagai contoh, syarikat yang di perolehi melalui keputusan mahkamah pada tahun 2017 iaitu Ladang Kg Aur telah dinilai dan di iktiraf pada harga kos dan bukannya nilai semasa ladang berkenaan.

5.1.3 Pendedahan dan Pelaporan

Untuk tujuan pendedahan dan pelaporan, semakan telah dibuat keatas penyata kewangan 2016 serta keatas laman sesawang MAIN. MAIK melaporkan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan untuk setiap kumpulan wang sebagai sebahagian dari Penyata Kewangan 2016. Bagi MAIDAM dan MUIP, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan untuk setiap kumpulan wang didedahkan dalam nota akaun. MAIWP tidak membuat sebarang pendedahan berasingan untuk setiap kumpulan wang yang ditadbir oleh MAIWP. Pendedahan dan pelaporan urusanniaga WZB adalah berkait dengan amalan pengiktirafan sesuatu urusanniaga WZB. Hasil dari semakan keatas penyata kewangan yang di nyatakan di Jadual 5.2 berikut sebagai ‘√’ menandakan urusanniaga wujud di MAIN dan didedahkan dengan nyata di Penyata Kewangan samada di muka utama penyata kewangan atau di nota manakala ‘x’ menandakan urusanniaga wujud di MAIN dan tiada pendedahan nyata di Penyata Kewangan. Selain dari penandaan tersebut menunjukkan tiada terdapat urusanniaga berkaitan di MAIN.

Jadual 5.2: Ringkasan Pendedahan dan Pelaporan Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran di MAIN

JENIS PENDEDAHAN HASIL	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
	PK	NA	LL	PK	NA	LL	PK	NA	LL	PK	NA	LL
Zakat	√	√	O	√	√	√	√	√	√	√	√	O
Bahagian ‘amil zakat	O	√	O	√	√	O	√	O	O	O	√	O
Wakaf tunai	O	√	O	O	O	O	√	√	O	O	√	O
<i>Istibdal</i> wakaf	√	√	O	√	X	X	O	√	O	O	√	O
Wakaf Khas	√	O	O	√	√	O	O	√	O	X	O	O
Derma/Sumbangan	O	√	O	O	√	O	O	O	O	O	√	O
Fidyah/ <i>Luqatah</i>	O	O	O	√	√	O	O	√	O	O	O	O
Faraid (Tunai)	O	O	O	X	X	X	O	O	O	O	O	O
Geran daripada kerajaan	O	√	O	X	X	X	O	O	O	O	√	O

Nota:

PK – Penyata Kewangan

NA – Nota Akaun

LL – lain-lain pendedahan

√ - Urusniaga wujud di MAIN dan didedahkan dengan nyata di Penyata Kewangan/ Nota Akaun/ Lain-lain
O – Urusniaga wujud di MAIN dan tiada pendedahan nyata di Penyata Kewangan/ Nota Akaun/ Lain-lain
X – Tidak wujud transaksi di dalam tahun pelaporan 2016

Berdasarkan jadual di atas, pendedahan dan pelaporan hasil urusniaga bukan pertukaran adalah berbeza diantara MAIN walaupun pada asasnya kesemua MAIN mengamalkan '*fund accounting*'. MAIWP melaporkan kutipan zakat sebagai sebahagian "Hasil" di muka utama Penyata Pendapatan Komprehensif dan disertakan perincian kutipan bagi setiap jenis zakat di nota akaun (i.e. Nota 26). Hasil kutipan zakat seterusnya diperincikan di dalam nota akaun 32 dengan memberi maklumat jenis zakat and jumlah kutipan untuk setiap jenis zakat. Sepertimana kutipan zakat, agihan zakat dalam pelbagai kaedah di dedahkan sebagai sebahagian dari agregat 'Perbelanjaan' di muka penyata kewangan (i.e Penyata Pendapatan Komprehensif). Agihan terperinci untuk setiap asnaf didedahkan di nota Perbelanjaan (i.e. nota 27). Nota ini secara umumnya menyeneraikan perbelanjaan yang menggunakan hasil-hasil yang diterima di nota 26 (Hasil) dan termasuk agihan zakat. Seterusnya pengagihan zakat ini diperincikan di nota 33 yang mendedahkan amaun agihan untuk setiap asnaf zakat. Terdapat penggunaan dana zakat bagi tujuan pembiayaan kakitangan yang didedahkan di nota 'Lain-lain Perbelanjaan'.

Kutipan dan agihan zakat di MAIK didedahkan di muka utama Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan KW Zakat. Amaun terimaan bagi setiap jenis zakat turut didedahkan di dalam penyata ini. Juga, amaun agihan bagi asnaf-asnaf zakat didedahkan di dalam penyata ini. Penyata Kewangan (Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Kedudukan Kewangan) bagi setiap KW pula di dedahkan sebagai sebahagian dari nota akaun. Di MAIDAM, kutipan zakat didedahkan secara agregat sebagai 'one-line' item di Penyata Pendapatan Komprehensif dan perincian amaun terimaan dan agihan kepada setiap kumpulan asnaf didedahkan di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan KW yang dilaporkan sebagai nota akaun. Di MUIP, Penyata Kewangan Komprehensif melaporkan pendapatan dan perbelanjaan zakat secara agregat dan seterusnya diperincikan di dalam Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan KW di nota akaun.

Wakaf tunai khas seperti di MAIWP dan MAIDAM di dedahkan dimuka utama penyata kedudukan kewangan sebagai tanggungan semasa. Tiada maklumat yang nyata berkaitan wakaf tunai di dalam penyata kewangan atau nota akaun di MAIK. Manakala, wakaf tunai yang

diwujudkan di MUIP adalah wakaf am dan didedahkan sebagai hasil KW Wakaf. Bagi terimaan *istibdal*, MAIDAM mendedahkannya sebagai liabiliti semasa (i.e. ‘amanah/deposit’) di dalam penyata kedudukan kewangan KW Wakaf yang di laporkan di nota akaun. Wang *istibdal* di MAIWP didedahkan di muka utama Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti semasa serta diperincikan di nota akaun (nota 25).

Di MAIWP, terimaan seperti derma, geran kerajaan, terimaan aset dari kerajaan, faraid, dan wakaf tunai di dedahkan di dalam nota akaun ini. Selain itu terdapat amaun terimaan ‘Lain-lain Pendapatan’ bagi terimaan yang tidak signifikan amaunnya untuk di nyatakan secara tersendiri meliputi urusan niaga bukan pertukaran dan pertukaran seperti fidyah dan *luqatah*. MAIK pula mendedahkan sumbangan seperti Wang Ihsan dari Kerajaan Persekutuan di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan KW Baitulmal. Sumbangan dari agensi seperti JAKIM untuk tujuan bayaran guru-guru Kafa dan imam masjid direkodkan sebagai pendapatan di dalam KW Takmir dan KW Penyelaras dan Pentadbiran Masjid Jajahan (PPMJ). Terimaan fidyah di MAIDAM didedahkan di Penyata Kedudukan Kewangan sebagai ‘amanah/deposit’. Pendedahan maklumat geran (Caruman) Kerajaan yang diperolehi dari kerajaan negeri adalah diambil kira sebagai pendapatan kepada KW Pentadbiran berdasarkan kepada tujuan geran berkenaan iaitu untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh MAIDAM. Geran dari kerajaan pusat untuk tujuan pentadbiran masjid dan surau dilaporkan sebagai pendapatan bagi KW Amanah. Lain-lain pendapatan seperti *luqatah* adalah tidak signifikan. MUIP tidak mendedahkan dengan nyata hasil-hasil lain seperti *luqatah*, faraid dan fidyah di dalam penyata kewangan atau nota akaun. Geran khusus untuk pembinaan bangunan MUIP di kategorikan sebagai liabiliti jangka masa panjang dan di dedahkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan dan dilunaskan setiap tahun sebagai pendapatan kepada KW baitulmal.

5.2 MPSAS 9: HASIL DARIPADA URUSNIAGA PERTUKARAN

Seksyen ini akan membincangkan amalan semasa bagi hasil yang diterima daripada urusan niaga pertukaran bagi MAIN berkaitan. MPSAS 9 mentakrifkan hasil daripada urusan niaga pertukaran sebagai aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang telah diterima dan belum terima oleh entiti yang berkenaan (i.e. MAIN). Manakala urusan niaga pertukaran pula

adalah melibatkan samada penerimaan aset atau perkhidmatan, atau liabiliti dilangsaikan dan secara langsung memberikan nilai yang hampir sama (terutamanya dalam bentuk wang tunai, barangan, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada entiti lain sebagai pertukaran.

5.2.1 Jenis-Jenis Hasil

Berdasarkan kepada semakan keatas Penyata Kewangan MAIK, MAIDAM, MUIP dan MAIWP bagi tahun 2016 serta perbincangan kumpulan fokus bersama pegawai-pegawai yang terlibat dengan pentadbiran WZB, urusan pertukaran di MAIN berkaitan adalah terdiri dari urusan jualan barangan atau aset termasuk aset *faraid*, penyewaan hartanah atau kemudahan, pelaburan di institusi kewangan atau syarikat bersekutu dan perjanjian kepenggunaan aset atau kemudahan. Jadual 5.3 berikut menyenaraikan jenis hasil yang diterima daripada urusan pertukaran di MAIN bagi setiap kumpulan wang.

Jadual 5.3: Senarai Hasil bagi Urusniaga Pertukaran di MAIN

Kumpulan Wang JENIS HASIL	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
	W	Z	SA	W	Z	BM	W	Z	BM	W	Z	BM
Hasil sewaan hartanah/kenderaan	√	√	TB	√	TB	√	√	TB	√	√	TB	√
Hasil sewaan pajakan hartanah	√	TB	TB	X	TB	√	X	TB	X	X	TB	X
Hasil jualan/keuntungan aset yang dilupuskan	TB	√	TB	TB	X	√	TB	X	√	TB	X	√
Hasil – faraid/penebusan faraid	TB	TB	√	TB	TB	TB	TB	TB	√	TB	TB	√
Hasil jualan inventori	TB	√	√	TB	TB	√	TB	TB	X	TB	TB	√
Hasil jualan borang/bahan cetakan (buku)	TB	√	√	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√
Hasil yuran sijil halal/	TB	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	√	TB	TB	√
Hasil yuran sijil nikah	TB	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	√	TB	TB	√
Hasil yuran pendaftaran/ pembaharuan peguam syarie	TB	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	√	TB	TB	√
Hasil pelaburan/akaun semasa - keuntungan/ hibah	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
Hasil pelaburan saham - dividend	X	√	TB	X	√	√	X	X	X	X	X	√
Hasil yuran pengajian	TB	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	X	TB	TB	X
Royalti	X	√	TB	TB	TB	TB	X	X	X	X	X	X

Hasil keuntungan pembiayaan anak syarikat/kakitangan	X	√	TB	TB	TB	TB	X	X	X	X	X	√
Pampasan pengambilan tanah oleh Kerajaan	X	√	TB	X	X	√	X	X	X	X	X	X
Denda kelewatan projek	X	√	TB	X	X	√	X	X	X	X	X	X
Hasil jualan inventori bekalan perubatan, barangan runcit, alat tulis & buku	Anak syarikat			TB	TB	TB	TB	TB	TB	Anak Syarikat		
Caj klinik, wad dan makmal	Anak syarikat			TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB		
Hasil – ar Rahnū	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	√	TB	TB	TB

***Nota:**

W – Wakaf; Z – Zakat; SA – Sumber Am; B – Baitulmal

√ - Wujud transaksi pada tahun laporan 2016

X – Tidak wujud transaksi pada tahun laporan 2016

TB – Tidak berkaitan

Berdasarkan kepada jadual diatas, kesemua MAIN yang berkaitan mempunyai hasil dari penyewaan hartanah/kenderaan manakala hasil penyewaan pajakan hanya terdapat di MAIWP dan MAIK. Penyewaan pajakan di MAIWP adalah pajakan tanah dan bangunan wakaf khas Ahmad Dawjee Dadabhoy. Walaubagaimanapun hasil ini tidak dilaporkan di dalam penyata kewangan MAIWP, sebaliknya disediakan penyata kewangan yang berasingan. Manakala hasil penyewaan pajakan di MAIK adalah melibatkan tanah-tanah KW Baitulmal di daerah Gua Musang.

Kesemua MAIN yang berkaitan mempunyai hasil daripada urusan jualan termasuklah jualan aset faraid. Jualan aset faraid ini adalah merupakan jualan aset bahagian Baitulmal yang di tebus oleh pewaris. Manakala hasil jualan inventori di MAIWP adalah daripada penjualan pakaian seragam pra-sekolah. Hasil jualan inventori kedai runcit dan barangan ubatan farmasi MAIWP dan MUIP adalah merupakan urusan yang dijalankan oleh anak-anak syarikat kedua-dua MAIN tersebut.

Bagi hasil daripada urusan pelaburan pula, kesemua MAIN berkaitan menerima keuntungan dari pelaburan tetap patuh Syariah jangka pendek dan jangka panjang di institusi-institusi kewangan. Pelaburan ini turut melibatkan dana KW WZB yang secara amnya diluluskan oleh

Majlis atau Jawatankuasa Fatwa negeri masing-masing. Selain itu, MAIN juga menerima hibah untuk akaun-akaun (bank) al Wadiah di institusi-institusi kewangan bagi tujuan penerimaan zakat, wakaf atau baitulmal. Manakala hasil pelaburan (i.e. dividen) di dalam syarikat-syarikat bersekutu hanya terdapat di MAIWP dan MUIP sahaja.

Di MAIWP dan MUIP terdapat hasil keuntungan dari urusan pembiayaan kepada kakitangan (pembiayaan pembelian komputer) dan keuntungan pembiayaan kepada anak syarikat. Seterusnya, MAIWP mempunyai dua jenis hasil yang tidak terdapat di MAIN yang lain iaitu hasil yuran pengajian dan royalti. Yuran pengajian merupakan hasil dari urusan anak-anak syarikat MAIWP yang mengendalikan kolej kejururawatan (PICOM) dan Institut Profesional Baitumal. Royalti pula adalah hasil dari perjanjian peroperasian Hospital Tawakkal Kuala Lumpur di Jalan Tun Razak. Di MAIDAM pula, terdapat hasil yang dijana oleh urusan Ar Rahnu yang terdiri daripada yuran pendaftaran, fi perkhidmatan Ar Rahnu dan hasil jualan al Marhun (barang kemas yang dipajakkan). Kesemua hasil ini di tadbir di dalam KW Ar Rahnu dan aktiviti Ar Rahnu memberikan hasil yang signifikan untuk MAIDAM.

Lain-lain hasil MAIN terdiri dari yuran sijil halal/nikah serta yuran pendaftaran dan pembaharuan peguam syarie. Disamping itu terdapat hasil lain yang diterima oleh MAIWP dan MUIP seperti keuntungan dari pembiayaan kepada anak-anak syarikat. MAIWP juga mempunyai hasil dalam bentuk pampasan bagi tanah yang diambilbalik oleh Kerajaan serta denda yang dibayar oleh kontraktor bagi kelewatan penyampaian projek-projek MAIWP.

5.2.2 Pengiktirafan dan Pengukuran

Kesemua MAIN berkaitan telah menyatakan di dalam nota akaun Penyata Kewangan 2016 bahawa urusan-urusan organisasi termasuk hasil secara umumnya telah di akaunkan menggunakan perakaunan akruan dan juga setelah diambil kira risiko dan ganjaran yang berkaitan, dipindahkan kepada pembeli atau penerima. MAIWP, walaubagaimanapun telah menyatakan dengan terperinci polisi perakaunan beberapa urusan terpilih seperti keuntungan dari pelaburan dari jangka masa pendek, dividen pelaburan dan hibah diiktiraf berdasarkan penerimaan tunai. Dividen saham pula diiktiraf apabila hak penerimaannya telah dapat ditentukan.

Bagi yuran-yuran berkaitan pengajian ianya diiktiraf pada masa ianya diterima dari pelajar manakala hasil dari perkhidmatan hospital diakaunkan berdasarkan pelaksanaan perkhidmatan yang berkaitan.

Secara umumnya, hasil-hasil dari urusanniaga pertukaran di MAIN berkaitan telah direkodkan pada nilai saksama yang diterima atau belum terima iaitu dalam ukuran wang tunai atau kesetaraan tunai. Juga terdapat hasil yang ditetapkan nilainya berdasarkan kepada perjanjian antara MAIN dengan pembeli atau pengguna ke atas sesuatu aset atau perkhidmatan seperti dividen, keuntungan atau royalti.

Pengiktirafan pula dilaksanakan berdasarkan kepada kesempurnaan urusanniaga-urusanniaga berkenaan. Dokumen-dokumen yang boleh memberikan indikasi kesempurnaan bagi urusanniaga tersebut termasuklah inbois atau nota serahan. Kesempurnaan dokumen-dokumen perjanjian juga telah digunapakai bagi tujuan pengiktirafan hasil sepertimana perjanjian royalti diantara MAIWP dan syarikat yang mengoperasikan Hospital Tawakkal Kuala Lumpur, perjanjian sewaan hartanah bagi pelbagai tanah/bangunan wakaf dan baitulmal serta perjanjian pajakan tanah.

5.2.3 Pendedahan dan Pelaporan

Untuk tujuan pendedahan dan pelaporan, semakan telah dibuat keatas penyata kewangan 2016 serta keatas laman sesawang MAIN. Hasil dari semakan keatas penyata kewangan di nyatakan di Jadual 5.4 berikut sebagai √ menandakan urusanniaga wujud di MAIN dan didedahkan dengan nyata di Penyata Kewangan samada di muka utama penyata kewangan atau di nota manakala x menandakan urusanniaga wujud di MAIN dan tiada pendedahan nyata di Penyata Kewangan. Selain dari penandaan tersebut menunjukkan tiada terdapat urusanniaga berkaitan di MAIN.

Jadual 5.4: Ringkasan Pendedahan dan Pelaporan Hasil Urusniaga Pertukaran di MAIN (2016)

JENIS PENDEDAHAN HASIL	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
	PK	NA	LL	PK	NA	LL	PK	NA	LL	PK	NA	LL
Hasil sewaan hartanah/kenderaan	O	√	O	√	√	O	√	√	O	O	√	O
Hasil sewaan pajakan hartanah	O	O	O	√	√	O	X	X	X	X	X	X

Hasil jualan/keuntungan aset yang dilupuskan	O	√	O	√	√	O	√	√	O	O	√	O
Hasil – faraid/penebusan faraid	O	√	O	X	X	X	O	O	O	O	O	O
Hasil jualan inventori	O	√	O	√	X	X	X	X	X	O	O	O
Hasil jualan borang/bahan cetakan (buku)	O	√	O	√	√	X		√				
Yuran sijil halal/	O	O	O	O	O	O	O	O	O	O	√	O
Yuran sijil nikah	O	O	O	O	O	O	O	O	O	O	√	O
Yuran pendaftaran/ pembaharuan peguam syarie	O	O	O	O	O	O	O	√	O	O	√	O
Hasil pelaburan/akaun semasa-keuntungan/ hibah	O	√	O	O	√	O	O	√	O	O	√	O
Hasil pelaburan saham – dividend	O	√	O	O	√	O	O	O	O	O	O	√
Yuran pengajian	O	√	O	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Royalti	O	√	O	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Hasil keuntungan pembiayaan anak syarikat/kakitangan	O	√	O	√	X	X	X	X	X	O	√	O
Pampasan pengambilan tanah oleh Kerajaan	O	√	O	√	X	X	X	X	X	X	X	X
Denda kelewatan projek	O	√	O	√	X	X	X	X	X	X	X	X
Hasil jualan inventori bekalan perubatan, barangan runcit, alat tulis & buku	O	√	O	X	X	X	X	X	X	O	√	O
Hasil – ar Rahnu	X	X	X	X	X	X	O	√	O	X	X	X

Nota:

PK – Penyata Kewangan

NA – Nota Akaun

LL – lain-lain pendedahan

√ - Urusniaga wujud di MAIN dan didedahkan dengan nyata di Penyata Kewangan/ Nota Akaun/ Lain-lain

O – Urusniaga wujud di MAIN dan tiada pendedahan nyata di Penyata Kewangan/ Nota Akaun/ Lain-lain

X – Tidak wujud transaksi di dalam tahun pelaporan 2016

Berdasarkan kepada jadual diatas adalah didapati kebanyakan daripada maklumat terperinci hasil adalah dilaporkan di nota akaun kecuali MAIDAM mendedahkan maklumat hasil yang agak terperinci di muka Penyata Pendapatan Komprehensif. Ini termasuk maklumat perolehan pendaftaran, perolehan jualan, pendapatan sewaan, perolehan dan keuntungan sewaan, hibah serta caruman kerajaan negeri. Maklumat-maklumat terperinci bagi setiap kategori juga ada yang didedahkan di nota akaun melalui penyata pendapatan dan perbelanjaan KW WZB dan ar Rahnu. Walaubagaimanapun, tiada pendedahan nyata berkaitan pendapatan dari pengeluaran sijil halal atau sijil nikah untuk MAIWP, MAIK dan MAIDAM. Hanya MUIP sahaja yang membuat pendedahan nyata di nota akaun bagi pendapatan dari pengeluaran sijil halal atau sijil nikah termasuk hasil yuran pendaftaran/pembaharuan peguam syarie.

5.3 MPSAS 4: KESAN PERTUKARAN KADAR PERTUKARAN ASING

Seksyen ini akan membincangkan aktiviti-aktiviti MAIN yang berkaitan dengan matawang asing dan amalan semasa perakaunan oleh MAIN terhadap aktiviti-aktiviti tersebut. Perbincangan akan mengambilkira standard perakaunan MPSAS 4. Sub-seksyen yang pertama akan membincangkan mengenai kewujudan transaksi matawang asing dan kategori transaksi matawang asing tersebut. Sub-seksyen kedua akan membincangkan mengenai amalan semasa perakaunan oleh MAIN terhadap transaksi di dalam matawang asing tersebut. Perbincangan mengenai amalan semasa perakaunan MAIN terhadap transaksi matawang asing akan dibahaskan di dalam beberapa sub-topik seperti pengiktirafan pada titik awal, pengukuran, pengiktirafan kesan pertukaran matawang asing dan pendedahan and pembentangan maklumat berkaitan kesan pertukaran matawang asing

5.3.1 Transaksi Matawang Asing

Secara umumnya, terdapat transaksi di dalam matawang asing di dalam aktiviti MAIN. Berdasarkan kepada MPSAS 4, transaksi matawang asing ialah transaksi yang dilakukan di dalam matawang selain daripada matawang “*functional*” sesebuah entiti. Matawang “*functional*” pula didefinisikan di dalam MPSAS 4 sebagai “*the currency of the primary environment in which the entity operates*”. Berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti MAIN, hampir kesemuanya transaksi MAIN dilakukan di Malaysia. Tambahan pula, hampir kesemua penerimaan tunai dan perbelanjaan tunai juga dilakukan di dalam Ringgit Malaysia. Oleh itu, kami membuat konklusi bahawa primary environment MAIN adalah di Malaysia dan matawang “*functional*” bagi MAIN adalah Ringgit Malaysia. Berdasarkan kepada kesimpulan tersebut, apa-apa transaksi yang dilakukan oleh MAIN di dalam matawang selain daripada Ringgit Malaysia boleh didefinisikan sebagai transaksi di dalam matawang asing.

Kebanyakan transaksi di dalam matawang asing di MAIN adalah berkaitan pengagihan zakat sebagai bantuan atau biasiswa kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran mereka di Mesir. Transaksi ini terdapat di kesemua MAIN di dalam zon kami iaitu MAIWP, MUIP, MAIDAM dan MAIK. Sama ada transaksi tersebut dikategorikan sebagai transaksi matawang asing haruslah disandarkan kepada penerimaan agihan zakat tersebut oleh pelajar. Sekiranya

agihan tersebut dilakukan di dalam *Egyptian Pound*, transaksi tersebut boleh diklasifikasikan sebagai transaksi matawang asing.

Sementara itu, terdapat juga MAIN yang melakukan kontrak pembinaan di dalam matawang asing. Contohnya, MUIP membuat kontrak dengan Al-Ateel Co. di Mesir untuk pembinaan asrama pelajar yang kedua di Mesir. Kontrak pembinaan tersebut telah dibuat di dalam US Dollar. Pembinaan bermula pada tahun 2016 dan ketika ini, asrama tersebut masih di dalam proses pembinaan.

Bagi MAIWP, pejabat di Mesir menyediakan penyata kewangan yang lengkap bagi transaksi-transaksi di sana. Oleh itu, bagi penyediaan penyata kewangan yang disatukan, MAIWP perlu menterjemahkan penyata kewangan tersebut daripada *Egyptian Pound* kepada Ringgit Malaysia.

5.3.2 Pengiktirafan

Amalan semasa perakaunan bagi transaksi di dalam matawang asing diiktiraf atas dasar tunai. Titik pengiktirafan adalah semasa pembayaran dibuat. Amalan ini bertentangan dengan kehendak perakaunan di dalam MPSAS 4 di mana transaksi di dalam matawang asing perlu diiktiraf ketika mana berlaku komitmen pembayaran di dalam matawang asing. Contohnya, sekiranya MAIN telah meluluskan komitmen pembayaran biasiswa kepada pelajar sepanjang tempoh pengajiannya di dalam matawang asing (contohnya, *Egyptian Pound* atau *Jordan Riyal*), komitmen tersebut perlu diiktiraf sebagai liabiliti.

5.3.3 Pengukuran

Transaksi matawang asing akan diukur menggunakan “*spot rate*” pada tarikh pembayaran dibuat. Oleh kerana, transaksi di dalam matawang asing hanya diiktiraf ketika pembayaran di dalam matawang asing dilakukan, tiada pengiktirafan dibuat bagi mengambilkira kesan perubahan matawang asing.

Bagi MAIWP, penyata kewangan yang disediakan oleh pejabat di Mesir di dalam *Egyptian Pound* perlu di terjemah kepada Ringgit Malaysia bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan

MAIWP yang lengkap oleh kerana terdapat operasi di luar negara. Terjemahan matawang asing kepada Ringgit Malaysia dilakukan berdasarkan kepada kehendak perakaunan di dalam MPEs. Aset dan liabiliti operasi asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Pendapatan dan perbelanjaan operasi asing diterjemah ke Ringgit Malaysia pada kadar purata tukaran untuk sepanjang tahun. Perbezaan operasi asing yang timbul dari terjemahan operasi asing diiktiraf terus ke dalam rizab.

5.3.4 Pendedahan dan Pembentangan

Secara umumnya, tiada maklumat yang terperinci mengenai transaksi di dalam matawang asing kecuali MAIWP. Mengambil kira contoh kontrak pembinaan asrama pelajar yang kedua oleh MUIP melalui El Ateel Co. di Mesir, maklumat tersebut sepatutnya dinyatakan di dalam nota kepada “Kerja Dalam Kemajuan”. Walaubagaimanapun, tidak terdapat maklumat tersebut di dalam nota akaun. Contoh yang kedua, secara umumnya, pembayaran bantuan/ biasiswa/ tajaan diiktiraf sebagai pengagihan zakat *fi sabilillah*. Oleh itu, kita mengjangkakan maklumat tersebut sepatutnya dinyatakan di dalam Penyata Kutipan dan Agihan Zakat. Walaubagaimanapun, tidak terdapat maklumat tersebut dinyatakan di dalam penyata tersebut.

Mengenai pendedahan polisi perakaunan berkaitan transaksi-transaksi berkaitan mata wang asing, hanya MAIWP mendedahkan polisi perakaunan berkaitan transaksi-transaksi di dalam mata wang asing (Nota akaun 3(q)).

Pendedahan dan pembentangan yang jelas hanya dilihat di dalam Penyata Kewangan MAIWP di mana terdapat satu item di bawah Ekuiti yang dinamakan sebagai Rizab tukaran mata wang. Di dalam Penyata Kedudukan Kewangan MAIWP bagi tahun 2016, jumlah rizab tukaran mata wang adalah kerugian sebanyak RM578,660. Berdasarkan kepada nota akaun penyata kewangan tersebut, rizab tukaran mata wang wujud disebabkan oleh keperluan untuk mengukur semula asset atau liabiliti operasi luar negara bagi menggambarkan nilai semasa sesuatu entiti itu.

Jadual 5.5: Ringkasan Kewujudan Transaksi, Pengiktirafan dan Pengukuran dan Pendedahan dan Pelaporan Kesan Perubahan Kadar Tukaran Matawang

KEWUJUDAN TRANSAKSI	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
	W	Z	SA	W	Z	B	W	Z	B	W	Z	B
Pembayaran penajaan pelajar di luar negara	X	√	X	X	√	X	X	√	X	X	√	X
Bayaran kepada kontraktor bagi pembinaan bangunan diluar negara e.g Mesir	X	X	X	X	√	X	X	X	X	X	√	X
Penyediaan penyata kewangan lengkap di dalam mata wang asing oleh operasi luar negara	X	√	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
PENGIKTIRAFAN/PENGUKURAN												
<u>Pengiktirafan</u> lebih/kurangan pertukaran mata wang asing sebagai perbelanjaan/ rizab	TB	√	TB	TB	O	TB	TB	O	TB	TB	O	TB
PENDEDAHAN												
<u>Pelaporan</u> yang jelas berkaitan dengan pertukaran wang asing	TB	√	TB	TB	X	TB	TB	O	TB	TB	O	TB
Nota akaun (Rizab tukaran wang asing)	TB	√	TB	TB	X	TB	TB	O	TB	TB	O	TB
Nota akaun (Kerja dalam pembinaan)	TB		TB	TB	X	TB	TB	O	TB	TB	O	TB

***Nota:**

- √ - Wujud transaksi/ wujud pengiktirafan dan pengukuran/ wujud pendedahan dan pelaporan
- O – Wujud transaksi tetapi tiada pengiktirafan dan pengukuran/ tiada pendedahan dan pelaporan
- X – Tidak wujud transaksi
- TB – Tidak berkaitan

5.4 MPSAS 5: KOS PINJAMAN

Berdasarkan MPSAS 5, kos pinjaman adalah faedah dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh entiti yang berkaitan disebabkan urusan pinjaman. Ini termasuk:

- i. faedah atas overdraf bank dan pinjaman jangka pendek dan jangka panjang;
- ii. pelunasan diskaun atau premium berkaitan dengan pinjaman;
- iii. pelunasan kos sampingan yang ditanggung berkaitan dengan susunan pinjaman;
- iv. caj kewangan berkenaan dengan pajakan kewangan dan pengaturan konsesi perkhidmatan; dan;

- v. perbezaan pertukaran yang timbul daripada pinjaman mata wang asing, setakat mana ia berada dianggap sebagai pelarasan kepada kos faedah.

Berdasarkan kepada semakan keatas Penyata Kewangan MAIK, MAIDAM, MUIP dan MAIWP bagi tahun 2016, tiada urusan kos pinjaman didedahkan di penyata kewangan ataupun nota akaun kecuali keuntungan pembiayaan kepada anak syarikat bagi MAIWP dan MUIP. Perbincangan kumpulan fokus bersama pegawai-pegawai yang terlibat dengan pentadbiran WZB pula mendapati MAIN sememangnya tidak membuat sebarang pinjaman atau pembiayaan dari mana-mana institusi kewangan ini walaupun enakmen membenarkan untuk berbuat demikian. Ini adalah memastikan MAIN tidak terdedah kepada risiko kegagalan membuat pembayaran. Sekiranya MAIN perlu mendapat dana tambahan, ianya perlulah sesuatu yang patuh Syariah.

5.5 MPSAS 11: KOS PEMBINAAN

Memandangkan MAIN menjalankan fungsinya sebagai kontraktor pembinaan, tiada sebarang transaksi berkaitan dengan kontrak pembinaan di temui semasa penyelidikan. Sehubungan dengan itu MPSAS 11 berkaitan dengan Kos Pembinaan adalah tidak relevan bagi tujuan pembangunan piawaian perakaunan Islam WZB.

5.6 MPSAS 19: PERUNTUKAN, LIABILITI LUAR JANGKA DAN ASET LUAR JANGKA

5.6.1 Liabiliti/aset Luar Jangka

Terdapat 2 urusan luarjangka di laporkan. Di MAIK terdapat tindakan mahkamah sedang berlangsung bagi tujuan tuntutan tunggakan kes hutang penyewaan tertunggak melibatkan jumlah yang tinggi iaitu sebanyak RM18 juta. Di MUIP pula satu kes tindakan undang-undang terhadap Far East Holdings Berhad dan Kampong Aur Palm Oil Company Berhad atas pelanggaran perjanjian bertarikh 19 Januari 1992' sedang berlangsung.

5.6.2 Pengukuran dan Pengiktirafan

Tiada polisi khusus telah dinyatakan oleh keempat-empat MAIN berkaitan dengan pengukuran dan pengiktirafan aset dan liabiliti luar jangka. Melalui perbincangan kumpulan fokus didapati pengukuran adalah berdasarkan model kos. Di MUIP, pengurusan MUIP agak enggan untuk menggunakan pengukuran berdasarkan nilai saksama yang lebih menjurus kepada nilai semasa kerana berpandangan bahawa tiada keperluan untuk MUIP mendedahkan nilai semasa aset MUIP sebab tiada keperluan untuk melaporkan kenaikan nilai aset tersebut. Sebagai contoh syarikat yang di perolehi melalui keputusan mahkamah pada tahun 2017 iaitu Ladang Kg Aur telah dinilai dan di iktiraf pada harga kos dan bukannya nilai semasa ladang berkenaan.

5.6.3 Pendedahan dan Pelaporan

Tiada sebarang pendedahan dan pelaporan untuk peruntukan, liabiliti/aset luar jangka bagi MAIWP dan MAIDAM memandangkan tiada sebarang urusan berkaitan dengannya. MUIP walaubagaimanapun telah membuat pendedahan aset luar jangkanya di dalam nota akaun (Nota

21) sebagai 'Tanggungjawab Luarjangka'. Pernyataan adalah 'Telah dinyatakan bahawa MUIP mengambil tindakan undang-undang terhadap Far East Holdings Berhad dan Kampong Aur Palm Oil Company Berhad atas pelanggaran perjanjian bertarikh 19 Januari 1992'. Walaubagaimanapun tiada sebarang amaun dinyatakan untuk tanggungjawab luar jangka ini kerana amaun obligasi tidak dapat ditentukan pada tarikh penyata kewangan disediakan. Manakala di MAIK, tiada sebarang maklumat mengenai peruntukan, liabiliti dan aset luar jangka didedahkan di dalam penyata kewangan utama atau di nota akaun. Maklumat berkaitan dengannya diperolehi melalui temubual dengan pegawai-pegawai WZB.

5.7 MPSAS 25: MANFAAT PEKERJA

Seksyen ini akan membincangkan transaksi-transaksi berkaitan manfaat pekerja dan empat (4) kategori manfaat pekerja akan dibincangkan iaitu (1) manfaat pekerja jangka pendek, (2) manfaat pekerja selepas persaraan, (3) manfaat jangka panjang yang lain, dan (4) manfaat penamatan kontrak. Sub-seksyen pertama akan membincangkan mengenai kewujudan transaksi-transaksi berkaitan manfaat pekerja di dalam aktiviti MAIN. Penjelasan yang lebih terperinci mengenai jenis-jenis manfaat pekerja di dalam setiap kategori akan dinyatakan. Sub-seksyen kedua akan membincangkan amalan perakaunan semasa oleh MAIN berkaitan transaksi-transaksi manfaat pekerja. Isu berkaitan dengan pengiktirafan dan pengukuran akan dinyatakan dengan lebih terperinci. Begitu juga dengan isu berkaitan dengan pendedahan dan pembentangan maklumat berkaitan manfaat pekerja.

5.7.1 Transaksi manfaat pekerja

Secara umumnya, transaksi manfaat pekerja terdapat di dalam semua MAIN di Zon 3 (MAIWP, MUIP, MAIDAM dan MAIK) terutamanya manfaat pekerja jangka pendek. Contoh manfaat pekerja jangka pendek adalah seperti emolument dan upahan yang boleh diklasifikasikan kepada gaji, elaun/imbuan tetap, elaun lebih masa, tambahan kos tetap dan ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek. Secara umumnya, manfaat pekerja jangka pendek akan dinyatakan dengan jelas di dalam penyata kewangan KW Baitulmal melainkan MAIWP kerana

struktur organisasi dan governan yang berbeza di MAIWP (*di MAIDAM, KW Baitulmal dinamakan sebagai K W Pentadbiran*).

Mengenai manfaat pekerja jangka panjang, hanya MAIWP yang mengiktirafkan manfaat pekerja jangka panjang. Secara umumnya, bagi pekerja tetap, manfaat persaraan tidak diuruskan sendiri oleh MAIN, tetapi diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seperti mana penjawat-penjawat awam yang lain. Oleh itu, MAIN tidak mengiktiraf manfaat persaraan ini di dalam penyata kewangan mereka. Bagi pekerja kontrak, manfaat penamatan kontrak secara umumnya diiktiraf sebagai liabiliti semasa.

Terdapat perbezaan pentadbiran manfaat pekerja di MAIWP berbanding dengan 3 lagi MAIN di Zon 3. Terdapat pengiktirafan manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf sebagai liabiliti jangka panjang di MAIWP. MAIWP juga mengira Gantian Cuti Rehat (GCR) bagi kakitangan tetap MAIWP untuk tempoh 4 tahun manakala bagi kakitangan kontrak pula ianya dikira untuk tempoh 2 tahun. Begitu juga dengan ganjaran penamatan kontrak dimana ianya diiktiraf sebagai liabiliti apabila tawaran kontrak bermula.

MUIP juga mengiktiraf GCR dengan menggunakan peruntukan yang terdapat di MPERs. Maklumat ini kami terima melalui temubual dengan pegawai yang berkaitan. Walaubagaimanapun, pengiktirafan GCR sebagai liabiliti jangka panjang belum dilaksanakan pada tahun 2016 kerana MUIP menangguhkan pemakaian MPERs ke tahun 2017. MAIDAM juga mengiktiraf GCR untuk kakitangan tetap dan kakitangan kontrak sebagai liabiliti. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada Penyata Kewangan MAIDAM, tiada pengiktirafan liabiliti jangka panjang dibuat bagi manfaat pekerja. Sepertimana MAIDAM, MAIK juga hanya mengiktiraf GCR untuk kakitangan tetap dan kakitangan kontrak sebagai liabiliti.

5.7.2 Pengiktirafan

Kesemua MAIN yang mengiktiraf manfaat pekerja jangka pendek telah menyatakannya di dalam Penyata Kewangan yang berkaitan. Manfaat pekerja jangka pendek diiktiraf apabila perbelanjaan manfaat pekerja berlaku berdasarkan prinsip akruan. Oleh itu, manfaat pekerja jangka pendek

akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dan liabiliti. Bagi pengiktirafan manfaat pekerja jangka panjang, titik awal pengiktirafan berlaku apabila sesuatu kontrak pekerjaan bermula. Definisi permulaan sesuatu kontrak adalah berdasarkan kepada polisi setiap MAIN. Contohnya, bagi MAIWP, pengiraan GCR bagi kakitangan kontrak akan dikira bagi setiap 2 tahun kerana kontrak akan diperbaharui bagi setiap 2 tahun.

5.7.3 Pengukuran

Bagi manfaat pekerjaan jangka pendek seperti gaji, upah dan caruman tetap ianya diukur berdasarkan kepada jangkaan pembayaran tunai. Manakala pengukuran manfaat pekerja jangka panjang di MAIWP dan MUIP secara khususnya dibuat berdasarkan kepada peruntukan yang terdapat di MPERs. Terdapat dua kategori manfaat jangka panjang yang terdapat di dalam MPSAS 25 iaitu (1) manfaat persaraan, dan (2) manfaat jangka panjang yang lain. Perbincangan akan menumpukan kepada manfaat persaraan memandangkan ianya amat relevan kepada aktiviti yang terdapat di MAIN.

Di bawah manfaat persaraan, terdapat dua sub-klasifikasi iaitu (1) '*defined contribution plan*', dan (2) '*defined benefit plan*'. Bagi caruman tetap di bawah '*defined contribution plan*', pengukuran adalah sama seperti pengukuran keatas manfaat jangka pendek yang lain seperti gaji, upah dan bonus. Bagi '*defined benefit plan*', pengukuran liabiliti haruslah berdasarkan kepada prinsip '*present value*' iaitu nilai semasa. MAIWP dan MUIP dengan jelas telah menggunakan prinsip '*present value*' ini di dalam mengukur pelan persaraan dan GCR. Walaubagaimanapun, maklumat berkaitan GCR masih belum dinyatakan di dalam Penyata Kewangan MUIP bagi tahun 2016 kerana penangguhan pemakaian MPERs di MUIP ke tahun 2017.

5.7.4 Pendedahan dan Pelaporan

Bagi pendedahan maklumat berkaitan dengan manfaat pekerja jangka pendek seperti gaji, upah, bonus dan caruman tetap, ianya dinyatakan dengan jelas oleh MAIDAM di dalam Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang. Bagi MAIK dan MUIP pula, pendedahan maklumat yang komprehensif hanya dinyatakan di dalam Penyata Kewangan KW iaitu KW Baitulmal, tetapi tidak di dalam Penyata Kewangan Disatukan.

Bagi MAIWP, manfaat pekerja dinyatakan dengan jelas di dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan sebagai liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang. Terdapat nota akaun yang jelas mengenai manfaat pekerja yang diiktiraf sebagai liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang. Sepertimana di nyatakan di perenggan sebelum ini, maklumat berkaitan manfaat pekerja masih belum dinyatakan di dalam Penyata Kewangan MUIP bagi tahun 2016 kerana penangguhan penggunaan MPERs di MUIP ke tahun 2017. Ringkasan transaksi manfaat pekerja di MAIN Zon 3 terdapat di Jadual 5.6.

Jadual 5.6: Ringkasan Kewujudan Transaksi, Pengiktirafan dan Pengukuran, dan Pendedahan dan Pelaporan Manfaat Pekerja

KEWUJUDAN TRANSAKSI	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
	W	Z	SA	W	Z	B	W	Z	B	W	Z	B
Gaji	TB	√	TB	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√
Caruman wajib. <i>Contoh: KWSP/KWAP</i>	TB	√	TB	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√
Gantian Cuti Rehat	TB	√	TB	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√
Ganjaran Penamatan Kontrak	TB	√	TB	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√
Pelan Persaraan <i>(Pelan persaraan di MUIP, MAIK dan MAIDAM diuruskan oleh JPA, manakala MAIWP menguruskan sendiri)</i>	TB	√	TB	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√
Manfaat bukan tunai	TB	X	TB	TB	TB	√	TB	TB	X	TB	TB	X
PENGIKTIRAFAN												
Perbelanjaan/Tanggungjawab	TB	√	TB	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√
PENGUKURAN												
• Kos: • Manfaat jangka pendek • Gantian Cuti Rehat (GCR)	TB	√	TB	TB	TB	*	TB	TB	√	TB	TB	√
• Nilai semasa obligasi menggunakan prinsip PV: • Gantian Curi Rehat (GCR) • Pelan persaraan	TB	√	TB	TB	TB	*	TB	TB	TB	TB	TB	√
PENDEDAHAN												
Muka Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	TB	√	TB	TB	TB	O	TB	TB	√	TB	TB	O
Nota Akaun	TB	√	TB	TB	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√

***Nota:**

W – Wakaf; Z – Zakat; SA – Sumber Am; B – Baitulmal

* Pengukuran manfaat pekerjaan tidak dinyatakan dengan jelas di dalam laporan kewangan

√ - Wujud transaksi/ wujud pengiktirafan dan pengukuran/ wujud pendedahan dan pelaporan

O – Wujud transaksi tetapi tiada pengiktirafan dan pengukuran/ tiada pendedahan dan pelaporan

X – Tidak wujud transaksi

5.8 MPSAS 28, 29 & 30: INSTRUMEN KEWANGAN

Seksyen ini akan membincangkan mengenai aktiviti-aktiviti MAIN yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Instrumen kewangan boleh dibahagikan kepada dua iaitu instrumen primer dan instrumen sekunder. Instrumen primer yang utama termasuk penghutang, pemiutang dan pelaburan di dalam saham dan bon. Aktiviti MAIN tertumpu kepada instrumen kewangan primer. Sementara itu, instrumen kewangan sekunder adalah seperti kontrak niaga hadapan dan opsiyen. Sub-seksyen pertama akan membincangkan mengenai kewujudan transaksi berkaitan instrumen kewangan di dalam aktiviti MAIN. Sub-seksyen kedua pula akan membincangkan amalan perakaunan semasa berkaitan dengan instrumen kewangan di dalam Penyata Kewangan MAIN

5.8.1 Kewujudan aktiviti berkaitan instrumen kewangan

Kesemua transaksi di dalam operasi MAIN berkaitan instrumen kewangan adalah di dalam instrumen kewangan primer. Berdasarkan kepada maklumat di dalam Penyata Kewangan dan temubual dengan pegawai-pegawai di MAIN, kami merumuskan bahawa tidak terdapat transaksi-transaksi berkaitan instrumen kewangan sekunder. Tambahan pula konsep '*hedging*' di dalam perspektif Syariah adalah amat berbeza dengan konsep konvensional. Contohnya, Ahmad dan Ab Halim (2014) merumuskan bahawa concept '*Islamic hedging*' adalah amat berbeza daripada '*conventional hedging*' berdasarkan kepada beberapa perkara. Pertama, teori '*Islamic hedging*' haruslah bersandarkan *hadith al-kharaj bi al-daman* dan *fiqah maxim al-ghurm bi al-ghurm*. Kedua, prinsip Syariah membataskan hanya kepada pengurusan dan pengurangan risiko, tetapi tidak kepada penghapusan dan pembalikan risiko. Dengan yang demikian, Ahmad dan Ab Halim (2014) merumuskan bahawa tujuan penggunaan '*Islamic hedging*' haruslah bersandarkan kepada aktiviti ekonomi yang sebenar. Sehubungan dengan itu, cadangan kami untuk tujuan pembangunan piawai perakaunan dan pelaporan Islam WZB berkaitan dengan instrumen kewangan akan merujuk kepada kedua-dua prinsip yang tersebut.

5.8.2 Pengiktirafan

Kesemua MAIN di Zon 3 membuat pengiktirafan keatas transaksi-transaksi penghutang, pemiutang, dan pelaburan di dalam saham dan bon dan didedahkan di dalam Penyata Kewangan 2016. Pengiktirafan dibuat apabila berlaku transaksi atau kontrak yang mewujudkan keperluan kepada pengiktirafan aset kewangan dan liabiliti kewangan.

5.8.3 Pengukuran

Pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan pada titik awal pengikitrafan adalah pada nilai kos, kecuali bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan yang diniagakan. Bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan yang diniagakan, pengukuran haruslah berdasarkan kepada nilai saksama.

Berdasarkan kepada peruntukan perakaunan di dalam MPSAS 29 pengukuran berikutnya adalah berdasarkan kepada dua model: (1) nilai saksama, dan (2) kos dilunaskan. Walaubagaimanapun, dari segi amalan perakaunan semasa MAIN, terdapat sedikit perbezaan dari segi amalan pengukuran ini di antara MAIN yang berkaitan. Contohnya, di MUIP bagi pelaburan di dalam syer tidak disiarharga, ianya akan dinyatakan pada harga kos selepas peruntukan rosotnilai kekal. Amalan perakaunan ini turut menjadi amalan perakaunan semasa di MUIP dan MAIDAM. Manakala di MAIWP pula, pelaburan di dalam syarikat subsidiary akan diukur berdasarkan kepada nilai bawaan, dan pelaburan-pelaburan yang lain akan dinilai pada nilai saksama. Amalan perakaunan semasa di MUIP dan MAIDAM berkaitan pelaburan di dalam syer tersiarharga diukur pada nilai saksama. Manakala polisi perakaunan di MAIK menyatakan bahawa pelaburan akan diukur pada nilai saksama. Di MAIWP pula, pengukuran wang khas dan *istibdal* diukur pada nilai bawaan.

5.8.4 Pendedahan dan pelaporan

Di dalam Penyata Kewangan MAIK, pendedahan polisi perakaunan hanya khusus kepada penghutang, dan tunai dan kesetaraan tunai sahaja. Di dalam Penyata Kewangan MUIP, polisi perakaunan dinyatakan bagi aktiviti pelaburan, penghutang dan pemiutang. Manakala di dalam Penyata Kewangan MAIDAM, polisi perakaunan berkaitan instrumen kewangan hanya

dinyatakan dengan jelas bagi pelaburan dan penghutang. Penyata Kewangan MAIWP mendedahkan polisi perakaunan yang komprehesif berkaitan instrumen kewangan.

Pendedahan dan pembentangan maklumat berkaitan instrumen kewangan di dalam aktiviti MAIWP dinyatakan dengan jelas terutamanya di dalam nota akaun. Selain daripada instrumen kewangan utama seperti penghutang, pemiutang, dan pelaburan, MAIWP juga mengiktiraf wang khas dan *istibdal* sebagai liabiliti kewangan. Kesemua MAIN mendedahkan maklumat yang jelas berkaitan pelaburan, penghutang dan pemiutang di dalam nota akaun kepada Penyata Kewangan. Ringkasan transaksi berkaitan dengan instrument kewangan terdapat di Jadual 5.7.

Jadual 5.7: Ringkasan Kewujudan Transaksi, Pengiktirafan, Pengukuran, dan Pendedahan dan Pelaporan Instrumen Kewangan

KEWUJUDAN TRANSAKSI	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
	W	Z	SA	W	Z	B	W	Z	B	W	Z	B
Pelaburan: • Saham • Bon/Sukuk	X	√ √	X	X	√ X	√ X	X	X	√	X	X	√ √
Penghutang/Pemiutang	TB	√	TB	√	TB	√	TB	TB	√	TB	TB	√
Wang khas dan <i>istibdal</i>	√	TB	TB	X	TB	TB	√	TB	TB	X	TB	TB
PENGIKTIRAFAN												
Aset kewangan dan liabiliti kewangan	√	√	X/ TB	X/ TB	X/ TB	√	√	X/ TB	√	X/ TB	X/ TB	√
PENGUKURAN												
Nilai saksama – saham tersiar harga	O	√	X/ TB	X/ TB	X/ TB	√	X/ TB	O	√	X/ TB	X/ TB	X
Nilai kos – saham tidak tersiar harga	O	√	X/ TB	X/ TB	X/ TB	√	X/ TB	O	X	X/ TB	X/ TB	√
Nilai terendah diantara harga pasaran & kos (pelaburan portfolio)	O	X	X/ TB	X/ TB	X/ TB	√	X/ TB	O	X	X/ TB	X/ TB	√
Kos dilunaskan (penghutang/pemiutang) Nilai bawaan (wang khas dan <i>istibdal</i>)	O	√ √	X/ TB	X/ TB	X/ TB	√	X/ TB	O	X	X/ TB	X/ TB	X
PENDEDAHAN												
Muka Penyata Kedudukan Kewangan	O	√	X/ TB	X/ TB	X/ TB	√	X/ TB	O	√	X/ TB	X/ TB	√
Nota Akaun	O	√	X/ TB	X/ TB	X/ TB	√	X/ TB	O	√	X/ TB	X/ TB	√

***Nota:**

W – Wakaf; Z – Zakat; SA – Sumber Am; B – Baitulmal

√ - Wujud transaksi/ wujud pengiktirafan dan pengukuran/ wujud pendedahan dan pelaporan

O – Wujud transaksi tetapi tiada pengiktirafan dan pengukuran/ tiada pendedahan dan pelaporan

X – Tidak wujud transaksi

TB – Tidak berkaitan

BAB ENAM

KEPERLUAN SYARIAH DAN PENGUKUHAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL BAGI PELAPORAN KEWANGAN – PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN DAN PENDEDAHAN HASIL, BELANJA DAN LIABILITI INSTITUSI WZB DI MALAYSIA

6.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan konsep hasil serta belanja menurut pandangan Islam melalui sumber utama iaitu Al-Quran dan Sunnah serta sumber kedua iaitu pandangan daripada empat Mazhab; Syafie, Hanafi, Hambali, dan Maliki. Bab ini seterusnya membincangkan secara terperinci pengiktirafan, pengukuran, serta pendedahan hasil dan belanja WZB oleh MAIN bagi tujuan perakaunan Islam terhadap lapan MPSAS yang berkaitan. Ringkasan terhadap cadangan kerangka konseptual bagi tujuan pelaporan dikemukakan pada akhir bab ini.

6.1 KONSEP HASIL DALAM ISLAM

Hasil atau keuntungan dalam Bahasa Arab disebut *al-Ribh*, berasal daripada kata dasar *rabiha* yang membawa maksud pertambahan dalam kegiatan pemiagaan. Surah Al-Baqarah ayat 16 *أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرَوُا الضَّلَالَةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبَحَتُ تِجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ* yang bermaksud ‘*Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk, maka tidaklah beruntung perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk.* Manakala dari segi istilah, al-rihb telah diberi pengertian yang berbeza. Mengikut ahli Tafsir iaitu ketika mereka mentafsirkan ayat di atas, al-rihb diertikan sebagai pertambahan ke atas modal.

Manakala dari 'segi istilah, para fuqaha telah memberi dua pengertian berkenaan al-rihb; pertama dalam bab zakat, ia ditakrifkan sebagai pertambahan ke atas modal iaitu sama seperti pengertian yang diberi oleh ahli Tafsir. Perngertian kedua adalah dalam perbincangan mereka mengenai al-muriibahah merujuk kepada pertambahan ke atas modal dan pertambahan ke atas modal setelah ditolak segala perbelanjaan yang dikeluarkan dalam proses memperoleh lebih tersebut.

Ahli ekonomi pula mentakrifkan keuntungan sebagai lebih dapatan daripada sesuatu pengeluaran setelah ditolak keseluruhan kos sama ada kos zahir atau tersembunyi. Bagi ahli perakaunan pula, ia diertikan sebagai lebih dapatan setelah ditolak kos yang dibelanjakan (kos zahir sahaja). Walaupun pelbagai pihak telah mengemukakan pengertian keuntungan berdasarkan istilah ilmu yang berkaitan, tetapi sebagai satu istilah fiqah, keuntungan dapatlah diertikan sebagai sebarang pertambahan kepada modal (*ra's al-maal*) hasil daripada kegiatan pelaburan yang patuh Syariah seperti pemiagaan, perindustrian dan seumpamanya, setelah ditolak semua kos yang dibelanjakan dalam usaha penghasilan keuntungan tersebut.

6.1.1 Ciri-ciri Hasil/Keuntungan

Islam telah menggariskan ciri-ciri tertentu terhadap hasil atau keuntungan dalam sebarang kegiatan seperti perniagaan, perindustrian dan sebagainya.

i. Pertama: Bebas daripada Unsur Riba

Riba ialah pertambahan yang berlaku dalam urusan barang-barang ribawi atau dalam urusan hutang. Ia diharamkan dalam Islam dan telah disebut dalam al-Qur'an yang bermaksud "*Dan Allah menghalalkan jualbeli dan mengharamkan riba*" serta hadis Rasulullah SAW yang bermaksud "*Rasulullah SAW. melaknat orang yang memakan riba, orang yang mewakilinya, orang yang membuat catatan mengenainya dan orang yang menjadi saksinya*".

ii. Kedua: Bersih daripada Unsur *Ghabn fahish* yang Berpunca daripada *Taghrir*

Yang dimaksudkan dengan *ghabn* di sini ialah ketidakseimbangan nilai antara dua barang pertukaran yang tidak diketahui oleh pihak yang menanggung kerugian (*maghbun*) semasa akad dilakukan. Manakala *taghrir* (sinonim *tadlis*) pula bermakna penipuan atau memberikan gambaran palsu tentang sesuatu barang yang hendak dijual sehingga mempengaruhi pembeli agar membeli barang berkenaan dengan harga yang disebut oleh penjual.

Umpamanya A mengatakan jam yang dijualnya adalah buatan Perancis dan harga yang dijualnya murah dari tempat lain, sedangkan jam tersebut sebenarnya bukan buatan Perancis dan dijual dengan harga jauh lebih mahal daripada harga pasaran. Dalam persoalan berkenaan nilai kerugian, Dr. Shamsiah berpandangan bahawa ia boleh ditetapkan berdasarkan amalan (uruf) setempat kerana tidak ada satu nas yang jelas sama ada dalam al-Qur'an atau hadis Rasulullah SAW yang menghadkan atau menyatakan nilai kerugian tertentu.

Terdapat tiga pendapat mengenai kesan *ghabn fahish* terhadap akad, iaitu: i. Akad boleh difasakh, sama ada *ghabn fahish* itu berpunca daripada penipuan (*taghdr*) atau tidak, ii. Akad tidak boleh difasakh meskipun *ghabn fahish* berpunca daripada penipuan, iii. Akad boleh difasakh apabila *ghabn fahish* berpunca daripada penipuan.

iii. Ketiga: Bersih Daripada Unsur *Gharar*

Gharar dari segi bahasa bermaksud risiko atau mendedahkan sesuatu kecelakaan yang tidak dapat dijangka. Dalam istilah fiqah, *gharar* telah diberikan beberapa pengertian yang secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga:

- a) *Gharar* terhad kepada ketidakpastian tentang kewujudan sesuatu barang jualan (*al-mabi'*). Di antara takrif-takrif yang termasuk dalam bahagian pertama ini ialah: a. Syak tentang kewujudan barang yang dijual, keraguan tentang wujud atau tidaknya barang yang dijual (*al-mabi'*) tanpa pentarjihan
- b) *Gharar* terhad kepada sesuatu yang tidak diketahui (*majhul*) Di antara takrif yang termasuk dalam keterangan di atas ialah takrif yang dinyatakan oleh Ibn Hazm iaitu kejahilan pembeli tentang apa yang dibeli atau kejahilan penjual tentang apa yang dijual.
- c) *Gharar* meliputi ketidakpastian tentang kewujudan sesuatu perkara dan perkara yang tidak diketahui (*majhul*). Di antara pengertian yang termasuk dalam kategori ini ialah: Sesuatu yang terlindung akibat / natijahnya atau sesuatu yang terlindung dari pengetahuan seseorang

iv. Keempat: Tiada Unsur Ihtikar

Dalam Bahasa Arab, Ihtikar bererti menahan, mengumpul dan menguasai sesuatu. Dalam istilah fiqah, ia ditakrifkan sebagai menghalang barang yang amat diperlukan oleh orang ramai dengan niat menaikkan harga barang tersebut sama ada dengan cara menyimpannya (di suatu tempat) atau merosakkannya dengan sengaja atau enggan menjual barang berkenaan kecuali dengan harga yang tinggi. Daripada pengertian di atas, disimpulkan bahawa sesiapa sahaja yang melakukan sesuatu yang boleh menaikkan harga barang yang amat diperlukan oleh orang ramai dikira sebagai *muhtakir* (orang yang melakukan ihtikar). Justeru, segala hukum berkait dengan ihtikar terpakai ke atasnya.

Ihtikar diharamkan dalam Islam kerana ia membawa kemudaratan kepada orang ramai. Dalam Islam kepentingan (*masalah*) orang ramai diutamakan daripada kepentingan individu. Pengharaman ihtikar ini dijelaskan dalam banyak hadis di antaranya: Yang bermaksud: "Barang siapa yang ihtikar makanan ke atas orang Islam, Allah akan menimpakan ke atas mereka penyakit judham dan menjadikannya muftis".

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa hasil yang diiktiraf oleh Islam ialah hasil yang bebas daripada unsur riba, *ghabn* yang berpunca dari penipuan, *gharar* dan ihtikar. Ini kerana kesemua unsur tadi diharamkan dalam Islam. Oleh itu, amat penting bagi setiap muslim membersihkan hasil yang diperolehi melalui proses perniagaan dan sebagainya daripada unsur berkenaan kerana tiada keberkatan pada pendapatan yang berpunca dari sumber yang haram.

6.2 KONSEP BELANJA DALAM ISLAM

Harta didefinisikan sebagai segala sesuatu yang dimiliki oleh seseorang atau kelompok berupa kekayaan, atau barang perdagangan, rumah, wang, haiwan dan lain-lain yang ingin dimiliki, dikuasai dan dimanfaatkan oleh manusia. Harta dalam Islam pada hakikatnya adalah amanah dari Allah SWT. Walaubagaimanapun, pemilik mutlak terhadap segala sesuatu yang ada di muka bumi ini, termasuk harta benda, adalah Allah SWT. Pemilikan oleh manusia hanya bersifat relatif, terbatas sekadar untuk melaksanakan amanah mengelola dan memanfaatkan sesuai dengan ketentuan-Nya.

Pada dasarnya Islam memberi kebebasan bagi manusia untuk mencari dan mengusahakan hartanya dalam rangka menjaga kelangsungan hidup di dunia. Seorang muslim dituntut harus mampu menghadkan kebebasan yang ia miliki dalam pencarian harta dengan aturan Syariah. Islam mengajarkan agar manusia mencari rezeki/harta melalui suatu jalan yang halal, yaitu jalan yang tidak bertentangan dengan syariat dan hukum.

Dalam konteks pembelanjaan harta, Islam mendorong penggunaan barang dan perkhidmatan yang halal, baik dan bermanfaat kepada setiap muslim. Barang-barang yang tidak memiliki kebaikan dan tidak membantu meningkatkan manusia, menurut konsep Islam, bukan barang dan tidak dapat dianggap sebagai milik atau aset umat Islam. Oleh sebab itu, barang-barang yang dilarang (untuk digunakan) tidak dianggap barang dalam Islam.

Islam juga melarang seorang muslim membelanjakan hartanya dan menikmati kehidupan duniawi ini secara boros dan berlebih-lebihan, namun dalam hal (pembelanjaan) sedekah untuk meningkatkan kondisi kehidupan masyarakat dan menyebarkan ajaran-ajaran

Islam, konsep berlebih lebihan tersebut tidak berlaku. Tidak ada pembatasan jumlah dalam belanja jenis ini (sedekah) dan setiap pembelanjaan untuk keperluan tersebut akan mendapatkan imbalan (pahala/kebaikan) dari Allah.

Perbelanjaan dalam Islam dipandang sebagai kebaikan. Kegiatan ini dilakukan untuk memenuhi keperluan baik jasmani mahupun ruhani sehingga mampu memaksimumkan fungsi manusia sebagai hamba Allah SWT untuk mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat (*Falâh*). Kebahagiaan di dunia bermaksud tercapai segala kehendak manusia dalam menjalankan sistem ekonomi atau bermuamalat sesama manusia. Manakala kebahagiaan di akhirat bermaksud kejayaan manusia dalam memaksimumkan ibadah atau amal yang disuruh sebagai hamba Allah sehingga mendapat ganjaran dari Allah SWT yaitu kenikmatan ukhrawi (syurga). Allah SWT berfirman:

”Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, Karena Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.”
(Al-Baqarah : 168)

6.2.1 Pandangan Islam Tentang Cara Membelanjakan atau Memanfaatkan Harta

Islam mengajar seorang muslim mengenai mekanisma menentukan perbelanjaan harta untuk mencapai tujuan *falah* tersebut. *Falah* akan tercapai dengan dengan terpeliharanya lima kemaslahatan (Maqasid Syariah) iaitu meliputi (a) agama (*dien*), (b) jiwa/hidup (*nafs*), (c) keluarga/keturunan (*nasl*), (d) harta/kekayaan (*maal*) dan (e) intelektual/akal (*aql*). Untuk memelihara ke-5 perkara ini, Al-Ghazali, Abu Ishaq Asy-Syatibi (2004) dan Mustafa Anas Zarqa memberikan 3 hierarki keutamaan yang perlu dilihat iaitu (1) keperluan (*dharuriyyat*), (2) kesenangan/kehendak (*hajiyyat*), dan (3) kemewahan (*tahsiniyat*).

Kunci dari pemeliharaan lima perkara *falah* terletak pada tingkat keutamaan yang pertama, iaitu *dharuriyyat*. Ia merangkumi keperluan asas manusia untuk hidup di muka bumi ini iaitu makanan, pakaian, perumahan dan lain-lain. Menurut mereka, keperluan tingkat pertama bersifat dasar (*basic needs*) dan cenderung bersifat fleksibel mengikut tempat, waktu dan memberi kesan kepada kehendak sosial (hiburan, ketenangan hati). Keutamaan peringkat kedua pula iaitu *hajiyyat*, merupakan hal-hal yang tidak penting bagi kelangsungan lima objektif Syariah, akan tetapi peringkat ini penting untuk menghilangkan kesukaran dan rintangan dalam hidup. Misalnya, piring untuk makan, gelas untuk minum, alat-alat kelengkapan untuk belajar dan sebagainya. Manakala keutamaan yang ketiga iaitu

tahsiniyyat, merupakan hal-hal yang berhubungan dengan keselesaan sahaja. Ia meliputi hal-hal yang melengkapi dan menghiasi hidup seseorang manusia. Contohnya, gelas kristal untuk minum dan pen emas untuk belajar.

Maka, ketika seorang muslim ingin berbelanja, ia harus menimbangkan bahawa perbelanjaan tersebut dilakukan dengan mendahulukan keperluan (*masalahah*) yang pertama iaitu *dharuriyyat* berbanding *hajiyyat* dan *tahsiniyyah*. Dalam konteks MAIN pula, perbelanjaan yang dibuat menggunakan harta WZB perlulah juga menitik beratkan fungsi harta tersebut dan dibelanjakan dengan jalan yang betul dalam mencapai kelima-lima objektif Syariah.

6.3 KONSEP LIABILITI DALAM ISLAM

Liabiliti atau tanggungan menurut Islam adalah berkaitan tanggungjawab manusia dijadikan di dunia ini sebagai Khalifah (pemimpin). Setiap manusia yang dijadikan diberi tanggungjawab atau diamanahkan untuk menguruskan kehidupan di dunia dengan cara yang disuruh oleh Allah S.W.T. Nabi Muhammad S.A.W bersabda, “*Kamu sekalian pemimpin dan kamu sekalian akan diminta pertanggung-jawabannya tentang apa yang kamu pimpin, imam (pejabat apa saja) adalah pemimpin dan ia akan diminta pertanggungjawabannya tentang apa yang dipimpinnya, dan orang laki-laki (suami) adalah pemimpin dalam lingkungan keluarganya, dan ia akan ditanya tentang apa yang ia pimpin, orang perempuan (istri) juga pemimpin, dalam mengendalikan rumah tangga suaminya, dan ia juga akan ditanya tentang apa yang dipimpinnya, dan pembantu rumah tangga juga pemimpin dalam mengawasi harta benda majikannya, dan dia juga akan ditanya tentang apa yang ia pimpin.*” (H.R. Ahmad, Muttafaq ‘alaih, Abu Daud dan Tirmidzi dari Ibnu Umar).

Maka, sekiranya diberi tanggungjawab atau amanah, ia perlulah dilaksanakan dengan jaya serta sebaik mungkin. Konsep liabiliti dalam kontrak muamalah islam boleh dikaitkan dengan konsep amanah yang mana pihak yang dipertanggungjawabkan wajib menjalankan amanah tersebut supaya tiada pihak yang teraniya dan keadilan dapat dilaksanakan. Hadis yang diriwayatkan Ibnu Umar menjelaskan kesan apabila amanah tidak dilaksanakan “Rasulullah shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda, “*Bila Allah menghimpun seluruh makhluk-Nya, dari generasi terdahulu sampai generasi terakhir ketika kiamat ditegakkan, maka kepada mereka yang berkhianat diberikan sebuah bendera sebagai tanda bahwa mereka adalah pengkhianat.*” (H.R. Muslim). Dalam surat al-Anfal ayat 27 Allah berfirman, “*Wahai orang-*

orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul, dan (juga) janganlah kamu menkhianati amanah yang telah dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahuinya”.

6.4 PERAKAUNAN WAKAF DAN HUKUM FIQAH

6.4.1 Rangka Umum: Tautan Antara Fiqah dan Perakaunan

Perbincangan pada seksyen ini berkisar tentang keperluan Syariah dalam pengurusan dan perakaunan harta wakaf. Isu-isu dan panduan-panduan yang dikemukakan dibawah kebanyakannya berdasarkan dari input dan penulisan dari tokoh perakaunan Islam berpusat di Kaherah, yakni Professor Abu Satar Abu Ghuddah dan Professor Dr Hussayn Shiḥātah (Abū Ghuddah & Shiḥātah, 1999).

Perakaunan menumpukan beberapa perkara asas iaitu pengiktirafan (*al-ithbāt*), pengukuran (*al-qiyās*), pelaporan (*al-‘araḍ*), dan pendedahan (*al-ifṣāḥ*). Asas-asas tersebut biasanya tertumpu pada modal (*ra’s al-māl*), untung (*al-arbāḥ*), dan hak-hak pemegang saham. Bagi institusi wakaf, ianya bertujuan memberikan perkhidmatan dan manfaat tanpa ganjaran material. Oleh itu, insituti wakaf menumpukan pada item-item (i) sumber, (ii) pendapatan, (iii) perbelanjaan dan, (iv) saluran pembahagian. Meskipun institusi wakaf boleh dilihat sebagai institusi bukan berasaskan keuntungan, mereka masih perlu membuat aktiviti-aktiviti pelaburan-pelaburan yang menjana keuntungan agar kelansungan operasi institusi ini dapat diteruskan demi mencapai tujuan-tujuan pewakafan.

6.4.1.1 Meneliti Perbezaan Institusi Wakaf dan Institusi Berasaskan Keuntungan

Terdapat sekurang-kurangnya 4 perbezaan antara institusi berasaskan keuntungan dan institusi wakaf.

- i. Perbezaan dari sudut objektif kewujudan

Institusi berasaskan keuntungan mementingkan keuntungan (*ta zīm al-ribḥ*). Oleh itu, bidang tugas utama perakaunan adalah untuk mengukur keuntungan (*qiyās al-ribḥ*). Bagaimanapun, tujuan institusi wakaf adalah untuk memberikan manfaat yang bersifat kebajikan (*tābi‘ khayrī*) kepada manusia, sesuai dengan kekehendak pewakaf (*al-wāqif*), iaitu mendapatkan pahala dari Allah. Walaubagaimanapun, bagi membantu mencapai objektif kebajikan tersebut, institusi wakaf perlu melakukan aktiviti-aktiviti pelaburan bagi mendapatkan keuntungan yang boleh menampung aktiviti dan penyaluran dana kepada penerima wakaf. Oleh itu, di antara tujuan perakaunan dalam wakaf adalah mengukur sumber-sumber dan pendapatan-pendapatan wakaf yang akan diberikan kepada orang-orang yang berhak

mendapatkan wakaf (*mustahiqq al-wakaf*) yang kemudiannya menggunakan manfaat tersebut. Oleh itu, objektif dan tema bagi proses pengukuran untuk kedua-dua institusi tersebut adalah berbeza.

ii. Perbezaan dari sudut pandang tenaga pengurusan

Institusi berasaskan keuntungan melantik wakil seperti ahli Lembaga Pengarah yang kemudiannya melantik pegawai-pegawai berkecualan dalam menguruskan institusi mereka. Pegawai pengurusan ini pula akan dinilai prestasi mereka menurut tanggungjawab serta bidang kusa yang telah ditetapkan, dimana kebiasaannya menjadikan keuntungan sebagai tujuan utama mereka. Walaupun setiap pekerja akan dibayar gaji mengikut kedudukan serta tanggungjawab mereka, keuntungan yang diperolehi oleh organisasi akan menentukan sama ada mereka mendapat bayaran tambahan ke atas gaji tetap (bonus). Bagaimanapun bagi wakaf, ia ditadbir oleh *nāzir* atau *waliyy al-amr* yang bekerja dengan upah terhad, tanpa mengira apa pun manfaat yang akan diberikan kepada para *mustahiq*, benefisiari. Upah yang diterima dan manfaat disalurkan disesuaikan secara relatifnya bergantung kepada pendapatan dari sumber harta wakaf. Dalam konteks ini, keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti pelabura tiada kaitan dengan upah yang diterima oleh pekerja institusi WZB. Dalam keadaan tertentu, *nāzir* juga bertanggungjawab untuk merangsang para pekerja wakaf sesuai dengan peranannya sebagai pengurus.

iii. Perbezaan penilaian prestasi

Institusi berasaskan keuntungan membuat perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan, untuk menentukan kadar keuntungan menurut asas akruan (*asās al-istihqāq*). Sementara itu, tujuan perbandingan bagi wakaf adalah untuk mengetahui lebihan setelah ditolak perbelanjaan. Ianya juga boleh memberi indikasi tentang kemungkinan ketidakupayaan *waliyy al-amr*, *nāzir* atau pewakaf (jika mereka masih hidup) untuk mentadbir wakaf. Agar wakaf boleh terus memenuhi tujuannya, pengukuran pendapatan wakaf juga dilakukan menggunakan asas akruan, seperti yang akan dijelaskan nanti.

iv. Perbezaan pengguna maklumat

Pengguna maklumat perakaunan bagi institusi berasaskan keuntungan berbeza dengan institusi wakaf. Bagi institusi yang berasaskan keuntungan, ialah pihak yang mengeluarkan modal pada kebiasaannya adalah pemegang saham (terkadang menjadi ahli lembaga pengarah) sama ada individu perseorangan atau organisasi. Manakal pengguna maklumat

bagi institusi wakaf adalah pihak yang memberi, masyarakat umum, serta pihak yang berhak menerima dana wakaf. Maka, maklumat perakaunan yang lebih telus harus dipersembahkan oleh institusi bukan keuntungan kepada umum supaya ia mendapat kepercayaan kepada masyarakat umum untuk menguruskan aset wakaf dengan cekap dan adil. Oleh kerana perbezaan objektif dan tujuan kedua-duanya, ini menyebabkan institusi wakaf memerlukan ciri-ciri tertentu, dari segi cara pelaporan dan, pendedahan maklumat-maklumat tersebut.

6.4.1.2 Perbandingan Antara Institusi Bukan Berasaskan Keuntungan dan Institusi Wakaf

Institusi wakaf dilihat memiliki ciri-ciri seiras dengan institusi bukan berasaskan keuntungan. Sebelum kita membicarakan institusi wakaf dengan lebih mendalam, kita perlu juga nyatakan ciri-ciri institusi bukan berasaskan keuntungan ketika ini. Oleh itu, sebahagian isu-isu perakaunan yang dihadapi dan bagaimana ianya ditangani oleh institusi tersebut dapat memberi panduan dan pengajaran kepada perakaunan institusi wakaf. Jika kita kaji institusi bukan berasaskan keuntungan, kita dapati ianya memiliki ciri-ciri seperti yang tertera dibawah:

- i. Aktivitinya tidak bertujuan untuk mendapatkan untung bagi pengasasnya dan tidak cuba menjana pendapatan. Namun bagi wakaf, untuk menjaga kelangsungan wakaf, perlulah menjaga sumber-sumber disamping membuat penambahbaikan kepada sumber-sumber tersebut. Tujuan institusi ini adalah untuk memberikan perkhidmatan dan manfaat kepada masyarakat.
- ii. Tidak memiliki modal dan hak-hak kewangan (*huqūq māliyyah*) dalam bentuk saham, dividen, intrumen boleh niaga di pasaran saham dan lain-lain.
- iii. Aset-aset yang dimiliki tidak boleh diperdagangkan kerana aset tersebut hanya digunakan untuk memberikan perkhidmatan dan manfaat.
- iv. Bergantung kepada subsidi, sumbangan, hibah, sokongan, dan bantuan dari individu, kumpulan, atau kerajaan.
- v. Kebiasaannya, ianya dkecualikan dari cukai pendapatan.

Bagi institusi wakaf, ianya berkongsi ciri-ciri yang disebutkan diatas. Namun, seperti yang diutarakan sebelumnya, ia juga menjalankan aktiviti yang menjana keuntungan. Keuntungan yang diraih bermatlamat untuk membantu mereka menjalankan kewajipan mereka untuk memberikan manfaat kepada benefisiari. Ini kerana objektif institusi wakaf adalah membantu

memberikan khidmat kebajikan dan mendukung tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan orang awam. Ini menunjukkan bahawa institusi wakaf menggunakan amalan sepertimana institusi berasaskan keuntungan, iaitu aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk mendapatkan untung, seperti pelaburan wang dan sewa hartanah. Namun, aktiviti-aktiviti tersebut tidak mengetepikan wakaf sebagai institusi bukan berasaskan keuntungan. Dari segi perakaunan, asas-asas perakaunan konvensional boleh digunakan ke atas aktiviti ekonomi yang menjana keuntungan. Manakala asas-asas perakaunan institusi bukan berasaskan keuntungan digunakan ke atas aktiviti-aktiviti sosial-kebajikan.

Khalid Budi (1997) juga mempunyai pendapat yang serupa berkaitan dengan pengiktirafan wakaf sebagai institusi bukan berasaskan keuntungan. Sifat perakaunan bagi wakaf memungkinkan layanan berbeza bagi dua aktiviti wakaf yang berbeza – tujuan komersial dan tujuan sosial.² Ini menuntut pemisahan antara belanjawan harta yang digunakan untuk komersial dan harta yang digunakan untuk aktiviti serta projek-projek sosial. Ini kerana aktiviti terkait komersial yang melaburkan harta wakaf harus menyiapkan anggaran belanjawan, menjelaskan keuntungan dan kerugian, serta memantau peruntukan susut nilai sesuai dengan kaedah-kaedah perakaunan konvensional disamping tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Syariah. Hasil dari keuntungan bersih operasi komersial, ianya hendaklah dipindahkan untuk kegunaan dan pelaksanaan aktiviti dan perkhidmatan sosial. Namun begitu, ianya bukan bermakna perlunya mewujudkan entiti berasingan bagi kedua-dua aktiviti tersebut. Kedua-duanya masih perlu dilaporkan secara bersama agar maklumat harta institusi wakaf secara menyeluruh pada setiap hujung tahun dapat diketahui.

6.4.1.3 Konsep Umum bagi Perakaunan Wakaf

Berdasarkan pemerhatian diatas, kerangka umum konsep perakaunan yang lebih cakna kepada hukum fiqah perlulah memiliki ciri-ciri seperti berikut:

- i. Konsep Peruntukan Kekayaan (*Asās Takhṣīṣ al-Amwāl*)

Sumber-sumber kekayaan bagi institusi wakaf memerlukan peruntukan bagi kegunaan khusus (dana terhad). Konsep ini memerlukan perlaksanaan kawalan kewangan (*al-riqābah al-māliyyah*) ke atas sumber-sumber kekayaan tersebut. Ini dilakukan agar kita dapat mengetahui secara tuntas bahawa sumber-sumber kekayaan yang diperuntukkan sesuai

² Khālīd Būdī, *Nadwah al-Aḥkām al-Fiqhiyyah wa al-Usus al-Muḥāsabiyyah li al-Wakaf* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1996).

dengan kegunaannya. Dengan itu, ianya dapat memberi penjelasan berkaitan dengan jumlah lebihan yang belum digunakan.

Berdasarkan perkara di atas, kekayaan boleh dibahagi kepada dua jenis:

- Kekayaan terhad (*al-amwāl al-muqayyadah*). Ia adalah kekayaan yang diperuntukkan untuk tujuan tertentu sesuai dengan syarat-syarat yang mengikatnya.
- Kekayaan tidak terhad (*al-amwāl muṭlaqah*). Ia adalah kekayaan yang digunakan untuk tujuan-tujuan umum atau sesuai maksud-maksud penubuhan instiusi.

Konsep ini tidak bercanggah dengan hukum-hukum fiqah berkaitan wakaf. Perkara yang perlu dititikberatkan adalah komitmen dalam memenuhi *sighah* wakaf dalam penggunaan sumber kekayaan wakaf dan pendapatan wakaf.

ii. Konsep Lebihan atau Defisit Tunai (*Asās al-Fā'd aw al-'Ajz al-Naqdī*)

Penilaian keatas harta boleh-cair yang boleh ditukar menjadi tunai (*al-amwāl al-sā'ilah*) dan hutang (*al-iltizāmāt*) hendaklah dilakukan pada setiap hujung tahun. Dengan erti lain, ia membuat perbandingan antara sumber dan penggunaan (*source and application of funds*). Ada ketikanya, terdapat jurang perbezaan yang besar antara keduanya bilamana pendapatan lebih besar daripada penggunaan; sebagai contoh pendapatan yang diterima jauh melebihi keperluan orang-orang yang berhak mendapatkan. Namun adakalanya, perbezaannya melahirkan defisit, iaitu jika pendapatan lebih kecil daripada penggunaan. Terdapat juga kemungkinan, perbelanjaan/penggunaan dalam tempoh semasa menggunakan semua lebihan terkumpul dari tempoh-tempoh sebelumnya, atau dikira sebagai hutang atas pendapatan yang akan didapati di masa hadapan. Ia dilakukan dalam situasi dimana Syariah membenarkan keberhutangan.

Ini berbeza dengan konsep yang diamalkan oleh institusi berasaskan keuntungan ketikamana perbandingan dilakukan antara pendapatan dengan perbelanjaan. Perbezaan akan dikira sama ada sebagai untung atau rugi; dan ianya dikembalikan kepada hak-hak pemilik (*ḥuqūq al-milkiyyah*), yakni ditambah kepada atau ditolak daripada ekuiti.

Konsep ini juga tidak bercanggah dengan hukum-hukum fiqah berkaitan wakaf. Ini kerana, salah satu matlamat wakaf adalah memberikan perkhidmatan dan manfaat, sama ada dari sumber kekayaan atau hasil dari sumber tersebut. Penjelasan tentang lebihan atau defisit pada setiap hujung tahun dikenali sebagai *al-ḥawl*. *Nāzir* wakaf atau orang yang melaksanakan wakaf bertanggungjawab melaporkan senarai harta pada hujung *ḥawl*.

iii. Konsep yang menunjukkan Aset-aset Jangka Panjang (*al-Uṣūl Ṭawīlah al-Ajal*)

Ia berupa aset-aset tetap yang diperolehi bagi memudahkan pelaksanaan pelbagai tugas, seperti perabot, alat, dan hartanah. Pengamal perakaunan mempunyai kaedah berbeza dalam mengukur nilai aset-aset tersebut. Terdapat pengamal yang menggunakan kaedah yang dipraktis oleh institusi komersial. Kaedah ini menilai aset serta penggunaannya mengikut kaedah pengiraan yang sistematik (*al-ḥisābāt al-nizāmiyyah*). Ada juga aset-aset tetap yang menjana pendapatan yang kemudiannya digunakan untuk memberikan manfaat dan perkhidmatan. Antara contoh-contohnya ialah hartanah yang disewakan, kebun-kebun yang menghasilkan buah dan tanah-tanah pertanian yang memberikan hasil pertanian (buah, benih, daun dan lain-lain). Pendapatan dari semua aset tetap ini disatukan dengan sumber-sumber asal dan kemudiannya akan diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya. Bagi kesemua aset-aset ini, ia akan tertera di dalam buku rekod dan tertakluk kepada konsep penyelenggaraan (*al-ṣiyānah*) dan penyusutan (*al-ihlāk*).

Asas yang sesuai dengan wakaf adalah asas yang menjadikan aset-aset jangka panjang sebagai harta kekayaan yang bertujuan memberikan perkhidmatan atau memberikan hasil.

iv. Konsep Akruan (*al-asās al-istihqāq*)

Asas akruan yang digunakan dalam perakaunan konvensional adalah untuk menentukan pendapatan dan perbelanjaan. Amalan ini menghasilkan baki di dalam Penyata Kedudukan Kewangan dalam bentuk prabayar (*prepayment*) dan terakru (*accrual*).

Asas ini mungkin juga boleh diamalkan oleh institusi wakaf apabila ianya berkaitan dengan pengiraan pendapatan dan perbelanjaan. Namun begitu, terdapat juga kajian-kajian lain yang memilih untuk menggunakan asas tunai (*al-asās al-naqdī*) bagi mengira pendapatan. Ini kerana pengiraan pendapatan melalui asas tunai boleh menghadkan manfaat dan perkhidmatan.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini mencadangkan penggunaan asas akruan bagi mengira perbelanjaan dan pendapatan. Ini kerana ianya masih lagi berada di dalam ruang yang boleh diterimapakai dengan hukum-hukum dan prinsip-prinsip Syariah Islam. Asas akruan juga sebenarnya digunakan oleh AAOIFI. Ini kerana penggunaannya boleh memudahkan kita melakukan tindakan susulan kerana wujudnya jejak (*trace*) di dalam pengiraan prabayar dan terakru. Oleh itu lebihan bayaran atau tanggungan tertunda dapat dilihat secara jelas dan ianya memudahkan pengamal perakaunan mengambilkira kedua-dua perkara tersebut dalam pengiraan pendapatan dan perbelanjaan.

v. Konsep Analisis Pendapatan Mengikut Sifatnya

Analisis pendapatan bagi institusi wakaf boleh dilakukan mengikut sifat pendapatan yang diterima, seperti berikut:

- a. Sumbangan dan sokongan tunai umum dari individu.
- b. Sumbangan dan sokongan tunai umum dari kerajaan.
- c. Sumbangan barang yang memiliki nilai dan manfaat.
- d. Perkhidmatan yang memiliki nilai.
- e. Lebihan aktiviti-aktiviti khusus.
- f. Hibah dan wasiat dari individu.

Institusi wakaf perlu membezakan antara sumber dan pendapatan wakaf. Sifat sumber wakaf datang dari pemberi wakaf. Ianya boleh berbentuk barang, dan juga berupa bentuk tunai. Manakala bagi item pendapatan, ianya berlaku pada sumber barang-barang wakaf yang boleh menjana pendapatan. Institusi wakaf jarang menerima pendapatan dalam bentuk (f) seperti diatas kerana kebiasaannya jika ada ianya akan diletakkan dibawah dana baitulmal.

6.4.1.4 Asas-asas Perakaunan Khusus Berkaitan Wakaf

Asas-asas yang akan dibincangkan ini bersumberkan Syariah Islam yang boleh digunakan oleh pengamal perakaunan dalam menjelaskan dan juga memberi hujah berkaitan dengan kesesuaian layanan perakaunan terhadap sesuatu transaksi. Asas-asas ini boleh dianggap sebagai satu pendekatan dalam memahami peristiwa dan realiti perakaunan yang berlaku pada wakaf. Asas-asas yang dibentangkan dibawah ini difikirkan penting dan ianya bersandarkan kepada hukum-hukum fiqah, asas-asas pemikiran perakaunan Islam, amalan-amalan tentang wakaf ketika zaman kegemilangan Islam terdahulu,³ konsep, dan piawaian yang dikeluarkan oleh AAOIFI serta panduan perakaunan bagi institusi bukan berasaskan keuntungan – selagi mana ianya tidak bercanggah dengan hukum-hukum dan prinsip-prinsip Syariah Islam.⁴

Di antara asas-asas penting perakaunan yang sesuai dengan sifat institusi-institusi wakaf adalah:

- i. Wujud sebagai entiti bebas berasingan (*separate entity*)

Ini bermaksud bahawa wakaf memiliki kebebasan kewangan dari “pemiliknya” (pewakaf), yakni berdiri sebagai entiti berasingan dari pewakaf. Oleh kerana pemilikan wakaf dari

³ Untuk maklumat lanjut lihat Dr. Husayn Shahātah, *Uṣūl al-Fikr al-Muḥāsabī al-Islāmī* (Kaherah: Maktabah al-Taqwā, 1991), hal. 62 dan seterusnya.

⁴ AICPA-FASB 6.

pewakaf telah berpindah kepada institusi wakaf, wakaf boleh berdiri dengan sendiri sepertimana ianya berdiri sendiri – terpisah dari *nāzir*-nya. Bagi ahli fiqah, ini digelar sebagai sifat badan korporat (*al-shakhṣiyyah al-i'tibāriyyah*).⁵

ii. Kesenambungan wakaf (kekal).

Wakaf berlaku apabila harta wakaf berpindah milik dari milik peribadi kepada milik Allah, bukannya kepada pewakaf atau benefisiari (*al-mawqūf 'alayh*). Manfaatnya sentiasa mengalir selagi wujud harta wakaf tersebut dan selagi ianya memberikan manfaat. Berdasarkan ini, selagi mana unsur-unsurnya ada, wakaf dilihat sebagai institusi yang kekal berterusan.

iii. Tempoh pengukuran kekayaan wakaf.

Wakaf bersifat berterusan dan kekal (*al-istimrāriyyah*). Bagaimanapun, tempoh panjang berterusan ini boleh dibahagikan kepada tempoh yang lebih pendek; sama ada satu *ḥawl* atau kurang dari satu *ḥawl*. Ini membolehkan pengukuran pendapatan dan perbelanjaan wakaf dinilai secara lebih tuntas, dan juga membenarkan pihak berkenaan mengetahui lebihan atau defisit dan sebab musababnya. Adalah dicadangkan agar tempoh kewangan dikira berdasarkan tahun hijri (*al-ḥawl al-qamarī*). Walaubagaimanapun, Syariah tidak melarang penggunaan tahun masehi (*mīlād shamsī*). Penggunaan tempoh kewangan wakaf memudahkan perancangan aktiviti serta membuat tindakan susulan disamping menilai prestasi pihak pengurusan.

iv. Rekod tahunan untuk aktiviti wakaf.

Pengamal perakaunan merekodkan aktiviti-aktiviti wakaf seperti pendapatan dan perbelanjaan di dalam buku rekod tertentu. Ia direkodkan berdasarkan dokumen-dokumen yang ada. Perkara yang sama juga diamalkan di Baitulmal dimana perekodan perlu menyatakan hari, bulan, dan tahun hijri.⁶ Dokumen-dokumen tersebut perlu disimpan rapi agar ia menjadi bukti terhadap apa juga transaksi. Antara dokumen yang paling penting adalah hujah pewakaf (*sighah*) dan juga keputusan mahkamah (jika ada). Asas ini bertepatan dengan konsep dan panduan perakaunan yang diterbitkan oleh AAOIFI.

v. Pengukuran tunai dan bukan tunai wakaf.

Aktiviti dan rekod wakaf dinyatakan di dalam lejar menggunakan asas unit tunai mengikut harga pasaran. Jika harta wakaf itu mempunyai nilai, maka nilai tersebut harus direkod. Ini kerana ianya memberikan manfaat seperti manfaat hasil pertanian, haiwan, dan lain-lain. Namun kita perlu sedar bahawa terdapat sebahagian manfaat wakaf yang sulit untuk dinilai.

⁵ Aḥmad 'Alī 'Abdullāh, *al-Shakhṣiyyah al-I'tibāriyyah fī al-Fiqah al-Islāmī* (Khartoum: al-Dār al-Sūdāniyyah li al-Kutub), 205.

⁶ Al-Nuwayrī, *Nihāyah al-Arab fī Funūn al-Adab* (al-Mu'assasah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Ta'līf wa al-Nashr), vol. 8, hal. 273.

Berkemungkinan, kita cuma boleh mengukur kosnya sahaja. Oleh itu, perlu wujud rekod tunai atau bukan tunai; sesuai dengan sifat harta yang diwakafkan dan manfaat yang diberikan.

vi. Pengukuran aset berdasarkan kos sejarah.

Aset wakaf dinilai mengikut kos sebenar (*al-takallufah al-fi'liyyah*). Setelah ianya digunakan, aset tersebut akan dinilai mengikut nilai semasa (*al-takallufah al-jāriyah*). Penetapan nilai ini dibuat berdasarkan asas objektif (*asās al-maqdū'iyah*). Bagi tujuan pengiraan susut nilai, nilai semasa perlu digunapakai. Asas ini ditetapkan oleh para ahli fiqah.⁷ Namun jika nilai semasa masih belum diputuskan atau menelan kos yang tinggi, kos sejarah (*al-takallufah al-tārikhiyyah*) boleh digunakan. Ini juga adalah pendapat yang digunakan oleh AAOIFI dalam menilai pelaporan dan pendedahan. Walau apa juga asas pengukuran yang digunakan, penerangan dan rujukan hendaklah dibuat kepada Nota pada Akaun yang melengkapinya Penyata Kewangan institusi wakaf.

Khusus bagi pengukuran perbelanjaan wakaf ianya perlu berasaskan 5 perkara utama. Pertama, legitimasi (*al-mashrū'iyah*). Ia bermakna bahawa perbelanjaan dan pendapatan harus sah - sesuai Syariah. Kedua, padanan (*al-irtibāṭ*). Ia bermakna bahawa mesti ada hubungan sebab akibat antara perbelanjaan dan wakaf tersebut. Ketiga, kesederhanaan (*al-wasaṭiyyah*). Ia bermakna bahawa perbelanjaan wakaf tidak boleh berlebihan, membazir, kedekut, dan lain-lain. Keempat, bermanfaat (*al-istifādah*). Ia bermakna bahawa perbelanjaan mesti boleh menghasilkan pendapatan bagi wakaf atau orang-orang yang berhak mendapatkan manfaat wakaf. Kelima, kesinambungan (*al-istimrāriyyah*). Ia bermakna bahawa pendapatan dan manfaat wakaf mesti sentiasa dijaga, bahkan jika sementara, maka tempohnya mesti dipanjangkan.

vii. Perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan.

Perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan wakaf dilakukan bagi mengetahui lebih bersih yang berhak diberikan kepada benefisiari. Konsep ini diamalkan oleh Baitulmal. Untuk mengetahui lebih atau defisit, ia dilakukan dengan cara perbandingan antara pendapatan dengan perbelanjaan. Konsep ini juga digunapakai di dalam perakaunan konvensional. Perbezaannya dengan konvensional cuma berkisar pada asas-asas ukuran pendapatan dan perbelanjaan.

viii. Pendedahan (*al-Ifṣāḥ*).

⁷ Untuk maklumat lebih lanjut, lihat Shawqī Ismā'īl Shaḥātah, *al-Mabādī al-Islāmiyyah li al-Taqwīm fi al-Muḥāsabah*, Tesis Ph.D, Tijārah al-Qāhirah, 1959, Ḥusayn Shaḥātah, *Uṣūl al-Fikr al-Muḥāsabī al-Islāmī* (Kaherah: Maktabah al-Taqwā, 1991), hal. 78.

Konsep ini menegaskan bahawa dalam setiap tempoh yang sesuai, *nāzir* atau pengamal perakaunan wakaf memberikan penerangan tentang aktiviti-aktiviti wakaf dengan jelas. Ini bagi membolehkan pemegang taruh mendapatkan maklumat yang berguna dan kemudiannya membuat keputusan berdasarkan aktiviti wakaf yang dipaparkan. Antara pemegang taruh bagi pelaporan wakaf ialah benefisiari (*al-mawqūf ‘alayhim*), pihak yang menguruskan wakaf dan pihak yang mengawal.

6.4.1.5 Maklumat Khusus yang Perlu Ada

Di antara maklumat penting yang harus didedahkan dalam penyata kewangan institusi wakaf ialah:

- i. Sumber-sumber kewangan dan harta wakaf:
 - Sumber-sumber aset wakaf (tidak alih) seperti tanah, hartanah, serta peralatan dan ladang tanaman.
 - Sumber-sumber aset wakaf (alih) seperti barang dagangan dan haiwan yang mendatangkan hasil.
 - Sumber-sumber dalam bentuk wang seperti sijil pelaburan, dan instrument kewangan.
 - Sumber-sumber dalam bentuk hak-hak kewangan seperti hak umum (*ḥaqq al-irtifāq*) dan *français*.

Disamping itu, sebarang batasan, sekatan kesan dari pegangan keatas aset-aset wakaf juga mesti didedahkan.

- ii. Pendapatan yang terhasil dari aset wakaf adalah seperti berikut:
 - Pendapatan dalam bentuk manfaat maknawi yang tidak boleh diukur seperti manfaat tempat ibadah, belajar, dan dakwah.
 - Pendapatan dalam bentuk manfaat perkhidmatan yang boleh diukur dengan nilai wang seperti manfaat hartanah, kenderaan, dan ternakan.
 - Pendapatan dalam bentuk kebendaan seperti buah-buahan, biji-benih, dedaun (sayur) yang boleh diukur dengan nilai wang.
 - Pendapatan dalam bentuk pulangan tunai seperti keuntungan pelaburan tunai.
 - Pendapatan tidak berkala seperti pendapatan sebahagian aset-aset wakaf.
- iii. Perbelanjaan-perbelanjaan untuk wakaf adalah seperti berikut:
 - Perbelanjaan penyelenggaraan dan penyusutan berkala.
 - Perbelanjaan penggantian.

- Perbelanjaan pentadbiran.

iv. Saluran-saluran wakaf adalah seperti di bawah ini:

- Saluran kepada perkara yang berterusan seperti manfaat tempat ibadah.
- Saluran-saluran kepada perkara yang sementara pada permulaanya tapi kekal pada akhirnya.

6.4.2 Asas-asas Perakaunan Atas Penggunaan dan Penggantian Harta Wakaf Mengikut Hukum-hukum Fiqah

Bahagian ini akan mengkaji aspek-aspek perakaunan bagi penggunaan dan penggantian barang-barang wakaf mengikut hukum-hukum fiqah dan asas-asas perakaunan institusi bukan berasaskan keuntungan.

Aset-aset wakaf yang memiliki sifat tetap, atau yang disebut barang-barang yang diperolehi untuk mendapatkan hasil dan memberikan manfaat tertakluk kepada penggunaan aset wakaf tersebut. Akibat dari hasil pengoperasian terjadinya kehauslusuhan, atau hakisan semula jadi yang dikira sebagai sifat alami. Para ahli fiqah telah menjelaskan bahawa harta wakaf yang biasa digunakan adalah hartanah, harta alih, dan harta-harta lainnya yang memiliki sifat tetap.

Contoh barang wakaf yang termasuk ke dalam aset yang boleh digunakan adalah:

- Hartanah yang memberikan hasil.
- Taman dan kebun yang menghasilkan buah, benih dan daun.
- Kilang yang menghasilkan keuntungan bersih yang dibelanjakan untuk kebajikan.
- Aset-aset alih yang memiliki sifat tetap seperti alat-alat, kereta, dan perkakas.
- Hak-hak kewangan yang boleh digunakan seperti hak umum dalam bentuk jalan, longkang, dan pembekalan air. Nilai aset-aset tersebut akan berkurang disebabkan penngunaannya, hakisan, dan penuaan sehingga ianya tidak berfungsi lagi serta harus diperbaharui atau ditukar.

Kita telah membincangkan konsep dan rangka umum perakaunan dari sudut pandang fiqah sebelum ini. Di bahagian ini, isu-isu yang lebih khusus dimana hukum wakaf yang mempunyai kesan terhadap perakaunan akan diutarakan. Dua isu yang amat dititikberatkan oleh ahli fiqah yang juga mempunyai implikasi perakaunan adalah (i) kos pemulihan dan penyelenggaraan dan, (ii) kos penggantian dan susut nilai. Kedua-dua isu ini akan dibincang seterusnya.

6.4.2.1 Harta Wakaf yang Memerlukan Pemulihan dan Penyelenggaraan

Harta wakaf dalam bentuk aset tetap seperti hartanah, alat-alat pengangkutan termasuk hak penggunaan laluan adalah harta yang digunakan bagi menjana pendapatan. Aset wakaf ini mempunyai jangka hayat. Untuk memastikan agar aset ini sentiasa memberikan hasil dan manfaat, ianya perlu dijaga dan dikekalkan. Bagi mengekalkan sifat berterusan wakaf, aset ini memerlukan kos pemulihan dan penyelenggaraan.

Bahagian ini akan membahas asas-asas perakaunan yang berhubungan dengan pengiktirafan, pengukuran, pelaporan, dan pendedahan maklumat-maklumat kos pemulihan dan penyelenggaraan mengikut hukum-hukum fiqah.

a. Konsep Kos Pemulihan dan Penyelenggaraan Harta Wakaf

Kos pemulihan adalah kos yang ditanggung bagi memperbaiki kerosakan harta wakaf, agar ia sentiasa mampu memberikan hasil. Manakala kos penyelenggaraan adalah kos yang dikeluarkan untuk menjaga harta wakaf dari faktor-faktor penggunaan biasa dan ianya ditanggung agar aset boleh terus memberikan hasil. Kedua-dua jenis kos ini agak biasa dibincangkan di dalam perakaunan konvensional. Dalam fiqah, perbincangan hampir sama juga berlaku. Ianya membincangkan tentang proses pemakmuran harta wakaf melalui aktiviti memperbaiki kerosakan, mengelak dan menjaga harta agar terhindar dari kerosakan, termasuk menyediakan harta wakaf tersebut agar ianya sesuai digunakan dan/atau diberikan kepada penerima wakaf sebagaimana asalnya - tanpa ada sebarang penambahbaikan.

Perlu kita tegaskan disini bahawa ahli fiqah mengutamakan kedua-dua kos ini berbanding kos-kos yang lain. Ini kerana, wakaf adalah sedekah jariyah yang tidak akan wujud kecuali dengan cara menjaga harta-hartanya.⁸ Oleh itu, kos pemulihan dan penyelenggaraan mestilah diambil dari hasil wakaf. Jika tidak mencukupi, ianya menjadi tanggungjawab pewakaf, *nāzīr*, *waliyy al-amr* untuk menampung kos tersebut dari sumber lain. Para ilmuwan fiqah telah mewajibkan pemulihan dan penyelenggaraan, bahkan jika perlu *nāzīr* wakaf harus berhutang (Shirbini, 2015). Ini selaras dengan prinsip wakaf - kesinambungan. Dalam mendepani isu kos pemulihan dan penyelenggaraan, jika pendapatan wakaf mencukupi, Syariah tidak melarang bagi

⁸ Al-Kassānī, *Ṣāhib al-Badā'i*, vol. 8, hal. 3918.

pengamal perakaunan memperuntukkan kos pemulihan dan penyelenggaraan dari pendapatan tersebut.

Sepertimana perakaunan konvensional, kos penyelenggaraan berkala direkodkan di dalam Penyata pendapatan dan perbelanjaan di setiap hujung tempoh kewangan menurut asas akrual. Manakala, kos pemulihan direkodkan sebagai modal (dipermodalkan) di dalam aset-aset wakaf. Ia dikira sebagai tambahan modal. Ilmuwan fiqah membenarkan pihak institusi wakaf membuat peruntukan tersebut sekiranya pendapatan wakaf mencukupi dan sekiranya ia tidak menyebabkan keburukan kepada orang-orang yang menerima manfaat.

b. Pengiraan dan Pembahagian Kos Pemulihan dan Penyelenggaraan Harta Wakaf

Harta wakaf perlu wujud di dalam malar - sentiasa memberikan manfaat. Ini memerlukan kita membuat penelitian dalam isu kos pemulihan dan penyelenggaraan. Ia sesuai dengan kaedah pengkalan (*al-ta'bīd*) dan temporaliti (*al-ta'qīt*) untuk tempoh tertentu. Kuasa untuk mengukur kos tersebut diberikan kepada pakar mengikut sifat harta wakaf.

Kos pemulihan dan penyelenggaraan harta wakaf boleh dibahagikan menjadi dua bahagian utama, iaitu:

- i. Kos penyelenggaraan berkala agar harta wakaf sentiasa boleh memberikan manfaat. Kos tersebut termasuk alat-alat perkakasan pakaiguna (*consummables*).
- ii. Kos pemulihan. Tujuan kos ini adalah untuk membaiki harta wakaf yang rosak, layu, atau terhenti dari memberikan manfaat.

6.4.2.2 Konsep Kos Susut Nilai Aset Wakaf Menurut Fiqah Islam

Penggunaan istilah *ihlāk* (susut nilai) di dalam bahasa Arab adalah seperti berikut; *halaka al-shay' aw istahlaka wa šāra hālikān* – diterjemahkan sebagai “sesuatu barang itu binasa atau menyusut kemudian menjadi hilang”. Jika dirujuk kepada harta, ianya juga digelar *istahlaka al-māl* - harta menyusut nilainya. Ini bermaksud harta tersebut dibelanjakan dan berkurangan.⁹

⁹ *Al-Mu'jam al-Wajīz*, hal. 539.

Dalam konteks aset-aset tetap, kos susut nilai merujuk kepada “apa yang dibelanjakan/diperuntukkan untuk sesuatu sebagai pampasan keatas kekurangan yang berlaku dimana peruntukan tersebut bertujuan untuk membuat pembaharuan dan penggantian di kemudian hari”. Konsep susut nilai yang dinyatakan diatas dilihat sebagai cerminan kepada ciri penting wakaf, iaitu pengekalan aset. Oleh itu penggunaan susut nilai dilihat menepati asas kesinambungan dalam perakaunan serta prinsip pengekalan dalam wakaf, seperti yang telah dijelaskan sebelumnya.

a. Pengiraan Anggaran Penyusutan Nilai Aset Wakaf

Pengiraan anggaran penyusutan nilai aset wakaf dianggap sebagai perkara teknikal yang boleh dilakukan oleh pakar berkaitan. Seorang pakar perlu membuat penilaian yang bersesuaian bagi mengira jumlah penyusutan nilai barang wakaf. Bagi memastikan agar wakaf sentiasa memberikan manfaat, aset wakaf tersebut harus ditukar apabila manfaatnya tidak dapat dikecapi lagi. Ini memerlukan aset tersebut “diperbaharui”. Pengiraannya dilihat agak subjektif. Namun, pandangan Syariah sangat luwes sehingga dibolehkan meminta bantuan pakar bukan muslim, sebagaimana contoh ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb yang meminta bantuan orang Parsi dalam mengatur Baitulmal. Juga seperti yang telah disabdakan oleh Rasulullah SAW, “Kalian yang lebih tahu tentang urusan dunia kalian.”

6.4.3 Kesimpulan Tentang Perakaunan Wakaf dan Hukum Fiqah

Kita telah membahas konsep-konsep serta asas-asas perakaunan bagi sumber, pendapatan, perbelanjaan, dan saluran wakaf menurut hukum-hukum. Kita juga telah memberikan tumpuan khas kepada masalah kos pemulihan dan penyelenggaraan; kos susut nilai harta wakaf; dan penyediaan peruntukan dari pendapatan wakaf dengan tujuan untuk memperbaharui dan mengganti harta wakaf.

Konsep perakaunan wakaf adalah kaedah atau prinsip yang mengatur aktiviti-aktiviti peingiktirafan (*al-ithbāt*), pengukuran (*al-qiyās*), pelaporan (*al-‘araḍ*), dan pendedahan (*al-ifṣāḥ*) bagi 4 aktiviti utama wakaf (i) sumber wakaf (ii) pendapatan wakaf (iii) perbelanjaan wakaf dan, (iv) saluran wakaf. Tujuan asas ini adalah untuk menilai prestasi perakaunan serta memahami dan menafsirkan peristiwa yang berlaku. Sebahagian besar asas perakaunan institusi bukan berasaskan keuntungan dilihat sesuai dengan sifat-sifat dan tujuan-tujuan

wakaf, kecuali yang bercanggah dengan hukum fiqah tentang wakaf. Perbincangan fiqah telah menjelaskan tentang kaedah-kaedah *shar'i* yang mengawal aktiviti-aktiviti wakaf. Perbincangan ini membenarkan kita membuat rangka umum perakaunan perakaunan yang sesuai dengan aktiviti wakaf dan merealisasikan tujuan wakaf. Di antara kaedah-kaedah tersebut adalah berkaitan mengurus, menjaga dan mengembangkan harta wakaf, mengembangkan manfaat kebaikan wakaf, serta menjamin kesinambungan wakaf agar terus memberikan faedah dan mengekalkan kesinambungan perkhidmatan kepada generasi-generasi akan datang.

Bagi isu-isu khusus, perbincangan berkenaan dengan kos pemulihan dan penyelenggaraan aset wakaf juga disandarkan kepada hukum fiqah. Antaranya, terdapat hubungan sebab akibat antara kos pemulihan dan penyelenggaraan dengan aset wakaf. Ia dilakukan agar aset wakaf sentiasa ada dalam kondisi asal seperti pertama kali diwakafkan. Perkara ini mengikut asas akruan dan pertimbangan sebab akibat. Disamping itu, kos pemulihan dan penyelenggaraan mestilah bertujuan untuk menjaga daya penghasilan aset wakaf agar sentiasa mampu melaksanakan tugasnya (asas kesinambungan). Kos pemulihan dan penyelenggaraan boleh dikira sebagai beban/tolakan ke atas hasil wakaf. Jika tidak dipenuhi, ianya boleh dikira sebagai belanja terakru. Manakala itu, kos pemulihan lebih bersifat modal yang ditambah ke atas harta wakaf. Ianya dipermodalkan dan dinyatakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Jika sekiranya pendapatan wakaf tidak mencukupi, insititusi wakaf dibolehkan untuk berhutang untuk membiayai kos pemulihan dan penyelenggaraan aset wakaf. Hutang tersebut kemudian dibayar dari pendapatan tahun hadapan (Abu-Ghuddah & Shehatah, 1999). Bagi isu berkaitan dengan penggantian dan susut nilai, aset-aset wakaf yang bersifat tetap seperti hartanah, taman, kebun, kilang, perkakasan, peralatan, kereta dan lain-lain tertakluk kepada susut nilai. Pengiraan susut nilainya dilakukan oleh seorang pakar. Peruntukan susut nilai aset-aset wakaf tertakluk kepada beberapa asas perakaunan. Antaranya (i) peruntukan susut nilai aset-aset wakaf dikira sebagai beban pendapatan wakaf, (ii) peruntukan susut nilai aset-aset wakaf dikira sebagai perbelanjaan tertunda, (iii) harga jual aset-aset wakaf yang digunakan dikira sebagai nilai modal yang memberi sumbangan kepada aktiviti pembaharuan dan penggantian yang tidak boleh diagihkan (*non-distributable capital*), (iv) kos susut nilai aset-aset wakaf ditulis di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan manakala peruntukan susut nilai direkodkan di Penyata Kedudukan Kewangan. Pengecualian diberikan kepada tanah kubur, di mana tiada susut nilai diperuntukkan kerana nilai harta tersebut dinilai pada kadar nominal.

Disamping itu di dalam membicarakan isu penggantian, Syariah tidak melarang untuk membuat peruntukan bagi mengganti aset-aset wakaf - jika pendapatan wakaf mencukupi. Perkara tersebut perlu dilakukan tanpa melanggar maksud wakaf dan hak orang-orang yang mendapatkan manfaat wakaf. Peruntukan tersebut adalah terhad, yakni tidak boleh digunakan kecuali untuk tujuan yang telah ditentukan sebelumnya, yakni hanya untuk penggantian aset.

6.5 KESAN PERUBAHAN MATAWANG ASING

Meninjau urusan yang dilakukan melibatkan mata wang asing, ia melibatkan konsep Bay' al-Sarf. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012 telah membenarkan transaksi melibatkan matawang asing bersandarkan syarat-syarat berikut: kelayakan pihak-pihak melakukan kontrak mestilah mencapai kelayakan penuh (*Ahliyyah al-Ta'aqud*), tiada unsur ketidakpastian (*gharar*) berkaitan harga, kewujudan item dan dimiliki sepenuhnya, serta wujudnya akad (*sighah*) diantara pihak yang terlibat. Selain daripada itu, menurut Hadis Rasulullah SAW riwayat Muslim, pertukaran barangan ribawi di mana termasuk emas dan perak hendaklah dilakukan dalam waktu yang sama "*yadan bi yadin*".

الذهب بالذهب , والفضة بالفضة , والبر بالبر , والشعير بالشعير , والتمر بالتمر , والملح بالملح , مثلاً بمثل , سواء بسواء ,
يداً بيد , فإذا اختلفت هذه الأصناف فبيعوا كيف شئتم

Ertinya: Emas dengan Emas (ditukar atau diniagakan), perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam mestilah sama timbangan dan sukatanya, dan ditukar secara terus (pada satu masa) dan sekiranya berlainan jenis, maka berjual-belilah kamu sebagaimana yang disukai" (Riwayat Muslim, no 4039 no hadith, 11/9).

Sebahagian ulama menyatakan bahawa ketentuan dalam pertukaran di atas (yakni jika sama jenis harus sama kuantitinya serta secara tunai; tidak terpakai jika berbeza jenis barangan) tidak hanya berlaku pada pertukaran keenam barang yang disebutkan oleh Rasulullah SAW. Menurut mereka, ia boleh dipraktikkan pada pertukaran barang-barang lain yang agak serupa menurut '*illat* (alasan yang membangkitkan hukum). Tetapi, mereka berbeza pendapat terhadap apa yang menjadi *illat*-nya. Para ulama *Malikiyah* berpendapat bahawa '*illat* yang menjadi alasan pemakaian hukum pada keempat barang yang terakhir (gandum, barli, kurma dan garam) adalah kerana keempatnya merupakan bahan makanan yang boleh disimpan, maka ketentuan di atas berlaku pada pertukaran semua bahan makanan yang dapat disimpan. Sedangkan ulama *Syafi'iyyah* menyatakan bahawa '*illat*nya adalah kerana empat barang

tersebut merupakan bahan makanan, sehingga hukum tersebut berlaku untuk semua bahan makanan. Mengenai emas dan perak, *Malikiyah* dan *Syafi'iyah* bersepakat bahawa 'illatnya adalah kerana keduanya merupakan barang yang menjadi pengukur harga dan nilai (wang). Sementara itu, para ulama Mazhab Hanafi menyatakan bahawa keenam-enam barangan itu memiliki satu *illat* yang sama, iaitu kerana keenamnya dijual-belikan dengan diukur atau ditimbang, sehingga ketentuan di atas berlaku untuk semua barang yang dijual-belikan dengan ukuran (volum) atau timbangan (berat). Apa yang dapat disimpulkan bahawa, mengambilkira pendapat *Malikiyah* dan *Syafi'iyah*, matawang yang telah digunapakai sekarang boleh memakai illah emas dan perak yang disebut oleh Rasulullah dalam hadith tersebut. Maka, sebarang transaksi yang melibatkan pertukaran sebarang matawang hendaklah dilakukan pada masa yang sama mengikut nilai pada masa tersebut.

Berdasarkan penjelasan di atas, sekiranya berlaku sebarang transaksi harta WZB yang melibatkan matawang asing, adalah dianjurkan bahawa pengiktirafan dibuat di dalam kumpulan wang masing-masing manakala pengukurannya hendaklah dibuat mengikut nilai semasa transaksi itu dilakukan. Seterusnya pendedahan boleh dibuat mengikut keperluan *masalah* bagi harta Wakaf dan Baitulmal, serta mengikut jumlah agihan semasa bagi harta Zakat.

6.6 KOS PINJAMAN

Menurut Islam, pinjaman dibahagikan kepada 2 kategori iaitu *al-'ariyah* dan *al-qard*. *Al-'ariyah* merujuk kepada pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barangan atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam bagi tujuan penggunaan manfaat barang atau harta tersebut secara percuma. Hak pemilikan ke atas barang tersebut masih kekal pada pemberi pinjaman dan peminjam tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau susut nilai bagi barang tersebut kecuali kecuaiian adalah berpunca daripada peminjam sendiri. Barang yang dipinjam hendaklah dipulangkan kepada tuannya dan bukan memulangkan gantian barang tersebut. Pinjaman secara *'ariyah* hanya melibatkan barangan atau benda yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikembalikan dalam keadaan asal misalnya kereta, telefon bimbit, baju dan buku. Manakala *al-qard* ialah pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan atau komoditi yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan. Kesan daripada transaksi ini ialah wujudnya hutang atau keberhutangan daripada satu pihak iaitu penghutang kepada satu pihak yang lain iaitu

pemberi hutang (pemiutang). Peminjam (penghutang) hendaklah memulangkan kembali barang yang dipinjam dalam bentuk gantian dan bukan merupakan benda yang asal.

Al-qard dari segi bahasa bermaksud *al-qat'u* (potong). Harta yang diberikan kepada orang yang berhutang dinamakan *qard* kerana pemiutang memotong (mengambil) sebahagian hartanya untuk diberikan kepada penghutang. Dari segi istilah, *al-qard* merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan. Sebarang tambahan terhadap barang atau wang yang diberi pinjam adalah ditegah dalam Islam kerana ia dianggap sebagai riba atau lebihan yang tidak mempunyai ganti yang dikenakan oleh pemberi pinjaman sementara menunggu bayaran balik.

6.6.1 Larangan Riba

Larangan terhadap riba adalah jelas berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا
إِذَا بَاعْتُ مِثْلَ الرِّبَا ۖ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا
سَدَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ ۗ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۗ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Terjemahan: "Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya."

Terdapat beberapa hadith Rasulullah SAW berkaitan hutang dan riba. Antaranya ialah; Terjemahan: "*Rasulullah SAW telah bersabda bahawa setiap pinjaman (hutang) yang ada*

*manfaat , ianya adalah riba"*¹⁸, Terjemahan: "*Rasulullah SAW mengutuk penerima riba, pemberi riba, pencatat dan dua orang saksi dan Baginda bersabda: Mereka semuanya adalah sama dalam melakukan dosa*"¹⁹

6.6.2 Fatwa Pengharaman Riba

Al-Mu'tamar Al Islamiy lil Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah kali kedua, pada bulan Mei tahun 1965 di Kaherah telah membuat keputusan bahawa faedah yang dikenakan dalam semua bentuk pinjaman (hutang) adalah riba. Manakala Majma' al-Fiqah al-Islamiy dalam persidangannya kali kedua di Jeddah pada 22-28 Disember 1985 telah mengeluarkan fatwa bahawa setiap penambahan atau faedah ke atas hutang disebabkan peminjam lewat menjelaskan hutang atau faedah yang ditetapkan pada awal kontrak pinjaman, kedua-duanya adalah riba yang diharamkan oleh hukum syara'. Sementara itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-32, pada 10-11 Jun 1993 telah membuat keputusan bahawa "Wang faedah yang diperolehi dari bank atau institusi kewangan adalah haram digunakan untuk diri sendiri tetapi hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.". Seterusnya kaedah *fihiyyah* yang boleh digunakan pakai di dalam konteks pinjaman adalah *الخراج بالضمن* yang bermaksud faedah diterima beserta tanggungjawab yang perlu dilunaskan.

Maka, secara kesimpulannya, transaksi pinjaman dalam Islam seharusnya tidak melibatkan kos atau tambahan kerana ia boleh menyebabkan riba berlaku. Walaupun demikian, kerana adanya sistem kewangan dan perbankan Islam pada masa kini di mana pinjaman wang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan Islam telah bersandarkan kontrak-kontrak jual beli Islam, ulama telah bersepakat bersetuju membenarkan urusan pinjaman serta kos terlibat dilakukan. Oleh yang demikian, sekiranya MAIN terlibat dalam pinjaman kewangan Islam, ianya hendaklah didedahkan di dalam kumpulan wang WZB dengan menggunakan kos sejarah sebagai ukuran. Dari segi pendedahan, adalah mengikut kesesuaian *masalah* bagi harta Wakaf dan Baitulmal, manakala bagi harta Zakat, ia perlulah merujuk kepada jumlah agihan semasa.

¹⁸ Al-'Asqalani, Bulugh al-Maram, hadith no.761, juz 1, m.s 227.

¹⁹ Muhammad bin Ismail al-Amir al-Yamini al-Sina'i, Subul al-Salam, Juz.3, m.s 48.

6.7 HASIL DARI URUSNIAGA PERTUKARAN

Daripada perbincangan sebelum ini, hasil yang diiktiraf oleh Islam ialah hasil yang bebas daripada unsur riba, *ghabn* yang berpunca dari penipuan, *gharar* dan ihtikar. Ini kerana kesemua unsur tadi diharamkan dalam Islam. Ia selari dengan firman Allah SWT dalam Surah An-Nisaa' ayat 29:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا (٢٩)

Terjemahan:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (tidak benar), kecuali dengan jalan perdagangan yang berlaku atas dasar suka sama-suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang kepadamu.

Maka, adalah dicadangkan bahawa setiap urusan niaga pertukaran yang melibatkan harta WZB haruslah diiktiraf mengikut kumpulan wang masing-masing serta dinilai mengikut nilai semasa. Manakala, pendedahan terhadap transaksi ini perlu mengikut *maslahah* serta jumlah agihan semasa bagi Zakat. Kaedah Fiqah yang boleh digunapakai ialah الأصل في جميع العقود العدل (asal sesuatu transaksi itu adalah adil).

6.8 HASIL DARI URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

Terdapat beberapa transaksi urusan niaga bukan pertukaran yang dilakukan oleh MAIN dalam menguruskan dana WZB seperti yang telah dibincangkan di dalam bab-bab sebelum ini. Bab ini hanya membincangkan transaksi bukan pertukaran yang menjadi dipraktikkan oleh MAIN selaras dengan perkembangan serta keperluan masa kini terhadap harta WZB.

6.8.1 Wakaf Tunai

Majoriti ulama menggariskan bahawa syarat harta wakaf adalah kekal lama dan tidak rosak (*iqar*) atau hilang selepas digunakan kecuali Imam Al-Auzaie dan sebahagian fuqaha mazhab Maliki (membenarkan makanan sebagai aset wakaf). Adakah wang boleh dikira sebagai harta kekal? Para fuqaha Mazhab Syafie mempunyai perbezaan pendapat mengenai isu Dirham dan Dinar (dianggap sebagai wakaf). Imam Muhammad bin Hassan membenarkan mewakafkan apa-apa aset mudah alih yang diiktiraf oleh *uruf* dan diamalkan oleh penduduk di masa itu. Manakala pendapat ini telah menjadi fatwa rasmi mazhab Hanafi membenarkan

wakaf tunai di era Khilafah Uthmaniah. Ia telah disokong oleh Imam Abu Saud Al-Afendi dalam Risalah Fi Ijazah Wakaf An-Nuqud (Risalah Pengharusan Wakaf Tunai).

Di Malaysia, kebenaran untuk menggunakan wang tunai sebagai waqaf telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dalam Muzakarah ke-77 pada tahun 2007. Ia adalah selari dengan keputusan Majma' Fiqah Islami di bawah OIC (Organization of Islamic Corporation). Parameter Syariah AAOIFI yang ke-33 menyatakan: "Wakaf tunai adalah dibenarkan dan pemanfaatan tunai tersebut mestilah dalam tatacara yang tidak menghilangkan atau menyusutkan jumlahnya. Antara penggunaan yang dibenarkan adalah pemberian *Qard* (pinjaman) yang patuh Syariah dan melaburkan tunai itu dalam instrumen pelaburan yang berisiko rendah". Kaedah Fiqah yang boleh digunapakai ialah *الاصل في المعاملات الإباحة* (hakikat transaksi muamalat adalah dibenarkan) dan *العادة محكمة* (adat kebiasaan adalah terpakai untuk menjadi sumber hukum).

6.8.1.1 Pengiktirafan Wakaf Tunai

Perbincangan seterusnya berkaitan wakaf tunai adalah samaada wang tunai yang dianggap sebagai aset wakaf atau aset yang dibeli oleh wang tunai tersebut dianggap aset wakaf. Dalam konteks ini, majoriti fuqaha Mazhab Syafie dan fuqaha Mazhab Hanbali tidak membenarkan wakaf dinar dan dirham (kini merujuk kepada wang tunai) kerana sifat harta itu yang tidak kekal. Tetapi, Akademi Fiqah Antarabangsa (*Majma' Fiqah Islami*) dalam mesyuarat pada tahun 2004 memutuskan bahawa jumlah wang yang diwakafkan itu sendiri dianggap sebagai harta wakaf. Perbezaan pendapat (khilaf Muktabar) yang terbuka di kalangan ulama telah membuka kepada pintu ijtihad; antaranya Fuqaha Hanafi membenarkan wakaf tunai bagi tujuan pemberian *Qard* atau pelaburan. Manakala Majlis Fatwa Negeri Selangor mensyaratkan bahawa hasil daripada wang Skim Saham Wakaf Selangor hendaklah dibelanjakan bagi tujuan pembelian aset kekal, Majlis Fatwa Terengganu melalui fatwa yang tidak diwartakan mengesyorkan agar *sighah* lafaz wakaf menyatakan agar wang yang diwakafkan digunakan untuk membeli harta kekal. Sabagai kesimpulan, sebahagian besar ulama berpendapat bahawa;

- Wakaf tunai boleh diiktiraf sekiranya faktor *masalahah* diambil kira
- Wang tunai dengan sendirinya boleh dianggap sebagai harta wakaf jika wang tersebut digunakan bagi pembelian aset tertentu, aset tersebut boleh dicairkan tanpa perlu mengambil hukum *Istibdal* (mesti memelihara jumlah asal wang yang diwakafkan)

- Bergantung kepada niat dan model pengurusan yang dicadangkan oleh pewakaf sama ada ingin menjadikan wang itu sebagai harta wakaf atau aset yang dibeli kemudiannya sebagai harta wakaf.
- Kaedah Fiqah: الأمور بمقاصدها

6.8.2 *Istibdal*

Manual Pengurusan Tanah Wakaf (2006) menjelaskan bahawa kaedah *istibdal* ialah menukar ganti harta yang telah diwakafkan dengan harta yang lain yang lebih baik. Proses tukar ganti dilaksanakan sama ada melalui proses pertukaran, pembelian atau penjualan dengan menuruti hukum syarak agar matlamat dan manfaat harta wakaf itu dapat dikekalkan. Majoriti mazhab menerima konsep *istibdal* sebagai satu medium ke arah mengekalkan hartanah wakaf dan manfaatnya (Abu Zahrah, Muhammad, 1971). *Istibdal* adalah selaras dengan prinsip bahawa harta wakaf tidak boleh dijual, tidak boleh dihibah kepada orang lain dan tidak boleh diwarisi (Al-Syawkani, Syaykh Muhammad b. ‘Ali, 1994, hlm.24). Menurut Mazhab Hanbali seperti yang dinyatakan oleh Ibn Taimiyyah bahawa *Istibdal* dilakukan kerana sesuatu keperluan (hajat) serta wujudnya tuntutan *maslahah* yang jelas (*rajihah*). Akan tetapi, menurut Mazhab Shafie seperti dinyatakan dalam Kitab al-*Muhadhdhab* “Sekiranya seseorang mewakafkan masjid lalu tempat tersebut musnah dan tidak boleh didirikan sembahyang padanya ia tidak kembali menjadi milik tuannya dan tidak harus baginya membuat sebarang urusan padanya kerana ia tetap menjadi hak Allah, ia tidak kembali dimiliki oleh tuannya dengan sebab berlaku kerosakan...”. Ini bermaksud, *istibdal* tidak diiktiraf oleh Mazhab Shafie.

Di Malaysia, fatwa baru telah diputuskan yang mengharuskan *istibdal* yang berdasarkan kepada mazhab Hanafi atau Hanbali yang mana kedua-duanya berasas kepada *maslahah*. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-4 pada 13 April 1982 telah membuat keputusan bahawa: “Wakaf ganti (wakaf *ibdal*) ialah bermaksud menukar *mawquf* dengan harta yang lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan *mawquf* adalah diharuskan mengikut *taqlid* pendapat Imam Abu Hanifah”. Kaedah Fiqah yang boleh digunapakai ialah الضرورات تبيح المحظورات (disebabkan adanya kemudahan, sesuatu yang ditegah itu diharuskan).

Kesimpulannya, dalam pengurusan harta WZB yang melibatkan urusan niaga bukan pertukaran seperti wakaf tunai, *istibdal*, pengagihan zakat, dan sebagainya, adalah dicadangkan supaya segala transaksi diiktiraf mengikut kumpulan wang tertentu serta diukur mengikut nilai

semasa bagi harta WZB dan nilai sejarah terhadap aset wakaf tertentu. Manakala, transaksi tersebut perlu didedahkan mengikut keperluan (*maslahah*) atau pun mengikut jumlah agihan semasa bagi harta Zakat.

6.9 KONTRAK PEMBINAAN

Kontrak atau perjanjian dalam Islam perlulah dilakukan mengikut lunas-lunas Islam. Antara kontrak muamalat Islam yang telah digunapakai pada zaman kini adalah kontrak Mudarabah, Musyarakah, Ijarah, dan *Istisna'*. Sekiranya MAIN terlibat dalam menguruskan harta WZB, antara syarat-syarat yang perlu dijaga ialah;

- menjaga asset wakaf tersebut daripada rosak dan hilang (*tahbis al-'asl*).
- menyalur serta membuat pengagihan manfaat wakaf tersebut kepada penerima wakaf (tasbil al-thamarah). (Omar dan Ab. Rahman, 2015)
- Bagi pelaburan zakat dalam membangunkan kilang-kilang pembuatan, keuntungannya hendaklah diberikan kepada penerima. Aset kilang pembuatan juga mesti kekal sebagai sebahagian daripada dana zakat dan jika dilupuskan, nilainya mesti diberikan kepada penerima (Jawatankuasa Syariah Bayt al-Zakat dari Kuwait juga pada tahun 1986)

Kaedah fiqah yang boleh digunapakai ialah *المعاملات الإباحة* (hakikat transaksi muamalat adalah dibenarkan).

6.10 INSTRUMEN KEWANGAN

6.10.1 Harta Zakat

Persidangan pertama Alim Ulama Malaysia di Kuala Lumpur, pada Februari 1968 telah bersetuju bahawa zakat perlu dilaburkan untuk memaksimumkan pulangan ekonomi dan kemajuan ekonomi umat Islam. *Majma' Fiqah Islami* dalam konvensyen ke-3 yang diadakan di Amman, Jordan pada bulan Oktober 1986 telah bersepakat bahawa penggunaan dana zakat untuk pelaburan ke atas projek-projek adalah dibenarkan, dengan syarat pemilikan dana akhirnya dipindahkan kepada penerima yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pelaburan itu hanya boleh dilakukan selepas memenuhi keperluan penerima zakat. Majoriti ulama moden bersetuju dengan pelaburan wang zakat berdasarkan beberapa syarat; MAIN mampu menjalankan pelaburan dengan cekap dan selamat, pelaburan yang dijalankan mestilah mematuhi undang-undang Islam, perlu segera mencairkan pelaburan apabila dana zakat diperlukan oleh penerima, mengagihkan semua aset yang dilaburkan kepada penerima, dan

MAIN/pengurus pelaburan perlu memberi jaminan bahawa segala langkah mengelak kerugian telah diambil.

6.10.2 Harta Wakaf

Hukum-hukum berkaitan wakaf adalah termasuk dalam perkara *ijtihadiyyah* yang terbuka kepada pandangan-pandangan yang lebih segar dan baharu selaras dengan keperluan dan tuntutan semasa ke arah memakmurkan institusi wakaf. Amalan pelaburan harta wakaf khususnya wakaf tunai adalah diharuskan berdasarkan pandangan daripada Imam Zufar dalam mazhab Hanafi yang membenarkan aplikasi wakaf tunai dengan melaburkannya dalam perniagaan *mudarabah* dan hasilnya diagihkan untuk tujuan kebajikan. Manakala Imam Malik di dalam kitab *al-Mudawwanah* telah memberikan pandangan yang mengharuskan wakaf wang tunai menerusi mekanisme pembiayaan secara *qard hasan* (pinjaman tanpa faedah) dengan memberi pinjaman 100 dinar kepada orang yang ingin menjalankan perniagaan untuk tempoh masa tertentu yang mana sekiranya berlaku kerugian, peminjam dikehendaki menanggung kerugian tersebut. Wakaf tunai berasaskan pemberian pinjaman tanpa faedah (*salaf*) kepada golongan yang memerlukan turut diterima oleh ulama-ulama dalam mazhab Maliki. Hal ini jelas membuktikan bahawa aset wakaf sama ada dalam bentuk hartanah atau wang tunai bukanlah terdiri daripada harta yang terpendam bahkan wajar dilaburkan dan hasilnya disalurkan untuk kebajikan.

Terdapat tiga kriteria penting yang perlu diberikan perhatian dalam menguruskan pelaburan wakaf iaitu pertama, modal wakaf tidak berkurangan, justeru perlindungan terhadap modal hendaklah dijadikan prioriti; kedua, pelaburan yang dilaksanakan hendaklah berupaya menjana pendapatan yang konsisten dan stabil untuk diagihkan kepada benefisiari wakaf di samping pada masa yang sama membolehkan pewakaf mendapat ganjaran pahala seperti yang diharapkan daripada Allah SWT secara berterusan; dan ketiga, pelaburan yang dibuat hendaklah patuh Syariah.

Sementara itu, *Majma' Fiqah* dalam keputusan berkaitan pelaburan wakaf pada tahun 2004 menggariskan beberapa kriteria penting bagi mengembangkan aset wakaf secara produktif antaranya adalah seperti berikut: pelaburan hendaklah dilaksanakan dalam segmen pelaburan yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah; mengekalkan modal wakaf dan pada masa yang sama menjana manfaat yang berterusan; mempelbagaikan portfolio pelaburan bagi mengurangkan risiko kerugian dan mengambil pelbagai pendekatan jaminan modal wakaf bagi mengelakkan

modal wakaf merosot atau hilang; melaksanakan kajian yang komprehensif sebelum melabur bagi memastikan projek yang bakal dibiayai mempunyai potensi yang kukuh daripada segi keberhasilan dan impak daripada sudut ekonomi; memilih kaedah pelaburan yang selamat dan mengelakkan pelaburan yang berisiko tinggi; kaedah pelaburan hendaklah bersesuaian dengan sifat aset bagi wakaf bagi memelihara modal aset wakaf dan menjamin kemaslahatan benefisiari yakni sekiranya harta merupakan harta alih hendaklah dipastikan pemilikannya tidak hilang dan sekiranya dalam bentuk wang hendaklah dilaburkan menerusi akad-akad seperti mudarabah, musharakah, istisna' dan akad-akad yang lain; dan pengurus pelaburan hendaklah bersikap telus dalam pelaburan daripada segi pelaporan operasi, pendapatan dan agihan manfaat wakaf.

6.11 MANFAAT PEKERJAAN

Setiap makhluk Allah di dunia ini mempunyai hak masing-masing. Di antara hak-hak tersebut termasuklah hak-hak memiliki, hak berketurunan, hak untuk mendapatkan harta dan lain-lain hak lagi. Begitu juga dengan hak pekerja, mereka mempunyai hak-hak mereka yang tersendiri. Firman Allah SWT dalam Al-Quran, surah An-Nisa: 58;

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۗ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*

Ini diperkuatkan lagi dengan hadis Rasulullah SAW, riwayat Ibnu Majah dan Baihaqi yang bermaksud: "*Berikanlah upah buruh itu selagi belum kering keringatnya*" dan hadis Rasulullah riwayat Bukhari yang bermaksud: "*Berilah makanan dan pakaian kepada pekerja-pekerja dan hamba-hamba kamu mengikut kebiasaan dan bebaskanlah mereka kerja yang setimpal dengan kemampuan mereka.*"

6.11.1 Hak 'Amil berkaitan Harta Zakat

'Amil berasal dari perkataan Arab yang bererti pekerja (Ibrahim Mustafa et.al 1985). 'Armala' pula bererti kerja, maka *amil* yang merupakan kata pembuat. Hak 'amil diperoleh atas harta Zakat adalah dasar ganti ('iwad) kepada kerja yang dibuat, manakala hak asnaf-asnaf Zakat yang lain ke atas harta Zakat adalah kerana kesusahan (*muwasat*) yang dihadapi mereka (al-Nawawiy 1995). Rasulullah S.A.W pernah mengutus Umar R.A pergi mengutip

zakat, dan kemudian memberi upah kepada Umar R.A daripada zakat itu sendiri (Zaydan 2000). Al-Qaradawi merumuskan bahawa *amil* merupakan golongan yang menguruskan dua tanggungjawab asas: kutip dan agih, iaitu mengutip zakat dari mereka yang layak berzakat dan mengagihkan kepada asnaf yang lapan. Tidak kira apa jua jawatan mereka menjurus kepada aktiviti mengumpul, mengira, menyimpan, mengurus, merancang, menjaga dan mengagih harta zakat. *Amil* sebagai sebuah institusi yang mempunyai kapasiti sebagai pemberi peringatan dan penguatkuasa yang diberi kuasa dan kekuatan undang-undang untuk mengambil harta daripada pembayar zakat. Kuasa yang ada pada mereka mendorong pembayar zakat menunaikan tanggungjawab mereka.

Jumhur fuqaha yang terdiri daripada Abu Hanifah, Shafi'e, Mujahid dan tabi'in sebelumnya seperti 'Umar 'Abd 'Aziz berpendapat amil berhak mendapat upah daripada peruntukan dana zakat, manakala satu pendapat dari Imam Malik yang berpendapat upah amil ditentukan daripada peruntukan baitulmal. Menurut Ibnu 'Abidin, sebarang kekurangan dalam pembayaran upah, sekalipun sesudah diambil separuh daripada jumlah pungutan, peruntukan baitulmal tidak boleh diambil untuk menampung kekurangan itu kerana kumpulan wang zakat adalah kumpulan tersendiri dari segi sumber dan perbelanjaan. Pendapat mazhab Shafi'e pula lebih fleksibel. Kekurangan bahagian pada mana-mana asnaf boleh ditampung oleh asnaf lain. Malah menggunakan wang Baitulmal untuk menampung mana-mana asnaf pun dibenarkan tanpa khilaf. Lebih jauh lagi, sekiranya upah amil bukan diambil daripada wang Zakat, tetapi dibayar oleh baitulmal atau kerajaan dan kesemua hasil pungutan diserahkan kepada asnaf lain.

Apa yang dapat disimpulkan ialah, manfaat pekerjaan perlu disediakan kepada pekerja yang terlibat dalam menguruskan harta WZB dan diambil daripada kumpulan wang yang terlibat serta diktiraf. Manakala pengukurannya hendaklah dibuat mengikut pengiraan bahagian *'a,il* bagi dana zakat dan mengikut polisi skim pekerja MAIN bagi baitulmal. Bagi pendedahan, seperti item-item belanja dan hasil sebelum ini, ia perlu didedahkan mengikut keperluan *masalahah* umat Islam bagi harta Wakaf dan Baitulmal, serta mengikut jumlah agihan semasa bagi harta Zakat.

6.12 CADANGAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL

Secara kesimpulannya, kerangka kerja konseptual bagi hasil serta belanja harta WZB, seperti aset, ia perlu mengambil kira peranan MAIN sebagai pemegang amanah harta-harta tersebut.


Secara terperinci, MAIN menjadi *mutawalli* bagi harta Waqf, ‘amil bagi harta Zakat, dan pentadbir bagi harta Baitulmal. Konsep akauntabiliti masih terpakai di mana MAIN bertanggungjawab ke atas pemegang taruh seperti ahli lembaga majlis, masyarakat umum, penyumbang serta penerima harta-harta WZB. Secara keseluruhannya, fungsi serta tanggungjawab yang dipikul oleh MAIN akan ditanya atau disoal oleh Allah SWT di akhirat kelak sebagai pemilik segala harta di muka bumi ini.

6.12.1 MAIN Sebagai Pemegang Amanah Tunggal


Menurut The-Mejelle (2007, muka surat 115), amanah ialah ‘satu perkara yang diletakkan kepada seseorang yang dianggap bertanggungjawab terhadapnya’. Ianya boleh terjadi dalam pelbagai situasi, antaranya; amanah yang ditetapkan di dalam kontrak yang memerlukan penyimpanan harta atau dinamakan penyimpanan selamat (*wadiah*), amanah dalam kontrak yang memerlukan pampasan bagi kerugian, seperti sesuatu yang diambil sewa, atau sesuatu yang diterima sebagai pinjaman untuk digunakan, dan sama ada ia dipindahkan sebagai amanah ke tangan seseorang melalui perjanjian tertentu atau tidak.

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah badan yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan harta wakaf. Secara umumnya di Malaysia, semua akta/enakmen negeri telah memperuntukkan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) bagi semua harta wakaf, sama ada wakaf am ataupun wakaf khas. Selain daripada itu, MAIN juga menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua nazar am dan semua amanah khairat yang diwujudkan di negeri berkenaan yang bertujuan untuk kemajuan Islam dan umatnya.

Rajah 6.1: Fungsi dan Peranan MAIN Terhadap Harta WZB



Kerangka Kerja 6.1: Cadangan Kerangka Kerja Konseptual



6.13 RUMUSAN

Bab ini dimulakan dengan membincangkan konsep hasil dan belanja menurut perspektif Islam bersandarkan Al-Quran, Sunnah, pendapat yang disepakati para Ulama (Ijmak Ulama), serta kaedah *fihiyyah*. Item-item dalam MPSAS yang berkaitan hasil dan belanja turut dibincangkan dalam bab ini menurut perspektif Islam. Seterusnya, ia diikuti oleh cadangan kerangka kerja bagi setiap item tersebut yang merangkumi pengiktirafan, pengukuran, dan

pendedahan. Bab ini diakhiri dengan cadangan kerangka kerja berkaitan hasil dan belanja secara keseluruhan yang menitikberatkan peranan MAIN serta tanggungjawabnya terhadap Allah SWT serta pelbagai pemegang taruh.

BAB TUJUH

BATASAN PERUNDANGAN - PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN DAN PENDEDAHAN HASIL, BELANJA DAN LIABILITI INSTITUSI WZB DI MALAYSIA

7.0 PENGENALAN

Bab ini adalah perbincangan dapatan bagi sebahagian dari Objektif Ketiga kajian ini iaitu 'batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi WZB'. Justeru bab ini akan membicarakan mengenai peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam undang-undang sivil yang dijangka akan membatasi pelaksanaan perakaunan dan pelaporan Islam WZB di Malaysia. Seterusnya bab ini akan mencadangkan tindakan-tindakan yang wajar berkaitan dengan batasan-batasan perundangan bagi membolehkan pelaksanaan perakaunan WZB yang patuh Syariah. Perbincangan ini walaubagaimanapun akan hanya tertumpu kepada Zon 3 yang meliputi Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sehubungan dengan itu institusi yang terlibat adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).

Bab ini terbahagi kepada 2 bahagian utama. Bahagian pertama pada seksyen 7.1 dan subseksyen berikutnya membicarakan perihal perundangan berkaitan dengan akta, enakmen, undang-undang tubuh negeri yang berkaitan. Manakala bahagian kedua di seksyen 7.2 membahaskan implikasi terhadap perakaunan dan pelaporan akibat pemakaian dan/atau kewujudan batasan perundangan.

7.1 AKTA-AKTA/ ENAKMEN BERKAITAN DENGAN PENTADBIRAN HARTANAH WZB

Bahagian ini akan membincang dan menilai 3 peruntukan undang dari 3 sumber yang berbeza namun berkaitan – iaitu, (i) Perlembagaan Persekutuan; (ii) Undang-Undang Tubuh Negeri-

Negeri yang berkaitan; dan (iii) Enakmen Negeri terkait isu Pentadbiran Agama Islam, khususnya berkenaan harta Islam seperti wakaf, zakat dan lain-lain.

Secara khususnya, bahagian ini akan:

- (i) Menilai dan mempertimbangkan peruntukan-peruntukan yang sesuai dan/atau relevan menurut Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan Jadual Kuasa (Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri) “*Federal and State list*” bagi kuasa penggubalan undang-undang di antara Persekutuan dan Negeri-Negeri di Malaysia;
- (ii) Menilai dan mempertimbangkan peruntukan-peruntukan sesuai dan/atau relevan terkandung di dalam Undang-Undang Tubuh (UUT) Negeri-Negeri berkenaan dengan Penyata Kewangan Tahunan (“PKT”) bagi setiap Negeri (Misalnya: UUT Terengganu Fasal 52, UUT Kelantan Fasal 54, UUT Terengganu Fasal 42) yang mana tidak memasukkan mana-mana jumlah yang diterima melalui zakat, fitrah atau baitulmal untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri sebagai Anggaran Penerimaan dan Perbelanjaan Negeri (Estimated Receipt and Expenditure of the State).
- (iii) Menilai dan mempertimbangkan Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri-Negeri yang menyentuh dan/atau relevan tentang penubuhan baitulmal, kuasa baitulmal dalam pentadbiran kewangan dan harta benda, pengurusan dan perbelanjaan zakat dan tanggungjawab setiap Majlis Agama Islam setiap negeri dalam menyediakan Akaun Kumpulan Pentadbiran Am dan Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah serta mana-mana halangan (sekiranya ada) bagi proses audit dijalankan oleh Ketua Audit Negara atau mana-mana Juruaudit yang diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri.

Disamping itu akta-akta yang difikirkan relevan juga akan dinila seperti Akta Badan Berkanun.

7.1.1 Pemerhatian Awal: Pertembungan Bidang Kuasa dan Kerahsiaan Maklumat

Dalam usaha membuat kajian terhadap peruntukan-peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan kajian yang dibuat, satu penelitian perlulah dibuat terhadap peruntukan undang-undang berikut ketiga-tiga perkara yang disebutkan diatas (Perlembagaan Persekutuan; Undang-Undang Tubuh Negeri; dan Enakmen-enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri). Hal ini adalah kerana terdapat bidang kuasa khusus di antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang perlu diperhalusi selaras dengan konsep “Federalisme” yang

dipraktikkan di Malaysia berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri. Dalam kata lain, secara umumnya kedua-dua entiti iaitu Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri mempunyai bidang kuasa tersendiri dan khusus dalam menggubal undang-undang sepertimana yang telah diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan terutamanya di *Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan*.

Memandangkan skop kajian ini dibuat dari sudut pentadbiran kewangan WZB oleh Majlis Agama Islam Negeri, maka ianya turut menyentuh bidang kuasa menggubal undang-undang yang telah diperuntukkan terhadap Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Menurut Artikel 74 Perlembagaan Persekutuan; ia memperuntukkan seperti berikut;

- (1) *Without prejudice to any power to make laws conferred on it by any other Article, Parliament may make laws with respect to any of the matters enumerated in the Federal List or the Concurrent List (that is to say, the First or Third List set out in the Ninth Schedule).*
- (2) *Without prejudice to any power to make laws conferred on it by any other Article, the Legislature of a State may make laws with respect to any of the matters enumerated in the State List (that is to say, the Second List set out in the Ninth Schedule) or the Concurrent List.*
- (3) *The power to make laws conferred by this Article is exercisable subject to any conditions or restrictions imposed with respect to any particular matter by this Constitution.*
- (4) *Where general as well as specific expressions are used in describing any of the matter enumerated in the Lists set out in the Ninth Schedule the generality of the former shall not be taken to be limited by the latter.*

Berdasarkan kepada *Artikel 74* di atas dan secara amnya, Parlimen boleh menggubal undang-undang terhadap perkara-perkara yang telah dibentangkan di dalam Senarai Persekutuan (Senarai Pertama Jadual Kesembilan) ataupun Senarai Bersama (Senarai Ketiga Jadual Kesembilan) seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Kesembilan. Manakala Majlis Mesyuarat Negeri bagi setiap Negeri boleh menggubal undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara di dalam Senarai Negeri (Senarai Kedua Jadual Kesembilan).

Tinjauan ringkas terhadap Jadual Kesembilan (Perkara 7), perihal kewangan dan audit adalah berada di dalam Senarai Pertama (bidang kuasa Persekutuan) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

7. Finance including-

(f) Financial and accounting procedure, including procedure for the collection, custody, and payment of the public moneys of the Federation and of the States, and the purchase, custody and disposal of public property other than land of the Federation and the States.

(g) Audit and accounts of the Federation and the States and other States and other public authorities.

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di atas, adalah jelas mana-mana penggubalan sesuatu undang-undang terhadap isu yang menyentuh perihal kewangan merupakan tanggungjawab dan kuasa pihak Kerajaan Persekutuan.

Manakala pemerhatian pada Senarai Kedua (bidang kuasa Negeri) menyatakan,

1. Except with respect to the Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan, and Putrajaya, Islamic Law and personal and family law of persons professing the religion of Islam, including the Islamic law relating to succession, testate and intestate, betrothal, marriage, divorce, dower, maintenance, adoption, legitimacy, guardianship, gifts, partitions, and non-charitable trusts; Wakafs and the definition and regulation of charitable and religious trusts, the appointment of trustees and the incorporation of persons in respect of Islamic religions and charitable endowments, institutions, trusts, charities, and charitable institutions operating wholly within the State; Malay customs; Zakat, Fitrah and Baitulmal or similar Islamic religious revenue...

Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan di atas, seakan-akan terdapat pertembungan perundangan yang melibatkan bidang kuasa Persekutuan dan Negeri berkenaan dengan hal-hal yang berkaitan dengan pengukuran dan/atau pendedahan hasil, liabiliti, belanja dan ekuiti WZB oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri.

Ini ditambah lagi dengan peruntukan-peruntukan di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri yang menghalang pendedahan mana-mana jumlah yang diterima melalui zakat, fitrah atau baitulmal untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri sebagai Anggaran Penerimaan dan Perbelanjaan Negeri (Estimated Receipt and Expenditure of the State). Dalam skop kajian kita di Negeri-Negeri Pantai Timur, ianya jelas termaktub di dalam Fasal 52 Undang-Undang Tubuh Terengganu, Fasal 54 Undang-Undang Tubuh Kelantan, Fasal 42 Undang-Undang Tubuh Pahang.

Kita melihat Undang-Undang Tubuh beagi negeri-negeri tersebut. Sebagai contoh, kita menjurus kepada peruntukan di dalam *Fasal 52 Undang-Undang Tubuh Terengganu*²⁰, *Fasal 54 Undang-Undang Tubuh Kelantan*²¹, *Fasal 42 Undang-Undang Tubuh Pahang sub fasal (3)*²² yang mana ianya memperuntukkan seperti berikut:

- (1) *Subject to Clause (3), the Ruler shall, in respect of every financial year, cause to be laid before the Legislative Assembly a statement of the estimated receipts and expenditure of the State for that year, and, unless the State Legislature in respect of any year otherwise provides, that statement shall be so laid before the commencement of that year.*
- (2)
- (3) *The estimated receipt to be shown on the said statement do not include any sums received by way of Zakat, Fitrah, and Baitulmal or similar Muslim Revenue.*

Pemerhatian kami terhadap peruntukan-peruntukan di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri-Negeri berkenaan mendapati bahawa terdapat persamaan dari segi ayatnya satu persatu (selain daripada Johor dan Terengganu) kerana Negeri-Negeri ini hanya menggubal Undang-Undang Tubuh selepas skim Malayan Union telah ditolak oleh orang Melayu.

Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan Undang-Undang Tubuh di atas, boleh dikatakan secara asasnya hampir semua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri dalam hal-hal berkenaan urus tadbir telah memperuntukkan bahawa jumlah-jumlah wang yang diterima melalui Zakat, Fitrah dan Baitulmal tidak boleh didedahkan di dalam Majlis Mesyuarat Negeri.

²⁰ ms 622, Constitutions of the States of Malaysia.1991. Kuala Lumpur. International Law Book Services.

²¹ ms 131, Constitutions of the States of Malaysia.1991. Kuala Lumpur. International Law Book Services.

²² Ms 284, Constitutions of the States of Malaysia.1991. Kuala Lumpur. International Law Book Services.

7.1.2 Kewujudan dan Keluwesan Ruang Peruntukan

Walaupun kita melihat secara asasnya seolah-olah urusan tadbir jumlah-jumlah wang yang diterima melalui zakat, fitrah dan baitulmal dilihat “kebal” tanpa boleh disingkap “kerahsiaannya”, namun masih terdapat ruang dan/atau peruntukkan di dalam undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri yang membolehkan jumlah-jumlah wang tersebut di audit dan dibentangkan.

Sebagai contoh, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 yang menumpukan perkara-perkara berkaitan peruntukan pentadbiran Agama Islam; penubuhan dan fungsi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu; dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya yang mana menurut Seksyen 62 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001²³ menyatakan seperti berikut:

Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen ini.

Pemerhatian ringkas terhadap Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] menyatakan bahawa mana-mana Badan Berkanun dan/atau organisasi hendaklah menyimpan rekod penyata akaun-akaun dengan lengkap dan sempurna mengikut prinsip perakaunan bagi setiap tahun kewangan. Malah, peranan besar Ketua Audit Negara juga turut dinyatakan di dalam Akta yang sama dalam memastikan proses pengauditan akaun dijalankan selepas penyata-penyata kewangan dihantar serah kepada Jabatan Audit Negara dalam tempoh enam (6) daripada tarikh penyata kewangan tahunan tamat.

Merujuk kepada Seksyen 5 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 yang menyatakan seperti berikut,

(1) Every statutory body shall keep or shall cause to be kept proper accounts and other records in respect of its operations in accordance with generally accepted accounting principles and shall cause to be prepared a statement of its accounts in respect of each financial year and shall, within six months

²³http://www2.eSyariah.gov.my/eSyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/4e75e9d3bfb0e0a1482570960024ac01?OpenDocument

after the end of that financial year or such extension thereof as may be granted under section 9, submit the same to the Auditor General for audit.

(2) *The Auditor General shall forthwith cause the statement of accounts to be audited.*

Demikian juga halnya dengan negeri Kelantan. Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Seksyen 73²⁴ menyatakan,

Kunci kira-kira tahunan, akaun pendapatan dan perbelanjaan dan senarai pelaburan hendaklah sebelum dikeluarkan, diaudit dan diperakui sebagai betul oleh Ketua Audit Negara atau oleh mana-mana juruaudit yang diluluskan oleh Majlis dan satu salinan perakuan Pegawai Audit hendaklah dikembalikan kepada semua salinan laporan dan akaun yang dikeluarkan.

Malah di negeri Kelantan juga, Enakmen yang sama juga mengiktiraf penggunaan Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] sepertimana di Terengganu selari dengan peruntukan di Seksyen 79²⁵ Enakmen yang sama.

Dalam hal ini, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 juga telah menyatakan bahawa Penyata Kewangan perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis bagi pertimbangan dan kelulusan. Penyata Kewangan ini menjelaskan butiran perbelanjaan dan pendapatan seperti yang dianjurkan di dalam Seksyen 78²⁶ Enakmen yang sama. Maka secara jelas, peruntukan undang-undang ini memberikan ruang bagi pendedahan tentang hasil, liabiliti, belanja dan ekuiti WZB walaupun pendedahannya terhad kepada Mesyuarat Majlis; yakni Majlis Agama Islam Negeri.

Manakala bagi negeri Pahang pula, pengenalan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 antara lainnya memberikan kuasa kepada Ketua Audit Negara memeriksa dan

²⁴http://www2.eSyariah.gov.my/eSyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/1823b836b3dbb0094825739400142bfa?OpenDocument

²⁵http://www2.eSyariah.gov.my/eSyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/a22710a5059fdb84482573940016be0f?OpenDocument

²⁶http://www2.eSyariah.gov.my/eSyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/6523e97ed7be3c594825739400168968?OpenDocument

mengesahkan akaun pendapatan pentadbiran dan kunci kira-kira tahunan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 77²⁷ Enakmen yang sama,

“Kunci kira-kira tahunan, akaun pendapatan dan perbelanjaan dan senarai pelaburan tahunan yang tersebut itu hendaklah sebelum dikeluarkan diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara dan suatu salinan sijil audit hendaklah disertakan pada semua salinan penyata dan akaun yang dikeluarkan itu”.

7.1.3 Cerapan ringkas: Kekangan dan kewujudan ruang

Kesimpulannya, walaupun hal-hal berkenaan dengan Wang Zakat, Fitrah dan Baitulmal berada di bawah bidangkuasa negeri seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan jumlah-jumlah wang yang terkumpul dan/atau urus tadbir kewangan Zakat, Fitrah dan Baitulmal tidak boleh didedahkan penyata kewangannya di dalam Dewan Undangan Negeri, namun ianya tidak menjejaskan hak-hak Ketua Audit Negara dalam membuat proses audit terhadap hasil, liabiliti, belanja dan ekuiti WZB selari dengan peruntukan-peruntukan di dalam Enakmen-Enakmen dan juga Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240].

Pihak Kerajaan melalui Jabatan Audit Negara boleh memberikan arahan-arahan dari semasa ke semasa dan/atau menyemak dan/atau mengaudit laporan-laporan kewangan terutamanya tentang urus tadbir kewangan hasil Zakat, Fitrah dan Baitulmal setiap negeri-negeri di negara ini melalui peruntukan undang-undang sedia ada yang telah digubal.

7.2 IMPLIKASI TERHADAP PERAKAUNAN

Perbincangan mengenai batasan undang-undang tidak hanya terhad kepada peruntukan tertentu dalam undang-undang dan peraturan berkanun. Sesetengah undang-undang atau dasar-dasar yang digubal oleh manusia boleh menjadi penghalang yang mempunyai implikasi terhadap perakaunan. Dalam bab ini, kita akan melihat 3 senario di mana sekatan / dasar / birokrasi undang-undang mungkin memberikan implikasi terhadap perakaunan dan / atau pelaporan. Ini melibatkan dua aspek. Pertama, penggunaan wakaf tunai untuk mendirikan struktur tambahan pada bangunan sedia ada. Kedua, pematuhan kepada amalan terbaik dalam

²⁷http://www2.eSyariah.gov.my/eSyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/dc5a6a1839359346482570c9002603b5?OpenDocument

pengagihan zakat dalam bentuk "aset tetap". Ketiga, berkenaan sifat kontrak janji / *wa'ad* untuk pengagihan zakat.

7.2.1 Penggunaan Wakaf Tunai Untuk Mendirikan Struktur

Telah menjadi kebiasaan bagi setiap MAIN di Malaysia untuk memiliki wakaf wang tunai. Setiap MAIN mungkin meletakkan label yang berbeza bagi wakaf tunai masing-masing, antaranya, saham wakaf²⁸, wakaf tunai dan wakaf duit. Cara penggunaan tunai, prosedur dan keputusan untuk menggunakannya juga adalah di bawah bidang kuasa MAIN berkenaan. Terdapat beberapa kes di mana wakaf tunai digunakan untuk membantu pembangunan bangunan sedia ada seperti masjid.

Amalan penggunaan wakaf tunai pada kebiasaannya berfungsi seperti berikut. Sebagai contoh, bagi sesetengah masjid, dana wakaf tunai akan digunapakai untuk menambahkan struktur sedia ada, seperti memanjangkan kawasan ruang solat, atau menambah dan memperluaskan kemudahan wuduk dan kemudahan bilik air atau membina kawasan perniagaan di dalam kawasan masjid bagi menjana ekonomi masjid berkenaan. Malah wujud juga dana yang dikumpul dengan tujuan hanya untuk menambahkan dana masjid berkenaan. Dalam sesetengah hal juga, jawatankuasa masjid memohon dana daripada MAIN. Di dalam hal ini, MAIN mempunyai hak untuk menentukan penggunaan dana yang mereka sumbangkan. MAIN juga mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan penggunaan dana selain dana wakaf tunai.

Walau bagaimanapun, kebimbangan timbul apabila pihak berkuasa meluluskan untuk menggunakan wakaf tunai. Terdapat dua isu di sini. Pertama, untuk memastikan dana wakaf tunai hanya digunakan untuk tujuan membina struktur tetap - yang merupakan syarat untuk wakaf. Kedua, kesulitan dalam merekod (dan mengakaunkan) penggunaan sedemikian apabila pemilikan bangunan yang sedia ada tidak direkodkan, atau / dan direkodkan oleh pihak yang berlainan.

Untuk senario pertama, jika MAIN meluluskan dana wakaf tunai diberikan kepada masjid untuk projek 'pembangunan' mereka, penggunaan dana itu mesti tertakluk kepada hukum-hukum wakaf - terutamanya keadaan kekal. Dalam erti kata lain, dana mesti digunakan untuk tujuan membina struktur dan bukannya pengubahsuaian atau / dan pembaikan. Ini adalah isu

²⁸ Bagi sesetengah MAIN, mungkin terdapat perbezaan antara saham wakaf (wakaf tunai) and wakaf saham (wakaf dalam bentuk saham).

perakaunan, iaitu sama ada perbelanjaan tersebut dianggap menambah "nilai" masjid atau ia hanya menjadi sebahagian daripada "penyelenggaraan". Implikasi perakaunan ini - seperti dalam prinsip perakaunan biasa; adalah "bangunan baru" yang menambah nilai akan menjadi sebahagian daripada aset itu, maka akan dipermodalkan, sementara perbelanjaan renovasi akan direkodkan sebagai belanja. Idealnya, untuk tujuan wakaf, dana hanya dibenarkan untuk digunakan dalam menambah struktur baru. Sekiranya ini diamalkan, perbelanjaan hendaklah dipermodalkan, iaitu, ia akan muncul sebagai aset (secara teorinya sebagai bahagian/tambahan kepada struktur sedia ada, iaitu masjid) di dalam Lembaran Imbangan²⁹. Amalan menggunakan perbelanjaan ini nampaknya lebih konsisten dengan hukum wakaf dari perspektif kekal/berkesinambungan. Oleh itu, amalan perakaunan/perekodan (merekodkannya sebagai aset) adalah lebih sesuai dengan pemahaman wakaf.

Bagi senario kedua, ia lebih relevan dengan kekangan undang-undang yang dibincangkan dalam bahagian ini dan juga kesan daripada senario pertama tadi. Sekiranya urusan niaga di atas dipermodalkan (dan ini adalah syor kami), ini menimbulkan masalah dalam perekodan bangunan sedia ada. Dalam erti kata lain, sementara kajian menunjukkan bahawa struktur tambahan direkodkan sebagai aset (Debit - Asset, Kredit - Ekuiti Wakaf), struktur yang sedia ada mungkin tidak langsung wujud mana-mana dalam rekod MAIN (atau masjid³⁰). Ini disebabkan oleh "kekangan" undang-undang di mana MAIN tidak boleh "memiliki" masjid. Dengan kata lain, pemilikan masjid boleh dilakukan oleh pemerintah; atau dibiayai secara persendirian oleh organisasi individu atau / dan bukan kerajaan. Oleh itu, proses perekodan bagi satu binaan siap (setelah selesai penambahan struktur baru) boleh wujud di dalam dua entiti yang berlainan (dengan menganggap bahawa kerajaan merekod struktur / masjid yang sedia ada dalam penyata kewangan mereka³¹), ini akan mewujudkan kejanggalan. Untuk rekod dari perspektif MAIN, kejanggalan ini wujud apabila MAIN merekod angka yang lebih kecil di dalam penyata kewangannya sedangkan angka yang lebih besar tidak direkod kerana kekangan dari perspektik wakaf itu sendiri, di mana MAIN tidak "memiliki" masjid berkenaan.

Salah satu penyelesaian yang disyorkan untuk hal ini - terutamanya untuk struktur milik kerajaan (negeri atau persekutuan); adalah untuk membenarkan wakaf irasod. Dalam erti kata lain, kerajaan melepaskan pemilikan tanah dan struktur di dalamnya kepada pihak berkuasa

²⁹ Atau sebarang nama yang sesuai bagi penyata ini

³⁰ Berikutan tetapan undang-undang yang menyatakan hanya MAIN yang dibenarkan menjadi pemegang amanah mutlak, jadi perakaunan dan perekodan haruslah dibuat oleh pihak MAIN.

³¹ Tertakluk kepada penggunaan kaedah akruan oleh kerajaan

wakaf. Keizinan ini telah dibincangkan di beberapa MAIN (lihat e-fatwa³²). Jika ini diamalkan, ia dapat menyelesaikan isu-isu perekodan kerana MAIN kini boleh merekodkan struktur sedia ada di dalam penyata kewangan mereka - sebagai pemegang amanah.

Bagi masjid "milik persendirian", yang menerima dana wakaf tunai untuk bangunan tambahannya - sama ada secara langsung dari orang awam atau dari MAIN, satu mekanisme yang mengekalkan hukum wakaf harus digariskan. Walaupun perekodan mesti mencatatkan bantuan seperti perbelanjaan modal (Debit - Aset, Kredit – Wakaf Ekuiti), ia masih tidak jelas sama ada kemasukan dana tersebut sepatutnya muncul di dalam penyata kewangan MAIN atau masjid berkenaan. Jika MAIN membenarkan sub-*mutawalli*, mungkin lebih sesuai untuk masjid yang merekodkannya di dalam penyata mereka sendiri (bukannya MAIN)³³.

Harus ditekankan di sini bahawa perbincangan ini dibuat dengan menganggap wakaf sebagai item ekuiti – berdasarkan kepada persamaan ciri-ciri kekal pada wakaf dan ekuiti. Apa-apa derma yang diterima di bawah nama wakaf - sama ada wang tunai atau aset tetap, bahagian kredit di dalam catatan beregu (*double entry*) hendaklah sentiasa wakaf ekuiti. Oleh itu, apa-apa penukaran bentuk wakaf dari tunai kepada aset tetap, iaitu wang tunai yang digunakan untuk membina struktur baru, hanya akan menjejaskan bahagian debit sahaja. Bahagian kredit tidak berubah³⁴.

Dengan menetapkan wakaf sebagai ekuiti, ciri *muabbad* - iaitu, kekal dapat ditunjukkan di dalam penyata kewangan kerana item ekuiti mempunyai unsur yang serupa. Ia akan sentiasa terparap dalam Lembaran Imbangan (berlainan jika sekiranya wakaf dilayan sebagai item perbelanjaan, di mana ia hanya wujud dalam satu tempoh perakaunan sahaja). Walau bagaimanapun, ianya hanya relevan pada wakaf tunai am, di mana keputusan untuk menggunakan wakaf tunai am adalah di bawah budi bicara MAIN. Sekiranya sesuatu dana wakaf tunai ditubuhkan khas untuk sesuatu projek tertentu, layanan perakaunan dilihat lebih menyerupai item liabiliti - bukannya ekuiti; sekurang-kurangnya semasa tempoh pengumpulan dana. Walau bagaimanapun, apabila dana ditukarkan menjadi struktur / aset tetap, ia mesti dikira dikira sebagai ekuiti wakaf - bagi menonjolkan sifat pengekalan wakaf.

³² <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3>

³³ Ini mewujudkan isu yang baharu, iaitu samada penyata kewangan masjid harus disatukan dengan penyata kewangan MAIN, walaupun dari perspektif penyelidik, sebaiknya ini tidak dilakukan. Selagi idea wakaf itu dikekalkan, itu sudah memadai.

³⁴ Ini merujuk kepada isu susut nilai, satu isu yang sangat penting, namun tidak dibincangkan di sini. Perbincangan susut nilai melibatkan hujah berasingan yang tidak termasuk di dalam skop perbincangan isu ini.

7.2.2 Pematuhan Kepada Amalan Terbaik Dalam Pengagihan Zakat

Isu ini dibangkitkan kerana tafsiran tentang penggunaan dana zakat yang berbeza dan lebih ketat. Walaupun ini bukan kekangan undang-undang dalam erti kata sebenar, ia mempunyai sedikit persamaan kerana ia juga merujuk kepada "amalan terbaik" sebagai peraturan yang ada ketikanya membabitkan amalan perakaunan dan perekodan. Perincian perbincangan adalah seperti berikut.

7.2.2.1 Impak ke Atas Perakaunan

Manual "amalan terbaik" yang digunakan MAIN dan akauntannya adalah inisiatif yang terpuji dalam usaha memberi garis panduan dalam perekodan dan perakaunan MAIN, termasuk perkara berkaitan zakat. Ia dibangunkan dengan bantuan Jabatan Audit Negara. Salah satu cadangan yang dinyatakan di dalam manual ialah zakat untuk asnaf/benefisiari harus diagihkan dengan sewajarnya. Idea penting berkaitan agihan zakat adalah manfaat kepada asnaf mestilah dibuat dengan kadar segera kerana mereka ingin menggunakannya dengan serta-merta. Berdasarkan pemahaman ini, kaedah perakaunan/pelaporan adalah mengikut amalan agihan zakat. Ini mungkin tidak menimbulkan masalah sekiranya agihan berbentuk tunai atau/dan barang-barang kecil seperti barang makanan. Walau bagaimanapun persoalan timbul - sekurang-kurangnya dari perspektif perakaunan; pada dua senario. Senario pertama adalah apabila agihan dibuat dalam bentuk aset yang lebih besar, iaitu aset tetap seperti kenderaan bermotor (lori makanan), motosikal (tiga roda), bot (termasuk enjin bot) dan rumah.

Dalam senario kedua, agihan zakat juga boleh digunakan oleh MAIN untuk membeli/membina bangunan untuk kegunaan asnaf. Walaupun kita membantah tindakan ini, jauh sekali mempersoalkan sejauh mana kebijaksanaan MAIN dalam menentukan keperluan asnaf (dan kami percaya bahawa niat mereka benar-benar untuk menjaga kepentingan asnaf), implikasi perakaunan bagi usaha sedemikian boleh memberi kesan terhadap tanggapan "agihan zakat mestilah selalu dibelanjahanguskan" - seperti termaktub didalam "amalan terbaik".

Perbezaan antara senario pertama dan kedua adalah berkaitan isu pemilikan keatas agihan zakat tersebut. Bagi senario pertama, aset tersebut sememangnya digunakan oleh asnaf dan akhirnya akan digunapakai oleh mereka, yakni asnaf. Dalam erti kata lain, asnaf bersetuju

untuk menggunakan aset itu untuk memberi manfaat kepada mereka dalam jangka panjang; sekurang-kurangnya lebih lama daripada penggunaan agihan tunai (dengan syarat aset tersebut dijual kepada pihak ketiga). Walau bagaimanapun dalam senario kedua, keputusan untuk menggunakan agihan bahagian asnaf tidak semestinya dibuat oleh asnaf itu sendiri. Oleh itu, asnaf tidak menyatakan secara jelas sama ada mereka bersetuju dengan keputusan MAIN bagi menggunakan dana "mereka" untuk membeli bangunan.

Implikasi perakaunan yang disebabkan oleh kekangan "undang-undang" (atau manual) ini adalah sama ada semua perbelanjaan/agihan ini masih perlu direkod sebagai item perbelanjaan bagi tahun tersebut, walaupun penggunaannya dapat dinikmati dalam tempoh lebih lama, melangkaui tahun perekodan berkenaan.

7.2.2.2 Menangani Anomali: Proses Dua Langkah

Dalam menangani isu ini, dua perspektif akan dibincang. Pertama, pemahaman tentang pengagihan zakat dan kedua, konsep pemilikan dan kawalan. Dua perspektif ini dilihat saling berkaitan dan boleh dilihat secara hierarki/berurutan di mana isu agihan zakat perlu difahami terlebih dahulu sebelum perbincangan mengenai kawalan dan pemilikan dimulakan.

Perspektif pertama membincangkan tentang keperluan memahami sifat agihan zakat. Pengagihan bantuan dapat dilihat dari jenis bantuan yang diberikan, sama ada untuk penggunaan langsung oleh asnaf atau untuk manfaat jangka panjang mereka. Kami mencadangkan agar mengklasifikasikan kedua-dua perkara ini sebagai "agihan konsumtif" dan "agihan produktif". Agihan konsumtif ditakrifkan sebagai bantuan kepada asnaf untuk memenuhi keperluan segera asnaf. Oleh kerana ianya berbentuk jangka pendek, bantuan itu adalah dalam bentuk tunai atau/dan bukan tunai seperti makanan dan pakaian. Oleh itu, bantuan seperti ini boleh digunakan untuk meringankan keperluan segera mereka seperti menghilangkan rasa lapar dan keperluan pakaian. Walaupun wang tunai yang diberikan kepada mereka boleh digunakan untuk tujuan selain daripada keperluan segera, sebagai contoh memenuhi keperluan pemakanan mereka, isu utamanya adalah, dana zakat tersebut diberikan kepada mereka secara langsung dan penggunaannya tertakluk kepada kebijaksanaan mereka sepenuhnya – ianya hak mereka. Sementara itu, agihan produktif adalah bantuan kepada asnaf dalam bentuk pelaburan di mana ia dapat memberi manfaat kepada mereka dalam jangka masa panjang. Beberapa ulama fiqah berhujah atas kebolehan bantuan jenis ini dengan keadaan tertentu (lihat misalnya, Konvensyen Akademi Fiiqah

1986³⁵). Di bawah agihan ini, asnaf yang terlibat mungkin tidak dapat menikmati faedah dengan segera. Walau bagaimanapun, ia membantu mereka dalam membina dan meningkatkan kemampuan mereka dengan tujuan untuk membebaskan diri dari kesusahan yang sedang mereka alami. Perlu dijelaskan di sini bahawa, dua jenis bantuan ini tidak semestinya saling eksklusif. Dalam erti kata lain, asnaf boleh menerima agihan konsumtif dan agihan produktif pada masa yang sama. Mereka mungkin mempunyai keperluan segera untuk mengurangkan kelaparan mereka dan pada masa yang sama, turut mempunyai keupayaan untuk mengubah keadaan mereka dalam jangka panjang untuk tidak bergantung kepada bantuan lagi.

Kedua-dua jenis agihan yang berasingan ini mempunyai implikasi terhadap perakaunan seperti yang disebutkan sebelum ini. Agihan yang digunakan untuk barangan seperti wang tunai, makanan dan pakaian boleh dibelanjakan dengan secukupnya. Oleh itu, apa-apa bantuan yang tertakluk di bawah kategori ini boleh direkodkan di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan³⁶ – direkodkan sebagai item belanja pada tempoh yang ditanggungnya. Ini adalah sama dengan perekodan perbelanjaan dalam perakaunan konvensional³⁷. Walaubagaimanapun, implikasi perakaunan terhadap agihan produktif berbeza dari agihan konsumtif. Ia memerlukan perbincangan tambahan yang turut mencakupi perspektif kedua.

Perspektif kedua berpendapat bahawa pemilikan dan kawalan terhadap bantuan dalam bentuk agihan produktif memberi impak ke atas perakaunan dan perekodan. Pemilikan dan kawalan adalah salah satu isu biasa yang dibangkitkan dalam literatur perakaunan. Umumnya, agihan produktif boleh diklasifikasikan kepada dua kategori - agihan langsung dan agihan *pseudo*. Untuk agihan produktif langsung, seperti yang dinyatakan sebelum ini, ia boleh diberikan secara langsung kepada asnaf dalam bentuk aset tetap yang lebih besar seperti lori makanan, motosikal roda tiga, mesin jahit, peralatan memasak dan peralatan dan mesin bakeri; kilang kecil atau tempat tinggal. Sementara itu, bagi kategori kedua - agihan produktif *pseudo*; ianya berbentuk bantuan di mana penggunaan dananya diputuskan oleh MAIN (walaupun persetujuan asnaf tersebut tidak dirujuk secara langsung dan nyata). Dalam hal ini, MAIN boleh menggunakan dana zakat untuk membeli atau membina bangunan seperti sekolah, rumah kebajikan, kilang-kilang dan lain-lain dengan objektif akhirnya bahawa ia akan

³⁵ Ini dijelaskan dengan lebih menyeluruh di Bahagian 7.2.2.3

³⁶ Atau sebarang nama yang sesuai bagi penyata ini (lihat notakaki 2)

³⁷ Perlu dijelaskan di sini bahawa, ini bukanlah satu usaha untuk menyamakan perbelanjaan dengan agihan, atau mendefinisikan zakat sebagai perbelanjaan. Perbincangan tentang perbezaan antara keduanya adalah di luar skop kajian ini.

digunakan oleh asnaf. Dalam agihan produktif langsung, kawalan dan pemilikan aset mungkin berada di bawah asnaf atau MAIN. Manakala bagi agihan produktif *pseudo*, ianya adalah lebih baik diletakkan di bawah MAIN - dalam bentuk aset di bawah pengurusan (asset under management)³⁸. Oleh itu, MAIN harus mengakaunkan aset di dalam penyata kewangannya jika ia adalah aset produktif *pseudo* kerana ia adalah di bawah kawalannya³⁹. Sebaliknya, pengakaunan untuk agihan produktif langsung memerlukan lebih penelitian. Secara idealnya, agihan produktif langsung ini perlu direkod sebagai item belanja. Walau bagaimanapun, MAIN boleh memilih untuk melepaskan pemilikan secara berperingkat sekiranya aset yang diberikan agak besar (seperti lori makanan). MAIN perlu merangka suatu mekanisma tentang jenis aset yang boleh dibelanjakan-hanguskan; contoh belanja ambang RM10,000 (atau RM50,000) dan ke bawah. Bagi aset yang melebihi ambang, pemilikan dan kawalan dilepaskan secara berperingkat dalam tempoh tertentu. Ini menyerupai konsep musharakah mutanaqisah di mana bank melepaskan pemilikan kepada pelanggan secara berperingkat. Dalam erti kata lain, aset itu boleh dipegang bersama oleh MAIN dan asnaf, dengan MAIN memegang bahagian yang lebih besar pada mulanya. Pemilikan MAIN bagaimanapun akan dikurangkan secara berperingkat sehingga ia tidak lagi memiliki aset berkenaan; di mana pada tahap itu aset tersebut akan dimiliki dan dikendalikan secara eksklusif oleh asnaf. Oleh itu, perekodan mesti mencerminkan peralihan ini.


Persoalan pemilikan dan kawalan tidak menjadi isu bagi agihan konsumtif kerana pemilikan dan kawalan dana tersebut adalah terletak pada asnaf. Sebaik sahaja ia diagihkan, MAIN tidak mempunyai kuasa dan kawalan untuk menentukan (atau merekod) penggunaannya.

Ringkasnya, cadangan di sini berkaitan dengan perakaunan agihan konsumtif dan agihan produktif langsung sebagai item yang dibelanjakan di mana ia terpapar pada Penyata Pendapatan - walaupun perakaunan agihan produktif langsung mungkin berbeza-beza bergantung pada ambang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri. Sementara itu, perakaunan agihan produktif *pseudo* mungkin wujud di dalam Lembaran Imbangan, di bawah pelaporan dalam kolum aset di bawah pengurusan, iaitu aset zakat.

³⁸ Menunjukkan kesesuaian pelaporan berlajur.

³⁹ MAIN tidak mempunyai hak pemilikan kerana aset tersebut adalah di dalam kategori KW Zakat – hanya sebagai pemegang amanah.

Rajah 7. 1: Agihan Produktif dan Konsumtif



7.2.2.3 Perspektif Fiqah dalam Pengagihan Produktif

Perbincangan sebelum ini mengesyorkan bahawa aset produktif *pseudo* direkodkan oleh MAIN. Ini menunjukkan bahawa MAIN mempunyai hak untuk menentukan penggunaan aset ini – dengan tujuan untuk memberi manfaat kepada asnaf. Dalam membincangkan hal ini, dua isu fiqah akan dibincang. Pertama, berkaitan dengan keizinan untuk menggunakan dana zakat bagi tujuan produktif, dan kedua ialah berkenaan kebenaran hak pemilikan dana milik asnaf.

Para ulama Fiqah mempunyai pelbagai pendapat berhubung penggunaan dana zakat untuk tujuan pelaburan. Perdebatan utama berkaitan isu ini ialah berkenaan penangguhan manfaat yang sepatutnya dinikmati oleh asnaf kepada suatu tarikh yang lebih lewat. Dalam erti kata lain, walaupun dana zakat tidak disalah gunakan melalui pelaburan, namun kelewatan dalam pengagihan manfaat kepada asnaf menjadi titik perdebatan. Oleh itu, isu utama di sini adalah sama ada kelewatan dalam pengagihan dana zakat dibenarkan dalam Islam. Menurut pendapat umum, keutamaan perlulah diberikan kepada agihan konsumtif. Walau bagaimanapun, terdapat kelonggaran yang membenarkan agihan produktif dengan syarat agihan konsumtif tidak diabaikan. Konvensyen Akademi Fiqah Ketiga pada tahun 1986 memberikan pendapat berikut mengenai perkara ini,

"Menggunakan dana zakat untuk pelaburan ke atas projek-projek pembangunan adalah dibenarkan, dengan syarat pemilikan aset pembangunan hasil dana tersebut akan dipindahkan kepada penerima yang ditetapkan, atau dimasukkan di bawah

autoriti jawatankuasa agama yang bertanggungjawab untuk pengumpulan dan pengagihan zakat. Pelaburan itu, bagaimanapun, hanya boleh dilakukan selepas memenuhi keperluan segera penerima zakat, dan tindakan yang wajar telah diambil untuk mengelakkan kerugian".

Begitu juga Anwar (1995) berhujah bahawa pihak berkuasa zakat perlu memainkan peranan mereka dengan lebih aktif dalam menangani kemiskinan. Beliau mengesyorkan agar pihak berkuasa zakat terlibat dalam industri pembuatan dengan menggunakan dana zakat. Ini bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti di sekelilingnya, tetapi juga memberikan sumbangan nilai tambah kepada asnaf. Dengan pengurusan yang baik, asnaf juga boleh memiliki syarikat pembuatan tersebut.

Idea menggunakan dana zakat untuk tujuan pelaburan yang produktif juga disebutkan dalam sejarah Islam. Imam Malik dalam bukunya, al-Muwatta' menceritakan kisah anak-anak khalifah kedua, Saidina Umar alKhattab (r.a). Anak-anak Khalifah - Abdullah dan Ubaydullah telah melalui kawasan yang dikuasai oleh seorang gabenor yang dilantik oleh Khalifah. Mereka di dalam perjalanan pulang dari peperangan. Apabila melihat kedua-dua anak Khalifah berkenaan, Gabenor tersebut meminta mereka untuk membawa pulang (ke Madinah) dana zakat yang dikumpulkan di daerahnya kepada Khalifah. Di dalam perjalanan tersebut, anak-anak Khalifah menggunakan dana zakat untuk perniagaan dan mendapat keuntungan. Apabila tiba di tempat Khalifah dan setelah mengetahui perkara ini, Khalifah Saidina Umar sangat marah. Walau bagaimanapun, beliau dinasihatkan oleh sahabatnya untuk mengambil jumlah keseluruhan pokok dan separuh daripada keuntungan. Baki keuntungan diberikan kepada anak-anak beliau. Berikut adalah petikan tentang keputusan oleh Saidina Umar.

جَلَسَاءِ عُمَرَ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ لَوْ جَعَلْتَهُ قِرَاضاً فَقَالَ عُمَرُ قَدْ جَعَلْتَهُ قِرَاضاً فَأَخَذَ
عُمَرُ رَأْسَ الْمَالِ وَنِصْفَ رِبْحِهِ وَأَخَذَ عَبْدُ اللَّهِ وَعَبِيدُ اللَّهِ ابْنَا عُمَرَ بِنِ الْحَطَّابِ نِصْفَ

Berkenaan dengan isu fiqah kedua, yakni kebenaran bagi MAIN tentang hak pemilikan dana milik asnaf, terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama tentang hal ini. Qaradhawi dalam Fiqah Zakatnya, misalnya menjelaskan bahawa ini bergantung pada pemahaman kita tentang jenis asnaf. Dalam Surah at-Taubah (9:60), Allah menyebut 8 kumpulan asnaf yang boleh menerima bantuan zakat. Mereka adalah (i) fakir (miskin), (ii) miskin (yang memerlukan),

(iii) *amil* (pekerja zakat), (iv) *mualaf* (orang yang baru memeluk Islam), (v) *ar-riqob* (hamba), (vi) *al-gharimeen* (orang-orang yang berhutang), (vii) *fi sabeel li Allah* (mereka yang berjuang di jalan Allah), dan (viii) *ibn as-sabeel* (orang yang bermusafir). Qaradhawi menyatakan bahawa lapan asnaf boleh dibahagikan kepada dua kategori - empat kumpulan pertama yang disebutkan (*fakir, miskin, amil dan muallaf*) dan empat kumpulan berikutnya (*ar-riqob, al-gharimeen, fi sabillillah, dan ibn as-sabeel*). Bagi empat asnaf yang pertama, sebutan kumpulan mereka didahului dengan kata "untuk" (iaitu, *li* di dalam bahasa Arab), manakala bagi 4 kumpulan terakhir, ia didahului oleh kata "pada" (iaitu *fi* dalam bahasa Arab). Penggunaan imbuhan yang berbeza menunjukkan perbezaan dalam aplikasi dan kepentingannya. Menurut Qaradhawi, Al-Quran menetapkan bahawa empat kumpulan pertama mesti memperoleh pemilikan dana zakat manakala empat kumpulan kedua tidak semestinya memperoleh pemilikan dana zakat, selagi bantuan itu dapat memenuhi keperluan mereka - oleh itu pemilikan tidak menjadi keperluan. Sebagai contoh, untuk asnaf *al-gharimeen* (mereka yang berada dalam hutang), bantuan itu tidak perlu diberikan secara langsung kepada mereka. Sebaliknya ia boleh diberikan terus kepada individu yang memberi hutang kepada asnaf – bagi melangsaikan hutang tersebut. Ilmuwan berpendapat bahawa jika diputuskan bahawa duit itu diberikan secara langsung kepada asnaf *al-gharimeen* dan dia diberikan diskaun pada hutangnya (jumlah hutangnya dikurangkan daripada jumlah yang dipinjam), dia tidak boleh membelanjakan baki wang hasil diskaun tersebut. Sebaliknya dia harus mengembalikan wang itu kepada pihak berkuasa zakat. Ini menunjukkan bahawa bantuan zakat untuk empat kumpulan kedua hanya boleh digunakan untuk memenuhi tujuan yang diberikan kepadanya. Sekiranya tujuan itu dapat dipenuhi dengan jumlah yang lebih kecil atau jika tujuan itu tidak wujud lagi, bantuan itu tidak lagi wujud untuk mereka.

Berikutan hujah di atas, MAIN boleh menguruskan dana zakat berdasarkan penafsiran ini. Dengan memasukkan perbincangan dari bahagian sebelumnya mengenai isu pemilikan dan kawalan, MAIN boleh mencatatkan pengagihan zakat yang produktif dalam penyata kewangannya (di bawah KW Zakat) dalam kategori empat asnaf terakhir. Sementara untuk agihan konsumtif, ia mungkin sesuai bagi penggunaan empat asnaf yang pertama.

7.2.2.4 Perbezaan dengan Perekodan/Perakaunan dalam KW Zakat

Perbincangan di atas dibuat dengan menganggap bahawa MAIN merekodkan pengagihan zakat yang berkaitan di dalam KW Zakat. Walau bagaimanapun, dalam kes di mana MAIN memilih untuk tidak merekod - iaitu, memodalkan; agihan produktif (terutamanya *pseudo*) di

dalam KW Zakat kerana kekangan yang dinyatakan di atas, pilihan yang ada adalah untuk merekodkan perbelanjaan tersebut di bawah KW yang berbeza; mungkin lebih sesuai di bawah KW Baitulmal. Sekiranya MAIN memilih untuk membuat perekodan sedemikian, ia menunjukkan bahawa KW Zakat memberikan pinjaman kepada KW Baitulmal. Pada dasarnya, ini bermakna bahawa semua agihan produktif dibuat melalui KW Baitulmal. Dalam senario ini, ini menunjukkan bahawa KW Baitulmal tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk membantu golongan seperti asnaf, oleh itu pinjaman dari KW Zakat adalah diperlukan. Jika aturan ini dipilih oleh MAIN, maka mesti proses perekodan perlulah jelas dan laporan transaksi antara dana⁴⁰ perlulah dilakukan.

Amalan semasa yang tidak memodalkan aset tetapi terus menanggung / merekodkan kos penyelenggaraan untuk aset adalah sukar untuk dipertahankan dengan hujah yang relevan. Dengan kata lain, aset yang memiliki unsur-unsur ini dicadangkan supaya dipermodalkan.

7.2.3 Sifat Janji/Kontrak *wa'ad* untuk Pengagihan Zakat

Bahagian ini membincangkan satu lagi instrumen undang-undang yang boleh mempengaruhi amalan perakaunan. Dalam hal ini, ia tertumpu pada isu janji - *wa'ad*. Kedudukan dan kewibawaan sesuatu janji mempunyai kesan terhadap perakaunan.

Wa'ad adalah perkataan Arab yang memberi maksud janji. Dalam hal ini, *wa'ad* berlaku dalam dana bantuan zakat terhadap pelajar. *Wa'ad* boleh dibuat secara sehalal atau dua hala. *Wa'ad* sehalal berlaku apabila dua pihak terlibat tetapi janji hanya dibuat oleh salah satu pihak, tanpa janji timbal balik dari pihak kedua. Sementara itu, *wa'ad* dua hala berlaku apabila kedua-dua pihak membuat janji. Pemahaman kedua-dua jenis *wa'ad* ini mempunyai implikasi kepada perakaunan kerana ia boleh mewujudkan “akaun pemiutang” apabila *wa'ad* dibuat.

Sebagai contoh, MAIN boleh memanjangkan bantuan zakat kepada pelajar yang mengikuti pengajian. Jika MAIN membuat kontrak *wa'ad* membantu kewangan pelajar asnaf, MAIN perlulah memastikan sama ada perjanjian/ perbuatan kontraknya mempunyai perkataan yang boleh ditafsirkan sebagai menghendaki pelajar mencapai gred tertentu agar kekal sebagai penerima bantuan tersebut. Sekiranya aturan ini berlaku, ini menggambarkan *wa'ad* dua hala. Dalam senario ini, MAIN berjanji untuk melanjutkan bantuan itu, sementara pelajar itu

⁴⁰ Adalah dicadangkan supaya laporan transaksi antara dana disediakan samada di dalam nota perakaunan atau di dalam penyata kewangan.

berjanji untuk mencapai gred tertentu. Walau bagaimanapun, jika pelajar tidak diwajibkan untuk mencapai apa-apa syarat yang ditetapkan, maka ia adalah *wa'ad* sehalah.

Wa'ad dua hala mewujudkan liabiliti (atau sekurang-kurangnya peruntukan (provision)) bagi pihak bahagian MAIN. Oleh itu, pengiktirafan liabiliti dibuat apabila *wa'ad* dua hala berlaku. Ianya akan wujud dalam Lembaran Imbangan. Walau bagaimanapun, jika hanya *wa'ad* sehalah, iaitu MAIN berjanji untuk melanjutkan bantuan kepada pelajar tanpa isyarat timbal balik, maka tidak perlu merekod sebarang liabiliti ketika *wa'ad* ditandatangani. Perekodan hanya akan berlaku apabila wang itu telah diberikan kepada pelajar. Dalam erti kata lain, ianya mengikut konsep asas tunai.

7.3 RUMUSAN

Bab ini membentangkan 2 perbincangan undang-undang yang saling berkaitan. Bahagian pertama membentangkan perbincangan dari perspektif undang-undang mengenai kemungkinan untuk membangunkan garis panduan/piawaian perakaunan dan pelaporan yang meliputi aspek hasil, perbelanjaan dan liabiliti. Kuasai Ketua Audit Negara dalam mengaudit akaun MAIN, dan kebolegunaan Akta Badan Berkanun memungkinkan penggunaan piawaian yang dikeluarkan oleh JANM, bagi perakaunan dan pelaporan MAIN. Ini membantu MAIN yang mempunyai ruang yang terhad untuk melaksanakan peruntukan di dalam Enakmen Negeri. Seterusnya, subseksyen kedua membincangkan tentang perkara-perkara perundangan dengan membentangkan isu-isu undang-undang yang mempunyai implikasi terhadap perakaunan dan pelaporan. Khususnya, di mana perakaunan dipengaruhi oleh isu pemilikan tanah (dan bangunan) dalam merekodkan aset wakaf. Kaedah perakaunan - berdasarkan manual "amalan terbaik"; juga mempengaruhi cara perakaunan yang diamalkan. Pemahaman mengenai agihan zakat konsumtif dan produktif dapat mengurangkan kesulitan dalam mengakaunkan transaksi tersebut. Akhir sekali, persoalan mengenai perakaunan / komitmen / tanggungjawab dikukuhkan kerana sifat janji yang dibuat berkaitan dengan bantuan zakat kepada pelajar / asnaf.

Secara umumnya, tiada isu yang serius berkaitan undang-undang dalam usaha untuk mengamalkan garis panduan/piawaian yang berkaitan dengan perakaunan hasil, perbelanjaan dan liabiliti. Ini kerana, bagi menangani implikasi perakaunan yang disebabkan oleh "kekangan" undang-undang, sebaiknya hal perundangan dan pentadbiran perlu diuruskan terlebih dahulu sebelum perakaunan dan perekodan dapat dilaksanakan sebaiknya.

BAB LAPAN

CADANGAN PEMBANGUNAN PIAWAIAN PERAKAUNAN - PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN DAN PENDEDAHAN HASIL, BELANJA DAN LIABILITI INSTITUSI WZB DI MALAYSIA

8.0 PENDAHULUAN

Bab ini melaporkan cadangan piawaian perakaunan bagi institusi-institusi Wakaf, Zakat, dan Baitulmal (WZB). Cadangan ini adalah berdasarkan dapatan kajian terhadap amalan semasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), rangka kerja konseptual perakaunan bagi WZB, enakmen-enakmen negeri, serta aspek-aspek Syariah bagi harta WZB. Bagi tujuan membangunkan piawaian perakaunan berkaitan WZB, cadangan tersebut dimasukkan ke dalam piawaian tertentu berkaitan Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan dalam MPSAS yang berkenaan. Pendekatan menggunakan MPSAS sebagai teras untuk membangunkan piawaian perakaunan WZB secara khusus ialah atas permintaan Jabatan Akauntan Negara (JANM). MPSAS dianggap sebagai mencukupi untuk membimbing MAIN untuk perakaunan WZB kecuali jika piawaian tambahan atau semakan semula item dalam MPSAS disarankan untuk mencapai matlamat penyelidikan dalam membangunkan piawaian perakaunan Islam untuk WZB. Oleh itu, struktur bab ini mengikuti skop piawaian perakaunan yang diperlukan untuk hasil dan belanja WZB seperti yang disebutkan di atas. Ini termasuk saranan untuk piawaian perakaunan untuk hasil dari urus niaga bukan pertukaran, hasil dari urusniaga pertukaran, kesan perubahan matawang asing, peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka, manfaat pekerja, kos pinjaman dan kos pembinaan.

Perenggan-perenggan utama di dalam 7 MPSAS iaitu MPSAS 4 – Kesan Perubahan Matawang Asing; MPSAS 5 – Kos Pinjaman; MPSAS 9 – Hasil Dari Urusniaga Pertukaran; MPSAS 11 – Kos Pembinaan; MPSAS 19 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka; MPSAS 23 – Hasil Dari Urusniaga Bukan Pertukaran; MPSAS 25 – Manfaat Pekerja; MPSAS 27 dan MPSAS 28 – Instrumen Kewangan akan di semak dan di kaji selaras dengan amalan semasa, pematuhan Syariah dan sama ada terdapat percanggahan dengan undang-undang sivil atau enakmen-enakmen negeri berkaitan. Seterusnya, penyelidik akan membuat cadangan-cadangan keatas perenggan-perenggan sedia ada atau cadangan tambahan perenggan berikut untuk tujuan pembangunan piawaian Islam WZB:

- i. Perenggan dikekalkan - piawaian perakaunan yang dinyatakan di dalam MPSAS berkaitan boleh digunapakai oleh WZB dan tidak menjejaskan gambaran yang benar dan saksama penyata kewangan MAIN
- ii. Perenggan tambahan - sekiranya terdapat item-item yang perlu diperkenalkan bagi memastikan pematuhan kepada Syariah, selaras dengan konsep WZB
- iii. Perenggan di ubahsuai - Sekiranya terdapat keperluan untuk perenggan diubahsuai supaya ianya bertepatan dengan prinsip Syariah atau mematuhi keperluan undang-undang sivil dan enakmen negeri.
- iv. Perenggan di gugurkan - Sekiranya perenggan yang bercanggah dengan prinsip Syariah atau tidak bertepatan dengan konsep WZB.

Sebelum perbincangan terperinci diteruskan, dua isu penting yang perlu ditangani ialah isu Perakaunan Dana dan konsep Baitulmal seperti yang difahami secara umumnya di Malaysia. Justeru pembentangan bab ini akan dimulakan dengan perbincangan umum, tentang perakaunan dana dan konsep Baitulmal, sebelum perbincangan tentang cadangan bagi setiap MPSAS diberikan.

8.1 PERAKAUNAN DANA (FUND ACCOUNTING)

Cadangan yang dibuat dalam fasa ini adalah tindak lanjut cadangan yang dibuat dalam Fasa 1. Dalam Fasa 1, kami telah menyarankan supaya perakaunan dana diterima pakai oleh MAIN. Pada dasarnya, apa yang dimaksudkan ialah institusi WZB perlu menyediakan satu set penyata kewangan yang lengkap bagi setiap kumpulan wang. Ini penting kerana setiap dana mempunyai objektif yang berbeza.

Lebih penting lagi, adalah perlu untuk mengekalkan secara berasingan dana yang terhad dan tidak terhad yang diterima daripada pelbagai sumber. Sebagai contoh, zakat yang diterima hanya boleh digunakan untuk diagih kepada lapan kategori asnaf sahaja. Bagi dana wakaf pula, hanya pendapatan sahaja yang boleh diberi kepada benefisiari tertentu. Jumlah wang prinsipal tidak boleh digunakan untuk membayar benefisiari wakaf. Menggunakan perakaunan dana juga akan membolehkan sebuah organisasi bukan keuntungan (*not for profit*) lebih bertanggungjawab ke atas cara mereka menguruskan dana tersebut.

8.2 KONSEP BAITULMAL

Satu lagi isu penting yang perlu dibincangkan ialah definisi baitulmal seperti yang difahami oleh MAIN. Baitulmal mengambil dua makna yang berbeza di Malaysia. Yang pertama ialah Baitulmal sebagai sebuah institusi di mana dana Baitulmal (institusi) biasanya dikategorikan kepada tiga kumpulan dana iaitu kumpulan wang wakaf, kumpulan wang zakat dan “lain-lain” (Rajah 1). Definisi kedua menganggap MAIN sebagai institusi dan Baitulmal dianggap sebagai satu kategori dana Majlis (selain daripada dana wakaf dan dana zakat) (Rajah 2). Bagaimana Baitulmal ditakrifkan adalah penting kerana ia mempunyai kesan ke atas piawaian akhir yang akan dibangunkan. Menurut Enakmen Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang, Baitulmal merujuk kepada dana selain dari Wakaf dan Zakat. MAIN Wilayah Persekutuan pula menganggap Baitulmal sebagai sebuah institusi. Memandangkan sebahagian besar MAIN (3 dari 4 di Zon 3) menganggap Baitulmal sebagai dana, kami mencadangkan bahawa definisi Baitulmal ini harus digunakan dalam pembangunan piawaian untuk WZB. Perlu ditekankan di sini bahawa konsep Baitulmal seperti ini tidak sejajar dengan makna Baitulmal sepertimana yang difahami secara tradisional. Baitulmal seperti yang difahami secara tradisional, merujuk kepada Perbendaharaan. Oleh itu, Baitulmal merujuk kepada sebuah institusi.

Rajah 8.1: Baitulmal Sebagai Institusi



Rajah 8.2: Baitulmal Sebagai Kumpulan Wang



8.3 LAYANAN PERAKAUNAN WAKAF: AKTIVITI UTAMA

8.3.1 Pengiktirafan Aset Wakaf

Pengiktirafan wakaf cuma boleh dilakukan jika terdapat bukti/rekod bagi seluruh aktiviti wakaf - sama ada sumber, pendapatan, perbelanjaan dan saluran. Wakaf harus memiliki sistem perakaunan yang mengambilkira kitaran dokumen, lejar, rekod, senarai, laporan dan panduan perakaunan. Pengamal perakaunan berkaitan wakaf adalah orang yang bertanggungjawab bagi mengambilkira berbagai peristiwa, bukti, dan keterangan yang wujud di dalam dokumen untuk diterjemahkan ke dalam penyata dan pelbagai rekod. Bagi mencapai matlamat tersebut, ciri-ciri rekod perakaunan wakaf yang perlu ada adalah (i) keselamatan dokumen, (ii) kecekapan perekodan, (iii) ketepatan tarikh rekod, (iv) penyediaan panduan perakaunan yang tepat, (v) kaedah perekodan yang sesuai.

8.3.2 Pengukuran Perakaunan Wakaf

Aktiviti pengukuran bermaksud menterjemahkan aktiviti dalam bentuk tunai atau bukan tunai. Ini dijalankan bagi menjelaskan hak dan hasil aktiviti wakaf serta kedudukan kewangannya. Untuk mencapai hasrat tersebut, institusi wakaf perlu menumpukan kepada beberapa perkara. Ini dinyatakan seperti berikut.

a. Pengukuran sumber wakaf.

Sumber wakaf adalah semua harta yang diterima dari pewakaf termasuk harta yang bermaksud untuk tujuan kebajikan semata-mata (tanpa unsur penjanaan pendapatan). Jika kita lihat dari perspektif pengukuran perakaunan, sumber wakaf boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertamanya, pengukuran harta-harta material. Ini adalah aset yang boleh diukur dengan tunai dan bukan tunai. Ianya seperti tanah, hartanah, taman, kebun, haiwan, perabot, harta-harta tunai, dan lain-lain. Ia diukur mengikut asas nilai semasa, yakni ketika ianya diperolehi. Apabila tiba akhir tahun kewangan, ianya diukur mengikut asas nilai sejarah (*al-qīmah al-tārikhiyyah*). Keduanya, pengukuran harta-harta maknawi. Ia adalah aset-aset maknawi yang memberikan manfaat. Ianya termasuklah hak untuk tinggal menetap, hak pemilikan, hak laluan, dan lain-lain jenis hak. Harta-harta tersebut diukur atas asas nilai saksama (*qīmah al-mithl*) dan ianya patut dilakukan oleh pakar yang sesuai.

b. Pengukuran pendapatan wakaf.

Bagi mengukur pendapatan wakaf, ianya pula boleh dibahagikan kepada 4 jenis pendapatan. Pertama, pendapatan tunai. Ianya seperti bayaran rumah sewa, bayaran sewa tanah yang diusahakan, pendapatan dari sewaan perkakasan dan peralatan dan, pendapatan pelaburan dan lain-lain. Pendapatan ini diukur dengan asas akruan. Kedua, pendapatan bukan tunai. Ini termasuk hasil-hasil tanah yang diusahakan, taman, kebun, susu, bulu, serta daging haiwan yang diwakafkan, dan lain-lain. Pendapatan ini diukur dengan asas bukan tunai. Ia juga boleh diukur dengan asas harga tunai (*al-thaman al-naqdi*) pada masa hasil tersebut diperolehi. Dengan erti kata lain, pengukurannya boleh disandarkan pada asas nilai pasaran tunai. Ketiga, manfaat maknawi yang memiliki nilai. Ianya adalah manfaat tempat kediaman, pengangkutan, pendidikan, dan lain-lain. Manfaat ini berdiri di atas asas nilai saksama dan mengikut kebiasaan/ budaya setempat. Pengukurannya boleh dilakukan oleh pakar yang bersesuaian. Akhirnya keempat, manfaat maknawi yang lain. Ianya seperti manfaat masjid, sekolah, tempat-tempat pelarian, al-Qur'an, hak laluan, hak monopoli, dan lain-lain. Namun manfaat-manfaat tersebut agak sukar untuk diukur. Ianya terserah kepada laporan-laporan tambahan di dalam Nota Akaun yang disediakan oleh pengamal perakaunan terlibat.

c. Pengukuran perbelanjaan wakaf.

Ini merujuk kepada perbelanjaan yang diperlukan untuk menjaga pendapatan dan manfaat wakaf dan kesinambungan aktiviti wakaf. Pengukuran bagi perbelanjaan wakaf ini dibahagi kepada dua bahagian umum. Pertama, perbelanjaan operasi. Ia seperti perbelanjaan penyelenggaraan, pemulihan, dan pentadbiran. Kedua, perbelanjaan modal. Ia seperti perbelanjaan pembaharuan, penggantian, dan lain-lain. Pengukuran perbelanjaan wakaf mesti dilakukan dengan asas nilai tunai yang dibayar atau direkodkan. Asas akruan kemudian mesti diamalkan, seperti yang telah dijelaskan di bahagian sebelumnya.

d. Pengukuran Saluran Wakaf

Ini merujuk kepada apa yang dikeluarkan dalam bentuk wang, barang, atau perkhidmatan yang diberikan kepada orang-orang yang berhak mendapatkan manfaat wakaf, sama ada ianya pertubuhan kebajikan ataupun individu. Jika saluran sumbangannya berbentuk wang atau barang, adalah digalakkan agar wang dan barang tersebut tidak diedarkan terlebih dahulu kerana keutamaan wakaf adalah menjaga kelangsungan aset wakaf tersebut. Jika kelangsungan aset telah terjamin, maka bolehlah saluran sumbangan wang dan barang dilakukan. Ini

dilakukan untuk menjaga kesinambungan. Asas pengukuran yang digunakan sepertimana asas pengukuran pendapatan yakni asas tunai.

8.3.3 Pelaporan dan Pendedahan dalam Wakaf

Pelaporan dan pendedahan bertujuan untuk mendedahkan maklumat-maklumat perakaunan tentang aktiviti-aktiviti wakaf dalam bentuk laporan kewangan yang kemudian digunakan bagi mengetahui kebolehpayaan sesuatu institusi. Laporan tersebut dapat membantu orang-orang yang menggunakannya untuk mendapatkan maklumat-maklumat benar hingga boleh memberikan ketenangan kepada pewakaf atau ahli warisnya bahawa tujuan berwakaf telah tercapai. Laporan tersebut juga dapat menggalakkan lebih ramai orang untuk berwakaf disamping memberikan kepuasan kepada pewakaf sedia ada oleh kerana kehadiran maklumat yang terperinci, tepat pada waktunya, dan menjadi asas untuk membuat sebarang keputusan. Aktiviti pendedahan maklumat harus memenuhi 5 ciri. Pertamanya, bermanfaat (*al-manfa'ah*). Ia bermakna bahawa maklumat-maklumat perakaunan yang didedahkan harus memberikan manfaat kepada orang-orang yang menggunakannya. Kedua, jelas (*al-wudūh*). Ia bermakna bahawa untuk memberikan manfaat, maklumat harus jelas. Ketiga, komprehensif (*al-shumūliyyah*). Ia bermakna bahawa maklumat harus komprehensif, mencakupi seluruh maklumat wakaf. Keempat, sesuai (*al-mulā'amah*). Ia bermakna bahawa maklumat harus sesuai dengan orang-orang yang menggunakannya hingga mereka boleh memahaminya bagi membantu memenuhi tujuan-tujuan mereka yang tersendiri. Kelima, dipercayai (*al-tawthīq*). Ia bermakna bahawa maklumat-maklumat harus bersumberkan dari sumber-sumber yang dipercayai.

8.4 ASAS-ASAS PERAKAUNAN ATAS HARTA WAKAF DALAM MENJAGA KESINAMBUNGAN

Bagi menjana hasil mengikut kemaslahatan wakaf, adakalanya badan penyelia wakaf (yang memiliki tugas seperti *nāzir* wakaf) melakukan pelaburan terhadap sebahagian kekayaan wakaf dalam bentuk saham, instrumen kewangan dan lain-lain. Perakaunan yang dilakukan atas pelaburan tersebut juga perlu berlandaskan prinsip perakaunan - pengiktirafan, pengukuran, pelaporan, dan pendedahan. Demikian juga dengan pendapatannya, ianya perlu mengikut asas dan piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh pertubuhan seperti AAOIFI. Perkara ini juga berlaku sepertimana ketas asas dan piawaian perakaunan bagi institusi berasaskan keuntungan – selagi ianya tidak bercanggah dengan kaedah-kaedah dan hukum-hukum Syariah Islam. Begitu juga dengan pengagihan hasil pelaburan wakaf; perlunya mengikut asas-asas dan piawaian perakaunan wakaf yang diambil dari hukum-hukum Syariah

Islam dan amalan perakaunan lain yang tidak bercanggah dengan hukum-hukum Syariah Islam. Kata-kata hikmah ada menegaskan bahawa “jika hikmah itu hilang dari seseorang muslim, dimana pun dia menemukannya, ia lebih berhak untuk mengambilnya”. Ini memberi maskud bahawa Islam membenarkan penganutnya mengambil hikmah/kebijakan dari sesiapa sahaja dan dimana jua selagi ianya tidak bertentangan dengan Syariah Islam.

8.4.1 Asas-asas Perakaunan bagi Harta Wakaf yang digunakan Manfaatnya dan Bukan Hasilnya

Menilai manfaat wakaf adalah sangat subjektif. Tidak ada asas atau model perakaunan yang boleh dipersetujui keseluruhannya oleh para pengamal perakaunan. Untuk itu penilaian atas asas nilai saksama yang dilakukan oleh perakaunan konvensional boleh diambilkira.

- Manfaat rumah penginapan orang-orang miskin dinilai di atas asas sewaan ideal jika ia memang disewakan untuk tujuan tersebut.
- Manfaat sekolah dinilai di atas asas bayaran dan penyertaan murid di sekolah yang khusus memberikan perkhidmatan.

Walau apa pun keadaannya bagi menyempurnakan proses pengukuran, kita mesti meminta bantuan dari para pakar untuk menilai manfaat harta wakaf.

8.5 ASAS-ASAS PENYEDIAAN PERUNTUKAN PENGGANTIAN HARTA WAKAF

Bagi tujuan perbincangan bahagian ini, kita boleh membahagikan harta wakaf kepada dua bahagian. Pertama, harta yang boleh menjana pendapatan. Kedua, harta yang tidak menjana pendapat, yakni digunakan sebagai memberi khidmat shaja.

Jika harta wakaf tersebut boleh menjana pendapatannya sendiri, peruntukan penggantian harta wakaf boleh diambil dari pendapatan wakaf tersebut yang diketepikan - jika keadaan membenarkan. Peruntukan ini menjadi salah satu sumber pembiayaan penggantian barang wakaf yang rosak atau tidak mendatangkan hasil dan manfaat. Dalil hal tersebut adalah mengikut prinsip pengekalan (*al-ta'bīd*) dan makmur keseluruhannya (*al-'imārah al-kulliyyah*). Ini bermaksud peruntukan tersebut boleh dilaburkan dan pelaburan itu dan hasilnya boleh diperuntukkan bagi memenuhi hasrat penggantian aset tersebut. Pelaburan harta-harta wakaf tersebut bagaimanapun mestilah cakna kepada risiko dan perlu sensitif kepada keperluan untuk pencairan pada kadar yang sesuai/segera.

Terdapat beberapa jenis harta alih wakaf yang menyusut dan tidak mendatangkan pendapatan, seperti kereta. Nilai harta ini akan menyusut dan menjadi tidak produktif sekiranya digunakan secara berterusan. Proses penggantian perlu dilakukan bagi menangani isu ini. Mengikut prinsip penggantian, harus ada peruntukan untuk susut nilai bagi tujuan penggantian dari sumber-sumber pembiayaan seperti (i) sumbangan-sumbangan untuk institusi wakaf, (ii) sokongan dari kerajaan, dan (iii) sumber-sumber lain.

8.5.1 Asas Perakaunan Atas Inflasi Harta Wakaf

Harta wakaf tertakluk kepada inflasi. Berbagai pendapat tentangnya telah dikemukakan. Inflasi memberikan kesan yang jelas terutama terhadap harta tunai wakaf. Namun, oleh kerana institusi wakaf tidak tertakluk kepada cukai atau zakat serta tidak memiliki modal yang nilai ekonominya mesti sentiasa dijaga, inflasi tidak menjadi masalah yang terlalu besar. Inflasi menjadi sangat penting bagi institusi berasaskan keuntungan kerana keperluan mereka untuk menjaga modal nilai ekonomi pemegang saham. Masalah inflasi pada harta wakaf mungkin berlaku ketika proses *istibdal*, yakni ketika harta tetap menjadi harta wang tunai (ketika dalam proses mencari harta tetap yang sesuai sebagai gantian harta wakaf yang telah dijual). Namun ini boleh diatasi dengan cara membuat peruntukan tambahan dan peruntukan tambahan itu dilaburkan sebaik mungkin. Masalah inflasi bagi pelaburan tunai wakaf menjadi lebih penting jika ianya berada di dalam bentuk saham atau cek. Ini kerana kemungkinan nilai nominalnya yang menurun dari pasaran hingga memerlukan peruntukan dibuat sesuai dengan jumlah kekurangan yang berlaku. Walau bagaimana pun, ia adalah suatu perkara penting yang perlu dikaji di masa hadapan dalam kajian yang berasingan.

8.6 CADANGAN KHUSUS BERKAITAN PEMULIHAN DAN PENYELENGGARAAN

8.6.1 Asas-asas Perakaunan Kos Pemulihan dan Penyelenggaraan Harta Wakaf

Asas-asas perakaunan kos pemulihan dan penyelenggaraan harta wakaf dari sudut pandang hukum fiqah boleh diringkaskan seperti berikut:

- i. Kos pemulihan dan penyelenggaraan harus memiliki hubungan langsung untuk memperbaiki harta wakaf yang lusuh, haus, layu, rosak, atau tidak berfungsi. Kos tersebut tidak perlu berlebihan. Cukup setakat menjadikan aset tersebut kembali seperti ketika wakaf diberikan. Ia diamalkan mengikut asas pengekalan (*al-taba' iyyah*) dan sebab akibat (*al-sababiyyah*) dalam perakaunan.

- ii. Kos pemulihan dan penyelenggaraan harus sesuai dengan pawai dimana harta wakaf sentiasa terjaga. Dengan erti lain, tujuannya adalah untuk menjaga kekuatan dalam penghasilan (*al-quwwah al-intājiyyah*) - harta wakaf seperti pertama kali ianya diberikan. Ini bagi memastikan agar harta wakaf sentiasa boleh memberikan khidmatnya sesuai dengan asas kesinambungan (*al-istimrāriyyah*).
- iii. Kos pemulihan dan penyelenggaraan harta wakaf juga meliputi kos membaiki kerosakan yang disebabkan oleh kecuaiian. Kos tersebut ditanggung sesuai dengan kadarnya dengan tujuan agar harta wakaf boleh melaksanakan fungsinya.
- iv. Kos pemulihan dan penyelenggaraan dikira sebagai beban ke atas pendapatan wakaf, bahkan ianya menjadi terakru; sesuai dengan asas akruan.
- v. Kos pemulihan dikira sebagai modal untuk meningkatkan produktiviti dan manfaat harta wakaf.

8.6.2 Kaedah Perakaunan Kos Pemulihan dan Penyelenggaraan Harta Wakaf

Kaedah perakaunan kos pemulihan penyelenggaraan harta wakaf berdasarkan perkara di bawah ini:

- i. Kos ditolak dari pendapatan wakaf. Kos tersebut memiliki sifat prioriti. Ianya mendapat keutamaan berbanding dengan apa juga perbelanjaan yang harus diberikan kepada orang-orang yang berhak mendapatkan wakaf, sama ada individu ataupun pertubuhan. Jika tidak mencukupi, ianya boleh berhutang sehingga pendapatan mencukupi atau diuruskan oleh Baitulmal. Perkara tersebut kemudian dilaporkan di dalam senarai Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Wakaf pada akhir tahun kewangan.
- ii. Menggunakan asas akruan, bukan asas tunai. Jika kos tidak dibayar, ia dikira sebagai hutang yang ditanggung oleh harta wakaf tersebut. Perkara tersebut perlu dipapar di dalam Penyata Kedudukan Kewangan
- iii. Kos pemulihan yang bersifat modal ditambah ke dalam harta wakaf. Perkara tersebut ditulis/ditambah di dalam senarai aset di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.
- iv. Sekiranya perlu, boleh membuat peruntukan perbandingan kos pemulihan dan penyelenggaraan di masa hadapan, dimana hasil wakaf dijangka akan berkurang dan kos pemulihan akan meningkat. Perkara ini boleh direkodkan sebagai tolakan kepada pendapatan semasa dan juga dilaporkan sebagai perbelanjaan terakru di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai tanggungan.

8.7 CADANGAN PENYEDIAAN PERUNTUKAN SUSUT NILAI ASET WAKAF

Perakaunan konvensional menyalahkan sebahagian pendapatan untuk menggantikan aset-aset tetap yang mengalami penyusutan nilai. Penyusutan nilai tersebut perlulah dibuat spesifik kepada aset tersebut. Ini bermakna cara penyusutan nilai aset tetap dibuat tidak boleh dibuat secara umum, yakni secara berkumpulan. Sebagai contoh, susutan nilai terkumpul yang dibuat bagi aset A, hanya boleh digunakan dikemudian hari bagi mengganti aset A. Bagi institusi bukan berasaskan keuntungan, terdapat dua kaedah umum yang dilaksanakan. Pertama, membuat peruntukan susut nilai pada setiap tahun. Sisihan susut nilai ini akan dikenakan kepada pendapatan. Ini bertujuan untuk menukar dan memperbaharui aset tersebut pada masa hadapan. Kedua, tidak membuat sebarang peruntukan bagi penyusutan nilai aset-aset tetap. Jika berlaku kerosakan, aset tersebut diganti dari pendapatan tahun yang sama.

8.7.1 Asas-asas Perakaunan Bagi Pembentukan Peruntukan Aset Wakaf

Peruntukan untuk susut nilai ditentukan oleh asas-asas perakaunan yang sesuai dengan hukum-hukum fiqah seperti di bawah:

- i. Peruntukan susut nilai aset wakaf tahunan dikira sebagai kos dari pendapatan, dan jika memungkinkan, ianya disisihkan dari pendapatan. Perkara tersebut berlaku agar pembaharuan dan penukaran boleh dilakukan. Ini disebut sebagai kos susut nilai.
- ii. Peruntukan susut nilai aset wakaf dikira sebagai perbelanjaan tertunda sehingga tarikh pembaharuan dan penggantian. Ini yang disebut sebagai asas akrual.
- iii. Nilai jualan aset susut nilai dikira sebagai nilai modal yang tidak termasuk dalam pendapatan yang diagihkan. Tapi nilai tersebut digunakan untuk pembaharuan dan penggantian. Ini disebut sebagai pendapatan modal.
- iv. Jumlah peruntukan susut nilai aset wakaf dikira sebagai aset yang dikekang dan ditahan untuk tujuan pembaharuan dan penggantian. Ia tidak boleh digunakan untuk tujuan lain. Ini disebut sebagai dana terhad.

Pengamalan asas-asas di atas akan memberi kesan kepada Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan wakaf serta Penyata Kedudukan Kewangan wakaf.

8.7.2 Kaedah Perakaunan Kos Susut Nilai Aset Wakaf

Kaedah perakaunan kos susut nilai aset wakaf berdasarkan perkara-perkara di bawah ini:

- i. Jika memungkinkan dan mencukupi, kos susut nilai aset wakaf diambil dari pendapatan wakaf. Ini direkodkan di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan wakaf pada akhir tahun kewangan.
- ii. Peruntukan susut nilai aset wakaf akan direkodkan di dalam “liabiliti” (atau *contra asset*) yang ditulis di dalam Penyata Kedudukan Kewangan wakaf. Ia dikira sebagai harta yang ditahan bagi tujuan untuk memperbaharui aset-aset yang mengalami penyusutan nilai.
- iii. Pulangan dana bagi peruntukan susut nilai aset wakaf yang dilaburkan akan ditambah kepada peruntukan untuk dibelanjakan dalam pembaharuan serta penggantian aset-aset yang mengalami susut nilai. Dana tersebut tidak boleh diagihkan kepada orang-orang yang berhak mendapatkan manfaat wakaf.

8.7.3 Penyediaan Peruntukan bagi Mengganti Aset Wakaf

Penyediaan peruntukan untuk mengganti aset wakaf dilakukan bertujuan untuk menjaga prinsip kesinambungan di dalam wakaf, seperti yang telah kita bahas sebelumnya. Di antara sumber-sumber pembiayaan penggantian aset-aset wakaf adalah:

- i. Peruntukan susut nilai bagi aset wakaf yang diambil dari pendapatan. Dengan erti lain, diambil dari simpanan yang telah ditentukan.
- ii. Kos penjualan aset susut nilai yang digunakan semasa proses penggantian.
- iii. Penyertaan orang lain melalui sumbangan, wakaf baru, atau pinjaman baik.

Jika sumber-sumber diatas mencukupi maka proses penggantian akan berjalan dengan lancar. Masalah akan timbul ketika sumber-sumber di atas tidak mencukupi atau langsung tiada. Dengan kata lain, nilai penggantian adalah lebih besar daripada jumlah peruntukan yang telah disediakan. Antara puncanya adalah kenaikan harga dan kemajuan teknologi. Jika ini berlaku, pengamal perakaunan akan menggunakan peruntukan lain (selain peruntukan susut nilai) untuk mengganti aset-aset wakaf tersebut. Ini perlu dilakukan sekiranya pendapatan wakaf mencukupi untuk membuat sebarang peruntukan yang boleh mengimbangi kenaikan harga ketika aset wakaf diganti atau diperbaharui. Kita perlu kembali kepada prinsip wakaf iaitu keperluan pengekalan dan kesinambungan dalam pemeliharaan kemaslahatan generasi masa hadapan.

8.7.4 Pendedahan tentang Susut Nilai Harta Wakaf dalam Laporan Kewangan

Harta-harta wakaf yang mengalami penyusutan nilai harus didedahkan di dalam laporan kewangan. Kaedah yang dibahaskan diatas tadi tentang penggunaan peruntukan harta wakaf yang susut nilainya dalam membiayai penggantian harta wakaf harus diamalkan dan juga dipaparkan.

8.8 KESIMPULAN PADA CADANGAN UMUM

Perbincangan berkisar tentang pengiktirafan, pengukuran, pelaporan, dan pendedahan. Tumpuan telah diberikan ke atas aktiviti-aktiviti (i) Sumber-sumber wakaf (ii) Pendapatan-pendapatan wakaf (iii) Perbelanjaan-perbelanjaan wakaf. (iv) Saluran-saluran wakaf. Tumpuan khas telah diberikan kepada asas-asas perakaunan harta-harta wakaf tentang pelaburan dan asas-asas perakaunan ke atas harta wakaf yang digunakan manfaatnya, bukan digunakan hasilnya. Tulisan ini juga telah mendedahkan asas akruan yang dilihat sesuai dengan institusi wakaf kerana ia boleh menangani isu yang membabitkan penghutang tegar dan tanggungan pada tahun semasa yang berhubungan dengan perbelanjaan. Semua perkara tersebut sesuai dengan hukum-hukum dan prinsip-prinsip Syariah Islam.

Bagi isu khusus yang membahaskan kos pemulihan dan penyelenggaraan harta wakaf, para ahli fiqah telah mewajibkan pemulihan dan penyelenggaraan, sehingga mengharuskan *nāzir* wakaf berhutang jika perlu. Ini sesuai dengan prinsip kesinambungan. Jika pendapatan mencukupi, Syariah tidak melarang untuk membuat peruntukan pemulihan dan penyelenggaraan yang diambil dari pendapatan.

Bagi isu khusus berkaitan susut nilai dan penggantian harta wakaf, ahli fiqah menyatakan bahawa aset wakaf yang memberikan hasil dan bermanfaat perlu dilakukan susut nilai kerana penggunaannya mengakibatkan penuaan dan kelusuhan. Penyusutan nilai dikira oleh mereka yang pakar didalam bidang berkaitan. Isu susut nilai menjadi relevan kerana ianya berkait dengan masalah kesinambungan harta wakaf. Para ilmuan fiqah mewajibkan pemulihan, penyelenggaraan, pembaharuan, dan penggantian harta wakaf. Tidak ada larangan dalam Syariah untuk membuat peruntukan susut nilai harta wakaf yang boleh mendatangkan hasil dan manfaat. Secara umumnya peruntukan untuk penggantian harta wakaf boleh dilaksanakan jika pendapatan wakaf memungkinkannya.

8.9 MPSAS 23 & MPSAS 9: HASIL DARI URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN DAN PERTUKARAN

8.9.1 Pengenalan

Berdasarkan kepada Lembaga Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (International Public Sector Accounting Board (IPSAB)), hasil bermaksud *peningkatan dalam kedudukan kewangan bersih entiti, selain kenaikan yang timbul daripada sumbangan pemilikan.* Perbelanjaan pula ialah sebaliknya iaitu *penurunan dalam kedudukan kewangan bersih entiti, selain kenaikan yang timbul daripada sumbangan pemilikan.*

Di dalam Bahasa Arab pula, hasil atau keuntungan diterjemah sebahagai *al-Ribh* yang berasal daripada kata dasar *rabiha* yang membawa maksud pertambahan dalam kegiatan pemiagaan. Kata dasar ini di dapati di dalam Surah Al-Baqarah: 16 seperti berikut:

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرَوُا الضَّلَالَةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبَحَتُ تِجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ،

yang bermaksud ‘*Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk, maka tidaklah beruntung perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk.*

Islam turut menggariskan ciri-eiri hasil atau keuntungan dalam sebarang kegiatan termasuk perniagaan dan perindustrian yang mesti dipenuhi tanpa pengecualian untuk tujuan pengiktirafan sesuatu hasil bagi sesuatu entiti. Di dalam kata lain, di dalam Islam pematuhan terhadap kesemua ciri-ciri hasil adalah kemestian bagi tujuan pengiktirafan dan sekiranya ia tidak berlaku maka hasil berkenaan hendaklah di serahkan kepada masyarakat kepada masyarakat umum dalam bentuk tunai atau manfaat (*benefits in kind*). Ciri-ciri berkenaan sepertimana yang telah dibincangkan dengan terperinci di Bab 6 sebelum ini adalah seperti berikut:

- v. bebas daripada unsur *riba*
- vi. bersih daripada unsur *ghabn fahish* yang berpunca daripada *taghrir*
- vii. akad boleh difasakh apabila *ghabn fahish* berpunca daripada penipuan.
- viii. bersih daripada unsur *gharar*
- ix. tiada unsur *ihtikar*

Bahagian berikut akan mengemukakan cadangan-cadangan untuk pembangunan PPI WZB di MAIN. Ianya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hasil urusniaga bukan pertukaran dan hasil urusniaga pertukaran.

8.9.2 Hasil dari Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran adalah melibatkan penerimaan oleh MAIN dan ejen yang dilantik, sesuatu sumber tanpa memberikan apa-apa ganjaran atau menyediakan ganjaran yang nominal dengan segera sebagai balasan. Bagi membincangkan hasil urusniaga bukan pertukaran, MPSAS 23: *Hasil dari urusniaga bukan pertukaran (Cukai dan Pindahan)* dijadikan sebagai rujukan utama. Tumpuan perbincangan MPSAS ini adalah kepada dua hasil utama sektor awam iaitu cukai dan pindahan memandangkan keduanya adalah hasil utama kepada entiti sektor awam. Selaras dengan kedudukan MAIN sebagai pentadbir zakat dan baitulmal serta pemegang amanah wakaf, peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam MPSAS 23 ini perlu diubahsuai, di gugurkan atau perlu dibuat penambahan terma atau klausa yang bersesuaian dengan keperluan WZB.

Kajian keatas amalan semasa MAIN mendapati hasil urusniaga bukan pertukaran MAIN adalah seperti kutipan zakat, aset wakaf, wakaf tunai, *sadaqah*, *infaq* dan faraid. Sehubungan dengan itu, pengubahsuaian signifikan perlu dibuat keatas peruntukan-peruntukan MPSAS 23 untuk tujuan pembangunan PPI WZB. Pengubahsuaian utama ialah keatas skop piawaian yang perlu ditukar kepada aktiviti utama MAIN iaitu wakaf, zakat dan pindahan (sama ada tunai atau bukan tunai), termasuk faraid, *luqatah*, geran, denda, pusaka, hadiah, derma, pemberian dalam bentuk barang dan perkhidmatan, seperti di jadual berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p>Piawaian ini memberikan tumpuan kepada hasil yang diperoleh daripada urus niaga bukan pertukaran. Hasil yang diterima oleh MAIN diperoleh daripada kedua-dua urus niaga pertukaran dan bukan pertukaran, dan majority hasil bagi MAIN diperoleh daripada urus niaga bukan pertukaran, contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Zakat; (b) Wakaf, dan (c) Pindahan (sama ada tunai atau bukan tunai), termasuk faraid, <i>luqatah</i>, geran, denda, pusaka, hadiah, derma, pemberian dalam bentuk barang dan perkhidmatan, 	<p>Pengubahsuaian signifikan keatas perenggan 5 (skop piawaian)</p>	<p>Ini adalah untuk memberi gambaran keatas aktiviti utama MAIN dan sebagai asas rujukan keatas perbincangan selanjutnya berkaitan dengan hasil urusniaga bukan pertukaran di MAIN.</p>

Selaras dengan pengubahsuaian skop piawaian kepada hasil bukan pertukaran MAIN iaitu zakat, wakaf dan baitulmal, PPI WZB juga hendaklah membuat pengubahsuaian,

pengguguran dan penambahan keatas takrifan terma-terma di perenggan 7 seperti di dalam jadual berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p>i. <u>Syarat ke atas aset yang dipindah</u> ialah ketetapan yang menyatakan bahawa manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan (<i>manfaah</i>) yang terkandung dalam aset hendaklah digunakan oleh penerima seperti yang ditentukan atau manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan itu mesti dipulangkan kepada pemindah.</p> <p>ii. <u>Kawalan aset</u> timbul apabila MAIN boleh menggunakan atau mendapat manfaat dengan cara yang lain daripada aset itu dalam usaha mencapai objektifnya, dan boleh menghalang atau mengawal akses pihak lain kepada manfaat itu.</p> <p>iii. <u>Denda</u> ialah manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diterima atau belum terima oleh entiti sektor awam, seperti yang diputuskan oleh Mahkamah atau badan penguatkuasaan undang-undang lain, akibat pelanggaran undang-undang atau peraturan.</p> <p>iv. <u>Sekatan ke atas aset</u> yang dipindah ialah ketetapan yang mengehadkan atau menetapkan tujuan penggunaan aset yang dipindah, tetapi tidak menetapkan bahawa manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan perlu dipulangkan kepada pemindah jika tidak digunakan seperti yang ditetapkan.</p> <p>v. <u>Ketetapan ke atas aset</u> yang dipindah ialah syarat dalam undang-undang atau peraturan, atau kontrak yang dikenakan ke atas penggunaan aset yang dipindah oleh entiti luar kepada entiti pelaporan.</p> <p>vi. Zakat merujuk kepada sebahagian harta mengikut kadar yang telah ditetapkan untuk diagihkan kepada pihak lain (asnaf) yang berhak menerimanya.</p> <p>vii. Haul ialah tempoh simpanan atau tabungan harta dan dikira sebagai 12 bulan qamariyyah dalam tahun Hijri bermula dari tarikh harta dimiliki.</p> <p>viii. <u>Nisab</u> bererti kadar minimum tertentu yang menyebabkan sesuatu harta dikenakan zakat.</p> <p>ix. Agihan zakat ialah amaun yang tersedia untuk asnaf yang telah ditentukan oleh MAIN atau agen yang dilantik untuk urusan agihan zakat.</p> <p>x. <u>Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya. Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekati diri pewakaf kepada Allah S.W.T.</u></p> <p>i. <u>Wakaf tunai</u> ialah wang tunai yang diwakafkan kepada pemegang amanah wakaf dan wang modal dikekalkan kepada penerima wakaf.</p> <p>ii. <u>Istibdal</u> ialah membeli sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai <u>mawquf</u> bagi menggantikan harta yang dijual</p>	<p>i. Tambah terma 'manfaah'</p> <p>ii. Tukar 'entiti' kepada MAIN</p> <p>iii. Takrifan untuk perbelanjaan, cukai, peristiwa boleh cukai dan cukai digugurkan</p> <p>iv. Penambahan keatas item vi, vii, viii, ix, x dan xi.</p> <p>v. Menggantikan terma cukai dengan zakat dan wakaf untuk takrifan pindahan.</p>	<p>Ini adalah untuk memberi gambaran keatas aktiviti utama MAIN dan sebagai asas rujukan keatas perbincangan selanjutnya berkaitan dengan hasil urusniaga bukan pertukaran di MAIN.</p>

	<p><u>meliputi apa-apa harta yang diperolehi menerusi cara gantian dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya. Harta ini dikenali sebagai harta badal atau amwal al-badal. (JAWHAR,2010</u></p> <p>i. Pindahan ialah aliran masuk manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan daripada urus niaga bukan pertukaran, selain zakat dan wakaf.</p>		
--	--	--	--

Di dalam memberikan penjelasan mengenai urusniaga bukan pertukaran, contoh-contoh yang digunakan juga hendaklah menggunakan contoh yang berkaitan dengan urusniaga yang dijalankan di MAIN. Sehubungan dengan itu perenggan 9 perlulah menggunakan contoh urusniaga yang relevan untuk menggambarkan MAIN seperti berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Pembayar zakat membayar zakat kerana ianya merupakan salah satu dari rukun Islam. Pembayaran zakat adalah untuk diagihkan kepada asnaf yang ditetapkan. Begitu juga dengan wakaf dimana penerima manfaat adalah orang awam secara umum atau boleh juga ditetapkan oleh pemberi wakaf.	Pengubahsuaian secara signifikan.	Ini adalah untuk memberi gambaran keatas aktiviti utama MAIN dan sebagai asas rujukan keatas perbincangan selanjutnya berkaitan dengan hasil urusniaga bukan pertukaran di MAIN.

PPI WZB juga perlulah mengubahsuaikan keterangan hasil dan menggabungkan ciri-ciri hasil dari perspektif Islam sebagai panduan penetapan hasil-hasil di MAIN dibawah seksyen 'Hasil'. Tambahan perenggan yang menjelaskan ciri-ciri hasil dalam Islam adalah seperti dinyatakan di dalam jadual berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Hasil terdiri daripada aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diterima dan belum terima oleh Kumpulan Wang WZB berkaitan, yang menunjukkan peningkatan dalam aset/ekuiti bersih, selain peningkatan yang berkaitan dengan sumbangan daripada pemilik.	Penggantian entiti pelaporan kepada Kumpulan Wang WZB	Merujuk kepada perakaunan dana (<i>fund accounting</i>), hasil yang diterima adalah peningkatan kepada aset/ekuiti KW yang berkaitan dan bukan entiti pelapor.
2.	<p>Di dalam mengenalpasti sebarang hasil, MAIN hendaklah memastikan ianya memenuhi ciri-ciri berikut:</p> <p>i. <u>bebas daripada unsur <i>riba</i></u>;</p> <p>ii. <u>bersih daripada unsur <i>ghabn fahish</i> yang berpunca daripada <i>taghrir</i></u>;</p> <p>iii. akad boleh difasakh apabila <i>ghabn fahish</i> berpunca daripada penipuan;</p> <p>iv. <u>bersih daripada unsur <i>gharar</i></u>; dan</p> <p>v. <u>tiada unsur <i>ihtikar</i></u>.</p>	Tambahan perenggan	Hasil yang diiktiraf oleh Islam ialah hasil yang bebas daripada unsur <i>riba</i> , <i>ghabn</i> yang berpunca dari penipuan, <i>gharar</i> dan <i>ihtikar</i> . Ini kerana kesemua unsur tadi diharamkan dalam Islam. Ia selari dengan firman Allah SWT dalam Surah An-Nisaa' ayat 2 yang bermaksud “ <i>Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (tidak benar), kecuali dengan jalan perdagangan yang berlaku atas dasar suka sama-suka di antara kamu. Dan janganlah kamu</i>

			<i>membunuh dirimu. esungguhnya Allah Maha Penyayang kepadamu”.</i>
--	--	--	---

Perenggan-perenggan berikut adalah dicadangkan untuk digunapakai bagi tujuan pembangunan PPI WZB kerana relevan dengan urusan wakaf, zakat dan pindahan di MAIN serta tidak bertentangan dengan keperluan-keperluan Syariah:

- i. Perenggan 14-16 mengenai ‘Ketetapan;
- ii. Perenggan 19 mengenai Sekatan ke atas ‘Aset yang Dipindah’;
- iii. Perenggan 20 – 25 mengenai ‘Intipati melangkaui Bentuk’; dan
- iv. Perenggan 29 mengenai ‘Analisis Aliran Masuk Awal Sumber daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran”.

Perenggan yang memberi penerangan berkaitan dengan geran, pusaka, hadiah, derma, serta pemberian dalam bentuk barang dan perkhidmatan dicadangkan untuk dikekalkan dengan pengubahsuaian yang selaras dengan keperluan Syariah.

8.9.2.1 Pengiktirafan, Kawalan dan Pengukuran Aset

Penerangan mengenai aliran masuk sumber di perenggan 31 dan 32 serta perenggan 41 adalah relevan bagi tujuan pembangunan PPI WZB khususnya untuk aset wakaf dan baitulmal yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Ada kemungkinan manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir ke dalam entiti;
- ii. Nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah

8.9.2.2 Pengukuran dan Pengiktirafan Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran

Perenggan 44 adalah selari dengan konsep hasil WZB yang diakaunkan menggunakan perakaunan dana. Ini bermaksud setiap aliran masuk sumber daripada urusan niaga bukan pertukaran WZB yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil.

8.9.2.3 Pengguguran Perenggan berkaitan Cukai

Perenggan-perenggan yang dinyatakan di bawah dicadangkan untuk digugurkan dan digantikan dengan penerangan berkaitan zakat, wakaf termasuk wakaf tunai dan istibdal dan pindahan sama ada tunai atau bukan tunai, termasuk faraid, dan *luqatah*. Ini adalah kerana ia tidak selari dengan pembangunan PPI WZB. Turut dicadangkan untuk digugurkan ialah pindahan-pindahan yang dinyatakan di MPSAS 23 seperti pelepasan dengan hutang dan denda kerana ianya tidak berkaitan dengan WZB. Perenggan-perenggan yang dicadangkan untuk dikeluarkan adalah seperti berikut:

- i. Perenggan 26 – 28 (Cukai);
- ii. Perenggan 59 – 75 (Cukai, Peristiwa Boleh Cukai, Terimaan Pendahuluan Cukai, Perolehan Aset Yang Diperolehi dari Urusniaga Percukaian, Belanja dibayar melalui Sistem Cukai dan Perbelanjaan Cukai);
- iii. Perenggan 84-89 (Pelepasan hutang dan Pengambilalihan liabiliti); dan
- iv. Perenggan 105A dan 105B (Pinjaman Konsesi).

8.9.2.4 Wakaf Tunai, Istibdal, Harta Pusaka (Faraid)

Penerangan mengenai pusaka di perenggan 90-92 perlulah diselarikan dengan keperluan pembahagian harta pusaka berdasarkan konsep faraid. Manakala penerangan mengenai ‘ikrar’ di perenggan 104 pula boleh diselarikan dengan konsep *nazar* di dalam syariah. Begitu juga perenggan 105 mengenai ‘Terimaan Pendahuluan Pindahan’ dicadangkan diselarikan dengan istibdal atau wakaf tunai khas. Sehubungan dengan itu berikut adalah cadangan-cadangan untuk wakaf tunai, wakaf tunai khas, dan *faraid*.

No.	Keterangan	Huraian
1.	<p>Wakaf Tunai adalah berwakaf menggunakan tunai yang dikumpul dalam satu tabung amanah dan ditadbir oleh pengurusan nazir yang diamanahkan untuk mengurus wakaf ini bagi tujuan membiayai aktiviti-aktiviti dan kebajikan amal jariah. Wakaf tunai boleh juga dikategorikan sebagai wakaf am dan wakaf khas. Wakaf tunai khas ialah apabila tujuan wakaf tunai diwujudkan telah ditetapkan.</p> <p>Wakaf tunai yang diwujudkan dengan tidak ditetapkan tujuan pewujudannya diiktiraf sebagai hasil bagi KW Wakaf. Wakaf tunai ini kemudiannya ditukarkan kepada aset sebagai memenuhi syarat ‘ayn’ atau ‘corpus’ wakaf dimana ianya hendaklah diiktiraf sebagai aset KW Wakaf. Aset ini di susut nilaikan sepertimana aset hartanah, loji dan peralatan lain.</p> <p>Wakaf tunai yang diwujudkan dengan tujuan pewujudan diiktiraf sebagai tanggungan. Tujuan ini selalunya adalah dalam bentuk perolehan aset untuk memenuhi syarat ‘ayn’ atau ‘corpus’ wakaf. Aset ini diiktiraf sebagai aset KW Wakaf dan di susut nilaikan sepertimana aset hartanah, loji dan peralatan lain.</p>	<p>Imam Muhammad bin Hassan membenarkan mewakafkan apa-apa aset mudah alih yang diiktiraf oleh <i>uruf</i> dan diamalkan oleh penduduk di masa itu. Di Malaysia, fatwa mengenai wakaf tunai dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dalam Muzakarah ke-77 pada tahun 2007. Ia adalah selari dengan keputusan Majma’ Fiqah Islami di bawah OIC (Organization of Islamic Corporation). Parameter Syariah AAOIFI yang ke-33 menyatakan: “<i>Wakaf tunai adalah dibenarkan dan pemanfaatan tunai tersebut mestilah dalam tatacara yang tidak menghilangkan atau menyusutkan jumlahnya. Antara penggunaan yang dibenarkan adalah pemberian Qard (pinjaman) yang patuh syariah dan melaburkan tunai itu dalam instrumen pelaburan yang berisiko rendah</i>”.</p>
2.	<p>Istibdal ialah menukar ganti harta yang telah diwakafkan dengan harta yang lain yang lebih baik. Proses tukar ganti dilaksanakan sama ada melalui proses pertukaran, pembelian atau penjualan dengan mematuhi keperluan-keperluansyariah yang ditetapkan dan manfaat harta wakaf itu dapat dikekalkan. Istibdal dilakukan kerana sesuatu keperluan (hajat) serta wujudnya tuntutan <i>masalah</i> yang jelas (<i>rajihah</i>).</p>	<p>Istibdal adalah selaras dengan prinsip bahawa harta wakaf tidak boleh dijual, tidak boleh dihibah kepada orang lain dan tidak boleh diwarisi (Al-Syawkani, Syaykh Muhammad b. ‘Ali, 1994, hlm.24). Di Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-4 pada 13 April 1982 telah membuat keputusan bahawa: “<i>Wakaf ganti (wakaf</i></p>

	<p>Sekiranya istibdal berlaku secara gantian aset, ianya hendaklah diukur pada nilai saksama pada masa berlakunya istibdal. Aset gantian ini diiktiraf sebagai aset KW Wakaf dan di susut nilaikan sepertimana aset hartanah, loji dan peralatan lain. Sekiranya istibdal adalah dalam bentuk bukan aset (tunai), istibdal juga hendaklah diukur pada nilai saksama pada masa berlakunya istibdal. Wang tunai istibdal ini diiktiraf sebagai tanggungan semasa. Walaubagaimanapun, sekiranya penggantian aset dapat dikenalpasti tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh setahun, wang tunai istibdal ini hendaklah di klasifikasikan semula sebagai tanggungan jangka masa panjang sehingga penggantian aset dilaksanakan. Aset gantian kemudiannya diiktiraf sebagai aset KW Wakaf dan di susut nilaikan sepertimana aset hartanah, loji dan peralatan lain.</p>	<p><i>ibdal) ialah bermaksud menukar mawquf dengan harta yang lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan mawquf adalah diharuskan mengikut taqlid pendapat Imam Abu Hanifah”.</i></p>
3.	<p>Faraid adalah pembahagian harta pusaka berdasarkan Syariah ke atas waris-waris yang sah dan layak seperti (anak, isteri, suami, ibu, bapa dan lain-lain) selepas kematian seorang Muslim. Harta yang dibahagikan kepada waris-waris adalah baki harta yang ditinggalkan selepas ditolak segala pembiayaan pengurusan jenazah, hutang-hutang pewaris termasuklah zakat dan nazar atau segala hutang kepada manusia dan menunaikan wasiat yang di benarkan oleh syarak.</p> <p>Harta pusaka yang terhak kepada baitulmal diiktiraf sebagai aset baitulmal (MAIN) pada nilai saksama semasa perolehan. Pengiktirafan dilakukan setelah penyempurnaan pindahtilikan kepada baitulmal (MAIN).</p> <p>Penyahiktirafan bahagian harta pusaka yang terhak kepada baitulmal boleh berlaku sekiranya berlaku penebusan oleh pewaris. Pengukuran adalah pada nilai saksama pada urusan penebusan berlaku.</p>	<p>Harta pusaka yang terhak kepada baitulmal adalah harta yang ditinggalkan oleh si mati yang tiada waris atau tiada waris yang layak menghabisi harta tersebut setelah dibahagikan kepada waris yang berhak mengikut hukum syarak melalui Perintah Pembahagian Pusaka Kecil/Perintah Pembahagian Pusaka oleh Amanah Raya atau Perintah Mahkamah Tinggi (<i>Sumber:MAIWP</i>)</p>

8.9.2.5 Pendedahan dan Pelaporan

Peruntukan mengenai pendedahan dan pelaporan di dalam MPSAS 23 boleh digunapakai melainkan yang dinyatakan seperti berikut:

- i. Istibdal – dicadangkan maklumat mengenai istibdal secara terperinci termasuk tempoh pelaksanaan gantian aset perlukan didedahkan di nota akaun.
- ii. Wakaf tunai am/khas – dicadangkan maklumat tujuan wakaf tunai am/khas diwujudkan dan tempoh kutipan serta tempoh pelaksanaan penukaran wakaf tunai am/khas kepada aset wakaf didedahkan di nota akaun.

8.9.3 Hasil dari Urusniaga Pertukaran

MPSAS 9 mendefinisikan urusniaga pertukaran sebagai penerimaan aset atau perkhidmatan, atau liabiliti dilangsaikan oleh sesuatu entiti dan secara langsung memberikan nilai yang hampir sama (terutamanya dalam bentuk wang tunai, barangan, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada entiti lain sebagai pertukaran’. MPSAS 9 mentakrifkan hasil daripada urusniaga pertukaran sebagai aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi

perkhidmatan yang telah diterima dan belum terima oleh entiti yang berkenaan (i.e. MAIN). Berdasarkan kepada semakan keatas Penyata Kewangan 2016 dan perbincangan kumpulan fokus, hasil urusniaga pertukaran MAIN adalah terdiri dari urusniaga jualan barangan atau aset termasuk aset *fara'id*, penyewaan hartanah atau kemudahan, pelaburan di institusi kewangan atau syarikat bersekutu dan perjanjian kepenggunaan aset atau kemudahan. Sehubungan dengan itu pengubahsuaian pertama di dalam MPSAS 9 bagi mencerminkan aktiviti yang di jalankan di MAIN yang berkait dengan wakaf, zakat dan pindahan (sama ada tunai atau bukan tunai), termasuk faraid, *luqatah*, geran, denda, pusaka, hadiah, derma, pemberian dalam bentuk barang dan perkhidmatan dicadangkan dibuat keatas perenggan 6 seperti di jadual berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Contoh urus niaga bukan pertukaran termasuk hasil daripada penggunaan kuasa kerajaan (contohnya, zakat, wakaf tunai, faraid), geran dan derma.)	Penukaran contoh untuk para 6	Selaras dengan aktiviti MAIN

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa setiap hasil hendaklah mematuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan di dalam Islam. Sehubungan dengan itu, segala terma hasil yang berkaitan dengan faedah di dalam MPSAS 9 dicadangkan untuk dikeluarkan dan digantikan dengan keuntungan pembiayaan seperti yang dinyatakan di dalam jadual berikut.

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Perenggan 9 (a) Keuntungan - caj ke atas penggunaan wang tunai atau kesetaraan tunai, atau amaun yang terhutang kepada entiti.	Pengguguran terma faedah sebagai contoh hasil dan digantikan dengan keuntungan pembiayaan	Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud " <i>Rasulullah SAW. melaknat orang yang memakan riba, orang yang mewakilinya, orang yang membuat catatan mengenainya dan orang yang menjadi saksi</i> ". Hadis berkaitan dengan pinjaman dan riba di dalam Islam yang bermaksud: " <i>Rasulullah SAW telah bersabda bahawa setiap pinjaman (hutang) yang ada manfaat, ianya adalah riba</i> " ⁵³ , Terjemahan: " <i>Rasulullah SAW mengutuk penerima riba, pemberi riba, pencatat dan dua orang saksi dan Baginda bersabda:</i>

⁵³ Al-'Asqalani, Bulugh al-Maram, hadith no.761, juz 1, m.s 227.

			<i>Mereka semuanya adalah sama dalam melakukan dosa</i> ⁵⁴
2.	Perenggan 33 dan 34(a)	Pengguguran terma faedah sebagai contoh hasil dan digantikan dengan keuntungan pembiayaan	Seperti huraian bagi nota 1 diatas.

Secara umumnya perenggan-perenggan selain yang dinyatakan diatas dibahagian pengenalan kepada MPSAS 9: Hasil Urusniaga Pertukaran adalah di cadangkan untuk diterimapakai.

8.9.3.1 Pengiktirafan dan Pengukuran

Bagi tujuan pengiktirafan hasil, dari perspektif Syariah hanya hasil yang memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan sahaja yang boleh diiktiraf sebagai hasil. Sekiranya terdapat hasil yang tidak memenuhi tersebut maka ianya dicadangkan diiktiraf sebagai hasil KW Amanah dan dibayar kepada penerima/benefisari yang ditetapkan oleh pengurusan. Amalan yang digunakan oleh institusi perbankan Islam yang memberi hasil yang tidak patuh Syariah kepada badan amal badan amal untuk penyediaan kemudahan awam (*maslahah* umum) sepertimana kisah berikut:

Rasulullah S.A.W. menyuruh menyedekahkan kambing yang diberikan kepadanya. Kambing tersebut diambil dari sumber yang haram (diambil tanpa diketahui siapa pemiliknya), lalu Rasulullah S.A.W. menyuruh kambing tersebut disembelih dan diberikan kepada tawanan perang.

Pengukuran hasil di cadangkan di dalam MPSAS 9 untuk menggunakan sama ada nilai tunai yang diterima atau yang setara dengannya dan nilai saksama pada masa penerimaan atau belum terima boleh diterimapakai dalam konteks MAIN. Walaubagaimanapun, bagi nilai aliran masuk wang tunai atau kesetaraan tunai ditunda, penggunaan kadar faedah untuk mendiskaunkan kesemua penerimaan masa hadapan menggunakan kadar faedah tertaksir oleh MPSAS 9 di perenggan 16 adalah tidak selaras dengan Syariah. Sehubungan dengan itu ia dicadangkan diubahsuai seperti di jadual berikut:

⁵⁴ Muhammad bin Ismail al-Amir al-Yamini al-Sina'i, Subul al-Salam, Juz.3, m.s 48.

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Penggunaan indeks harga umum (general price index) untuk tujuan penetapan nilai aliran masuk wang tunai atau kesetaraan tunai ditunda.	Pengubahsuaian perenggan 16	Penggunaan faedah tertaksir adalah tidak patuh Syariah. Dicadangkan penggunaan indeks harga umum (general price index) sepertimana yang terdapat dalam <i>hyperinflation economies</i> (MFRS 129)

Bagi titik pengiktirafan pula, amalan semasa yang berdasarkan kepada perakaunan asas akruan di MAIN seperti berikut adalah bertepatan dengan keperluan Syariah:

- Hasil sewaan – tarikh kuatkuasa perjanjian
- Hasil pelaburan – tarikh pengisytiharan
- Hasil jualan/fi – tarikh transaksi jualan
- Royalti – tarikh kuatkuasa perjanjian

Dari pandangan Syariah, perakaunan akruan diterimapakai atas dasar bahawa sesuatu pihak berhak keatas sesuatu pendapatan yang direalisasikan meskipun masih belum diterima secara tunai (Majmu'ah Dallah Barakah, Fatawa al Barakah 1981-1997) dan juga dari segi *uruf (customary practice)*. Juga, ada tiga syarat urusaniaga dalam Islam iaitu bebas dari riba, bersih dari unsur *ghabn Fahisy* (pertukaran yang tidak sama nilai) yang berpunca dari *taghrir* (penipuan) dan akhir sekali, bebas dari unsur *gharar* dan *ikhtikar* (penganiyaan).

8.9.3.2 Pendedahan dan Pelaporan

Pendedahan berhairaki (yang telah pun dibincangkan sebelum ini) adalah dicadangkan bagi pendedahan hasil urusaniaga pertukaran MAIN iaitu *daruriyyat* (yang penting), *hajiyyat* (pelengkap) dan *tahsiniyyat* (yang diingini). Pendedahan berdasarkan heiraki ini akan memberi satu laporan yang wajar dan saksama mengenai kedudukan kewangan entiti. "Pendedahan berhierarki perlu diambil kira oleh MAIN mengikut *maslahah ummah* iaitu 'Tindakan pihak yang berkuasa perlu mengambil kira kepentingan masyarakat umum' (التصرف على الرعية منوط بالمصلحة).

8.10 MPSAS 4: KESAN PERUBAHAN MATAWANG ASING

Di dalam seksyen ini, kami akan membincangkan cadangan piawaian perakaunan berkaitan kesan perubahan matawang asing. Cadangan piawaian ini akan disandarkan kepada MPSAS 4. Peruntukan tersedia ada di dalam MPSAS 4 yang bersesuaian akan dikekalkan. Peruntukan sedia ada yang bersesuaian dengan perubahan akan diubahsuaikan. Manakala, peruntukan sedia ada yang tidak bersesuaian seperti bercanggah dengan prinsip Syariah akan dikeluarkan.

Walaupun bagaimanapun, kami berpendapat terdapat perubahan yang signifikan yang perlu dilakukan berdasarkan kepada perbincangan kami di dalam Bab 6 “Keperluan Syariah”. Merujuk kepada perbincangan kami di dalam Seksyen 6.3, kami merumuskan bahawa terjemahan transaksi di dalam matawang asing perlu menggunakan “*spot rate*” dan tiada pengiktirafan kesan perubahan matawang asing perlu dilakukan sama ada keuntungan daripada terjemahan atau kerugian daripada terjemahan. Di akhir seksyen ini, kami akan mencadangkan catatan jurnal berkaitan transaksi matawang asing dan kesan perubahan matawang asing. Bahagian ini akan membincangkan tentang cadangan spesifik merujuk kepada MPSAS 4, kemudian diikuti cadangan yang tidak merujuk secara langsung ke MPSAS 4, untuk memberikan hasil cadangan yang lebih menyeluruh.

8.10.1 Pengiktirafan dan Pengukuran

Kami berpendapat perenggan 24 boleh digunakan dan dikekalkan di dalam cadangan piawaian perkaunan Islam. Untuk pelaporan pada tarikh pelaporan yang berikutnya, kami mencadangkan pengubahsuaian terhadap perenggan 27.

Perenggan		Cadangan	Huraian
24	A foreign currency transaction shall be recorded, on initial recognition in the functional currency, by applying to the foreign currency amount the spot exchange rate between the functional currency and the foreign currency at the date of the transaction.	Dikekalkan	
27.	At each reporting date: <ul style="list-style-type: none"> a) Foreign currency monetary items shall be translated using <u>closing rate</u>; b) Nonmonetary items are measured in terms of historical cost in a foreign currency shall be translated using <u>the exchange rate at the date of the transaction</u>; and c) Nonmonetary items that are measured at fair value in a foreign currency shall be translated using <u>the exchange rates</u> at the date when the fair value was determined. 	Diubahsuai	At each reporting date: <ul style="list-style-type: none"> a) Foreign currency monetary items shall be translated using <u>spot rate</u>; b) Nonmonetary items are measured in terms of historical cost in a foreign currency shall be translated using <u>the spot rate at the date of the transaction</u>; and c) Nonmonetary items that are measured at fair value in a foreign currency shall be translated using <u>the spot rates</u> at the date when the fair value was determined.

Pengubahsuaian peruntukan perakaunan hanya untuk mengambilkira “spot rate” adalah disebabkan oleh dua faktor:

- (a) Supaya peruntukan perakaunan yang dicadangkan sesuai dengan konsep *Bay’ al-Sarf*,
- (b) Bersesuaian dengan konsep *Bay’ al-Sarf*, tiada pengiktirafan perbezaan terjemahan sebagai keuntungan atau kerugian. Penggunaan “spot rate” adalah lebih tepat kerana segala perbezaan terjemahan akan direkodkan sebagai pelarasan kepada nilai asset, liabiliti, hasil dan perbelanjaan (sila rujuk appendix sebagai contoh)

8.10.2 Pengiktirafan perbezaan terjemahan

Perenggan		Cadangan	Huraian
32.	Exchange difference arising: <ul style="list-style-type: none"> a) On the settlement of monetary items; or b) On translating monetary items at rates different from those at which they were translated on initial recognition during the period or in previous financial statements, shall be recognized in surplus or deficit in the period in which they arise, except as described in paragraph 37. 	Dikeluarkan	

8.10.3 Pertukaran “Functional Currency”

Perenggan		Cadangan	Huraian
40.	When there is a change in an entity’s functional currency, the entity shall apply the translation procedures applicable to the new functional currency prospectively from the date of the change.	Dikekalkan	

8.10.4 Terjemahan Operasi Luar Negara

Perenggan		Cadangan	Huraian
44.	The financial performance and financial position of an entity whose functional currency is not the currency of a hyperinflationary economy shall be translated into a different presentation currency using the following procedures: <ul style="list-style-type: none"> a) Assets and liabilities for each statement of financial position presented (i.e., including 	Diubahsuai	a) All amounts (i.e., assets, liabilities, net assets/equity items, revenue, and expenses, including comparatives) shall be translated

	differences at the beginning and end of the period.		
62.	When the presentation currency is different from the functional currency, that fact shall be stated, together with disclosure of the functional currency and the reason for using a different presentation currency.	Dikekalkan	
63.	When there is a change in the functional currency of either the reporting entity or a significant foreign operation, that fact and the reason for the change in functional currency shall be disclosed.	Dikekalkan	
64.	When an entity presents its financial statements in a currency that is different from its functional currency, it shall describe the financial statements as complying with MPSASs only if they comply with all the requirements of each applicable Standard, including the translation method set out in paragraphs 44 and 48.	Dikekalkan	
67.	A reporting entity need not comply with the requirements for cumulative translation differences that existed at the date of first adoption of accrual accounting in accordance with MPSASs. If a first-time adopter uses this exemption: <ul style="list-style-type: none"> a) The cumulative translation differences for all foreign operations are deemed to be zero at the date of first adoption to MPSASs; and b) The gain and loss on a subsequent disposal of any foreign operation shall exclude translation differences that arose before the date of first adoption of MPSASs, and shall include later translation differences. 	Dikeluarkan	

Oleh kerana tiada pengiktirafan perbezaan terjemahan sebagai keuntungan atau kerugian, kami mencadangkan agar peruntukan perenggan 61 dan 67 dikeluarkan. Perenggan yang lain di dalam peruntukan pendedahan dan pembentangan maklumat berkaitan transaksi berkaitan matawang asing masih boleh dikekalkan.

8.10.7 Pengiktirafan dan Pengukuran yang tidak merujuk secara langsung kepada MPSAS 4

Bilamana tidak merujuk kepada MPSAS 4 seperti di atas, sepertimana yang telah dibincangkan terlebih dahulu, praktis terkini ialah tiada pengiktirafan dibuat bagi transaksi di dalam matawang asing berkaitan penajaan pelajar dan pembinaan bangunan pelajar di Mesir.

Ini ialah kerana matawang asing hanya diterjemahkan pada ringgit Malaysia (RM) pada kadar pertukaran pada tarikh transaksi.

Namun sekiranya terdapat kemungkinan perjanjian dua hala antara MAIN dan pelajar yang ditaja untuk MAIN memberikan penajaan sekiranya pelajar melepasi sesuatu tahap yang ditetapkan MAIN, maka cadangan di bawah boleh diambil kira.

8.10.7.1 Pengiktirafan Awal

Untuk urusan yang melibatkan pertukaran wang asing seperti diperincikan dalam perenggan 23, disarankan agar kriteria tambahan dimasukkan untuk pengiktirafan awal kewujudan transaksi mata wang asing seperti berikut:

No.	Cadangan	Status	Huraian
1.	(d) mengagihkan sebahagian dana Zakat kepada asnaf yang berhak apabila amaunnya didenominasikan dalam mata wang asing	Tambahan item (Perenggan 23)	Kaedah fiqah; Sesuatu perkara itu ditentukan oleh niat الأمر بمقاصدها Kerosakan perlu dikurangkan الضرر يزال <i>Contoh:</i> pemberian biasiswa kepada pelajar di Mesir atau Jordan

Item (d) dicadangkan kerana melalui tinjauan terdapat beberapa MAIN memperuntukkan sejumlah dana Zakat untuk diberikan kepada pelajar yang menyambung pelajaran di luar negara seperti Mesir dan Jordan dibawah asnaf 'fi sabilillah'. Dalam konteks ini, terdapat perjanjian rasmi yang dimeterai di antara MAIN ('amil) dan pelajar (asnaf) di mana beberapa perkara telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Walaubagaimana pun, terdapat beberapa situasi perjanjian yang telah berlaku seperti berikut;

- i. Dana zakat akan dikeluarkan oleh MAIN bagi menampung yuran pengajian serta perbelanjaan pelajar sepanjang pengajian tanpa apa-apa syarat
- ii. Dana zakat akan dikeluarkan oleh MAIN bagi menampung yuran pengajian serta perbelanjaan pelajar dengan syarat pelajar perlu menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam keputusan peperiksaan semester (mencapai target tertentu)

Walaupun dana Zakat diagihkan kepada asnaf secara terus dan mengikut jumlah dapatan dan agihan tahunan, bagi kes di atas, sekiranya MAIN telah membuat perjanjian kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran di luar negara, ia akan menjadi komitmen dan tanggungjawab kepada MAIN untuk membayar yuran pengajian serta wang perbelanjaan kepada pelajar-

pelajar pada masa hadapan. Ini boleh dikaitkan dengan konsep 'wa'ad' dalam perspektif Islam. *Wa'ad* ialah janji yang diberikan oleh sebelah pihak sahaja (MAIN dalam konteks kajian ini) kepada pihak yang satu lagi (pelajar dalam konteks kajian ini) untuk melakukan sesuatu di masa hadapan (Hasan, 2008: 1).

Bagi kes yang pertama, majoriti ulama kontemporari membenarkan pengaplikasian *wa'ad* sebagai janji daripada satu pihak sahaja (*unilateral promise*) yang mengikat pihak-pihak yang berjanji (*promisor*) dan boleh menguatkuasakannya di mahkamah sekiranya pembuat janji memungkiri janjinya (Marjan et al., 2011: 12; Irwani Abdullah 2010: 95, Wisham et al., 2011: 232). Akademi Fiqah Antarabangsa (1988) dan *Auditing Organization for Islamic Financial Institution* (AAOIFI) (2010) dalam resolusinya memutuskan bahawa waa'd mengikat dari sudut perundangan apabila janji tersebut dikaitkan dengan sesuatu sebab dan penerima janji telah menanggung kos tersebut kesan kepada janji tersebut.

Bagi kes yang kedua pula, ia boleh ditakrifkan kepada '*Muwa'adah*' kontrak di mana ia berbeza dengan *wa'ad* kerana ia melibatkan janji daripada kedua-dua belah pihak iaitu janji daripada pembuat janji (MAIN) dan penerima janji (pelajar) iaitu mereka saling berbalas janji. Majoriti ulama seperti Akademi Fiqah Antarabangsa (1998 & 2006), AAOIFI (2010: 109), Dallah Barakah dan Kuwait Finance House (KFH) (t.t.) tidak membenarkan penggunaannya secara mulzim (mengikat) kedua-dua belah pihak kerana dikatakan menyerupai kontrak ('*aqd*). Walau bagaimanapun, pengaplikasiannya dibenarkan sekiranya kedua-dua belah pihak diberikan hak khiyar (pilihan) untuk membatalkan janji tersebut dan terdapat keperluan umum untuk menjadikan *muwa'adah mulzimah* secara undang-undang atau uruf industri antarabangsa (Akademi Fiqah Antarabangsa, 1998 dan 2006). Sebagaimana menurut Humayon Dar (2010: 12), *muwa'adah* yang mengikat kedua-dua pihak (*promisor & promisee*) dianggap sebagai kontrak apabila tiada pilihan (*option*) yang diberikan kepada kedua-dua pihak tersebut. Bank Negara Malaysia (BNM) (2010: 139) dalam resolusinya yang terdahulu tidak membenarkan penggunaan *muwa'adah mulzimah* kerana dikatakan menyerupai kontrak. Namun, dalam mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM ke-157 yang diadakan pada 31 Mac 2015 memutuskan *muwa'adah mulzimah* dibenarkan kerana pengaplikasiannya berbeza dengan kontrak.

Terdapat juga pendapat yang mengatakan *muwa'adah mulzimah* tidak dianggap sebagai kontrak (Saripudin et al., 2012: 163; Ahmad, 2012: 10) kerana *muwa'adah* hanyalah semata-mata janji untuk melaksanakan kontrak pada masa hadapan dan kontrak akan terbentuk atau

berlaku pada suatu tarikh yang dipersetujui tersebut. Mereka juga berpandangan bahawa perbincangan mengenai larangan atau ketidakharusan *muwa'adah mulzimah* tidak berasaskan kepada sumber yang kuat kerana tidak terdapat dalil untuk menyokong pandangan beberapa ulama yang menganggap *muwa'adah mulzimah* adalah kontrak (Khairun Najmi Saripudin et al., 2012: 163). Mohammed (1988: 123-124) menyebut bahawa kontrak dalam undang-undang Islam tidak terbentuk melalui pertukaran janji tetapi melalui pertukaran persetujuan (*grant*) iaitu tawaran (*ijab/offer*) dan penerimaan (*qabul/acceptance*). Kenyataan ini disokong oleh Buang (2000:3) dan Razali (2010:4) iaitu kontrak yang sah terbentuk apabila mengandungi persetujuan (*consent*) daripada pihak-pihak yang boleh dicapai melalui lafaz tawaran dan penerimaan.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa *wa'ad* atau *muwa'adah mulzimah* boleh dilakukan ke atas kedua-dua kes. Dengan ini, adalah dicadangkan bahawa pihak MAIN mengiktiraf apa-apa sahaja transaksi yang melibatkan dana WZB sama ada ia melibatkan urusan mata wang tempatan atau pun mata wang asing mengikut kumpulan wang masing-masing.

Manakala Perenggan 24 '*Urus niaga mata wang asing hendaklah direkodkan, pada pengiktirafan awal dalam mata wang fungsian, dengan mengguna pakai kadar pertukaran semerta antara mata wang fungsian dengan mata wang asing pada tarikh urus niaga, kepada amaun mata wang asing*' perlu dikekalkan. Ini kerana ia menepati keperluan atau syarat bagi kontrak al-Sarf. Menurut Hadis Rasulullah SAW riwayat Muslim, pertukaran barangan ribawi di mana termasuk emas dan perak (mata wang) hendaklah dilakukan dalam waktu yang sama "yadan bi yadin".

الذهب بالذهب , والفضة بالفضة , والبر بالبر , والشعير بالشعير , والتمر بالتمر , والملح بالملح , مثلاً
بمثل , سواء بسواء , يدأ بيد , فإذا اختلفت هذه الأصناف فبيعوا كيف شئتم

Ertinya : Emas dengan Emas (ditukar atau diniagakan) , perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam mestilah sama timbangan dan sukatananya, dan ditukar secara terus (pada satu masa) dan sekiranya berlainan jenis, maka berjual-belilah kamu sebagaimana yang disukai” (Riwayat Muslim, no 4039 no hadith, 11/9) .

8.11 MPSAS 5: KOS PINJAMAN

Skop MPSAS 5 adalah berkait dengan perakaunan bagi kos pinjaman dan telah ditetapkan bahawa kos pinjaman hendaklah diiktiraf sebagai belanja (*expenses*). MAIN sebagai institusi kerajaan dibenarkan membuat pinjaman atau kemudahan kewangan dari mana-mana institusi kewangan yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak bertanggungjawab yang setara dengannya. Sebagai contoh Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Terengganu Seksyen 30 memberi kebenaran kepada Majlis (MAIDAM) untuk membuat pinjaman seperti berikut:

“Majlis boleh, dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, meminjam apa-apa jumlah wang yang mungkin diperlukannya untuk menunaikan mana-mana fungsinya di bawah Enakmen ini”

Walaupun berdasarkan semakan ke atas Penyata Kewangan 2016 dan perbincangan kumpulan fokus mendapati tiada MAIN yang melaporkan dengan uruti pinjaman dan seterusnya kos pinjaman. Kos pinjaman (pembiayaan) yang dilaporkan oleh MAIWP dan MUIP adalah berkaitan dengan kos pembiayaan yang ditanggung oleh anak syarikat keduanya. Sekiranya MAIN perlu membuat pinjaman (pembiayaan), ianya hendaklah menepati keperluan Syariah iaitu selari dengan kedudukan MAIN sebagai pentadbir hal ehwal agama Islam negeri sepertimana yang disebut oleh Rasulullah *“Rasulullah SAW telah bersabda bahawa setiap pinjaman (hutang) yang ada manfaat, ianya adalah riba”*⁵⁵. Sebarang urusan pembiayaan hendaklah dipastikan ianya tidak melibatkan riba kerana kerasnya larangan Islam terhadap riba seperti berikut:

*“Rasulullah SAW mengutuk penerima riba, pemberi riba, pencatat dan dua orang saksi dan Baginda bersabda: Mereka semuanya adalah sama dalam melakukan dosa”*⁵⁶

Sehubungan dengan itu MPSAS 5 adalah tidak bertepatan dengan keperluan Syariah dan MAIN. Adalah dicadangkan pembangunan PPI WZB berkaitan dengan kos pinjaman merujuk kepada konsep pembiayaan Islam yang tidak melibatkan sebarang unsur *riba* dan *gharar*.

⁵⁵ Al-'Asqalani, Bulugh al-Maram, hadith no.761, juz 1, m.s 227.

⁵⁶ Muhammad bin Ismail al-Amir al-Yamini al-Sina'i, Subul al-Salam, Juz.3, m.s 48.

8.11.1 Pengiktirafan dan Pengukuran

Pembiayaan dalam Islam yang dicadangkan boleh menggunakan kontrak pembiayaan pelaburan (i.e. *mudharabah*), jual beli (i.e. *murabahah*), perkongsian (i.e. *musharakah*), pajakan (i.e. *ijarah*) jual beli dengan bayaran tertunda (i.e. *tawaruq*) atau pembiayaan Islam yang sesuai. Islam juga membenarkan pinjaman iaitu *al qard* iaitu pinjaman yang tiada syarat keuntungan selaras dengan yang disebut oleh Rasulullah ‘*bahawa setiap pinjaman (hutang) yang ada manfaat, ianya adalah riba*’. Pengukuran dan pengiktirafan sebarang keuntungan/kos pembiayaan Islam hendaklah dibuat berdasarkan kepada jenis kontrak pembiayaan yang digunapakai, sama ada ianya akan melibatkan keuntungan atau perkongsian untung/rugi.

8.11.2 Pendedahan Dan Pelaporan

Sepertimana urusanniaga yang lain, pendedahan yang dicadangkan untuk sebarang keuntungan/kos pembiayaan Islam juga dibuat secara berhiarki iaitu maklumat dikategorikan kepada tiga: maklumat yang penting dibentangkan dalam muka penyata kewangan (*daruriyyat*), maklumat pelengkap dalam nota (*hajiyyat*) dan maklumat yang diingini dibentangkan dalam nota juga (*tahsiniyyat*). Sebagai contoh amaun pembiayaan dan keuntungan pembiayaan adalah dikategorikan sebagai pendedahan (*daruriyyat*) dimana sekiranya pendedahan ini tidak akan memberi gambaran yang benar dan adil keatas penyata kewangan MAIN. Secara kesimpulannya ‘Tindakan pihak yang berkuasa perlu mengambil kira kepentingan masyarakat umum’ (التصرف على الرعية منوط بالمصلحة).

8.12 MPSAS 11: KOS PEMBINAAN

Memandangkan MAIN tidak menjalankan pembinaan, MPSAS 11 mengenai Kontrak Pembinaan adalah tidak relevan bagi pembangunan piawaian perakaunan untuk WZB.

8.13 MPSAS 19: PERUNTUKAN, LIABILITI LUAR JANGKA & ASET LUAR JANGKA

Secara umumnya, perenggan-perenggan di dalam MPSAS 19 boleh diterimapakai untuk tujuan yang sama tetapi dalam konteks WZB di MAIN. Berdasarkan kepada semakan keatas Penyata Kewangan 2016 dan perbincangan kumpulan fokus, hanya terdapat 2 urusanniaga luarjangka di laporkan. Di MAIK terdapat tindakan mahkamah sedang berlangsung bagi tujuan tuntutan tunggakan kes hutang penyewaan tertunggak melibatkan jumlah yang tinggi iaitu RM18 juta. Di MUIP, sedang berlangsung tindakan undang-undang terhadap Far East

Holdings Berhad dan Kampong Aur Palm Oil Company Berhad atas pelanggaran perjanjian bertarikh 19 Januari 1992.

Urusniaga peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka ini perlu ditelusuri bersama konsep *gharar* dalam urusniaga. *Gharar* dari segi bahasa bermaksud risiko atau mendedahkan sesuatu kecelakaan yang tidak dapat dijangka. Dari sudut pandangan fiqah, *gharar* telah diberikan beberapa pengertian yang secara umumnya boleh dipecahkan kepada tiga seperti berikut:

- i. *Gharar* terhad kepada ketidakpastian tentang kewujudan sesuatu barang jualan (*al-mabi'*). Di antara takrif-takrif yang termasuk dalam *al mabi'* ialah:
 - a. syak tentang kewujudan barang yang dijual,
 - b. keraguan tentang wujud atau tidaknya barang yang dijual (*al-mabi'*) tanpa *tarjih* (penjelasan)
- ii. *Gharar* terhad kepada sesuatu yang tidak diketahui (*majhul*) Di antara takrif yang termasuk dalam keterangan di atas ialah takrif yang dinyatakan oleh Ibn Hazm iaitu kejahilan pembeli tentang apa yang dibeli atau kejahilan penjual tentang apa yang dijual.
- iii. *Gharar* meliputi ketidakpastian tentang kewujudan sesuatu perkara dan perkara yang tidak diketahui (*majhul*). Di antara pengertian yang termasuk dalam kategori di atas ialah: Sesuatu yang terlindung akibat / natijahnya atau sesuatu yang terlindung dari pengetahuan seseorang

Secara amnya peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka adalah relevan dengan jenis *gharar* yang ketiga di atas *majhul* iaitu ketidakpastian tentang kewujudan sesuatu perkara dan perkara yang tidak diketahui.

8.13.1 Pengiktirafan dan Pengukuran

Tiada peruntukan liabiliti luar jangka atau aset luar jangka di buat oleh MAIN yang melaporkan terdapatnya urusniaga luarjangka memandangkan amaun yang berkaitan tidak dapat dianggarkan dengan pasti. Adalah dicadangkan peruntukan dibuat sekiranya amaun liabiliti atau aset luar jangka dapat dianggarkan dengan pasti. Sebagai contoh, penentuan obligasi yang dibuat oleh pihak mahkamah atas sesuatu kes terdahulu haruslah dianggarkan dengan menggunakan kadar terbaik (*best estimate*) dan juga menggunakan khidmat pakar jika perlu. Membuat peruntukan seperti yang dicadangkan disini akan memberi satu gambaran yang wajar dan saksama kedudukan kewangan MAIN.

8.13.2 Pendedahan dan Pelaporan

Dari segi pendedahan pula, maklumat terperinci haruslah dibuat di nota Penyata Kewangan. Pendedahan sedemikian dibuat walaupun tiada peruntukan dibuat untuk sebarang obligasi luarjangka panjang. Pendedahan berhiarki (yang telah pun dibincangkan sebelum ini) turut dicadangkan bagi pendedahan peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka MAIN. Maklumat penting (*daruriyyat*) dibentangkan pada muka Penyata Kewangan, maklumat pelengkap (*hajiyyat*) dan maklumat yang diingini (*tahsiniyyat*) di masukkan dalam nota. Sebagai contoh, tempoh kes yang melibatkan liabiliti luar jangka atau aset luar jangka, pihak yang terlibat dan impak kes berkenaan sekiranya boleh dikenalpasti. Walauapapun ‘Tindakan pihak yang berkuasa perlu mengambil kira kepentingan masyarakat umum’ (التصرف على الرعية (منوط بالمصلحة)).

8.14 MPSAS 25: MANFAAT PEKERJA

8.14.1 Pengiktirafan dan Pengukuran

Manfaat pekerja terdiri dari gaji, caruman wajib (saperti KWSP/KWAP), gantian cuti rehat, ganjaran penamatan kontrak, pelan persaraan (e.g. gratuity) dan manfaat bukan tunai. Bagi manfaat pekerja, dua Hadis Rasulullah SAW berkenaan dengan perkara ini adalah sangat penting:

‘Berikanlah upah buruh itu selagi belum kering keringat nya’ (Riwayat Ibnu Majah dan Baihaqi):

‘Berilah makanan dan pakaian kepada pekerja-pekerja dan hamba-hamba kamu mengikut kebiasaan dan bebaskanlah mereka kerja yang setimpal dengan kemampuan mereka’(riwayat oleh Bukhari).

Dari dasar yang telah diterangkan diatas, kami syorkan manfaat jangkamasa panjang (iaitu lebih dari 12 bulan) saperti ganjaran perkhidmatan kontrak dan Gantian Cuti Rehat dibuat pengiktirafan oleh semua MAIN sebagai tanggungan memandangkan obligasi ini boleh dianggarkan secara pasti berdasarkan dari rujukan dokumen-dokumen pekerjaan yang berkaitan.

8.14.2 Pendedahan dan Pelaporan

Pendedahan berhairaki (yang telah pun dibincangkan sebelum ini) haruslah diamalkan oleh MAIN bagi manfaat kerja. Maklumat seharusnya diklasifikasikan sebagai *daruriyyat* (maklumat yang penting dibentangkan dalam muka penyata kewangan), *hajiyyat* (maklumat pelengkap dalam nota) dan *tahsiniyyat* (maklumat yang diingini dibentangkan dalam nota). Sebagai contoh, jumlah setiap kategori manfaat pekerja di bentangkan dalam muka Penyata

Kewangan dan perincian manfaat pekerja untuk setiap kategori dibentangkan dalam Nota Akaun.

8.15 MPSAS 27 & 28: INSTRUMEN KEWANGAN

8.15.1 Pengiktirafan dan Pengukuran

Instrumen Kewangan terdiri dari Pelaburan di dalam saham, bon/sukuk, penghutang dan pemiutang. Pelaburan dari dana wakaf hendaklah mengekalkan modal wakaf dan pada masa yang sama menjana manfaat yang berterusan. Pengiktirafan aset kewangan di satu pihak (KW berkaitan) akan menyebabkan pengiktirafan liabiliti kewangan/ekuiti di satu pihak yang satu lagi di dalam transaksi yang sama. Sekiranya tidak memenuhi kriteria di atas, transaksi tersebut tidak dikategorikan sebagai aset kewangan atau liabiliti kewangan. Contoh: wang *Istibdal*.

BAB SEMBILAN

RUMUSAN, LIMITASI DAN HALATUJU PENYELIDIKAN

9.0 PENGENALAN

Kajian dan laporan ditangan anda sekarang membincangkan perakaunan dan pelaporan bagi 10 MPSAS seperti berikut:

- i. MPSAS 4 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing
- ii. MPSAS 5 – Kos Pinjaman
- iii. MPSAS 9 – Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran
- iv. MPSAS 11 – Kontrak Pembinaan
- v. MPSAS 19 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- vi. MPSAS 23 – Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
- vii. MPSAS 25 – Manfaat Pekerja
- viii. MPSAS 28 – Instrumen Kewangan: Persembahan
- ix. MPSAS 29 – Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- x. MPSAS 30 – Instrumen Kewangan: Pendedahan

Walaupun MPSAS di atas menjadi asas bagi ruang lingkup kajian, isu-isu yang dibincangkan dan dilitupi mungkin sedikit berbeza daripada yang dinyatakan. Perbincangan bagi sesetengah isu melangkaui apa yang tertera di atas, manakala perbincangan yang lain mungkin tidak terpakai dalam konteks MAIN. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan rumusan/cerapan, batasan dan sumbangan termasuk arah tuju penyelidikan masa depan. Untuk perhatian, ketiga-tiga subseksyen ini adalah sangat saling berkait. Oleh itu digalakkan untuk diambil dan dibaca secara keseluruhan dan bukannya secara individu bagi mengelakkan silap penafsiran dan kesimpulan.

9.1 RUMUSAN

Terdapat beberapa kesimpulan dan cerapan yang boleh diperolehi daripada kajian ini. Sebahagian daripadanya agak mudah sementara sebahagian yang lain mungkin memerlukan kita

berfikir secara lebih kritikal. Untuk ini, kami kini membincangkan rumusan dan cerapan tersebut.⁵⁷

Pertama, berdasarkan dapatan kajian tentang amalan perakaunan di Institusi WZB, secara keseluruhannya disimpulkan bahawa, institusi tersebut pada dasarnya telah mengamalkan asas perakaunan Islam iaitu tauhid kepada Allah SWT dan menjaga hubungan sesama manusia. Walaubagaimanapun, untuk meningkatkan penzahiran akauntabiliti Institusi WZB melalui pelaporan boleh dirumuskan agak terhad.

Kedua, berkaitan sejauh mana penggunaan MPSAS sebagai asas boleh digunapakai. Umumnya ini dipuji dalam erti kata ia menyediakan tapak permulaan bagi menangani persoalan yang sepatutnya kita lakukan – apakah bidang dan ruanglingkup kajian fenomena yang perlu diberi perhatian. Kebanyakan transaksi yang sedang dijalankan oleh MAIN boleh dianggap transaksi perakaunan biasa - kewujudan penghutang, pemiutang, perbelanjaan pentadbiran, pendapatan sewa dan deposit bank dan urusniaga biasa yang lain. Walau bagaimanapun, perkara ini mungkin menjadi agak luar biasa apabila ia digunakan dalam konteks zakat, wakaf dan baitulmal. Dalam erti kata lain, apakah transaksi biasa ini apabila ia digunapakai dalam isu berkaitan WZB akan mengakibatkan layanan perakaunan yang berbeza? Oleh itu bagi kami, penumpuan yang lebih dalam usaha membangunkan piawaian ini perlu dijangka kepada 3 transaksi ini. Manakal itu, MPSAS sedia ada boleh diguna pakai dengan perubahan minimum (penjelasan selepas ini).

Ketiga, jika dibenarkan untuk menoleh kebelakang (walaupun ianya dilakukan hanya setelah selesai 3 fasa, *better late than never*), pendekatan yang dilakukan sekarang mungkin dapat dijangka semula (*realignment*) bagi memberi tumpuan kepada kegiatan utama MAIN; iaitu transaksi terkait zakat, wakaf dan baitulmal. Semua MPSAS yang dikaji sememangnya mempunyai kaitan dengan 3 jenis transaksi di atas - ada MPSAS yang lebih terkait berbanding yang lain. Pokoknya, tumpuan adalah pada ketiga-tiga mereka. Sebagai contoh, tidak semua isu dalam instrumen kewangan berkaitan dengan 3 jenis kekayaan di atas. Dalam erti kata lain, kita cuma perlu membangunkan piawaian berkaitan zakat, wakaf dan baitulmal sahaja. Isu-isu lain (sepertimana

⁵⁷ Kajian ini sedar bahawa rumusan biasanya terhad kepada memberi kesimpulan. Namun disini kami memasukkan juga cadangan dan terkadang terbabs membicarakan limitasi. Kami maklum perkara ini. Namun, kami masih lagi menulis perkara tersebut dibawah tajuk rumusan kerana bagi kami rumusan adalah perkara pokok yang selalu diamati. Kami mengangap (dan anggapan kami boleh sahaja silap, dan tidak mengapa) limitasi dan halatuju mungkin akan dipinggirkan apabila kajian laporan dibentangkan.

yang tertulis di dalam MPSAS) yang berkaitan dengan tiga perkara di atas dibincangkan dalam piawaian salah satu dari 3 perkara tersebut. Sebagai contoh, mungkin terdapat isu mengenai peruntukan, liabiliti dan aset luar jangka (MPSAS 19) dalam perkara zakat. Oleh itu, ia dibincangkan dalam piawaian zakat.

Keempat, MPSAS yang sedia ada dilihat mencukupi untuk urus niaga lain (selain daripada zakat, wakaf dan baitulmal), terutamanya untuk urus niaga baitulmal. Ianya boleh diterimapakai melainkan terdapat isu Syariah seperti penggunaan nilai kini bersih (net present value) dalam mendiskaun nilai saksama instrumen kewangan tertentu (MPSAS 29). Oleh itu, kajian semula sebahagian besar MPSAS mungkin memerlukan *Syariah-tweaking* dan bukannya piawaian baru. Jika instrumen kewangan tersebut berkaitan dengan wakaf, maka ia boleh dibincangkan dalam piawaian untuk wakaf.

Kelima, sementara cerapan ketiga di atas memaklumkan tentang kecukupan MPSAS, terdapat juga keadaan dimana MPSAS dilihat terlebih dari mencukupi - hingga boleh dikira terlampau. Dalam konteks MAIN terutamanya transaksi zakat & wakaf, perkara yang dibincangkan dalam MPSAS melampaui apa yang sedang diamalkan di MAIN. Walaupun kami tidak menafikan bahawa ada meritnya bagi mereka yang berhujah tentang keperluan tersebut pada masa hadapan, namun pada pendapat kami langkah yang lebih pragmatik adalah untuk memastikan penerimaan dan penerimaan oleh para pengamal. Ke arah itu, mengiktiraf keperluan semasa mereka tanpa perlu "menakutkan" mereka mengenai kemungkinan kerumitan transaksi masa depan adalah alternatif pilihan kami. Penglibatan kami dengan akauntan setakat ini menjurus kearah pa yang kami cadangkan ini. Dalam erti kata lain, titik perbincangan dan persoalan yang timbul semasa penglibatan tersebut menjadi lebih menarik (dan terkadang panas dibahaskan) apabila isu-isu yang berkaitan dengan zakat dan/atau wakaf diutarakan. Sekiranya isu-isu seperti faedah pekerja (MPSAS 25) diutarakan, perbincangan menjadi agak mendatar.

Keenam, rangka kerja konseptual berkenaan dengan amalan perakaunan. Sekiranya kita merujuk kepada MPSAS atau kembarnya - MFRS, kita melihat bahawa penumpuan diberikan kepada amalan perakaunan dan pelaporan, dan bukannya kepada pengamal. Hujah ini tidak boleh disalah anggap sebagai tidak menyokong apa-apa inisiatif dalam membangunkan peribadi akauntan/pengamal yang beretika dan Islami. Perkara ini bagaimanapun biasanya dibincangkan

sebagai dokumen berasingan seperti kod etika (*code of ethics*) atau di Malaysia sebagai Undang-Undang Kecil (*by-laws*). Walaupun ini boleh dikira sebagai satu lagi ruang untuk kajian dijalankan, memasukkan perbincangan mengenai tasawuf dalam rangka kerja perakaunan konseptual dikira kurang sesuai untuk dimasukkan di dalam tajuk kajian sekarang.

Ketujuh, berhubung dengan hujahan kami, yakni memberi penumpuan khusus kepada transaksi berkaitan zakat dan wakaf, penulisan dan isu yang dibangkitkan di dalam kajian ini juga mencerminkan penumpuan tersebut. Isu-isu khusus mengenai wakaf; baik dari perspektif fiqah dan perakaunan diberi kutamaan. Penglibatan kami di dalam proses penulisan deraf piawaian menyimpulkan bahawa perbincangan tentang zakat menerima daya tarikan yang baik. Kami sangat gembira dengan usaha tersebut yang diketua oleh JANM dan jawatankuasa penggubalan. Ini dapat dilihat apabila penyata dan piawaian yang berasingan untuk zakat sedang disusahakan. Oleh itu, disini kaada memberi tumpuan kepada wakaf pula.

9.2 LIMITASI

Terdapat beberapa limitasi kajian yang perlu diambilmaklum dalam meneliti dapatan kajian ini. 6 yang pertama adalah limitasi umum dan biasa diutarakan, manakala 2 limitasi terakhir cuba menjentik kotak fikiran kita.

Pertama, kajian Zon ini hanya dijalankan ke atas empat Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan entiti bersekutu seperti Pusat Pungutan Zakat dan Pusat Kutipan Zakat. Selain daripada MAIN, pemegang taruh seperti Yayasan Wakaf Malaysia dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi pentadbiran dan perkembangan wakaf di Malaysia tidak diambil kira.

Kedua, kajian ini hanya menggunakan secara umumnya MPSAS sebagai rujukan amalan semasa perakaunan dan pelaporan di MAIN. Kajian tidak membuat rujukan secara khusus kepada piawaian, garis panduan atau amalan terbaik perakaunan dan pelaporan badan amal. Ini termasuklah '*Standard of Recommended Practices 2015 (England dan Wales)*', '*Charities Accounting Standard (Singapore)*', '*Accounting Standards Codification (USA)*' dan '*Accounting Standard for Not-for-Profit Organisations in Canada*'. Penanda aras keatas piawaian dan

peraturan tersebut mungkin akan memberi cadangan yang lebih komprehensif berkaitan item-item yang perlu disenaraikan dalam penyata kewangan.

Ketiga, kajian hanya tertumpu ke atas item-item yang perlu dipersembahkan di dalam penyata kewangan MAIN sahaja manakala jurang yang dikenalpasti adalah berdasarkan kepada Penyata Kewangan Tahunan 2016 sahaja. Justeru, ia berkemungkinan tidak mengambilkira transaksi yang hanya berlaku sesekali sahaja seperti perubahan polisi perakaunan.

Keempat, enakmen kerajaan negeri yang disemak hanya terhad kepada sampel empat negeri sahaja iaitu Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ini adalah kerana kajian ini dijalankan mengikut zon yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Akauntan Negara. Untuk mendapatkan yang neyeluruh, rujukan hendaklah dibuat keatas enakmen ke semua negeri.

Kelima, lebih ramai pakar perakaunan Islam dari dalam dan luar negara perlu dilibatkan bagi memastikan setiap temubual menghasilkan '*saturated finding*'.

Keenam, kesukaran yang dihadapi bagi menumpukan kepada bidang kajian yang dirasakan "lebih" mempunyai keutamaan, yakni zakat, wakaf dan baitulmal. Ini tidak semestinya disebabkan oleh kekangan masa atau/dan pendekatan pkajian. Beberapa isu terutamanya isu Syariah masih belum diselesaikan atau/dan belum diselesaikan dengan memuaskan dan belum difahami secara menyeluruh. Berkemungkinan ianya tidak dibincangkan secara memuaskan di dalam bidang kajian mereka, i.e bidang Syariah/fiqah. Oleh itu, agak sukar untuk membincangkan perspektif perakaunan berkaitan isu tersebut apabila intipati utama perbincangan, yakni fiqah masih belum dibincangkan. Ia memerlukan perbincangan yang lebih mendalam terutama dalam konteks Malaysia yang mana kajian ini tidak mempunyai keupayaan untuk dilaksanakan.

Ketujuh, kesukaran dalam menyediakan cadangan dalam bentuk MPSAS-*ready*. Kita telah melakukan sedaya upaya dan telah berusaha bersungguh-sungguh. Tahap usaha yang tinggi ini digembleng dalam melaksanakan sesuatu yang sukar atau kadang-kadang mustahil untuk dilaksanakan; atau di dalam pepatah Bahasa Inggeris "*fitting a square peg into a round hole*". Kita memahami bahawa hasil akhir kajian ini adalah untuk membangunkan satu piawaian – yang mana ini memudahkan proses penderafan kelak. Namun, usaha untuk menyediakan cadangan

dalam bentuk "MPSAS sebagai *template*" agak sukar. Usaha itu jika dilakukan tanpa berhati-hati, ianya akan menyerupai proses mengisi borang kaji selidik hanya untuk menyiapkan sahaja, yakni melepaskan batuk di tangga (dan kami merasakan bukan kami berseorangan berpendapat sebegini). Kebanyakan item yang dibincangkan di dalam MPSAS adalah terlalu terkehadapan (tidak sesuai dengan MAIN) ataupun tidak ada digunapakai.

9.3 HALATUJU PENYELIDIKAN

Halatuju kajian haruslah menangani limitasi kajian yang telah dibentangkan seperti berikut:

Pertama, jika kami boleh mencadangkan, fasa seterusnya (jika ada) harus difokuskan pada pengukuhan isu berkaitan zakat dan wakaf. Memang benar, isu-isu ini sememangnya dibincangkan di dalam ketiga-tiga fasa yang terdahulu. Walau bagaimanapun, ia tidak boleh dibincangkan secara terperinci kerana tumpuan agak berbelah bahagi kerana terpaksa memberi tumpuan kepada MPSAS lain (yang juga perlu ditangani) – seperti yang dibincangkan didalam bahagian rumusan sebelum ini.

Kedua, keperluan bagi mengukuhkan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan patuh Syariah bagi Institusi WZB, mengambil kira skop piawaian perakaunan bagi pengukuran dan pengiktirafan (*measurement and recognition*) tanggungan dan hasil perlulah dilaksanakan. Walaupun kedua-dua proses ini adalah sesuatu yang tidak '*explicit*' dan didedahkan di dalam penyata kewangan, penumpuan ke atasnya adalah penting kerana pendedahan yang dicadangkan tidak mungkin menjadi kenyataan jika proses awal pengiktirafan dan pengukuran tidak ditangani dengan sewajarnya.

Ketiga, terdapat kecenderungan bahawa penemuan itu lebih menumpukan kepada satu kumpulan berkepentingan sahaja, iaitu MAIN dan entiti yang berkaitan seperti pusat zakat dan wakaf. Walaupun mereka adalah entiti penting dalam hal ini, adalah penting juga pihak lain yang berkaitan turut dilibatkan dalam perkara ini kerana pihak tersebut mungkin juga mempunyai input berguna untuk pembangunan piawaian perakaunan patuh Syariah (contoh Yayasan Wakaf Malaysia dan beberapa kumpulan penyelidikan daripada universiti awam lain yang turut menjalankan kajian berkaitan WZB). Oleh itu, kajian masa depan mungkin boleh melibatkan pihak-pihak ini.

Keempat, penandaarasan kajian seterusnya juga dicadangkan dikembangkan dengan membuat rujukan keatas beberapa piawaian atau garis panduan antarabangsa untuk entiti yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan Institusi WZB. Walaupun piawaian perakaunan sektor awam (contoh MPSAS) adalah relevan untuk MAIN dalam konteks WZB, terdapat keperluan untuk mendapatkan pandangan tambahan daripada perakaunan sektor bukan keuntungan ‘*Standard of Recommended Practices 2015 (England dan Wales), Charities Accounting Standard (Singapore), Accounting Standards Codification (USA)*’ dan ‘*Accounting Standard for Not-for-Profit Organisations in Canada*’.

Bertepatan dengan surah Ad Dzaariyaat ayat 56 yang bermaksud “*Dan tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia kecuali untuk beribadah kepada Ku*”. Intipati ayat ini menerangkan tentang prinsip tauhid sebagai dasar agama Islam. Prinsip inilah yang menjadi tunjang kepada cadangan perakaunan Islam iaitu selain daripada konsep akauntabiliti kepada manusia, konsep akauntabiliti kepada Allah yang menjadi tunjang utama dalam sistem perakaunan Islam. Pendekatan ini berbeza daripada prinsip perakaunan konvensional yang tertumpu kepada manusia sahaja dan bermatlamatkan keuntungan duniawi semata-mata.

9.5 ISU BERBANGKIT

9.5.1 Zakat

Bagi zakat, isu utama adalah dalam mengakaunkan agihan; sama ada agihan konsumtif atau produktif. Bagi agihan produktif pula, ianya boleh di bahagikan kepada agihan produktif langsung dan agihan produktif *pseudo*. Bagi agihan konsumtif, ianya boleh dikira sebagai item belanja didalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan (*expense-off*). Manakala, bagi agihan produktif *pseudo*, ianya dilihat sesuai untuk dipermodalkan dibawah KW wakaf didalam Penyata Kedudukan Kewangan (*capitalised*). Bagi agihan produktif langsung, bergantung kepada ambang yang ditetapkan, ianya mungkin boleh dilayan sepertimana *musharakah mutanaqisah* – pelepasan pemilikan kepada asnaf secara beransur.

Bagi agihan kontrak *wa’ad* (janji), kemungkinan wujudnya keperluan membuat peruntukan perlu difikirkan. Ini bergantung kepada sama ada MAIN mengadakan *wa’ad* sehala atau dua hala. Oleh itu perlu dilihat kertas perjanjian agihan zakat tersebut. Jika terdapat perkataan yang boleh

ditafsirkan sebagai *wa'ad* dua hala, maka adalah perlu peruntukan (*provision*) dibuat ketikamana *wa'ad* dijalankan.

9.5.2 Wakaf

Bagi isu wakaf pula, adalah penting agar wakaf di anggap sebagai item ekuiti dalam memenuhi ciri berkekalan/berkesinambungan wakaf. Bagi wakaf tunai yang mana tujuannya telah dikhaskan untuk pembinaan struktur sejak awal lagi, maka ianya boleh dilayan sebagai item liabiliti (ketika pengumpulan dana). Bagi menangani isu susut nilai harta wakaf, sebahagian ulama' membenarkan susut nilai kerana peruntukan susut nilai itu bersesuaian dengan konsep kesinambungan. Konsep susut nilai dibuat mengambilkira penyusutan nilai disebabkan penggunaan kehauslusuhan. Ia juga dibuat bertujuan agar peruntukan yang disediakan (yakni, tolakan dari hasil) dapat digunakan untuk menanggung modal (*concept of capital maintenance*). Oleh itu peruntukan tersebut disimpan/ditolak bagi tujuan membeli baru (mengganti aset lama). Ini bertepatan dengan konsep berkekalan/berterusan dalam wakaf.

Berkaitan dengan susut nilai, Penyata Pendapatan/Perbelanjaan bagi dana wakaf perlu memberi keutamaan kepada pengekalan aset. Oleh itu, kos yang berkaitan dengan penyelenggaraan dan pemulihan aset wakaf perlu diambilkira terlebih dahulu berbanding dengan kos-kos lain (seperti pembayaran gaji) dan juga agihan kepada benefisiari. Jika diikutkan hierarki, ilmuwan fiqah membenarkan supaya pemberian manfaat kepada penerima wakaf ditangguhkan demi untuk memastikan aset wakaf sentiasa kekal dalam keadaan terbaik. Oleh itu pelaporan di Penyata Pendapatan perlu mendedahkan item ini terlebih dahulu. Hanya jika ada lebihan dari kos penyelenggaraan dan pemulihan, barulah agihan kepada penerima wakaf dibenarkan.

9.5.3 Baitulmal

Hasil baitulmal merupakan hasil yang diterima oleh MAIN disebabkan oleh faraid, pemberian dari Pihak Berkuasa Negeri atau perolehan oleh MAIN sendiri. Tiada dapatan yang spesifik mengenai hasil baitulmal. Namun ianya boleh berkait dengan hasil zakat apabila melibatkan pindahan antara kumpulan wang (*interfund transfer*). Jika MAIN kurang selesa menggunakan hasil zakat dalam agihan produktif (sama ada langsung atau *pseudo*), MAIN boleh mengagihkan bantuan dibawah KW Baitulmal (dan bukannya KW Zakat). Jika ini berlaku, agihan tersebut

bukan lagi dikira agihan zakat, cuma bantuan baitulmal. Implikasinya, KW Baitulmal dikira berhutang dengan KW Zakat kerana hakikinya duit tersebut datang dari dana zakat. Ianya hanya dipinjamkan kepada dana baitulmal bagi tujuan agihan produktif. Namun pada asasnya, kami mengesyorkan agar MAIN menggunakan dana zakat secara langsung (berbanding membuat pinjaman kepada dana baitulmal dan kemudiannya mengagihkan kepada asnaf).

RUJUKAN

- Abdul Ghani, A., Shafie, R., Md. Salleh, M.S., Elham, F., Abdul Kadir, M.H., Ismail, M.S., Abdul Hamid, F.Z., Abdul Naiimi, N., & Othman, Z. 2017. Isu-isu dalam pengurusan dan pelaporan wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*. Vol 7, 41-50.
- Abū Ghuddah, A. a.-S. r. and Shiḥātah, H. u. (1999), *Al-ahkam al-fiqhiyyah wa al-asasi al-muhasibiyyah li al-wakaf*.
- Abu Ubayd al-Qasim, b. S. (1989), *Kitab al- Amwal*, Dar al-Shuruq, Beirut.
- Abu Ubayd al-Qasim, b. S. (2005), *The book of revenue : Kitab Al-Amwal*, Garnet Publishing, Reading.
- Abu Zahrah (1971), *Muhadarat Fi al-Waqf*, Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi, hh. 161-162.
- Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (2010). *Al-Ma‘ayir al-Shari‘ah*. Bahrain: Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions.
- Aghnides, N. P. (1916), "Mohammedan Theories of Finance", Columbia, New York.
- Ahmad, A. A. et al. (2012). "Bilateral Promise: Comparison from the Common Law and Islamic Law Perspective." *Malayan Law Journal Articles*, vol. 2.
- Ahmad, A. A., & Ab Halim, M. A. (2014). The concept of hedging in Islamic financial transactions. *Asian Social Science*, 10(8), 42.
- Akram K. M. (1994a), "Accounting Issues and Concepts for Islamic Banking" in *Development of an accounting system for Islamic Banking*, The Institute of Islamic Banking and Insurance, London.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)
- Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan), (1980), Undang-Undang Malaysia (Akta 240)
- Al-Bukhari, M. b. I. (1997), *Translation of the Meanings of Sahih Al-Bukhari : Vol 2 Arabic-English*, Darussalam, Riyadh.
- Al-Mawardi, A. i. M. (2005), *al-Ahkam as-sultaniyyah: The laws of Islamic governance*, Ta-Ha Publishers, London.
- Al-Mawardi, Abu Hasan Ali, (1995), *Al-Ahkam al-Shulthaniyahwa Wilayat ad-Diniyah*, Beirut: Dar al-Fikr, 1995.

- Al-Mawardi, Abu Hasan Ali, (1978), *al-Hawi al-Kabir*, Beirut: Dar al-Fikr, 1978.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq. (2004), *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Daral-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Syawkani, Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad (1994) *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilm al-Usul*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ali Haidar (t.t), *Durar al-Hukkam Sharh Majallah al-Ahkam*, j. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 79
- Alpay, S., & Haneef, M. A. (2015). *Integration of Waqf and Islamic Microfinance for Poverty Alleviation: Case Studies of Malaysia, Indonesia and Bangladesh*, SESRIC, IIUM, Gombak, Malaysia.
- Anwar, Muhammad (1995). "Financing Socis-Economic Development with Zakat Funds." *Journal of Islamic Economics*, 4:1 & 2, 15-32
- Bank Negara Malaysia (2010). *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, ed. 2. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Barata, K., Cain, P., Thurston, A., 1999, "From Accounting to Accountability: Managing Accounting Records as a Strategic Resource", *International Records Management Trust*, August.
- Baydoun, N. and Willet, R., (2000), "Islamic Corporate Reports", *ABACUS*, Vol. 36 No.1, pp. 71-90
- Bremer, J. (2004), "Islamic Philanthropy: Reviving Traditional Forms for Building Social Justice ", in *CSID 5th Annual Conference*, Center for the Study of Islam and Democracy, Washington DC, pp. 26.
- Buang, A. H. (2000). *Studies in the Islamic law of contracts: the prohibition of gharar*. International Law Book Services.
- Connolly, C. and Hyndman, N. (2013). Towards charity accountability. *Public Management Review*, 15 (7), 945-968.
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1994)
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (2001)
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang (1991)
- Enakmen Wakaf Negeri Selangor (1999), Seksyen 2

http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011//State_Enact_Ori.nsf/f831ccd1d195843f48256fc600141e84/c41879c4de3d3f514825705b0027d0b9?OpenDocument

Fatwa of the Shari'a Committee of Bayt al-Zakat of Kuwait, concluded in its 30th Meeting 1986. Bayt al-Zaka, Abhath wa A'mal al-Nadwa al-Thalitha li Qadaya al-Zakat al-Muasira

Gray, R., *et al.* 1987, Corporate Social Reporting: Accounting and Accountability, Prentice-Hall, London.

Hamidullah, M. (1997), "Islam's Solution of the Basic Economic Problems", in Taher, M. (Ed.), *Studies in Islamic Economics*. Anmol Publications Pvt Ltd, New Delhi.

Haniffa, R.M. and Hudaib, M. (2004), "Disclosure practices of Islamic financial institutions: an exploratory study", Working Paper No. 04/32, Bradford School of Management, University of Bradford, Bradford, September

Harahap, Sofyan Safri, (2001) *Menuju Perumusan Teori Akuntansi Zakat*, Jakarta: Pustaka Quantum.

Hasan, A. (2008). Pengertian al-Wa'ad, al-Wa'ad dan al-Muwa'adah,'. Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), Kuala Lumpur, 27-28.

Hasan, A., & Shahid, M.A. 2010. *Management and Development of the Awqaf Assets*. Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi.

Hennigan, P. C. (2004). *The Birth of a Legal Institution: The Formation of the Waqf in Third-century AH Hanafi Legal Discourse* (Vol. 18). Brill.

Humayon Dar (2010). "Analysis: Promises in Islamic Banking." *NewHorizon: Global Perspective on Islamic Banking & Insurance* (174), January/March.

Ibrahim Mustafa et al (1985), *Mu'jam al- Wasit*, j. 2, Istanbul: Maktabah Islamiyyah

Ihsan, H., & Mohd Ibrahim, S. H. 2007. *Waqf accounting and possible use of SORP 2005 to develop waqf accounting standard*. Paper presented at first Singapore International Waqf Conference: Integration of Awqaf (Islamic Endowment) in the Islamic Financial Sector. 6-7 March. Singapore.

Irwani Abdullah, N. (2010). Status and implications of promise (wa'd) in contemporary Islamic banking. *Humanomics*, 26(2), 84-98.

Ishaque, M.K., (1978). *Islamic Law: Its Ideals and Principles*. The Challenge of Islam, Islamic JAWHAR, 2009. Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf.

- Ismail, M.Y. (2008). Pelaburan ke atas syarikat Swisscash Mutual fund. *Jurnal Muamalat*, Bil 1/2008, pp. 9-26
- Jaelani, A. (2016), *Zakat Accounting: Metaphor and accounting treatment for business organization*. Published in: 4th International Conference on Islamic Economics and Business (ICONIES) 2016, Vol. 2, No. Building The Society Awareness And Culture In Strengthening Islamic Economics and Business (24 October 2016): pp. 154-171.
- Jami 'al-Saheeh al-Bukhari, Kitab Zakat, Hadis no 1501 retrieved from <https://sunnah.com/bukhari/24/102>
- Kahf, M. (2007), "The role of wakaf in improving the ummah welfare", in *Singapore International Wakaf Conference 2007 on 6-7 March 2007*, The Fullerton Hotel Singapore.
- Keasey, K. and Wright, M. (1993). Issues in Corporate Accountability and Governance: An Editorial. *Accounting and Business Research*, 23 (91A), 291-303.
- Khan, Muhammad Akram, (1994). *Accounting Issues and Concepts for Islamic Banks*, London: The Institute of Islamic Banking and Insurance.
- Khalid Budi (1996), *Nadwah al-Aḥkām al-Fiqhiyyah wa al-Usus al-Muḥāsabiyyah li al-Wakaf* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah).
- Kuzel, A. J. (1992). *Sampling in qualitative inquiry*. In B. F. Crabtree & W. L. Miller (Eds.), *Doing qualitative research* (pp. 31-44). Newbury Park, CA: Sage.
- LeCompte, M. D., & Preissle, J. (1993). *Ethnography and qualitative design in educational research* (2nd ed.). New York: Academic Press.
- Lewis, M. (2006). *Accountability and Islam. 4th International Conference on Accounting and Finance in Transition (ICAFT 2006)*, 1-16.
- Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah: The Mejelle (2007). terj. C. R. Tyser, D. G. Demetriades dan Ismail Haqqi Effendi. Kuala Lumpur: The Other Press Sdn. Bhd. Malaysia Financial Reporting Standard
- Majallat Majma' al-Fiqh al-Islami (1998). vol. 2, no. 5. Jeddah: Majallat Majma' al-Fiqh al-Islami.
- Malaysia Public Sector Accounting Standard
- Mannan, M. A. (1986), "The economics of poverty in Islam with special reference to Muslims Countries", in Iqbal, M. (Ed.), *Distributive Justice and Need Fulfilment in an Islamic Economy*. The Islamic Foundation, Leicester.

- Manual Pengurusan Istibdal Wakaf (2010), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia
- Manual Pengurusan Tanah Wakaf (2006), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia
- Marjan Muhammad, Hakimah Yaacob & Shabana Hasan (2011). "The Bindingness and Enforceability of A Unilateral Promise (Wa'd): An Analysis from Islamic Law and Legal Perspectives." ISRA Research Paper No. 30.
- Mat Rani, M.A., & Abdul Aziz, A. 2010. Waqf management and administration in Malaysia: Its implementation from the perspective of Islamic law. *Malaysian Accounting Review*, 9 (2), 115-121.
- Md. Azim & Jesmin Ara. 2005. Accountability of Accounting Stakeholders. *Global Journal of Management and Business Research*, Vol.15 Issue 2 Version 1
- Miles, M., & Huberman, M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Mohammed, N. (1988). Principles of Islamic contract law. *Journal of Law and religion*, 6(1), 115-130.
- Mohd Fairuz, M.S., Norida, B., Azlina, A., Azizah, M.H., Muhamad Arzim, N & Hairunnizam, W. 2016. Cadangan pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 6, pp.23-44.
- Mohd Fairuz, M.S., Norida, B., Azlina, A., Azizah, M.H., Hairunnizam, W., & Ainol Basirah, A.B. 2017. Disclosure of Non-Financial Information in Discharging Accountability of Waqf Trustee. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 7, pp.15-27.
- Muhammad, A. (1995), "Financing socio-economic development with zakat funds", *Journal of Islamic Economics*, Vol. 4 No. 1&2, pp. 13.
- Mustaffha, N., & Zainal, M. F. 2016. *Waqf and accounting treatment: Pursuing the transparency and accountability – A case study*. Proceeding of the 3 rd International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016) (e-ISBN 978-967-13087-2-1). 1 December 2016, Shah Alam, Selangor, MALAYSIA.
- Murphy, D. (2015). *Diagnostic Tools for Design Policy Research*. 11th European Academy of Design Conference.
- Nahar, H. S., & Yaacob, H. (2011). *Accountability in the sacred context: The case of management, accounting and reporting of a Malaysian cash awqaf institution*. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(2), 87–113.

- Omar, H. H. & Ab Rahman, A. (2015). *Pembiayaan Pembangunan Harta Wakaf Menggunakan Sukuk*, Edition: 1, Publisher: UM Press: ISBN: 978-983-100-812-6
- Osman, A. Z, Mohamad, M. H. S., Ab Rashid, H.M., Sulaiman, M., Siraj, S. A., & Che Mohd Salleh, M. (2017). Perakaunan Baitulmal: Pengajaran Dari Tamadun Awal Islam. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, Vol.7, pp.29-40.
- Osman, A.Z. 2010. *Accountability of Waqf Management: Insight from Praxis of Nongovernmental Organisation (NGO)*. Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi.
- Osman, A. Z. (2012). *Accountability in managing waqf properties: the case of two State Religious Councils in Malaysia* (Doctoral dissertation, University of London).
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- Pramanik, A. H. (1997), *Development and distribution in Islam*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya.
- Qaradawi, Y. (2001), *Fiqh al-Zakah : a comprehensive study of Zakah regulations and philosophy in the light of the Quran and Sunna*, Islamic Book Trust, Kuala Lumpur.
- Razali, S. S. (2010). *Islamic law of contract*. Cengage Learning Asia.
- Rika, N.; Tuiloa, M.; Tuiseke, N.; and Finau-Tavite, S., 2008, “Accounting and accountability by provincial councils in Fiji: the case of Namosi”, *Australasian Accounting, Business and Finance Journal*, 2(1)
- Sait, S. and Lim, H. (2006), *Land, law and Islam : property and human rights in the Muslim world*, Zed Books, London.
- Saripudin, K. N., Mohamad, S., Razif, N. F. M., Rosli, S. J., & Ahmad, B. (2012). Application of promise in Sukuk Musharakah structure. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 12(2), 160-167.
- Shahul Hameed, M.I. 2000. *The Need for Islamic Accounting: Perception of Its Objectives and Characteristics by Malaysian Accountants and Academics*. PhD, University of Dundee.
- Shirbini, M. i. A. (2015), *The book of endowment (kitab al-wakaf) from Mughni al-muhtaj ila ma'rifat ma'ani al-faz al-minhaj*, IBFIM, Kuala Lumpur.

- Suharto, U. (2005), *Kitāb al-amwāl : Abū 'Ubayd's concept of public finance*, International Institute of Islamic Thought and Civilization, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sulaiman, M. (2003). The influence of riba and zakat on Islamic accounting. *Indonesian Management and Accounting Review*, 149-167.
- Syafei, A.W. Marzuki, M.M. and Yahya, Y. (2004), "Current valuation accounting method: An Islamic perspective", *ISEFID Review*, Vol. 3, No. 3, pp. 83-96.
- Tahir, H. M. (2007). *Institusi baitulmal dalam pembangunan negara*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tashakkori, A., & Teddlie, C. 2003. *Handbook of Mixed Methods in Social & Behavioral Research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (1948)
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (1948).
http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/muat_turun/Undang2%20Tubuh.pdf
- Undang-Undang Tubuh Terengganu (1911)
- Wan Ahmad, W. M. (2012), "Zakat investment in Malaysia : a study of contemporary policy and practice in relation to Shari'a", University of, Edinburgh.
- Wisham, I., Muneeza, A., & Hassan, R. (2011). Special legal features of the Islamic wa'd or pledge: Comparison with the conventional law on promise within the sphere of Islamic finance. *International Journal of Law and Management*, 53(3), 221-234.
- Yaacob et.al, P. S. (2012). Awqaf accounting and reporting for accountability: A case study of Awqaf S. 19th International Business Research Conference. Melbourne, Australia
- Zainal Abidin, Z, Mokhtar, R. & Sungit, (2016). Maqasid As-Syariah dalam indeks syariah Malaysia. Muzakarah Fiqah & International Fiqah Conference 2016
- Zaydān, Abdul Karīm (1993). *al-Mufassal fī Ahkām al-Mar'ah wa Bayt al-Muslim fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Jilid 1. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah